

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 56** **Khamis** **27 November 2014**

## KANDUNGAN

<b>USUL MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62</b>	(Halaman	1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	25)
<b>USUL WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT</b>	(Halaman	26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014	(Halaman	26)
Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014	(Halaman	95)
Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014	(Halaman	102)
Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014	(Halaman	126)
Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2014	(Halaman	135)
Rang Undang-undang Ahi Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014	(Halaman	138)

**USUL MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN  
KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG  
DI BAWAH P.M. 62**

(Halaman 148)

**USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:  
Akta Tatacara Kewangan 1957:**

Menukarkan Status Pinjaman Kerajaan Malaysia kepada  
Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) Berjumlah RM400  
Juta Kepada Ekuiti (Halaman 149)

Menubuh Kumpulan Wang Amanah Tabung  
Konservasi Sumber Asli Nasional” (Halaman 154)

Menubuh Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan (Halaman 157)

Menubuh Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik  
Cukai Barang dan Perkhidmatan (Halaman 158)

Menukar Status Pinjaman Kerajaan Malaysia kepada Prasarana  
Malaysia Berhad Berjumlah RM474,815,882 Kepada Ekuiti (Halaman 160)

**Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan:**

- (i) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, Amaun Perbekalan Bercukai 2014 PUA 183 (2014)
- (ii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, Kadar Cukai 2014 PUA 184/2014 bertarikh 30 Jun 2014
- (iii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan pengenaan cukai bagi perbekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan 2014 PU(A) 157/2014 bertarikh 30 Jun 2014
- (iv) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, pengenaan cukai bagi perbekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan pindaan 2014 PU(A) 160/2014 bertarikh 17 September 2014
- (v) Perintah Cukai dan Perkhidmatan, Pembekalan Dikecualikan 2014 PU(A) 271/2014 bertarikh 13 Oktober 2014
- (vi) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pembekalan Berkadar Sifar 2014 PU (A) 272/2014 bertarikh 13 Oktober 2014
- (vii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pelepasan 2014 PUA 273/2014 bertarikh 13 Oktober 2014

(Halaman 163)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**  
**Khamis, 27 November 2014**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik (D.R. 11/2014) Rang Undang-undang Tatacara Kewangan (Pindaan) 2014; (D.R. 13/2014) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2014; (D.R.12/2014) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2014; dan (D.R.14/2014) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2014 seperti yang tertera di nombor 10, 11, 12 dan 13 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, (D.R. 24/2014) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014; (D.R. 29/2014) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014; dan (D.R. 26/2014) Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014 seperti yang tertera di nombor 7, 8 dan 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah terima kasih.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar atau tidak mengenai keadaan mesin radioterapi di Hospital Umum Sarawak (HUS) sudah uzur dan telah mengeluarkan radiasi yang memberi kesan sampingan yang sangat dahsyat kepada para pesakit justeru mesin yang merbahaya tersebut harus diganti dengan segera.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk William, Lubok Antu. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan sedia maklum bahawa perkhidmatan rawatan onkologi di Sarawak bergantung pada tiga unit mesin LINAC dan satu daripadanya telah berusia lebih daripada 10 tahun dan kerap mengalami kerosakan.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian sedang dalam usaha menambah baik perkhidmatan tersebut dengan menempatkan satu lagi unit mesin LINAC di hospital tersebut dan proses perolehan peralatan tersebut sedang diuruskan oleh KKM dan dijangka akan dapat dibekalkan pada awal tahun hadapan.

Tender telah dipanggil dan tender proses telah berjalan pada bulan Oktober dan dijangka dibekalkan pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan persekitaran terapi unit Tuan Yang di-Pertua, adalah selamat. Memang kita sentiasa monitor keadaan di dalam bilik operasi, di luar bilik operasi dan juga di koridor dan didapati semuanya dalam menepati piawaian dan tiap-tiap kakitangan memang memakai *film badge* itu dan diperiksa tiap-tiap bulan. Jadi keadaan mereka selamat Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Menteri, kenapa saya soal persoalan ini kerana isteri saya sendiri telah melalui radioterapi dan telah mendapat kesan sampingan dengan begitu teruk. Kidney beliau telah berdarah dan usus beliau pun berdarah disebabkan radioterapi dan apabila saya berjumpa dengan *oncologist* beliau memberitahu bahawa mesin radioterapi di Hospital Ulu Sarawak adalah sudah tua dan tidak lagi berfungsi dengan baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita dalam usaha dan sebenarnya disegerakan. Untuk Sarawak dan untuk Sabah pun kita akan *supply* pada masa lebih kurang yang sama jugalah, oleh tender yang sama. Jadi dalam hal ini, saya ingat selepas ini tidak timbul masalah lagi tentang radioterapi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, menjurus kepada soalan, beritahu hanya di Kuching sahaja, Hospital Umum Kuching dia ada *radioterapi centre*. Kita ada bahagian Miri, Hospital Bahagian Miri dan Hospital Bahagian Sibu. Kalau boleh, mohon kementerian untuk membuat satu lagi atau

kedua lagi di Miri dan di Sibu kerana di *central region* ini banyak penduduk luar bandar terpaksa menunggu radioterapi tersebut. Saya mohon kementerian, supaya Yang Berhormat Menteri mendapatkan menyediakan peruntukan ataupun membuat lagi *radioterapi centre* di Sibu dan di Miri. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar kerana kementerian sedar tentang masalah yang timbul di Miri dan di Sibu. Oleh sebab jauh, kalau menaiki helikopter tiga jam baru sampai dari Miri ke Kuching. Memang keadaan yang menyusahkanlah. Oleh sebab itu dalam hal pembangunan, memang kita merancang untuk hendak *upgrade* Sibu dan juga Miri Tuan Yang di-Pertua. Jadi dia makan masa sedikit oleh sebab kos yang begitu tinggi Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan kadar pengangguran negara dari tahun 2000 hingga kini dan langkah yang diambil Kementerian bagi membantu rakyat mencari pekerjaan. Nyatakan juga jumlah graduan yang menganggur bagi tempoh yang sama.

#### ■1010

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Bagi menjawab soalan dari Yang Berhormat Indera Mahkota iaitu yang menanyakan kadar pengangguran negara dari tahun 2000 hingga kini dan langkah-langkah yang diambil kementerian bagi membantu rakyat mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran negara dari tahun 2000 hingga tahun 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (%)
2000	3
2001	3.5
2002	3.5
2003	3.6
2004	3.5
2006	3.5
2007	3.3
2008	3.2
2009	3.3
2010	3.7
2011	3.3
2012	3.1
2013	3.0
2014 sehingga suku tahun ketiga	2.7

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, mengikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), mana-mana negara yang peratusan penganggurannya di bawah 4% adalah dianggap sebagai *zero unemployment*. Oleh yang demikian, negara kita dengan

peratusan pengangguran pada tahun 2014 ini ialah 2.7%. Maka negara kita jatuh di bawah golongan yang dikategorikan sebagai zero atau sifar *unemployment rate*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi langkah-langkah yang diambil bagi membantu rakyat mencari pekerjaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil tindakan berterusan bagi membantu rakyat mencari kerja yang bersesuaian. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Penempatan Pekerjaan (3P) di bawah kendalian Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di mana beberapa aktiviti seperti Karnival Pekerjaan, *Night Career Fair* dan lain-lain lagi telah diadakan.

Jabatan Tenaga Kerja juga melaksanakan aktiviti temu duga terbuka di mana majikan-majikan yang memerlukan pekerjaan dijemput untuk menemu duga dan terus mencari pencari-pencari kerja di pejabat cawangan-cawangan Jabatan Tenaga Kerja serta di JobsMalaysia Centre dan JobsMalaysia Point di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia juga turut menyediakan aktiviti yang bersifat *human touch* terhadap pencari kerja dan majikan yang dikenali sebagai *client account* iaitu menyimpan senarai majikan yang ada kekosongan jawatan dan senarai pencari kerja secara manual.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan-soalan mengenai jumlah graduan yang menganggur ialah:

Tahun	Jumlah graduan menganggur (orang)
2006	32,893
2007	32,009
2008	33,164
2009	41,513
2010	42,954
2011	44,454
2012	51,835
2013	53,282

Sekian terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat berpuas hati di atas jawapan Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Menteri kalau benar seperti ianya dinyatakan, kita dapat mengawal kedudukan kadar pengangguran yang diistilahkan sebagai *full employment*.

Namun dalam soalan yang pertama, saya hendak tahu bermakna PATI yang datang ke negara kita itu sesungguhnya setelah mendapatinya bahwasanya ruang kerja banyak, mereka datang. Namun mereka menimbulkan permasalahan. Saya hendak tanya sama ada kementerian ini berbincang dengan pihak ataupun berkoordinasi dengan pihak Keselamatan Dalam Negeri untuk memastikan bahawa kita mengawal kedudukan PATI supaya mungkin daripada 3% kita boleh turun kepada 2% dan seterusnya dari segi jumlah pengangguran secara keseluruhannya.

Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan graduan yang menganggur. Ini saya rasa mengejutkan kerana kalau kita lihat semenjak tahun 2006 hingga kini, tahap penganggurnya adalah amat tinggi dan terus meningkat. Saya hendak tanya sama ada

Kementerian boleh berkoordinasi dengan Kementerian Pendidikan agar graduan yang kita hendak *produce*, keluarkan mestilah bersesuaian dengan keperluan negara.

Kedua, saya pernah semasa saya dalam universiti dahulu, tidak berapa lama dahululah lebih kurang 34 tahun atau 35 tahun dahulu. Kami digalakkan Tuan Yang di-Pertua, semasa cuti panjang tidak ada cuti. Kita digalakkan untuk bekerja. Kalau tiga bulan, tiga bulanlah dan pihak universiti yang menghantar kami- kalau kita ambil dalam satu-satu bidang, universiti menghantar kita kepada kilang yang ada kaitan dengan bidang kita.

Jadi apabila graduan itu keluar, boleh dikatakan dia mahir dalam bidang-bidang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak minta kalau boleh kementerian ini berkoordinasi dengan pihak yang berwajib supaya kita amalkan sedemikian rupa agar cuti panjang itu tidak rugi masa bagi anak-anak kita di universiti. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Pertama, harus diingatkan tentang pekerja asing tanpa izin, harus diingatkan di sini bahawa kerajaan kita Kerajaan Malaysia memberi *priority* atau keutamaan dari segi pencari-pencari kerja, *priority* kita beri kepada rakyat tempatan.

Oleh demikian, itulah sebabnya kita di bawah kementerian kita, kita mempunyai satu unit yang dipanggil sebagai JobsMalaysia di mana di bawah JobsMalaysia ini sekurang-kurangnya si majikan yang memerlukan pekerjaan mesti mengiklankan sekurang-kurangnya sebanyak dua kali di surat khabar tempatan dan tanpa mengiklankan tentang kekosongan yang ada pada majikan itu, JobsMalaysia tidak akan memberi kelulusan dan tidak akan memberi sokongan kepada sebuah lagi agensi di bawah kementerian kita iaitu Job Clearing System, satu.

Itu saya percaya salah satu daripada usaha yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa kita tidak akan selama-lamanya bergantung kepada tenaga kerja atau tenaga pekerja asing. Kedua Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, untuk menarik minat rakyat tempatan untuk mendapat pekerjaan, beberapa usaha telah dilakukan oleh kerajaan. Antaranya ialah:

- (i) dengan memperkenalkan persaraan minimum. Kalau dahulunya untuk swasta 58 tahun dan sebagainya tetapi sekarang ialah 60 tahun; dan
- (ii) satu lagi usaha yang telah diambil oleh kerajaan ialah dengan memperkenalkan gaji minimum. Dalam mana pekerja bagi negeri Sarawak ialah RM800 sebulan dan untuk Semenanjung ialah RM900 sebulan.

#### ■1020

Berbalik kepada jawapan kedua dalam mana para graduan harus diberi latihan sebelum mereka keluar dari universiti. Dalam jawapan saya iaitu pada hari Isnin yang lepas, saya telah menekankan bahawa sebelum anak-anak kita, para pelajar kita memilih untuk memasuki mananya universiti sama ada tempatan di luar negara, mereka harus mencari bidang atau kursus yang dari segi *employability* nya, dari segi mudah mencari pekerjaan haruslah diutamakan.

Cadangan Yang Berhormat Indera Mahkota tadi bagi saya kita akan ambil kira tetapi selain dari itu untuk para siswazah, untuk para graduan sebenarnya bawah PEMANDU kita mempunyai satu skim yang dipanggil sebagai Skim Latihan 1Malaysia di pihak-pihak graduan yang menganggur akan diberi latihan di antara tiga hingga enam bulan. Dengan usaha itu yang diambil oleh kerajaan melalui PEMANDU di bawah skim ini maka ramai para penganggur telah pun mendapat pekerjaan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih. Saya amat gembira di atas jawapan Yang Berhormat Menteri dan kalaular semula Yang Berhormat Menteri boleh jawab macam ini *precise and concise* saya rasa aman Dewan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya yang menjadi masalah sekarang ini ialah lambakan graduan yang kurang mendapat tawaran di dalam pasaran pekerjaan di luar sana kerana tidak ada *job matching*. Sehubungan dengan itu, seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi, kita ucap tahniah kepada kerajaan kerana ada JobsMalaysia dan majikan boleh masuk ke dalam untuk mengiklankan jawatan-jawatan kosong.

Jika sedemikian rupa, ini satu perkara yang sangat positif dari pihak swasta, adakah pihak Kementerian Sumber Manusia mengkaji dan kemudian mengadakan hubungan perbincangan dengan pihak-pihak universiti dari sudut pengambilan graduan-graduan, bakal-bakal graduan untuk memastikan jawatan-jawatan kosong sebenar diberi tempat yang sepatutnya di universiti. Ini membawa maksud bahawa jika kekosongan itu tidak terdapat di pihak-pihak swasta terutamanya, pengambilan kursus-kursus tersebut dikurangkan dan pernahkah pihak kementerian mengkaji kerana ini suara orang muda, ekoran daripada melanjutkan umur persaraan hingga 60 tahun, ia sekali gus menutup ruang dan peluang pekerjaan kepada generasi muda untuk mendapat pekerjaan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, *I think there are two questions, two in one.* Satu, sebenarnya kita Yang Berhormat Pasir Gudang, kita mempunyai apa yang kita panggil sebagai Portal JobsMalaysia. Tadi saya sudah menyebutkan tentang JobsMalaysia, kita juga mempunyai Portal JobsMalaysia. Di mana Kementerian Sumber Manusia menyediakan talian di mana si pencari pekerja boleh memberi butir-butir mengenai diri sendiri dan di bawah Portal JobsMalaysia itu majikan akan mencari pekerja. Jadi dalam erti kata, ini bererti Kementerian Sumber Manusia telah, sedang dan akan berusaha menjadi *matchmaker*.

Mengenai soalan nombor dua, di mana sama ada Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di bawah Kementerian Sumber Manusia kita mempunyai satu institut yang dipanggil *Institute of Labour Market Information & Analysis*. Ini melalui *Institute of Labour Market Information & Analysis* ini iaitu sebuah agensi atau jabatan di bawah kementerian kita sebenarnya kita telah bekerjasama dengan beberapa buah universiti untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang

ditawarkan oleh universiti-universiti adalah kursus-kursus yang kita panggil *employability*. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Saya terpanggil untuk mendapat sedikit penerangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai satu program di bawah Kementerian Sumber Manusia ini dan kalau tidak silap saya pada tahun 2013, Yang Berhormat Menteri sendiri ada membuat pengumuman ini iaitu yang dinamakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang mungkin disebut sekejap tadi oleh Yang Berhormat Menteri iaitu terdapat 12 aktiviti penjodohan pekerja iaitu antara pemohon pekerjaan dengan majikan-majikan dan juga JobsMalaysia Centre yang dikatakan mempunyai 17 centre di seluruh negara.

Jadi, apakah capaian ataupun kejayaan daripada kedua-dua perkara ini yang telah dianjurkan oleh kementerian dan seterusnya saya hendak menyentuh mengenai pengangguran siswazah ini yang sebagaimana kita sudah maklum ianya telah meningkat dengan begitu banyak sekali mungkin kerana kita mempunyai jumlah universiti yang bertambah dan kursus yang bertambah. Akan tetapi satu perkara, ini saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Menteri yang berlegar di kepala rakyat kita ataupun graduan-graduan kita. Satu perkara yang disebut dalam bahasa Inggerisnya, "*It is not what you know but whom you know*". Untuk dapat kerja ini walaupun dia *qualify*, dia mempunyai kelayakan tetapi dia tidak ada orang yang tololng rekomendasi dia, orang yang ada kaitan dengan dia, "*Whom you know*" menyebabkan dia layak tetapi bila pergi temu duga gagal dalam ini. Saya minta komen dan juga pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, ada kebenaran di mana *whom you know* dan *what you know* ada di situ tetapi di bawah kementerian kita. Walaupun ada kebenaran, *whom you know* dan *what you know* adalah lebih mendapatkan seseorang untuk mendapat pekerjaan. Akan tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu lebih mendapat pekerjaan, *whom you know* ataupun *what you know?* Saya bingung... *[Ketawa]*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, itulah saya nyatakan ada kebenaran, *there is truth in it*. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa untuk mendapat pekerjaan khususnya di bawah kerajaan atau pihak jabatan awam jadi harus diingatkan bahawa harus waktu ditemu duga, mereka bukan hanya ditemu duga oleh seorang, bukan sahaja ditemu duga oleh dua orang tetapi kadang-kadang sehingga lima orang.

Maka ada kebenaran dalam *whom you know and what you know* tetapi saya begitu bersetuju dalam *whom you know and what you know* kerana dalam *interview* atau temu duga itu kita mempunyai sekurang-kurangnya lima orang penemu duga. Jadi itu jawapan saya. Terima kasih.

3. **Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan sasaran 55% penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada penghujung tahun 2015 dapat dicapai dan sejauh manakah pencapaian dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat telah dicapai sehingga kini.

■1030

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan 55% penyertaan wanita dalam tenaga kerja dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Dalam hal ini, berdasarkan penyiasatan tenaga buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah menunjukkan peningkatan daripada 46.8% pada tahun 2010 kepada 50.4% pada tahun 2013.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi lain untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi menggalakkan kaum wanita untuk menyertai dan kekal dalam pasaran pekerjaan.

Antara inisiatif dan program tersebut ialah, pertama, Program Usahawan Wanita di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara meningkatkan taraf hidup isu rumah berpendapatan rendah. Kerajaan telah mensasarkan untuk melatih dan melahirkan usahawan wanita dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500 dan program ini dilaksanakan menerusi kerjasama kementerian dengan Amanah Ikhtiar Malaysia. Dari tahun 2009 hingga 2012, bilangan usahawan wanita yang dilahirkan adalah seramai 4,300 orang mele过asi sasaran bagi tempoh tersebut iaitu 4,000 orang usahawan wanita. Program ini telah diteruskan pada tahun 2013 dan 2014. Bagi tempoh Januari 2013 hingga ke Ogos 2014, sejumlah 1,901 lagi usahawan wanita telah dilahirkan dengan pendapatan bulanan RM3,500 atau lebih.

Kedua, program bimbingan dan sokongan kewangan untuk perusahaan kecil dan sederhana. Pada tahun 2014, terdapat 149 program pembangunan keusahawanan di bawah SME Corp dengan peruntukan sebanyak RM13.5 bilion termasuk empat program dengan peruntukan RM2 bilion khusus untuk wanita. Program-program ini merangkumi bantuan untuk akses kewangan iaitu sebanyak RM17.7 bilion; akses kepada pasaran sebanyak RM78.7 juta; pembangunan sumber manusia sebanyak RM147.1 juta; teknologi dan inovasi sebanyak RM421 juta; dan infrastruktur sebanyak RM90.9 juta.

Ketiga, Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal atau I-KIT dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita atau I-KeuNita. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita menjalankan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal yang merangkumi program keusahawanan dalam bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastry dan asuhan kanak-kanak. Bagi tempoh tahun 2008 hingga ke Jun 2014, seramai 4,445 orang ibu tunggal telah dilatih di bawah Program I-KIT. Program Inkubator Keusahawanan Wanita pula dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2013 serta diteruskan pada tahun 2014. Jumlah peserta yang telah mengikuti program ini ialah seramai 6,142 orang.

Keempat, Program MamaCare. Kementerian telah melaksanakan Program MamaCare yang mana wanita warga emas dan ibu tunggal dilatih untuk memberi penjagaan selepas bersalin dan urut secara tradisional dan moden untuk menjana pendapatan. Dalam program rintis yang dijalankan dari November 2012 hingga Disember 2013, seramai 91 orang wanita telah dilatih bagi mengikuti program ini. Bagi kumpulan pertama, seramai 31 orang yang telah dipantau bermula Januari 2013 hingga Disember 2013 telah berjaya menjana pendapatan yang mana pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Dari Januari hingga Oktober 2014, Kementerian telah melatih seramai 120 orang wanita dan akan melatih seramai 180 orang wanita lagi pada tahun ini.

Kelima, Bazar Wanita 1Malaysia. Bazar Wanita 1Malaysia diwujudkan di bawah Strategik Lautan Biru Kebangsaan untuk usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan di Pasar Tani, Pusat Transformasi Luar Bandar dan Pusat Transformasi Bandar sejak Disember 2012 dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan iaitu FAMA. Hingga Mei 2014, Bazar Wanita 1Malaysia telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Sabah dan Sarawak dengan jumlah peserta seramai 101 orang.

Keenam, *flexi work arrangement* dengan izin. *Flexi work arrangement* atau pengaturan kerja fleksibel dapat membantu wanita mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga serta terus kekal dalam pasaran pekerjaan. Majikan digalakkan melaksanakan pengaturan kerja fleksibel yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Skim ini boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti *compressed work week*, *flexi hour* dan *weekend work* dengan izin. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan pengaturan kerja fleksibel, perbelanjaan latihan dan *fee consultancy* yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan di bawah Bajet 2014.

Ketujuh, portal flexworklife.my. Portal ini telah dilancarkan pada 8 Julai 2013 dengan kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian, TalentCorp Malaysia dan My Style Job. Portal tersebut mengandungi repositori amalan terbaik aturan kerja fleksibel dan kemudahan mesra keluarga. Portal ini juga menjalinkan antara majikan dan modal insan yang berbakat bagi mengintegrasikan pekerjaan dengan kehidupan. Hingga 31 Ogos 2014, sebanyak 64 buah syarikat telah mengiklankan sejumlah 306 pekerjaan. Bilangan permohonan pekerjaan pula adalah sebanyak 3,861 daripada jumlah pengunjung portal iaitu 87,925 orang.

Kelapan, program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme*, dengan izin. Pembangunan Sumber Manusia Berhad, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia turut menyokong 1Malaysia Support For Housewives dengan melaksanakan program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* di bawah dana khas kerajaan bermula tahun 2013. Program ini bertujuan untuk melatih suri rumah berpelajaran tetapi terpendam dengan kemahiran khusus bagi membolehkan mereka kembali ke alam pekerjaan. Hingga September 2014, seramai 1,322 suri rumah telah mendaftarkan diri dan daripada jumlah tersebut, seramai 492 suri rumah telah melepassi sesi temu duga dan seterusnya akan menyertai

sesi latihan mengikut program-program latihan yang ditawarkan oleh PSMB. Hasil pemantauan yang dilakukan, seramai 102 suri rumah telah berjaya mendapat pekerjaan atau menjalani perniagaan sendiri selepas mengikuti program khas.

Kesembilan, program *1Malaysia Support for Housewives* di bawah *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Program ini adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi suri rumah daripada isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan tambahan keluarga. Bermula dari Julai 2012 hingga Ogos 2014, seramai 43,983 suri rumah telah mendaftar sebagai pencari kerja dalam portal JobsMalaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 8,843 orang suri rumah telah berjaya mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu rangka oleh kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor korporat. Kementerian menggariskan penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan.

#### ■1040

Berdasarkan data dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia sehingga Mei 2014, sebanyak 14% iaitu 3,266 orang daripada keseluruhan ahli lembaga pengarah yang berjumlah 23,335 orang di syarikat awam adalah wanita. Syarikat awam merangkumi syarikat tersenarai awam dan syarikat tidak tersenarai awam. Program Pengarah Wanita atau *Woman Directors Programme* telah dilaksanakan oleh *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)* iaitu agensi di bawah KPWKM sejak tahun 2012 bagi memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Dari tahun 2012 hingga Oktober 2014, seramai 828 orang calon pengarah wanita telah dilatih dalam program tersebut. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Oktober 2014, jumlah penempatan ALP wanita di syarikat tersenarai awam ialah 164 orang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya panggil Yang Berhormat Tanjong Manis untuk mengemukakan soalan tambahan, saya ingin menegaskan kembali. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dan Menteri-menteri yang berkenaan atau pegawai-pegawai yang duduk di belakang sebagai *supporting staff*, tidak boleh menjimatkan masa melalui jawapan seperti begitu serta soalan-soalan pendek daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen, saya serius saya akan pinda peraturan mesyuarat. Di mana, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh bertanya dengan soalan yang melibatkan dasar. Saya membenarkan dijawab secara begitu kerana soalan dari Yang Berhormat Tanjong Manis adalah soalan dasar, maka memerlukan jawapan begitu. Jadi ayuh kita sama-sama disiplin diri. Kalau tanya, jangan sembarang tanya, fikir dulu. Ada masa 14 hari, soalan itu matlamat apa sebenarnya. Selepas itu Menteri jawab kepada perkara yang dibangkitkan sahaja. Sila Yang Berhormat Tanjong Manis.

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sungguh panjang jawapannya. Pertama, bagaimakah kementerian dapat membantu wanita di kawasan Tanjong Manis menyertai program-program yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menaik taraf kehidupan mereka, seperti program *Blue Ocean Strategy* dan Portal JobsMalaysia Yang Berhormat Timbalan Menteri telah nyatakan.

Kawasan saya banyak lagi tidak ada internet. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membantu, dan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai seorang wanita, berpuas hati atas sasaran ataupun kerajaan telah mencapai sekurang-kurangnya 30% dalam jawatan sebagai pembuat keputusan dalam jawatan kerajaan, GLC, Menteri dan Timbalan Menteri. Sama ada kita sudah mencapai sasaran itu dan adakah wujudnya budaya *class ceiling* dalam alam pekerjaan di Malaysia di mana peluang yang tidak saksama antara gender untuk kenaikan pangkat atau menjadi pembuat keputusan sama ada dalam syarikat, jabatan kerajaan, GLC dan korporat. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Kementerian telah mewujudkan projek-projek atau program untuk meningkatkan lagi wanita untuk mencapai sasaran 55%. Untuk kawasan yang spesifik, salah satu langkah yang kita boleh ambil ialah mungkin kita boleh berbincang dan melihat adakah terdapat pendekatan yang spesifik dan sesuai yang boleh kita membantu wanita-wanita di kawasan Tanjong Manis.

Mengenai sasaran yang telah ditetapkan, adakah kita berpuas hati. Saya hendak menegaskan di sini, kita belum lagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, kita tidak – *even though* kalau kita capai pun, kita akan meneruskan perjuangan kita untuk memperkasakan wanita supaya kita dapat meningkatkan lagi kedudukan kita di dalam masyarakat.

Mengenai soalan adakah *class ceiling*, saya rasa memang wujudnya *class ceiling*. Inilah mengapa kita telah mengadakan satu program *directorship*. Kita juga sentiasa bekerjasama dengan NGO-NGO untuk menganjurkan program kesedaran. Melalui kesedaran dan *engagement* dengan semua syarikat swasta, kita berharap kita mendapat sokongan daripada mereka, dan mereka rela untuk memberikan sokongan dan bekerjasama dengan kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Soalan tambahan saya, adakah kementerian boleh mencadangkan kepada kerajaan untuk memberikan sesuatu anugerah, inisiatif atau pun mengurangkan percukaian terhadap syarikat korporat yang menyambut saranan kerajaan untuk 30% kepada kuota wanita. Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Kita mengalu-alukan cadangan yang baik dan saya akan bawa balik ini untuk perbincangan. Kalau dapat kita melaksanakan, mungkin ini adalah satu yang kita akan teruskan. Terima kasih.

4. **Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan tahap pencemaran pelepasan bahan toksik dioxin, merkuri, furan, karbon dioksida dan air resap larut daripada insinerator Bukit Nenas, Pangkor, Langkawi, Tioman dan Cameron Highlands dari 2011-2014.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kluang, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS) tahap pelepasan bahan toksik yang disebutkan, iaitu dioxin, merkuri, furan, karbon dioksida dan air larut resap dari insinerator Bukit Nenas, bagi tempoh 2012 hingga 2014 dan insinerator di Pulau Pangkor bagi tempoh 2013 hingga kini, adalah mematuhi tahap yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Tahap yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah tahap yang berasaskan kepada piawaian antarabangsa. Bagi tahap pelepasan bahan toksik dioxin, merkuri, furan, karbon dioksida dan air resap larut daripada insinerator dari Pulau Langkawi pula, pemantauan ke atas pelepasan bahan-bahan toksik ini, masih dijalankan dan keputusan belum diperoleh memandangkan loji ini baru sahaja beroperasi pada tahun 2014. Ini di Langkawi beroperasi pada tahun 2014. Manakala insinerator di Pulau Tioman dan Cameron Highlands, buat masa ini belum ada sebarang pelepasan bahan toksik kerana loji-loji ini masih belum beroperasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya berharap Yang Berhormat Menteri yang datang kerana soalan ini, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memuaskan. Saya tidak suka menggunakan perkataan yang tidak baik tetapi macam Yang Berhormat Bintulu kata, ini kongkalikung. Soalan saya ialah apa piawaian sebenar yang diadakan kerana sekarang ini biasanya piawaian digunakan oleh kementerian ialah PM10. Akan tetapi yang diperlukan ialah PM2.5. Saya minta kalau boleh kementerian mengumumkan kesemua piawaian ini dan juga mengumumkan pemantauan indeks ini setiap minggu, kalau tidak boleh dibuat harian.

**■1050**

Jangan diletakkan di bawah OSA ini bukan kontrak-kontrak yang tidak boleh diumumkan. Untuk kesihatan penduduk di Cameron Highlands, penduduk di Langkawi, di pelbagai tempat. *Incinerator-incinerator* yang disediakan yang akan dilaksanakan saya minta kementerian umumkan dan adakan indeks PM2.5 bukan PM10, PM2.5 yang lebih spesifik yang lebih terperinci dan saya harap ini dilaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Soalan Yang Berhormat soalan asal adalah spesifik pengeluaran ataupun pengeluaran gas-gas toksik daripada *incinerator* iaitu dioxins, furans, merkuri dan air resap. Jadi itu soalannya Yang Berhormat. Untuk *incinerator* Yang Berhormat perlu tahu yang pertamanya di Bukit Nenas. *Incinerator* di Bukit Nenas ialah *incinerator* untuk merawatkan sisa-sisa toksik ataupun toksik material yang dibawa ke situ. *Incinerator* Yang Berhormat tanya ialah daripada Pulau Pangkor, Langkawi dan Cameron Highlands adalah untuk sisa-sisa pepejal yang dipungut daripada rumah dan kedai-kedai komersial dan sebagainya.

So ada perbezaan di antara *incinerator* seperti ini. *Incinerator* kalau ianya merawat sisa-sisa toksik kementerian memerlukan suhu yang tinggi diguna pakai. Suhu yang tinggi diguna pakai di Bukit Nenas ialah proses pertama 800 darjah celsius, proses yang kedua ialah 1,000 darjah celsius, proses yang ketiga adalah 1,200 darjah celsius. *Incinerator* yang diguna pakai untuk merawat sisa-sisa pepejal iaitu sisa-sisa yang dipungut daripada rumah-rumah kita. Suhu yang diguna pakai oleh *incinerator* ini ialah 800 darjah celsius ke atas. Jadi untuk *particulate matter (PM)* itu saiz *particulate matter* atau saiz *particle* Yang Berhormat tanya daripada soalan tambahan.

Sekarang selama ini kita menggunakan saiz *particulate matter* 10 mikron belum lagi 2.5 mikron. Pada tahun hadapan barulah kita mengguna pakai 2.5 mikron saiz *particle* ini. Ini sebab saiz-saiz partikel ini ianya adalah untuk kita memantau sama ada akan ada jerebu ataupun tidak. Keduanya ini adalah untuk kesihatan kita juga. Kalau kita menghidu udara yang mengandungi saiz-saiz *particle* yang kecil seperti ini kita perlu berhati-hati. Kalau kita keluar di situ, kalaular kita sudah tahu berapa tingginya pengeluaran daripada *incinerator* itu kita akan beri amaran. Supaya penduduk-penduduk yang berhampiran, berdekatan dengan *incinerator* seperti itu kalau keluar dekat-dekat *incinerator* itu mengguna pakai topeng muka.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tahap yang Jabatan Alam Sekitar guna pakai iaitu standard untuk dioxins dan furans adalah 0.1 miligram per nano meter. Jadi mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Pengukuhan ini telah pun dibuat setiap bulan *on average* ialah 0.0449 miligram pada tahun 2011. Pada tahun 2012 0.0655 miligram dan untuk tahun 2014 hingga kinilah 0.0347 miligram.

Perlu juga Dewan ini tahu bahawa dioxins juga dikeluarkan oleh tumbuh-tumbuhan. Jadi dioxins ini memang tanpa *incinerator* sudah pun dikeluarkan oleh tumbuh-tumbuhan Yang Berhormat. Sekali lagi *particulate matter*, PM2.5 itu kita akan ukur *next year* kerana kita kena beli mesin yang lebih cekap lagi dan yang lebih canggih. Sekian terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Oh! Tidak nampak, yang baju merah Tuan Yang di-Pertua nampak.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Parit Sulonglah pakai tudung merah pun tidak nampak macam manalah Yang Berhormat Lumut ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduk Ahli Yang Berhormat. Dua-dua duduk dahulu.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Sulong duduk.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Oh! Duduk dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun sedar sekarang ini bahawa apabila soalan itu daripada Barisan Nasional maka yang kemukakan soalan pertama saya panggil daripada pembangkang. Begitu juga apabila daripada pembangkang soalan pertama daripada kerajaan. Jadi yang tadi soalan daripada Yang Berhormat Jelutong Yang Berhormat berdiri, kalau saya tersasul nanti Yang Berhormat saya dituduh tidak adil. Sila Yang Berhormat Parit Sulong. Ikut begitu, jadi bantu saya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon Yang Berhormat untuk menyatakan aduan dan kes-kes yang telah diselesaikan berkaitan dengan isu pencemaran akibat *incinerator* ini. Apakah kementerian juga bercadang untuk mengkaji semula hak eksklusif yang diberikan kepada Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. bagi operasi Pusat Pengurusan Sisa Pepejal di Sendayan, Negeri Sembilan selepas 28 Februari 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, loji rawatan di Bukit Nenas adalah dikendalikan oleh Kualiti Alam Sdn. Bhd. Kualiti Alam Sdn. Bhd. diberi kontrak 15 tahun bermula dari bulan Mac tahun 2000 dan ianya akan tamat pada bulan Februari tahun 2015. Selama 15 tahun telah beroperasi dengan hak eksklusif Yang Berhormat. Kualiti Alam ada hak eksklusif selama ini. Akan tetapi jika lesen syarikat ini akan diteruskan lagi akan diperbaharui lagi maka hak eksklusif ini akan ditarik balik. Tidak ada hak eksklusif bagi Kualiti Alam untuk mengendalikan rawatan sisa-sisa toksik di Bukit Nenas Sendayan, Negeri Sembilan. Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya difahamkan *incinerator* di Pangkor dibuat dengan kos RM21 juta. Baru-baru ini kami telah membuat lawatan dan kami lihat suhu pembakar sampah tersebut tidak mencapai suhu yang diperlukan oleh sistem tersebut. Jadi kami bimbang apabila pembakaran tidak lengkap kita bimbang gas-gas yang disebutkan oleh soalan Yang Berhormat Kluang tadi akan membahayakan khususnya rakyat Pangkor dan umumnya rakyat Parlimen Lumut.

#### ■1100

Jadi, kita mohon Yang Berhormat Menteri supaya dapat melihat dan memastikan sistem tersebut beroperasi dengan sempurna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di Pangkor seperti saya sebut pada mula tadi adalah insinerator untuk merawat sampah sarap ataupun sisa-sisa pepejal di situ. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat, saya pun belum pergi ke Pangkor lagi untuk memantau insinerator ini.

Kalau ya suhunya tidak mencukupi, maka bahan-bahan yang dirawat dan dibakar di situ tidak akan dibakar dengan sempurna, maka apabila ia tidak dibakar dengan sempurna, asap yang dikeluarkan adalah asap yang lebih tebal lagi dan ia mengandungi gas karbon dioksida, gas karbon monoksida, gas sulfur dioksida dan tidak banyaklah gas daripada insinerator untuk

sampah sarap. Oleh itu, perlu juga saya sendiri ingin memantau perkara seperti itu. Terima kasih Yang Berhormat kerana bawa perkara ini. Ini adalah satu berita yang baik untuk saya supaya saya turun ke Pangkor. Saya belum pergi ke Pangkor lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah pendirian kerajaan berkait kesangsian golongan bumiputera dengan kelebihan yang ada pada TPPA; dan
- (b) apakah pendekatan yang telah diambil pihak kerajaan khususnya MITI dalam menerangkan isu TPPA.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang, terima kasih. Kerajaan memang sedar tentang isu yang membabitkan kebimbangan bumiputera dalam TPPA ini. Jadi, kerajaan akan terus memberi penerangan kepada golongan bumiputera mengenai faedah-faedah yang boleh diraih oleh negara dalam TPPA serta langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani isu yang berkaitan dengan bumiputera. Ini termasuklah merundingkan pengecualian ataupun *carve-out* atau kelonggaran tertentu dalam isu-isu yang melibatkan agenda bumiputera, penerangan mengenai isu-isu dalam TPPA serta status terkini rundingan disampaikan kepada pihak yang berkepentingan termasuk kerajaan negeri yang selalu bangkitkan perkara ini, NGO, wakil industri dan perniagaan-perniagaan serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi.

Jadi, untuk itu Tuan Yang di-Pertua mengenai pendekatan yang telah diambil oleh pihak kerajaan khususnya MITI dalam menerangkan isu TPPA ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan banyak konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan. Konsultasi ini diadakan sama ada secara terbuka dengan semua pihak ataupun dengan persatuan-persatuan dan kumpulan-kumpulan tertentu. Tahun lepas, 56 sesi konsultasi. Tahun ini hingga Oktober, 38 konsultasi turut juga diadakan oleh kementerian-kementerian lain mengenai isu-isu TPPA di bawah bidang kuasa mereka.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri MITI juga mengadakan perjumpaan dengan *caucus* Parlimen untuk memberi status terkini tentang rundingan dan menerima maklum balas daripada ahli-ahli *caucus*. Pihak-pihak berkepentingan diberi peluang untuk mengemukakan kebimbangan mereka di mana segala input yang diperoleh dari semua pihak berkepentingan telah dan akan digunakan oleh perunding-perunding dalam setiap perundingan seterusnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak bertanya dengan kementerian, sejauh manakah

kepentingan industri berkaitan dengan komoditi kelapa sawit yang akan dilindungi dan diperkembangkan dalam konteks TPPA ini? Oleh kerana ada di kalangan industri-industri *player* kita ini yang melihat industri sawit ini tidak diberikan penerangan yang sebaik mungkin kepada mereka. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tentang komoditi kelapa sawit atau pun komoditi lain seeloknya Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang menjawab tetapi secara umumnya Tuan Yang di-Pertua ialah bagi kebanyakan negara komoditi yang kita eksport ke luar negara ini ada halangan-halangan tertentu, ada *provincial* yang diberikan ataupun ada juga halangan lain yang tertentulah seperti kempen-kempen yang berkaitan dengan keburukan kelapa sawit dan sebagainya.

Jadi, dalam TPP ini, ini semuanya dirangkumkan dalam satu kesefahaman di mana-mana perkara-perkara yang asas yang berkaitan dengan kebaikan kelapa sawit mestilah diterima pakai dalam satu standard antarabangsa. Bukannya satu pihak mengatakan begini, satu pihak mengatakan begini dan akhirnya menjadi satu komoditi yang berbeza dari segi daya saing antara satu negara dengan negara lain.

Begitu juga dari segi *provincial* saya sebut tadi tentang keistimewaan pengimportan. Berbeza negara berbeza kadar dan sebagainya. Ini semuanya dirundingkan supaya mencapai satu tahap *provincial* atau pun keistimewaan yang standard bagi semua negara yang terangkum dalam TPPA apabila dipersetujui kelak. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri macam memberikan satu *statement*, jaminan terhadap kepentingan bumiputera yang akan dipertahankan tetapi saya hendak mengingatkan Tuan Yang di-Pertua, hendak mengingatkan kerajaan bahawa itu jaminan mulut. Ini jaminan yang ada dalam perlembagaan. Perlembagaan negara kita sendiri, berkaitan dengan kepentingan hak istimewa bumiputera, orang Melayu, tanah rizab Melayu.

Hari ini UMNO bersidang, menjerit dan menangis soalan masa depan orang Melayu yang semakin terhakis. Soal isu berbagai-bagai yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu, pemuda UMNO meluahkan isu tanah rizab Melayu yang makin terhakis. Ini yang dijamin oleh Perlembagaan Negara. Sekarang jaminan mulut bahawa TPPA ini kerajaan akan mempertahankan kepentingan bumiputera dalam negara kita.

Jadi, saya hendak minta kerajaan betul-betul memberikan satu penegasan sejauh mana kerajaan mengambil maklum tentang bahawa sudah tentu orang yang mengutarakan TPPA itu sudah tentu ia akan melihat kepada keuntungan di pihak dia. Bukan melihat kepentingan di pihak orang lain dan ini juga kenyataan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir, orang yang berpengalaman. Saya ingat Yang Berhormat baru berapa lama jadi ahli politik hendak banding dengan Tun Mahathir yang sudah 22 tahun menjadi Perdana Menteri dan sampai hari ini... [Dewan riuh] Tun Dr. Mahathir memberikan pendapat dan pandangan-pandangan yang benar.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Pokok Sena, jadi perwakilan UMNOlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Begitu juga dengan Tun Daim Zainuddin, bekas Menteri Kewangan Negara Malaysia ini yang juga mempersoalkan tindakan kerajaan untuk meneruskan rundingan yang berkaitan dengan TPPA. Tun Dr. Mahathir kata TPPA tidak untungkan Malaysia, TPPA akan burukkan ekonomi Malaysia. Maka, sudah tentu yang akan terkesannya nanti ialah golongan bumiputera seperti mana di bawah UMNO Barisan Nasional selama ini pun ia terkandung dalam perlombagaan orang Melayu bumiputeralah yang paling teruk tercorot ke belakang. Apa penjelasan dari Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebelum menjawab. Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh bercakap lagi sehingga sesi Parlimen akan datang. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Saya setuju, selepas habis nanti saya tunggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya hendak beritahu itu salah satu daripada setiap penilaian ataupun setiap perkara yang kita rangkumkan dalam membuat keputusan setiap kali rundingan dibuat ialah mengambil kira pandangan semua pihak termasuklah Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad.

#### ■1110

Akan tetapi saya ucap terima kasihlah kerana sekurang-kurangnya sekarang ini pihak PAS khususnya Yang Berhormat Pokok Sena menghargai perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada dulu sampai sekarang. Dulu *condemn* dan sebagainya. Jadi dunia ini berubah dan berbeza. Saya juga, kami juga menjemput...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tun Dr. Mahathir pun berubah, dia menarik balik sokongannya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Dewan riuh]* Dia juga berubah. Bukan kata kami yang berubah, Tun Dr. Mahathir pun berubah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia tarik balik sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini cukup keberanian, dia kata dia mesti menegur, UMNO tidak betul dia kata.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena terlupa makan ubat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena, ada lagi Rang Undang-undang MAS selepas ini. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena mahu berhujah, *behave*. Apa benda. Sila Timbalan Menteri, dia menjawab bagilah dia peluang. Tadi waktu Yang Berhormat Pokok Sena tanya, dia tenang sahaja mendengar.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Jadi beginilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang kalau panjat pokok jangan dua tiga kali, sekali sudah. [Ketawa]

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Jadi beginilah, soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena tadi sangat umum. Jadi percayalah bahawa UMNO, Barisan Nasional akan tetap dan akan terus menjaga kepentingan Melayu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak percaya, tidak percaya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Manalah? Bohong sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, sudahlah, sudahlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sudah 50 tahun lebih, baru hendak menjerit, baru hendak menangis. Hari ini baru hendak menangis, merintih apa hendak jadi pada Melayu. Dah lingkup dah.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Dan kami jemput PAS juga bersama dengan UMNO menjaga kepentingan Melayu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dah jadi *Red Indian* dah pun, Melayu dah jadi *Red Indian* dah. [Dewan riuh]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon satu soalan tambahan? Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon satu soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat tetapi jangan soalan yang menimbulkan kekecohan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ya, memang. Saya akan membawa ketenangan, tidak mengundang kekecohan. Salam ubah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Soalan saya ringkas sahaja berkenaan dengan TPPA, antara salah satu kebimbangan ialah kos ubat-ubatan. Apakah usaha Kerajaan Malaysia untuk memastikan ada kelonggaran ataupun pengecualian supaya apabila TPPA dilaksanakan, kos ubat-ubatan ini – kos perubatan bukan untuk bumiputera sahaja, semua rakyat terpaksa mengambil. Lagipun kos ubat-ubatan ini tidak dikecualikan oleh GST mulai 1 April tahun depan. Maka saya pohon supaya apakah kelonggaran ataupun usaha untuk mengecualikan ubat-ubatan ini daripada TPPA.

Soalan ringkas yang kedua ialah adakah kerajaan menetapkan satu jadual bilakah TPPA ini akan dimuktamadkan kerana Malaysia sebagai antara 21 buah negara, *as a founding member of TPPA*, apakah sasaran kerajaan, satu tempoh masa ditetapkan. Mohon menjawab. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, tentang ubat-ubat ini terangkum dalam IPR iaitu *Intellectual Property Rights*. Saya fikir Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa perkara ini ataupun tentang IPR khususnya berkaitan ubat-ubatan ini masih lagi dirunding dan Malaysia merupakan negara yang paling lantang sekali memperjuangkan tentang kelonggaran IPR ke atas ubat-ubatan kerana kita sedia maklum kesannya adalah sangat mahal kepada kos untuk kualiti hidup dalam negara Malaysia. Jadi ini masih lagi dirundingkan dan

percayalah ini di antara yang Malaysia pertahankan dan diiktiraf oleh kebanyakan negara yang turut serta dalam rundingan TPPA.

Soalan kedua, bila dimuktamadkan? Sehingga ini belum ada jangka masa yang telah pun ditetapkan walaupun ada satu pelan ataupun satu jangkaan baru iaitu pada tahun hadapan tetapi jangkaan itu serupalah seperti jangkaan yang lepas-lepas, sering kali berlalu apabila banyak rundingan, banyak perkara yang dirundingkan tidak dapat dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jaminan kemajuan pembangunan Hospital Dungun yang baharu dapat disiapkan sepenuhnya mengikut jadual.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun. Hospital Dungun memang satu hospital yang lama, yang kecil yang terletak di tengah-tengah pekan Dungun, 100 buah katil kapasitinya dan selalu terlibat dengan banjir. Jadi sebab itu pihak kementerian memang merancang satu hospital yang baru dan lebih besar di Bukit Chatak, di tanah seluas 50 ekar dengan kapasiti hospital itu ialah 420 buah katil. Jadi, ia akan menjadi satu hospital pakar minor yang akan menempatkan sembilan hingga sepuluh kepakaran.

Buat sementara waktu oleh kerana kekangan kewangan maka kita akan bina bahagian kecil dulu yang menempatkan 108 buah katil dengan kos RM150 juta. Kerja-kerja fasa 1A telah pun bermula iaitu kerja-kerja tanah dan hari ini sudah 15% siap. Jadi agak *slow* sedikit, tujuh hari *slow*, lambat sedikit dan dijangka siap pada Februari 2015. Peringkat fasa kedua akan dibina secara *design and build* dan *pre-queue* telah dibuat pada 28 Julai tahun ini dan dijangka tender pada Februari 2015 dan dijangka siap dalam tempoh 36 bulan iaitu pada September 2018, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri terhadap persoalan yang dikemukakan. Apabila kita membincangkan projek-projek kerajaan khususnya di Terengganu, janji dikira buat. Apabila buat, dikira siap, siap boleh digunakan. Itu adalah konsep pembangunan oleh kerajaan tetapi secara khusus banyak perkara yang berkait dengan pembangunan di Terengganu ini ada yang terbengkalai. Siap tetapi tidak dapat digunakan ataupun siap dan tidak digunakan sepenuhnya, *not fully utilize* dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan yang lebih dahsyat runtuh.

Kita melihat secara asas atas nama hospital sendiri pun, Dewan Bedah Hospital Kemaman tiga hingga empat tahun baru dapat disiapkan. Bahkan difahamkan pada peringkat awalnya ketiadaan unit rawatan rapi yang menyulitkan pakar-pakar bedah untuk menjalankan tugas mereka. Hospital Setiu kebocoran tujuh tahun yang teruk sekarang ini dan hama dan sebagainya. Begitu juga Dewan Bedah Hospital Besut. Jadi, atas asas itu saya minta satu jaminan oleh pihak kementerian khususnya berkaitan dengan Hospital Dungun ini supaya tidak jadi seperti mana yang pernah berlaku kepada banyak projek di Terengganu kerana ini ialah

kepentingan yang sangat mendesak untuk warga Dungun, untuk rakyat Dungun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kerajaan, hasrat kita memang hendak mempercepatkan semua projek kita tetapi *along the way* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memang akan berlaku berbagai-bagai. Pertama sekali bila membina hospital, ia bukan macam membina sekolah, sekolah *straight forward* tetapi hospital melibatkan pelbagai bahagian teknikal yang perlu dilihat termasuk juga masalah hendak beli perkakasan pun melibatkan banyak kepakaran di situ. Walau bagaimanapun kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan Hospital Dungun ini. Memang kita tahu masalah Dungun sekarang ini membangun dengan pesat, berbagai-bagai institusi ada di sana dan kita harap hospital ini juga kalau siap sepenuhnya akan dapat menampung keperluan rujukan dari Kemaman, dari Hulu Terengganu dan sebahagian daripada Marang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hospital Dungun ini saya dah dua kali pergi, dulu-dulu waktu saya jadi - *long time ago, far-far from the galaxy* Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Memang patut pun Hospital Dungun ini dapat hospital baru.

## ■1120

Biasanya, membina hospital ini memang perlu kepakaran. Malangnya, KKM bukan SO kepada projek tersebut. Biasanya JKR yang uruskan tender. Sudah jadi kelaziman kalau mana-mana hospital dibuat, kalau dia cukup masa dia atau lebih awal, itu adalah di luar biasa, bukan luar tabii. Biasanya hospital memang lama buat. Kalau terbengkalai itu, itu biasalah itu, atau hospital jadi sakit. Ini kerana beberapa sebab. Satu, kerana keperluan rakyat, dan kedua, kepada keperluan *service provider*. Seperti Hospital Dungun, ia dikhususkan daripada hospital daerah tanpa pakar menjadi hospital daerah berpakan.

Dahulu kita buat hospital biasanya kosnya RM1.2 juta hingga RM1.4 juta satu katil. Akan tetapi di sektor swasta, kosnya hanya dalam RM800,000 satu katil. *[Disampuk]* Yang Berhormat Seputeh tidak tahu. Jangan menyampuklah. Hospital swasta, dia tidak ada *kitchen*. Hospital swasta tidak ada *lab*. Jadi kos mereka rendah. Kalau kita tengok hospital-hospital di negara maju...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini dia pula hendak jadi Menterikah?

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Sedikit sahaja. Saya hendak tambah sama ada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia hendak jadi Menteri Kesihatan.

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Sama ada kementerian berani melakukan transformasi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mersing, saya setuju dengan Yang Berhormat Sepang. Ini sesi soal jawab.

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Sedikit sahaja. Sudah hendak masuk ini. Sudah hendak masuk. Saya hendak tanya kementerian sama ada kementerian berani melakukan perubahan dengan tidak mengadakan *kitchen*, tidak mengadakan makmal kerana makmal ini boleh dikongsi. Dengan mempunyai *planning team* yang cekap, kos ini dapat dikurangkan. Adakah kementerian bersedia melakukan transformasi tersebut?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Ini bekas Timbalan Menteri Kesihatan bercakap. Cadangan itu memang baik yang kita lihat di kawasan Kuala Lumpur, saya ingat boleh kita gunakan perkhidmatan bersepadu tapi kalau di Hospital Dungun, dia dari Kemaman jauh, dari Kuala Terengganu jauh, makan masa berjam-jam hendak sampai, jadi cadangan ini mungkin tidak dapat dijalankan walaupun memang akan ada *cost saving*. Contohnya, kita hendak hantar sampel darah dari Dungun ke Kuala Terengganu, hendak sampai sana pergi balik, tiga jam. Jadi mungkin tidak boleh berlaku di kawasan-kawasan berkenaan tapi kalau di Kuala Lumpur mungkin boleh berlaku. Kita boleh *share services* termasuk CSSD, berbagai-bagai boleh kita *share*. Akan tetapi dalam keadaan di sana mungkin tidak dapat dijalankan, Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah matrikulasi yang mempunyai permohonan tinggi daripada pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) serta nyatakan prosedur-prosedur matrikulasi untuk merekrut pelajar yang cemerlang ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah atas soalan yang berkaitan dengan kemasukan ke matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tidak mengabaikan peluang pendidikan kepada mana-mana pelajar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan banyak pilihan program kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti program persediaan, *foundation* dengan izin, matrikulasi asasi dan STPM Tingkatan 6, program peringkat sijil di kolej komuniti, politeknik, institusi pengajian tinggi swasta dan program peringkat diploma di politeknik, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan IPTS. Ini bermakna bahawa pelajar-pelajar lepasan SPM dibenarkan untuk memilih tempat belajar yang lebih sesuai dengan minat dan masa depan pelajar itu sendiri termasuklah di peringkat matrikulasi.

Setiap tahun, terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM. Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang SPM ke program matrikulasi. Sejak tahun 2006, kementerian telah mendasarkan kriteria-kriteria dan format perkiraan merit dalam pemilihan pelajar ke program matrikulasi. Semua maklumat boleh didapati melalui laman web [www.moe.gov.my/bmkpm](http://www.moe.gov.my/bmkpm) atau brosur-brosur yang dah disediakan.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sejauh manakah pengiktirafan yang diberikan terhadap Sijil Matrikulasi Malaysia di peringkat global berbanding dengan program-program prauniversiti dari negara lain? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang berkaitan pengiktirafan program matrikulasi di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Pengurusan KPM Bilangan 11/2006 pada 15 Jun tahun 2006 telah meluluskan cadangan peluasan penghantaran pelajar cemerlang lulusan matrikulasi ke luar negara di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi atau SLTPPM untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2006. Sehingga tahun 2014, seramai 261 orang pelajar telah mengikuti program ijazah pertama di universiti berprestij di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Beberapa rundingan telah dilaksanakan sejak tahun tersebut yang mengiktiraf program matrikulasi sebagai salah satu syarat kelayakan kemasukan yang setara dengan A Level dengan izin.

Susulan itu, Bahagian Matrikulasi telah mendapat pengiktirafan daripada 11 buah universiti yang berprestij di United Kingdom iaitu:

- (i) *University of Birmingham;*
- (ii) *University of Nottingham;*
- (iii) *University of Surrey ;*
- (iv) *University of Manchester;*
- (v) *University of Southampton;*
- (vi) *University of Sheffield;*
- (vii) *King's College University;*
- (viii) *University College London;*
- (ix) *University of Bristol;*
- (x) *University of Cardiff; dan*
- (xi) *University of Warwick.*

Selain daripada itu, enam IPT *group of eight* di Australia turut memberi pengiktirafan seperti:

- (i) *Monash University;*
- (ii) *University of Melbourne;*
- (iii) *Australian National University;*
- (iv) *University of Sydney; dan*
- (v) *University of Queensland.*

Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tidak merehatkan saya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya – kita tahu apabila pelajar-pelajar ini memohon matrikulasi dengan harapan untuk masuk belajar di universiti. Akan tetapi saya agak kesal dan saya telah bangkitkan banyak kali, ada beberapa universiti yang menawarkan

kursus-kursus yang tidak diiktiraf. Sebagai contoh, ada lebih kurang lima universiti termasuk universiti swasta di Malaysia ini antaranya USIM iaitu Universiti Sains Islam Malaysia dan juga Universiti Sultan Zainal Abidin yang menawarkan jurusan undang-undang tetapi sehingga sekarang saya dimaklumkan bahawa Lembaga Kelayakan Profesional Undang-undang tidak mengiktiraf ijazah undang-undang yang diambil oleh pelajar.

**■1130**

Jadi persoalan pertama, mengapa mereka boleh menawarkan satu kursus yang tidak diiktiraf yang telah menyebabkan ramai pelajar ini walaupun mendapat ijazah tetapi tidak boleh berkhidmat sebagai seorang peguam. Saya telah membangkitkannya –Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada MIC ini kata hendak bagi jawapan tetapi sampai sekarang saya tak dapat jawapan. Berdasarkan rekod sayalah. Jadi, saya harap tindakan segera diambil. Ini termasuk universiti-universiti swasta. HELP University, MSU (Management and Science University) dan Taylor's University juga menawarkan jurusan undang-undang tetapi tidak diiktiraf sampai sekarang. Jadi, saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh melakukan sesuatu supaya diambil tindakan terhadap universiti-universiti ini. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat cadangan yang diberikan. Sebenarnya Kementerian Pendidikan Malaysia sedang dalam proses untuk semakan semula. Adalah sangat penting bahawa kita mesti ingat bahawa kriteria-kriteria yang sudah ditetapkan mesti dipatuhi sebelum pengiktirafan diberikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah lama Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak buat apa-apa ini, apalah.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap Tuan Yang di-Pertua. Minta Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghantar satu Notis kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menangguhkan Dewan untuk membincangkan isu tentang Verite' Report yang saya telah hantar di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Minta Tuan Yang di-Pertua memberikan satu peluang kerana isu *force labor* ini dia akan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat terima jawapan saya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, betul. Tuan Yang di-Pertua tapi tidak apa. Tuan Yang di-Pertua tetapi saya hendak bagi tahu bahawa dalam lima hari sahaja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada terima jawapan saya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul. Tuan Yang di-Pertua kata tidak perlu disegerakan tetapi mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak tahu bahawa dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 18(1), yang menentukan sama ada dia disegerakan kah? Kepentingan orang awam kah? Spesifik kah? Saya dan bukan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau saya fikir persoalan atau isu itu tepat, ‘ngam-ngam’ kehendak Peraturan Mesyuarat 18(1), saya benarkan. Kalau dia tidak ‘ngam’, saya tidak benarkan. Umpamanya macam usul dari Yang Berhormat Segambut. Saya nampak ia perlu dibahaskan kerana *ngam* dengan keadaan, dengan bahawa kita negara Malaysia, *heading ASEAN* akan menjadi ahli PBB, betul.

Akan tetapi yang ini Yang Berhormat, saya minta *feedback* daripada kementerian. Sekarang ini MITI dan Kementerian Sumber Manusia sedang merangka jawapan kepada pihak yang berwajib dari Amerika kerana Malaysia pun tidak mahu dilihat daripada persepsi masyarakat antarabangsa, dia tidak menepati piawaian-piawaian yang tertentu. Itu sebab saya tidak terima kerana ada lagi akta seperti MAS yang perlu untuk dibahaskan. Jadi, lain kali Yang Berhormat Bayan Baru, cari isu yang saya rasa ‘ngam-ngam’...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Memenuhi objektif 18(1). Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ngam-ngam. Tuan Yang di-Pertua, RCI itu ngam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua ngam-ngam Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya bahas Tuan Yang di-Pertua Akta MAS?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, dia ‘ngam-ngam’ kerana dia melibatkan tiga juta orang pekerja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat— Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri jawab dia tak jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya terpaksa ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat!

**Seorang Ahli:** Siapakah Speaker ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah! Tidak ‘ngam’ bah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau misal- Yang Berhormat Kinabatangan! Kadang-kadang saya bergurau Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mesej itu kamu terima. Peraturan mesyuarat, apabila saya buat fatwa sama ada *ante chamber*, di pejabat saya atau di sini, itu adalah muktamad. Kalau tidak setuju, buat usul. Kalau Yang Berhormat habiskan masa seperti begini, saya mempunyai kuasa untuk mengusir Yang Berhormat kerana banyak lagi perkara yang hendak dibahas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Usirlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat memikirkan bahawa isu ini adalah penting sangat, kenapakah tidak dibawa pada waktu peringkat dasar apabila kita berbahas dengan Kewangan? Kenapa harus tunggu pada sekarang ini baru dibahaskan? Ada masa lagi Yang Berhormat. Itu sebab saya kata perkara ini tidak perlu disegerakan. Kementerian yang berkenaan sedang membuat jawapan kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Bukan Ahli Yang Berhormat yang *interpret* peraturan mesyuarat tetapi saya. Tidak setuju, buat usul. Kalau juga melengah-lengahkan begini, saya gunakan kuasa untuk suruh rehat. Begitu sahaja [*Dewan riuh*].

Ahli Yang Berhormat yang lain-lain itu tolong jangan campur hal. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan campur hal, sekarang ini juga saya akan suruh rehat. Mahu cuba? Siapakah lagi di belakang sana mahu cuba? Cuba.

**Beberapa Ahli:** ‘Ngam’, ‘ngam’, ‘ngam’. Ngam itu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ‘Ngam-ngam’, tak ‘ngam’ ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa lagi yang bercakap ‘ngam’ untuk kali yang penghabisan akan saya buat seperti apa yang saya buat sama Yang Berhormat Ranau dahulu. Ada? Okey, tiada. Sila Setiausaha.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### **RANG UNDANG-UNDANG TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK 2014**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia dan bagi Pendaftaran dan Pengiktirafan Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal dan bagi perkara yang berkaitan; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.37 pg.**

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014; Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014; Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014; Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014; Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2014; dan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (No.2) 2014 seperti yang tertera di nombor 1 sehingga nombor 6 dan usul-usul Menteri Kewangan di No.14 hingga No.19 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

■1140

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG MALAYSIAN AIRLINE  
SYSTEM BERHAD (PENTADBIRAN) 2014**

**Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**11.40 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** *Bismillahi Rahmani Rahiim*, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014 untuk mengadakan undang-undang khas bagi maksud pentadbiran Malaysian Airlines System Berhad (MAS) syarikat subsidiarinya milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separuhnya yang membekalkan barang atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi pengendalian MAS, pelantikan seorang pentadbir dengan kuasa untuk mentadbir dan menguruskan MAS, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separuhnya yang membekalkan barang atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya; untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu entiti baru yang akan menggantikan MAS sebagai syarikat penerbangan nasional dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali kedua sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang khas ini adalah dikehendaki demi kepentingan awam untuk memastikan perkhidmatan udara oleh MAS sebagai syarikat penerbangan nasional diteruskan dan jaringan perhubungan yang berterusan sama ada ke Malaysia dari Malaysia serta dalam Malaysia oleh syarikat penerbangan nasional tersebut. MAS memainkan peranan yang luas dalam pembangunan dan sosioekonomi Malaysia. MAS sebagai syarikat penerbangan negara adalah sebuah syarikat yang penting dan berperanan dalam menyediakan sambungan antarabangsa dan domestik negara dengan itu menyumbang ke arah pembangunan negara dan sosioekonomi. Kajian telah menunjukkan bahawa MAS menyumbang dalam anggaran RM6.9 bilion setahun iaitu lebih kurang 0.9% daripada jumlah KDNK Malaysia dan industri penerbangan adalah di antara perganda ekonomi tertinggi sebanyak 12 kali ganda.

Keduanya situasi semasa MAS susulan kejadian MH370 dan MH17 memerlukan respons yang holistik. MAS kini dalam keadaan kekurangan kewangan selepas mencatatkan kerugian bersih terkumpul sebanyak RM4.1 bilion pada tahun 2011 hingga 2013 dan kerugian bersih sebanyak RM748 juta bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2014. Ini lebih diburukkan lagi dengan kejadian MH370 dan MH17 memandangkan kepentingan perkhidmatan MAS dalam pembangunan Malaysia pembetulan secara holistik dalam menangani keadaan ini adalah amat penting.

Ketiganya, Akta MAS adalah untuk memudahkan penyusunan semula dengan cepat di samping mengurangkan gangguan untuk perkhidmatan. Oleh itu Akta MAS bertujuan untuk memudahkan penyusunan semula yang lebih cepat dan lebih cekap tanpa menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan dan mengelakkan gangguan kepada peranan sosioekonomi yang dilaksanakan. Sebagai contoh penyediaan sebuah perintah peletakan hak untuk memindahkan aset liabiliti dan kontrak kepada syarikat baru ataupun *new co.* dan ketersediaan moratorium akan memudahkan pelaksanaan penyusunan semula MAS dengan lebih cepat. Oleh itu Akta MAS menyediakan bantuan dan sokongan bagi memastikan semua pihak akan membuat perkara yang diperlukan untuk menjayakan penyusunan semula MAS.

Untuk itu perundangan ini adalah satu-satu caranya yang paling berkesan dan cepat untuk mentadbir dan menguruskan MAS, subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separuhnya yang membekalkan barang atau perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting untuk pengendalian syarikat penerbangan nasional ini tanpa gangguan terhadap operasinya.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk menubuhkan satu entiti baru yang dikenali sebagai Malaysia Airlines Berhad dengan model perniagaan yang baru yang mana adalah kritikal bagi memastikan kelangsungan, keuntungan dan daya maju.

Seterusnya Malaysia Airlines Berhad akan mengambil alih perniagaan, harta, hak tanggungan dan hal ehwal tertentu MAS. Adalah menjadi kepentingan awam untuk memastikan kelangsungan penerusan kewujudan sebuah syarikat penerbangan nasional bagi menyokong pembangunan Malaysia. Rang undang-undang memperuntukkan antara lain suatu mekanisme yang berkesan, cekap dan lancar untuk meminda hak perniagaan harta, hak tanggungan dan hal ehwal MAS kepada Malaysia Airlines Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini mempunyai enam bahagian merangkumi 37 fasal termasuk satu jadual. Bahagian I, fasal 1 hingga 3, akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengadakan perkara permulaan. Akta ini akan terpakai selama tempoh lima tahun sehingga Malaysia Airlines Berhad disenaraikan dan sahamnya diniagakan di pasaran Bursa Malaysia mengikut mana-mana yang lebih awal. Ini adalah selaras dengan matlamat akta yang dicadangkan untuk memperuntukkan langkah-langkah sementara bagi memastikan perkhidmatan udara yang penting dan jaringan perhubungan ke Malaysia dari Malaysia serta ke Malaysia oleh MAS tidak terganggu.

Selanjutnya Menteri diberi kuasa untuk menetapkan pemberhentian yang lebih awal bagi akta ini jika matlamat akta yang dicadangkan ini tercapai lebih awal. Sekiranya tempoh pemakaian akta hendak dilanjutkan maka cadangan kelanjutan tersebut perlu ahli-ahli dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan dan diluluskan.

Bahagian II iaitu fasal 4 hingga 17 mengandungi peruntukan berhubung dengan peletakan MAS syarikat subsidiari milik sepenuhnya dan syarikat subsidiari milik separuhnya yang kini disebut sebagai syarikat yang ditadbir. Kesan dan jangka masa pentadbiran serta perkara berkaitan lain yang berhubungan dengan pelantikan kelayakan kuasa dan fungsi pentadbir. Tertakluk kepada persetujuan menteri yang ditakrifkan sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mana-mana pemegang saham MAS atau Lembaga Pengarah MAS boleh melalui resolusi menempatkan syarikat yang ditadbir di bawah pentadbiran. Seterusnya pemegang saham MAS ataupun Lembaga Pengarah MAS tersebut yang dirujuk sebagai pelantik mempunyai kuasa untuk melantik pentadbir. Pentadbiran syarikat yang ditadbir akan bermula daripada tarikh pelantikan pentadbir dan berakhir apabila pentadbiran itu ditamatkan oleh pentadbir atau ditamatkan oleh pelantik.

Fasal 5 hingga fasal 11 memperuntukkan pelantikan pentadbir fungsi dan kuasa pentadbir serta kesan-kesan pelantikan pentadbir. Seorang pentadbir hendaklah merupakan seorang sebenar ataupun *natural person* telah bersetuju dengan pelantikan tersebut itu dan merupakan seorang juru audit syarikat yang diiktiraf di bawah Akta Syarikat 1965 atau seseorang yang berupaya untuk menjalankan tugas pentadbir bagi memastikan pentadbir berupaya untuk melaksanakan fungsi dan kuasanya dengan bebas, mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan dalam syarikat yang ditadbir tidak boleh dilantik sebagai pentadbir.

Dalam hal ini, pihak yang mempunyai kepentingan dalam syarikat yang ditadbir termasuklah mana-mana pihak yang merupakan penerima gadai janji, mana-mana harta syarikat yang ditadbir atau mempunyai pegangan saham secara langsung atau tidak langsung dalam

syarikat yang ditadbir atau seseorang secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan dalam apa-apa kontrak atau perkiraan untuk membekalkan barang atau perkhidmatan kepada syarikat yang ditadbir atau seorang juru audit syarikat yang ditadbir atau seorang pegawai syarikat yang ditadbir. Pentadbir berfungsi untuk menjalankan dan menguruskan perniagaan, hal ehwal dan pengendalian syarikat yang ditadbir termasuklah mengambil alih semua kuasa yang diberikan kepada pengarah dan menjalankan fungsi pegawai syarikat yang ditadbir.

Fasal 11 memperuntukkan suatu moratorium yang menghalang permulaan atau penerusan langkah-langkah atau tindakan undang-undang tertentu terhadap syarikat yang ditadbir apabila pentadbir dilantik. Moratorium yang ditetapkan itu akan memastikan bahawa pentadbiran syarikat yang ditadbir boleh dijalankan dengan berkesan dan tanpa gangguan. Walau bagaimanapun, moratorium ini tidak terpakai bagi apa-apa prosiding sivil atau jenayah yang diambil oleh badan kawal selia terhadap syarikat yang ditadbir. Jangka masa moratorium adalah selama 12 bulan daripada tarikh pentadbir dilantik melainkan pentadbiran ditamatkan terlebih dahulu. Tempoh moratorium juga boleh dilanjutkan oleh menteri sekali sahaja bagi tempoh tidak lebih daripada 12 bulan jika Menteri berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan yang mewajarkan pelanjutan tersebut.

Fasal 14 adalah berhubung perkhidmatan peralihan. Walau bagaimanapun fasal ini akan ditambah baik di peringkat jawatankuasa nanti. Bahagian ketiga iaitu fasal 18 hingga 23 memperuntukkan pentadbiran syarikat yang ditadbir oleh pentadbir termasuklah pelantikan penasihat bebas, kelayakan penasihat bebas keputusan yang berhubung dengan cadangan yang disediakan oleh pentadbir dan pelaksanaan cadangan.

#### ■1150

Pentadbir mempunyai kuasa sama ada untuk berunding semula terma dan syarat manapun kontrak atau perjanjian syarikat yang ditadbir atau menyediakan suatu cadangan berkenaan dengan syarikat yang ditadbir atau membuat kedua-dua rundingan semula dengan menyediakan cadangan. Cadangan itu boleh memperuntukkan bagi pemindahan apa-apa harta perniagaan atau tanggungan syarikat yang ditadbir dengan cara peletakan hak di bawah Bahagian V atau mengikut undang-undang yang berkaitan yang terpakai.

Penasihat bebas boleh dilantik oleh pelantik untuk menyemak cadangan yang disediakan oleh pentadbir bagi memastikan kesaksamaan dan semakan yang objektif terhadap cadangan pentadbir, penasihat bebas hendaklah tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam syarikat yang ditadbir dan Malaysia Airlines Berhad.

Pelantik hendaklah mempertimbangkan cadangan pentadbir bersama dengan laporan penasihat bebas dan jika pelantik meluluskan cadangan itu, cadangan itu hendaklah dilaksanakan mengikut termanya. Walau bagaimanapun, jika pelantik menolak cadangan itu, pelantik boleh mengarahkan pentadbir supaya mengkaji semula cadangan itu atau menyediakan cadangan baru atau menamatkan pentadbiran syarikat yang ditadbir.

Bahagian IV, fasal 24 hingga 29 memperuntukkan berhubung penubuhan dan matlamat Malaysia Airlines Berhad serta perkara-perkara berkaitan pekerja syarikat yang ditadbir. Selaras dengan tujuan akta ini, *Malaysia Airlines Berhad* yang ditubuhkan akan mengendalikan syarikat penerbangan nasional Malaysia sebagai suatu perusahaan komersial. Malaysia Airlines Berhad juga boleh menjalankan perniagaan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga Pengarah Malaysia Airlines Berhad.

Malaysia Airlines Berhad mengikut budi bicaranya boleh menawarkan pekerjaan kepada mana-mana pekerja syarikat yang ditadbir berdasarkan terma dan syarat yang ditentukan oleh Malaysia Airlines Berhad. Walau bagaimanapun, tawaran pekerjaan itu tidak dibuat atas kapasiti Malaysia Airlines Berhad sebagai syarikat pengganti, pemegang secara hak atau penerima pindahan atau majikan pengganti bagi syarikat yang ditadbir. Oleh itu, Malaysia Airlines Berhad tidak bertanggungan ke atas apa-apa kewajipan syarikat yang ditadbir berhubung dengan apa-apa pelan persaraan atau pelan manfaat pasca pekerjaan pekerja atau bekas pekerja syarikat yang ditadbir atau bagi apa-apa wang yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja syarikat yang ditadbir sebelum Malaysia Airlines Berhad menjadi majikan.

Fasal 27 mengadakan peruntukan bagi kuasa Malaysia Airlines Berhad untuk mengenakan kaedah-kaedah kerja, tata kelakuan dan peraturan-peraturan selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Fasal 28 menyatakan kehendak dan tatacara bagi apa-apa perbincangan atau rundingan antara Malaysia Airlines Berhad dengan Kesatuan Sekerja dan persatuan yang ditubuhkan. Fasal ini memperuntukkan semua perkara yang dibincangkan atau dirundingkan antara Malaysia Airlines Berhad dengan Kesatuan Pekerja atau persatuan hendaklah dibuat melalui mesyuarat dan semua Kesatuan Sekerja dan persatuan hendaklah diwakili sewajarnya dalam mesyuarat itu. Ketidakhadiran mana-mana Kesatuan Sekerja atau persatuan hendaklah menyebabkan penangguhan mesyuarat itu dan apabila mesyuarat yang ditangguhkan itu bersidang semula, keputusan yang dibuat secara bersama oleh mereka yang hadir pada mesyuarat di tangguh itu dengan Malaysia Airlines Berhad hendaklah sah dan mengikat *Malaysia Airlines Berhad* dan kesemua Kesatuan Sekerja dan persatuan. Tujuan mesyuarat adalah untuk memastikan ketelusan berhubung isu atau perkara yang dibincangkan dan kesaksamaan kepada semua pihak. Fasal 28 akan ditambah baik di peringkat jawatankuasa dengan memperuntukkan tempoh notis 14 hari hendaklah diberi kepada Kesatuan Sekerja dan persatuan untuk memanggil mesyuarat.

Fasal 29 mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan atau memberi kesan kepada produktiviti atau penggunaan tenaga pekerja dengan berkesan dalam Malaysia Airlines Berhad adalah tidak termasuk sebagai perkara-perkara yang boleh dirundingkan di bawah fasal 28. *Malaysia Airlines Berhad* hendaklah menentukan perkara yang berhubung dengan pencarian sumber manusia dan penggunaan tenaga kerja, penilaian pekerja, kelayakan cuti, waktu bekerja, penjadualan kerja dan termasuk had masa penerbangan dan tempoh tugas

penerbangan. Dalam membuat penentuan tersebut, Malaysia Airlines Berhad hendaklah mematuhi segala undang-undang dan standard ataupun piawaian antarabangsa yang terpakai.

Bahagian V iaitu fasal 30 dan 31 memperuntukkan berhubung peletakan hak ataupun harta atau tanggungan syarikat yang ditadbir di bawah akta yang dicadangkan.

Bahagian VI, fasal 32 hingga 37 memperuntukkan peruntukan am akta seperti pemakaian akta lain, tanggungan rugi bagi pentadbir, kekebalan, had atas pemberian perintah mahkamah dan kesahan transaksi.

Fasal 32 mengecualikan pemakaian seksyen 132E, Akta Syarikat 1965 ke atas MAS dan Malaysia Airlines Berhad. Seksyen 132E, Akta Syarikat 1965 memperuntukkan kelulusan pemegang saham adalah dikehendaki bagi transaksi pihak berhubungan ataupun *related party transaction* dan pengecualian seksyen 132E adalah diperlukan dalam transaksi pihak berhubungan MAS dan Malaysia Airlines Berhad kerana terdapat kemungkinan tidak ada pemegang syer yang lain untuk meluluskan ketetapan pemegang saham yang diperlukan. Ini berikutan seksyen 132E mengecualikan pihak berhubungan ataupun *related party* daripada mengundi.

Fasal 33 memperuntukkan pentadbir, pelantik atau mana-mana orang lain berhak untuk mendapatkan tanggung rugi daripada harta syarikat yang ditadbir berkenaan dengan kos perbelanjaan yang dilakukan dan kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat yang ditadbir semasa pentadbiran syarikat yang ditadbir. Hak tanggung rugi tersebut hendaklah dibayar mendahului ataupun *paid in priority*, dengan izin, semua hutang yang bercagar dan tidak bercagar ataupun *secured and unsecured debts*, dengan izin.

Fasal 34 memperuntukkan tiada tindakan guaman, pendakwaan atau apa juga prosiding boleh dibawa terhadap Menteri, pelantik, pentadbir, penasihat bebas, mana-mana pegawai yang berkhidmat dengan pelantik atau penasihat bebas, mana-mana orang lain yang bertindak di sisi undang-undang bagi pihak pelantik, pentadbir dan penasihat bebas dengan syarat perbuatan ataupun perkara itu dibuat dengan suci hati ataupun *good faith*, dengan izin, dan dalam menjalankan apa-apa kuasa dan menunaikan apa-apa kewajipan yang diberikan di bawah akta yang dicadangkan.

Jadual memperuntukkan tentang peletakan hak dan pemindahan harta dan tanggungan syarikat yang ditadbir kepada Malaysia Airlines Berhad dan penerima pindahan dinamakan dalam cadangan itu dan menyatakan kesan peletakan hak itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali adalah sangat penting untuk ditekankan bahawa rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan undang-undang khas bagi pentadbiran Malaysia Airlines System Berhad, syarikat subsidiari milik sepenuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barang atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi pengendalian Malaysia Airlines System Berhad dan pelantikan seorang pentadbir dengan kuasa untuk mentadbir dan menguruskan Malaysia Airlines System Berhad, syarikat subsidiari milik sepenuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barang atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya; untuk mengadakan peruntukan bagi menujuhkan suatu entiti baru yang akan menggantikan Malaysian Airlines System Berhad sebagai syarikat penerbangan nasional; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebelum itu, saya hendak mendapatkan kepastian berapa orang yang minat? Lebih kurang sepuluh orang, ya. Saya percaya isu ini semua menarik minat Ahli-ahli Parlimen dan kita bercadang pukul 3.00 petang Yang Berhormat Menteri boleh mula menjawab. Okey, satu jam setengah lebih kurang kita ada untuk perbahasan. Boleh singkatkan, sesingkat-singkatnya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, *insya-Allah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Untuk membolehkan ramai Ahli Parlimen yang terlibat untuk berbahas. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, 10 minit.

■1200

**12.00 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Malaysian Airlines System Berhad (Pentadbiran) 2014 iaitu pada saya sudah bersesuaianlah pada ketika ini apabila MAS ini pada satu ketika telah dilanda musibah. Telah dilanda beberapa malapetaka yang menyediakan daripada kehilangan MH370 sehingga kehancuran sebuah pesawat MH17 baru-baru ini. Ini telah menambah derita yang dialami oleh MAS sendiri.

Dalam masa yang sama mungkin juga sebelum insiden-insiden, kejadian-kejadian ini berlaku MAS mungkin sememangnya sedang mengalami kemerosotan perniagaan dan perdagangan. Ini mungkin ekoran daripada kelembapan, kelemahan pentadbiran, pengurusan yang dibawa oleh MAS itu sendiri. Pada saya, MAS ini memang sebuah syarikat yang begitu terkenal dan begitu terpahat di hati sanubari seluruh rakyat negara ini. Oleh sebab itu, tanpa MAS suatu ketika dahulu rakyat Malaysia tidak akan dapat, sudah pasti tidak akan dapat

berhubung di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di antara satu negara dengan satuh negara yang lain. Mutakhir ini kita ditambah dengan penerbangan AirAsia dan juga Malindo.

Pada saya AirAsia ini merupakan satu penerbangan yang cuma bersifat komersial semata-mata iaitu mengaut keuntungan semata-mata tanpa perlu memikirkan kepentingan rakyat. Akan tetapi MAS pada saya daripada kecil lagi kita sudah kenal, kita sudah diterapkan, sudah tentulah saya menyedari bahawa perlu ada satu langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Khazanah Nasional untuk menyuntik dana baru. Saya dimaklumkan lebih kurang RM6 bilion akan disuntik oleh Khazanah Nasional untuk membaik pulih ataupun memulakan perniagaan baru MAS pada masa akan datang. Sudah tentu rakyat mengharapkan sesuatu yang terbaik apabila ada suntikan dana baru dan langkah baru maka sudah tentu kita mengharapkan yang terbaik dan tidak ada lagi yang kita harapkan satu kegagalan menuju, menanti kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua. Apa yang penting pada saya ialah mereka yang diberi amanah, mereka yang diletakkan untuk mengurus perniagaan MAS ini harus melihat secara total, harus melihat bagaimana perniagaan ini dikembangkan sebab cabaran dalam menentukan sebuah syarikat penerbangan memang banyak. Oleh sebab itu, di Amerika sendiri pernah berlaku selepas 11 September, di mana Kerajaan Amerika telah menyuntik dana-dana untuk memastikan bahawa syarikat penerbangan milik Amerika dapat dikembangkan semula sebab ketika itu mereka telah *down*, mereka telah mengalami kerugian disebabkan kejadian 11 September itu. Demikian juga dengan syarikat penerbangan Philippine yang saya dapat tahu sehingga hari ini telah tidak dapat dikembangkan, telah ditutup dan cuma dibentuk sebuah syarikat penerbangan dalam domestik di antara negeri-negeri mereka tetapi tidak lagi terbang untuk ke serata dunia dan sebagainya.

Sudah tentu mungkin cabaran ini memang menjadi satu kekangan dan halangan untuk menentukan bahawa syarikat penerbangan ini dapat bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain seperti penerbangan Emirates, Cathay Pacific dan sebagainya. Pada saya apa yang penting iaitu pengurusan, itu amatlah penting. Perundingan di antara pemegang-pemegang saham, di antara pembekal-pembekal, sama ada pembekal makanan, barang dan sebagainya harus diambil kira kerana adalah mungkin menitik berat ke arah bagaimana perniagaan baru ini dapat dibentuk pada masa itu nanti.

Pada saya MAS juga harus menyusun strategi iaitu menentukan destinasi penerbangan. Jangan sesekali merunding dengan penerbangan-penerbangan yang lain sebab saya dapati ketika ini Yang Berhormat Menteri, MAS amat *tolerate* dengan AirAsia di mana penerbangan yang seharusnya padat dengan penumpang, MAS *sacrifice* dan bagi dengan AirAsia. Ini rasa saya tidak patut dan tidak adil.

Cuba selidik balik kalau ada perundingan-perundingan begini yang berlaku pada masa-masa yang lalu. Saya rasa perundingan ini perlu dibatalkan. Contohnya, penerbangan di antara Philippine dengan Sabah telah dibatalkan dan Kota Kinabalu ke Philippine tidak ada penerbangan MAS. Cuma AirAsia yang ada. Sedangkan destinasi ini penuh dengan penumpang,

padat dengan perniagaan. Jadi, saya rasa sudah tidak betul pengurusan dan pentadbiran pada masa-masa yang lalu. Saya juga meminta oleh kerana kita mengadakan penstruktur baru maka semua ahli lembaga pengaruhnya rehatkanlah, berhentikanlah, tukar. Kalau sudah tukar satu kali *[Di sampuk]* tukar lah segala-galanya. *Rebranding* lah segala-galanya. Pengurus-pengurus yang lemah gantilah dengan pengurus yang mempunyai kualiti yang ingin bermula. *[Disampuk] [Ketawa]*

Yang Berhormat Menteri, saya melihat yang kita harus *rebranding* MAS ini. Kita harus tentukan masa depannya dengan lebih baik sebab kita tidak mahu lagi rakyat melihat MAS ini sebagai satu benda yang membebankan. MAS ini bukan seperti penerbangan yang lain, bukan seperti AirAsia. AirAsia ini mencekik rakyat. AirAsia ini *blood sucker*, dia hisap darah rakyat untuk kaut keuntungan. *[Disampuk]* Dia ulat, ulat yang diletakkan untuk makan darah orang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat sila.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Walaupun tohmahan-tohmahan itu saya rasa tidak betul tetapi kita mahu faham *AirAsia is one of the best run airlines* di dunia. Boleh kah Yang Berhormat setuju bahawa mungkin kita serah sahajalah MAS kepada AirAsia untuk mengendalikan dan ia lebih efisien. *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mungkin Yang Berhormat Ipoh Barat ini ada saham dalam AirAsia. *[Ketawa]* Saya tidak melihat cadangan itu cadangan yang baik. Sebab saya percaya bahawa Khazanah pun mempunyai kepakaran mengurus perniagaan penerbangan ini. Oleh sebab saya melihat bahawa penerbangan AirAsia ini, ia diuruskan oleh seseorang yang cuma mengutamakan keuntungan, yang bersifat keuntungan semata-mata. Tidak ada CSR, yang bawa anak ketinggalan lima minit, dia tidak *check in*, tidak dibenarkan naik kapal terbang, ini apa? Ini tidak betul. Ini sudah satu penganiayaan sebab itu saya kata, AirAsia ini penerbangan yang diwujudkan oleh swasta, menganiaya rakyat, cekik darah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, boleh gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya menggulung. Oleh kerana itu susun semula, tukar semula pentadbiran yang ada daripada ahli lembaga pengaruhnya, tukar semua. Minta kerajaan cari orang, ahli lembaga pengarah yang boleh bermula macam saya. *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Kuala Krau beri bonus.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya terus terang. *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekarang kita tahu tujuan Yang Berhormat Kinabatangan. Dia mahu jadi ahli lembaga dalam MAS.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan, saya tidak mahu. Saya sudah ada, buat apa? Saya tidak mahu, saya sudah ada. Cukuplah. Cuma kita mahu orang yang mengurus itu biar ada komitmen, biar ada kesungguhan. Biar dia melihat, meletakkan perniagaan yang dia urus itu harus mendapat keuntungan dan keuntungan itu boleh dinikmati oleh rakyat. Itu yang kita mahu. Ini kerana, “*Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan*”. Itu penting. Jadi, pencapaian perlu diutamakan, rakyat didahulukan.

■1210

Dalam MAS ini, perlu diletakkan destinasi ia harus dilihat dan harus disusun terutama sekali Kuala Lumpur ke Sandakan. Harus dipulangkan penerbangan ia dua kali satu hari dalam jadual akan datang. Kalau tidak, orang Sandakan akan mengamuk dengan pentadbiran baru ini nanti. Dahulu kita ada dua kali, sekarang tinggal satu kali. Selepas itu tidak ada lagi. Jadi tidak tentu penerbangan ia. Macam disengajakan...

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Boleh sedikit?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Selepas itu saya gulung.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan perbahasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan terutama sekali *flight* dari Sandakan ke Kuala Lumpur. Sedarkah Yang Berhormat Kinabatangan, bahawa *flight* ini terjadi apabila AirAsia membeli saham MAS ketika itu? Ketika itu, apabila AirAsia sudah membeli saham, maka *flight* MAS sudah jadi sekali sahaja sehari. Selepas itu, Firefly pun sudah gulung tikar ketika itu sehingga hari ini. Adakah ini disebabkan pengurusan MAS ataupun disebabkan oleh AirAsia membeli saham daripada MAS pada ketika itu? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, oleh sebab itu perlu dikaji kenapa AirAsia satu hari tiga kali. Penuh penumpang ia. MAS dikurangkan. Itu saya kata ada perundingan di sebalik ini yang tidak betul. Jadi, perlu dilihat. Kalau AirAsia boleh dapat tiga penerbangan, MAS satu, ini tidak betul. Ini sudah tidak betul. Ada unsur-unsur tidak betul. Minta diperbetulkan segala ini.

Saya mahu juga selepas penstrukturran ini, kita lulus, saya tidak mahu lagi sekuriti lapangan terbang kita memeriksa badan manusia menggunakan tangan. Saya sudah tegur, tetapi masih lagi. Negara mundur *Cambodia*, dia guna *detector*. Negara Thailand guna *detector*. Kita Malaysia pakai tangan. Apa ini? Main raba-raba, main urut badan. Ini tidak betul. Gunalah *detector* atau sensor macam di UK, Australia. Negara miskin macam mana pun boleh mampu beli peralatan, kita tidak ada.

Apa yang peliknya, selepas saya tegur, saya lalu, kelam-kabut dia ambil satu *detector* tetapi tidak berfungsi. *[Ketawa]* Ini saya kata, “*Ini untuk apa?*” “*Ini untuk Datuk sahaja*”, dia kata. Apa ini? Jadi, uruslah betul-betul. Saya tidak mahu, kalau saya lalu lagi dia pegang saya,

awaslah dia, saya saman dia. Saya tidak mahu dia pegang saya, sebab saya sensitif. [Disampuk] Ya, dia pegang macam-macam dia raba, yang barang-barang sulit kita pun dia raba. Mana boleh. Ini kalau dia pegang saya satu kali lagi, saya saman dia walaupun dalam akta ini tidak boleh. Akan tetapi sebelum dia wujud, saya bagi maklum dengan MAS. Jangan pegang-pegang dengan saya, saya tidak mahu. Dia pegang Yang Berhormat Seputeh mungkin boleh. Saya, jangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sokong akta ini untuk memperbetulkan MAS ini dan penambahbaikan sistem penerbangan dia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Seringkas-ringkasnya, jangan melebihi 10 minit. Ya, sila.

### 12.13 tgh.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa rang undang-undang ini terpaksa Dewan ini sama ada di sebelah sana ataupun di sebelah sini sokong. Kita terpaksa sokong kerana nasi sudah jadi bubur. Kita tidak ada pilihan lain. Sudah bertahun-tahun kita berikan *reminders* kepada kerajaan, sudah bertahun-tahun kita bahas dalam Dewan ini sebelum saya masuk Dewan juga mengenai skandal-skandal yang ada dalam Malaysia Airlines System, tapi tidak dipedulikan. Semuanya okey, tidak ada masalah.

Kalau kita lihat apa yang telah pun berlaku di MAS, sejarah dia, tahun 1994 diswastakan, 30% dijual kepada seorang *towering Malaysian*. Bukan kata saya, kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. *Towering Malaysian*, Tan Sri Tajuddin Ramli. Selama empat tahun – yang saya tahu lah. Sebelum tahun 1990 saya tidak ada dia punya data. Selama empat tahun sebelum tahun 1994, MAS untung besar pada masa itu. Servis baik, dipercayai oleh pelanggan-pelanggan sedunia. Selepas diswastakan, dua tahun terus dapat untung lagi.

Akan tetapi selepas tahun 1996, empat lima tahun berturut-turut rugi. Bukan rugi kecil, *cumulative loses* dalam jangka masa itu melebihi RM8 bilion. Hutang dalam Malaysian Airline pada masa itu meningkat melebihi RM9 bilion. Tidak ada masalah, semuanya okey. Kalau masa itu saya masih dekat sekolah, saya ada baca masa itu ucapan daripada, yang pada masa itu Yang Berhormat Tanjong, sekarang sudah Yang Berhormat Gelang Petah, kritik. Akan tetapi kata semua okey.

Selepas itu ada krisis tahun 2002, kerajaan beli balik saham tersebut. Dengan harga apa? Dengan harga RM8 setiap saham. Jumlah, RM1.8 bilion. Harga pasaran saham pada masa itu berapa? RM3.60. Kerajaan beli RM8. Menteri Kewangan dalam Parlimen kata apa? “*This is good value.*” “*This is good value for the country.*” RM8 satu saham.

**Seorang Ahli:** Siapa itu Menteri Kewangan?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Siapa Menteri Kewangan? Dari UMNOlah Menteri Kewangan. Dari UMNO Menteri Kewangan. [Dewan riuh] Menteri Kewangan UMNO kata, *good value* RM8. Sekarang berapa harga saham?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Siapa? Sebut nama. Siapa?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sekarang 20 sen, 27 sen, itu harga yang Khazanah ingin beli balik daripada pemegang saham. Harga pasaran rendah daripada 20 sen.

Apakah jumlah kos yang telah pun dibeban atau dipikul oleh dana-dana dalam kerajaan seperti KWSP, KWAP, pelabur-pelabur di luar sana? Saya bacakan senarai jumlah wang yang dilaburkan sejak tahun 2001 semasa kerajaan beli dengan harga RM1.8 bilion.

Pada tahun 2002, *rights asset, the unbundling*, program yang telah pun dibuat. Tahun 2005, RM700 juta. Tahun 2006, *issue of new rights* dikeluarkan RM1.3 bilion. Tahun 2010, RM2.3 bilion. Tahun 2012, pinjaman RM6.3 bilion. Tahun 2013, tahun lalu, *rights issue* RM2.2 bilion. Dan, Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad, syarikat yang telah pun mengambil alih kapal terbang daripada MAS untuk menyenangkan, meringankan beban kepada MAS mengalami kerugian *cumulative* sebanyak RM2.8 bilion. Jumlah, RM17.4 bilion. Tambah lagi RM1.4 bilion yang Khazanah akan keluarkan untuk mengambil alih saham yang belum dimiliki oleh Khazanah, RM1.4 bilion. Tambah lagi RM6 bilion yang Khazanah cadangkan untuk disuntik dalam...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: [Bangun]**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri, kejap ya? Saya bagi, saya bagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hendak bagi tahu harga MAS.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Akan disuntik dalam Malaysian Airline, kita akan melabur dalam jangka masa 15 tahun lebih kurang RM24 bilion. Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Harga MAS hari ini ialah 26.5 sen ataupun 27 sen ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Harga MAS hari ini 26.5 sen kerana Khazanah tawarkan 27 sen. *[Dewan riuh]* Faham tidak Yang Berhormat Menteri? Kalau bukan kerana Khazanah tawarkan 27 sen, harganya 15 sen, 14 sen.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** No, kelmarin tutup 27 sen. Hendak perbetulkan, bukan *less than 20 cent* ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Harga pasaran.

■1220

Apa sebabnya, kita kena tahu sebab. Jangan kita kasi *bailout*, kita luluskan undang-undang ini, kita tidak tahu kenapa kita perlu *bailout* Malaysia Airlines. Jawapannya senang. Kronisme. Tidak ada tender terbuka, tidak ada pemilihan terbuka untuk mencari sesiapa yang mengambil alih Syarikat Malaysia Airlines. Kita bagi kepada Tan Sri Tajuddin. Apa dia buat? Dia tubuhkan syarikat sendiri dengan abang dia, dengan saudara dia di Germany, angkat kontrak daripada Malaysia Airlines.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Apa syarikat ini? Air Cargo di Germany. *[Disampuk]* Apa lagi? Selepas dia menjual balik syarikat kepada kerajaan, syarikat-syarikat kerajaan ada bawa dia ke mahkamah untuk ambil balik wang yang dihutang kepada

Malaysia Airlines dan lain-lain syarikat kerajaan. Jumlah mahkamah yang telah luluskan, yang telah tetapkan bahawa yang perlu dibayar balik oleh Tan Sri Tajuddin Ramli kepada Malaysia Airlines, Khazanah dan kepada syarikat-syarikat lain seperti Telekom Malaysia, RM589 juta. Sudah ditetapkan dalam mahkamah.

Apa Perdana Menteri sekarang, Menteri Kewangan sekarang yang buat, tahun 2011. Settle. Tidak perlu bayar, satu sen pun tidak perlu bayar balik kepada kerajaan.

**Seorang Ahli:** Cuci bersih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tan Sri Tajuddin Ramli *untouchable*.

Sudah menyebabkan syarikat kita rugi begitu besar, masuk mahkamah dia tewas kena bayar balik kepada kerajaan, kerajaan sekarang kata tidak perlu bayar balik. Semuanya okey, semua syarikat diarahkan untuk tarik balik segala tindakan mahkamah kepada Tan Sri Tajuddin Ramli. Seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, kontrak-kontrak lumayan kepada kroni-kroni. Brahim Catering, saya tidak ada angka yang betul. Akan tetapi dalam *internet*, Menteri boleh betulkan kalau saya salah. Internet kata RM6.5 bilion untuk kontrak katering kepada Malaysia Airlines. Nasi lemak berapa ringgit?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** RM60 nasi lemak. Macam mana hendak untung? RM60 nasi lemak. Saya duduk AirAsia... *[Tepuk]* Ya Yang Berhormat Kinabatangan kritik AirAsia, tetapi saya dalam AirAsia makan nasi lemak panas, yang sedap, bungkus cantik-cantik, harga yang saya perlu bayar RM12.50. Itu pun sudah kira mahal, AirAsia untung. Akan tetapi kos nasi lemak Malaysia Airlines RM60. Macam mana hendak untung. Bila tidak ada Tajuddin, ada orang lain pula ambil alih.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Munir Majid, semua ada krisis, semua ada dibahaskan di dalam Parlimen sebelum ini. *Painting* berapa juta? *Painting* RM1.6 juta dibeli.

**Seorang Ahli:** Itu *rebranding*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Rebranding*. *[Ketawa]* Saya agak perlu buat *rebranding* sebegitu lagilah. Beli lagi *painting-painting* daripada artis-artis yang kita tidak kenali, masuk dalam pejabat MAS mungkin MAS akan dipulihkan semula. *Renovation* lebih daripada RM800 juta. Berapa AGN, GN dan Senior GN yang dilantik? Lebih daripada 55 orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Rakan senior akan bagi. Prestasi Malaysia Airlines sekarang, kalau kita... *[Disampuk]* Very good. *Revenue per employee* USD240,000 setiap *employee* dalam Malaysia Airlines. Bagi Singapore Airlines USD700,000, lebih daripada dua kali ganda. Kalau kita hendak banding AirAsia dengan Malaysia Airlines.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya boleh benarkan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sampai 20 minit, tetapi daripada parti yang sama terpaksa dikurangkan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Okey, okey, okey. Boleh, boleh.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya terpulang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Pendapatan *revenue* daripada AirAsia RM4.5 bilion. *Revenue* daripada Malaysia Airlines kurang daripada RM4 bilion. Akan tetapi apabila kita lihat jumlah pekerja yang ada dalam syarikat di AirAsia kurang daripada 6,000 orang, di Malaysia Airlines lebih daripada 22,000 orang. Macam mana hendak dapat keuntungan? So dengan jelas ada masalah pengurusan dari segi kompeten, dari kronisme, dari segi penyelewengan yang berlaku dalam MAS. Ini tidak merupakan *bailout* satu-satu sahaja daripada Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak ada masa, saya singkatkan sahaja.

Kita lihat Indah Water Berhad RM1.4 bilion. TIME dotCom, syarikat yang tidak mampu berdaya saing apabila disenaraikan tidak ada orang hendak beli saham ia, dana-dana kerajaan seperti KWSP dan juga KWAP dipaksa untuk membeli saham tersebut dan selepas itu mendapat kerugian secara langsung. Proton, sebuah lagi syarikat yang saya tahu Yang Berhormat Kinabatangan selalu kritik.

Walaupun syarikat kerajaan sekarang sudah diswastakan masih minta lagi geran daripada kerajaan untuk menampung perbelanjaan mereka. LRT, RM8 bilion diambil alih oleh kerajaan dengan Syarikat Prasarana Negara Berhad. Hari ini, nanti saya rasa petang ini, ada usul lagi pinjaman sebanyak RM474 juta yang diberikan kepada Prasarana terpaksa diubah menjadi suntikan dana kepada Prasarana.

Maksudnya kerajaan hilang RM474 juta kali ini sahaja kerana kita membuat keputusan untuk *bailout* LRT pada masa itu yang dimiliki oleh syarikat seperti Renong sebelum ini. Kita tahu Renong. Saya kenal Renong bukan kerana saya pemilik saham tetapi bapa saya pemilik saham Renong. Dia percaya kepada kerajaan. Dia percaya bahawa asalkan ada UMNO, Renong akan hidup, akan dapat untung besar. Dia beli saham Renong RM1, selepas itu satu sen pun tidak dapat balik kerana Renong, lopus, lopus, bankrap, muflis, tidak ada lagi dan di *bailout* dengan syarikat UEM dan juga PLUS.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dahsyat!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Macam mana *bailout* dia? *Bailout* dia secara *indirect*, secara tidak langsung. Macam mana? Dengan...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Minta pencelahan, Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya – cepat ya?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya cuma hendak tanya satu soalan. Sebelum ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah membuat kenyataan bahawa *investment* RM6 bilion ini bukan satu *bailout* tetapi adalah satu *investment*. Apakah pandangan Yang Berhormat

dan bagaimanakah kita boleh memastikan dari masa depan kita tidak akan selalunya menyelamatkan syarikat MAS dengan menggunakan wang rakyat. RM6 bilion, *how much further can we go* Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Tidak apa, ini kalilah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini kalilah. Ini kali sahajalah. *[Ketawa]* Okey, saya akan jawab dengan perbahasan seterusnya. Saya rasa ke semua ini, siapa yang membayai kos *bailout*? Rakyat. Kenapakah UEM dapat diselamatkan? Ini kerana tol yang kena ditanggung oleh rakyat, Lebuhraya Utara Selatan kian meningkat. Tiap-tiap tahun berbilion-bilion ringgit keuntungan baru macam itu, Syarikat UEM dapat diselamatkan walaupun Renong sudah habis. Siapakah yang menanggung? Rakyat. Ini penting. *[Disampuk]* Tipu? Kos pembinaan PLUS itu hanya RM6 bilion. Sampai hari ini keuntungan PLUS sudah melebihi RM20 bilion.

Kenapa Tan Sri Halim Saad, Pengurus kepada Renong masa itu berjanji hendak beli balik saham dengan harga RM3.3 bilion, kerajaan selepas itu kata tidak perlu bayar balik. RM3 bilion tidak perlu bayar balik, sama dengan Tan Sri Tajuddin Ramli. RM589 juta tidak perlu *[Disampuk]* Menteri Kewangan UMNO, Menteri Kewangan UMNO Barisan Nasional *[Dewan riuh]* Tun Dr. Mahathir dan Tun Daim.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Penjelasan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Siapakah Menteri Kewangan? Tadi Yang Berhormat daripada Rompin sangat garang, tanya. Sekarang dia tidak berani, dia ingat dia tahu. Bukan Yang Berhormat dari Permatang Pauh tetapi Tun Daim dan Tun Mahathir masa itu Menteri Kewangan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tun Daim pun...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Boleh faham sekarang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kasi penjarakan boleh tidak? *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua saya hendak gulung. Saya rasa isu MAS bukan isu boleh diselamatkan dengan satu *bailout* begini sahaja.

■1230

Isu MAS merupakan satu simptom kepada penyakit cara kita mentadbir dan mengurus kerajaan kita. Ini termasuk cara kita hari ini dalam kerja-kerja penswastaan masih dibuat dengan runtingan terus. Masih secara *operate* tidak ada tender terbuka. Masih menggunakan alasan Dasar Ekonomi Baru, nak bantu orang Melayu. Akan tetapi, sebenarnya disalahgunakan untuk bantu kroni-kroni.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Eh, Kerajaan Selangor pun ada apa tender terhad. Jawablah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** So, itu menjadi satu perkara asas. Kalau perkara itu tidak diperbaiki, diperbetulkan, kita tak akan habis-habis lihat skandal, *bailout* sebegini yang terpaksa dibawa ke Dewan supaya kita dapat menyelamatkan syarikat-syarikat kerajaan ini.

Ini tidak akan menjadi perkara yang pertama dan tidak akan menjadi perkara yang terakhir. Kita ada banyak lagi skandal yang mungkin tertimbul. Skandal yang pada sidang ini saya pun telah bangkitkan. KLIA2 RM4 bilion. Kerajaan sebelum ini mempertahankan sekeras-kerasnya tak ada masalah RM4 bilion, *fair value*.

Akan tetapi, laporan PAC - bukan saya – laporan PAC dah keluar. Salah MAHB. Adakah kerajaan akan menyelamatkan MAHB sekarang di mana keuntungannya telah jatuh 98%. Bukan jatuh 5%, jatuh 98% akibat kos peningkatan pembinaan KLIA2. So, kerajaan sekarang ada pilihan. Naikkan *airport tax*, *bailout* syarikat MAHB. Naik *airport tax* siapa yang tanggung? Rakyat lagi yang kena tanggung. Apa yang perlu diperbahaskan dalam sidang mesyuarat UMNO sekarang bukannya sama ada orang Cina cabul orang Melayu. Bukannya India cabul orang Melayu. Yang patut dibahaskan sekarang kerajaan cabul rakyat. *[Tepuk]*

Rakyat yang terpaksa tanggung kesemua skandal-skandal yang terbangkit selama ini. Saya rasa ini kalau UMNO boleh bahas, ini akan menjadi satu *improvement*...

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini apa kena-mengena ini?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dalam sidang...

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dalam sidang UMNO, saya nak bercakap DAP tentang perkara ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mesyuarat Agung yang berlaku sekarang ini.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bercakap UMNO lepas ini saya cakap DAP.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya habiskan.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Apa demokrasi DAP? Mengarut ini. Cakap akta jangan menyimpang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Lepas ini boleh bahas. KLIA2...

*[Dewan riuh]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Hai? Kamu ingat kamu kuat sangatkah?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** KLIA2 hanya merupakan satu skandal yang tengah terjadi.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ala, jangan *terror* lah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** 1MDB, 1MDB. 1MDB...

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bahas tentang akta. Ini apa ini yang melencong ini?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** RM42 bilion.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** 36 apa ini?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, 1MDB bagi saya laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Skandal-skandal yang tengah berlaku yang dinafikan oleh kerajaan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** 1MDB bagi saya laluan. 1MDB bagi saya laluan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ya Yang Berhormat Baling. Sila duduk dulu Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara saya nasihatkan balik kepada tajuk perbahasan kita tentang Malaysian Airlines System.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tak nak ulangi undang-undang sebegini datang dalam Parlimen lagi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** You baru keluar Tanjung Rambutankah?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dalam perkara 1MDB yang saya telah pun bangkitkan sebelum ini, itu perkara penting RM42 bilion hutang. Kalau kita tidak *transparent*, kita tidak...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa ada kena mengena? Lari tajuk. Sekarang ini Rang Undang-undang MAS.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Memulakan perkara ini sekarang, kita akan menghadapi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Lari tajuk.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Satu undang-undang...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak boleh.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang akan datang serupa dengan undang-undang yang kita ada hari ini di mana kita terpaksa juga menyelamatkan syarikat skandal paling besar dalam sejarah Malaysia -1MDB.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin. 10 minit ya.

**12.34 tgh.**

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini dia bercakap mengarut tak habis-habis. Saya terima kasih – turut menyertai perbahasan tentang Rang Undang-undang *Malaysian Airlines System* (MAS) ini. Kita elok *on record* Tuan Yang di-Pertua kita masih ingat insiden kehilangan pesawat MH370 dan selepas itu

pula insiden MH17 yang kedua-duanya menyayat hati kita semua di Dewan yang mulia ini. Kita jangan seharusnya lupa kepada keluarga-keluarga yang kehilangan ibu bapa, anak dan keluarga.

Sewajarnya lah kita sekali lagi mengucapkan takziah kepada mereka semua ini kerana tak kira yang terlibat tak kira agama, bangsa atau warganegara Tuan Yang di-Pertua. Saya pada peringkat awalnya bila mendengar akta ini, ada juga dengan kebimbangannya, kegusarannya, kerana apa? Badan pelaburan Khazanah ini datang ke Parlimen untuk kita meminta menimbang untuk satu akta untuk membantu mereka menangani permasalahan kerugian yang besar dalam anak syarikat di bawah pengawasan mereka ataupun *under their watch*.

Seharusnya permasalahan perniagaan korporat diselesaikan melalui permasalahan perniagaan. Isu *moral hazard* ini saya risau dan bimbang. Hal ini kerana Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tak ada kena mengena dengan kita, dia buat jadi politik. Dituduhnya skandal lah, *bailout* lah. Ini semuanya isu perniagaan yang biasa. *[Disampuk]*

Ya, betul. Apa ‘*hahaha*’ pula? Eh, MAS *is running a business* betul. Akan tetapi, yang ini nak kaitkan kepada *bailout* lah, apalah. Ini belajar dengan apa itu – dengan Ketua Pembangkang, belajar dengan Presiden Agung nya, pengerusinya. Nak tengok tentang demokrasi dalam DAP? Saya ambil contoh. Disenaraikan keputusan CWC. *[Dewan riuh]* Central Committee lah. Jawatankuasanya. Akan tetapi...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini sudah melencong. Inilah melencong.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Akan tetapi, oleh sebab tidak ada bumiputera, tukar terus dah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Keluar tajuk.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Betul tak? Ada senarai..*[Dewan riuh]*. Eh, dengar-dengar ini. Nak tengok demokrasi dalam DAP?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** UMNO .....

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Allah. Muka pun *fed up*, nak kena buang dah ini. Jangan bimbang. Mana ada adik-beradik itu? Siapa nama adik-beradik? Adik-beradik orang kuat DAP itu. Apa dia? *No brother* saya nakkan dia berada dalam, saya dah lama dalam Parlimen, kekal dalam Parlimen. Akan tetapi, adik-beradik dah campak *your punya brother*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Winning and losing is part of the political games.* Ah apa?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Inilah kononnya demokrasi dalam DAP. Terbaik konon. Lepas itu pula mana ada pilihan pengurus. Dia pilih 20 orang sama-sama itu pilih pengurus. Demokrasi kah itu? Ha, itu demokrasi dalam DAP. Apa dia buat baik, apa orang buat punya buruk. Itulah DAP. Tanya Yang Berhormat Seputeh ini.

Akan tetapi, jaga sedikit. Dahulu dah EXCO, dah cantik pakai macam itu, tup-tup dia buang juga. Itu orang... Ini sama yang kawan saya itu – yang celah ini. Orangnya bagus tengok berapa lama mahu tinggal?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, keluar tajuk. Keluar tajuk.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tua-tua dia buang daripada sini. Yang muda-muda nak dibuang. Yang tokoh ini – Yang Berhormat Kepong cantik, bagus ini seperti itu ada pakatan. Jangan...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Saya rasa Yang Berhormat Rompin tak faham tajuk perbahasan lah. Keluar tajuk Yang Berhormat Rompin.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Seputeh dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ya, sila duduk sebentar. Sila duduk sebentar. Yang Berhormat Rompin duduk sekejap.

Semua Yang Berhormat Rompin duduk kejap. Sebab itu setiap kali Speaker nasihat perkataan-perkataan yang dikeluarkan sama ada sebelah kanan saya, sebelah kiri saya berhati-hati. Sebab itu saya nasihatkan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya nasihatkan juga Yang Berhormat Rompin – kalau tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berucap yang sini sakit hati, panas telinga. Jadi kita bila Yang Berhormat Rompin pula berucap, kita sediakan telinga kita pula ya. Ya, terima kasih.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Berbalik kepada MAS...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini semua dah tak relevan ini. Mengarut, merepek ini Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Shah Alam ini dia PAS kah, PKR kah, DAP kah tak tahu lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** UMNO. [Ketawa]

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kita masih ingat Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang berlaku melanda Asia baru-baru ini. Sebelum itu Amerika sendiri pula dihantui pula dengan krisis kewangan yang berlanjutan lantaran permasalahan beban kewangan perumahannya.

Untuk itu, kalau dahulu kerajaan bantu dalam ekonomi. Oleh sebab permasalahan Asian Financial Crisis dengan izin, *the America* sendiri juga memasuki dalam pasaran untuk membantu kestabilan sistem kewangan mereka. Saya nampak kita dahulu – itu dalam krisis kita kewangan negara, kita buat dana harta. Kita dapat satu undang-undang di negara kita untuk memulihkan kembali sistem kewangan kita.

Saya melihat juga Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini MAS menghadapi cabaran yang sama. Beban insiden daripada MH370, MH17 – kerugian ini insuransnya, nyawanya belum ditentukan Yang Berhormat Menteri ya.

■1240

Bagaimana cara sebagai satu badan perniagaan boleh membantu mengatasi masalah yang tidak selalunya menjadi malapetaka kepada satu perniagaan yang biasa? Keduanya juga oleh sebab insiden itu, impak kepada pemasaran, keyakinan *consumer*, pelanggan kepada

syarikat kita begitu juga akan terjejas. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, bahawa MAS ini merupakan satu syarikat yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita dan prasarana negara kita.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kepala Batas bangun.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Keempat...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Kepala Batas minta celah.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepala Batas, bangun.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Minta mencelah Yang Berhormat Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepala Batas, bangun.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sekejap. Boleh? Sekejap saya habis dahulu, selepas itu saya panggil. Ketiganya, kita sering dengar macam di Amerika Syarikat dan di Jepun. Di Amerika Syarikat ada Chapter 11, di Jepun ada dia punya undang-undangnya di mana syarikat-syarikat di Amerika Syarikat yang menghadapi masalah tekanan kewangan yang berat seperti juga di Jepun, dia ada Chapter 11 ataupun undang-undang *bankruptcy* yang boleh syarikat seperti MAS boleh dipulihkan kembali.

Untuk itu, amat penting dan wajar Dewan yang mulia ini menyokong akta yang dibentangkan di hadapan kita kerana Khazanah Nasional Berhad telah menawarkan untuk mengeluarkan RM6 bilion untuk menyelamatkan MAS. Ini kerana kalau tidak diberikan peruntukan undang-undang seperti yang ada di negara lain, seperti Chapter 11 di Amerika Syarikat, maka kita takut nanti pelaburan RM6 bilion oleh Khazanah Nasional Berhad tidak mungkin dapat menjadi pulangan dan kembalikan pelaburan itu.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong dan ini bukan *bailout*. *[Ketawa]* Ini duit perniagaan, RM6 bilion bukan duit cukai pendapatan, ini duit perniagaan tetapi yang sana memang kepala dia kepala politik.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: [Bangun]**

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Apalah, ini bukan duit cukai pendapatan.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini duit Khazanah Nasional Berhad, perniagaan mereka, bukan duit daripada cukai pendapatan. Apalah, pergi balik sekolahlah.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Rompin, laluan Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Rompin, sebelah, bukan Yang Berhormat Kulim.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pokoknya ia duit rakyat. Kamu gunakan untuk hendak bantu syarikat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya hendak tahu RM6 bilion dahulu pergi mana tidak...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Rompin, beri...

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk. Kadang-kadang Yang Berhormat Shah Alam saya lihat dia parti PAS atau DAP, kadang... *[Dewan riuh]* Kata parti Pakatan, tidak pakat sudah, mesyuarat DAP ada PKR dan PAS? Tidak ada pun, pakat apa?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Shah Alam, Pakatan.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Baru-baru ini hendak melantik Timbalan Pengerusi Dewan, orang PAS...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini rang undang-undang, bukan rang undang-undang Pakatan ini.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Pakat apa?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Rang undang-undang MAS. Tahlulah Perhimpunan Agung UMNO, hendak bahas pergi ke Dewan Merdeka.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Orang PAS...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Politik kosong. Mengarut, merepek sahaja Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Lari tajuk.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Pakat apa? Cakap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Kepala Batas ingin dapatkan pencerahan. Ya, sila.

*[Ketawa]*

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Rompin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rompin, saya hendak minta setuju atau tidak Yang Berhormat Rompin bahawa kerugian yang dialami oleh MAS sebagai syarikat penerbangan awam ini bukanlah satu perkara yang terasing. Ini kerana ada juga syarikat-syarikat penerbangan-penerbangan awam yang lain juga mengalami kerugian. Singapore Airlines juga mengalami kerugian pada suku tahun yang keempat, American Airlines, France Airlines, malah Qantas Airlines merekodkan USD235 million half-year loss.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Rompin, pelan pemulihan yang dibuat oleh Khazanah Nasional Berhad ini, apakah boleh dianggap jauh lebih baik apa yang dilakukan oleh Japan Airlines walaupun telah ada suntikan sebanyak USD35 bilion jauh lebih banyak

daripada MAS, tetapi akhirnya kerajaan terpaksa minta Japan Airlines *to file bankruptcy*. Bukan itu sahaja, malahan mengenakan *a hefty haircut to all the creditors*. Adakah pelan penstrukturran yang dilakukan oleh Khazanah Nasional Berhad jauh lebih baik sebagaimana yang dilakukan oleh syarikat-syarikat penerbangan yang lain?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya bersetuju.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, Stampin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya bercakap, dia bercakap...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Bukan Yang Berhormat Shah Alam, Stampin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dia ini, Yang Berhormat Shah Alam ini dahulu dia Ahli Parlimen PAS cantik tetapi pengaruh oleh DAP, hancur habis.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin lah.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Rompin, boleh?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Duduk. Itu PKR saya tidak beri, kalau PAS saya beri. Kalau PAS sokong PKR, saya setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja, boleh?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin, lima saat sahaja.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kalau ada masa saya beri Yang Berhormat. Saya hendak habis sedikit sahaja.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, Stampin, lima saat sahaja.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Di sini Yang Berhormat, akta di sini tidak memohon peruntukan untuk RM6 bilion. Apa yang MAS mahu, dia tidak ada peruntukan seperti Chapter 11 untuk buat penyusunan semula syarikat MAS. Bukan ada bil minta Kementerian Kewangan atau EPU untuk peruntukan RM6 bilion. Tidak sekolah ini. Yang Berhormat Pandan pun sudah senyap.

Yang Berhormat Pandan, bila Menteri Besar yang baru dia terus senyap sudah. Dengar pun sudah pergi. Biar Menteri Besar yang baru, Yang Berhormat Pandan senyap sunyi, tidak ada sudah bunyi. Saya pun tidak faham. Mungkin Yang Berhormat Shah Alam beritahu, tidak tahu lah. Senyap sunyi Yang Berhormat Pandan, tidak dengar langsung, pelik.

**Tuan Yang di-Pertua... [Dewan riuh]** Berilah saya cakap. Beri Ahli Parlimen Temerloh, orang Rompin baik hati, dengar. Tolong belajar dari orang Rompin itu sedikit. Orang Rompin ada

dua sahaja, satu sana satu sini, seronok bagus. Akan tetapi yang sini PKR kutuk, Yang Berhormat Shah Alam tidak bersama yang Rompin sana itu. *[Disampuk]* Rompin, Kampung Keratong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekian, terima kasih. Sudah habis sudah.

*[Ketawa]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tepat pada masanya.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sebagai menggulung, akta ini tidak memohon peruntukan untuk RM6 bilion. Akta ini hanya memohon, kita tidak ada peruntukan yang mencukupi untuk Khazanah Nasional Berhad menyuntik RM6 bilion untuk membuat penyusunan semula MAS. Itu sahaja, bukan minta RM6 bilion. Apa yang hendak *bailout*, apa ini cerita, cerita biasalah hendak politik ini. *[Ketawa]*

Keduanya, saya hendak bertanya juga kalau boleh, dalam penyusunan semula ini, saya minta Yang Berhormat Menteri tolong bincang dengan Khazanah Nasional Berhad yang hilang 20,000 orang ini. Walaupun nanti diberikan peruntukan akta untuk boleh ada kuasa untuk berbincang dengan *union* lebih baik, tetapi anggapkan mereka ini adakan program untuk mereka. Jangan sewajarnya hanya kita beri sahaja surat, panggil pejabat beri surat, kalau tahun, lima bulan, sepuluh tahun, jangan begitu.

Tanya mereka mungkin dalam kumpulan Khazanah Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad banyak syarikatnya. Boleh beri peluang-peluang pekerjaan dalam Khazanah Nasional Berhad. Mungkin dia hendak berlatih untuk menjadi dalam kerjaya yang lain, beri latihan kepada mereka ataupun mereka mungkin hendak bermiaga secara kecilan, bawa mereka dan berikan dana kepada mereka untuk bermiaga. Mereka telah berkorban 10 kah 20 tahun dalam MAS, oleh sebab keadaan yang sebegini, terpaksa mereka meninggalkan Malaysia, anggapkan mereka ini, beri satu kaedah juga untuk membela masa hadapan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terakhir, dalam vendor-vendor yang banyak but kerja dengan MAS, buatkan satu perbincangan secara yang baiklah supaya menang-menang, bukan kalah-kalah. Ini kerana vendor itu sudah lama dengan MAS, sewajarnya ada keluarga dan pekerja dalam kumpulan syarikat mereka. Mereka juga patut diberikan keutamaan dalam usaha penyusunan semula syarikat MAS itu. Saya dengan itu, mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Saya hendak dengar Yang Berhormat Kuala Langat. Sila.

**12.48 tgh.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan Kuala Langat turut serta dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang

Malaysia Airlines System Berhad (Pentadbiran) 2014. Airlines System Berhad dalam pentadbiran ini... *[Disampuk] Airlines*. Ini bukan akta, ini rang undang-undang, betulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan sebelum ini, MAS ini perlu diberikan pentadbiran baru supaya kemerosotan dan juga kerugian itu tidak lagi menjadi ungkitan kepada setiap perbahasan atau isu yang dibangkitkan dalam MAS.

Saya juga ingin menarik perhatian sekali lagi dalam rang undang-undang ini, pentadbiran menjadi satu nadi kepada memulihkan balik MAS ini. Ingin saya menyinggung kembali isu yang sama yang saya bawa tentang pentadbiran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Pertama, pentadbiran yang saya hendak maksudkan ialah pentadbiran asas pokok seperti mana yang telah pun saya bawa sebelum ini, kegagalan penjagaan MAS itu berpunca dari mana? Dari nadinya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Penerangan sedikit. Sedikit sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baru masuk ini.

#### ■1250

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebelum dia pergi jauh Tuan Yang di-Pertua. Tadi kata Yang Berhormat Kepala Batas bahawa bukan sahaja MAS yang rugi tapi syarikat Japan Airlines, Qantas dan macam-macam. Setuju atau tidak kalau kita gunakan hujah itu ia ibarat hujah Pak Pandir. *"Bukan anak saya sahaja mati tetapi anak orang lain pun mati juga"*. Jadi, adakah setuju kerajaan dalam kes ini apabila bagi hujah itu, dia menggunakan hujah Pak Pandir. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. *[Dewan riuh]* Okey, satu semasa menggagalkan – sebab pentadbiran ini Tuan Yang di-Pertua. Sebab pentadbiran sengaja menggagalkan audit keselamatan oleh pihak EASA hampir menyebabkan semua pesawat MAS tidak boleh terbang di Eropah dengan sebab pembuangan pengurus SVP.

Kedua, *cut cost* hingga penerbangan antarabangsa terbang dengan tidak mengambil kira keselamatan pesawat dan penumpang. Jadi kesalahan itu berpunca daripada mana? Daripada pengurusan. Oleh sebab itu kalau kita lihat pengurusan yang berada pada waktu ini seperti nama yang saya hendak sebut, apa yang berlaku pun sebut. Ini maklumat yang saya terima.

Pertama, Ahmad Jauhari *Managing Director*. Ini kena fikir kembali kontrak beliau kerana ketika beliau pegang ini banyak sangat berlakunya kemerosotan pendapatan dan juga ketidakstabilan pendapatan daripada pihak MAS. Keduanya, saya ingin membawa pengurusan yang bernama Azhari Dahlan seorang CEO *Engineering*. Dia ini yang saya lihat sebagai orang penting dalam penyebab kepada pendapatan MAS yang terhilang begitu banyak kerana dia bertanggungjawab ke atas setiap penerbangan dan juga memastikan bahawa *engineering* itu di bawah kelolaan beliau.

Saya tidak tahu sama apa *qualified* nya beliau ini tetapi Azhari Dahlan ini pernah menjadi pekerja AirAsia dulu dan dimasukkan ketika dalam keadaan kelam-kabut bila AirAsia hendak ambil MAS pada waktu itu dan dia masuk. Dia telah pun memecat bekas pengurus SVP yang berwibawa yang bernama Mohd Nasir Abdullah tanpa alasan yang munasabah oleh Azhari Dahlan ini.

Oleh sebab itu saya ingin memohon kepada Khazanah supaya memikir kembali mereka yang berjawatan besar yang diberi gaji puluhan ribu tetapi *performance* mereka ini dipertikaikan seperti yang kedua, Zahrah Zaid. Itu HR *Director*. Kerja lain tidak, buang orang sahaja. Kemudian, masukkan suku sakat dia. Itu maklumat yang saya terima.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Perlu disiasat *director* sebab kita beri dia gaji, dia letakkan kroni-kroni masuk...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Dan atas pembuangan kerja yang telah dibuat dan ini akan memudaratkan kepada keluarga...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat, ada dua yang bangun Yang Berhormat Kuala Langat. Yang mana satu? Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Pandan. Lepas itu Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lepas itu Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ambil sedikit kesempatan kalau tidak berkesempatan untuk berucap selepas ini kerana Yang Berhormat Kuala Langat menyentuh tentang soal pecat memecat dan juga soal kakitangan. Apa-pun yang kita bahaskan mengenai latar belakang gagalnya MAS ini kita perlu juga rujuk kepada akta yang dibentangkan.

Ada beberapa klausa yang membimbangkan saya yang saya mohon Yang Berhormat Kuala Langat, saya perlukan pandangan Yang Berhormat Kuala Langat. Pertama ialah mengenai klausa bahagian ke-26 iaitu yang menetapkan bahawa semua kakitangan MAS sebelum ini tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan dengan syarikat baru yang ditubuhkan selepas akta ini diluluskan.

Jadi, saya mohon pandangan Yang Berhormat Kuala Langat apakah ini – dan saya mohon juga pandangan ahli-ahli yang lain dari seberang sana, apakah ini yang kita mahukan bahawa apabila akta ini diluluskan dan syarikat baru itu mengambil alih MAS dan sebagainya hak dan juga kepentingan dan kebijakan semua kakitangan MAS sebelum ini tidak boleh dituntut

dengan syarikat baru itu. Mohon rujuk kepada klaus 26 dan apa pandangan Yang Berhormat Kuala Langat mengenai perkara itu?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ini pun boleh ditimbulkan di peringkat Jawatankuasa ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Kalau...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila... sila.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Langat tentang pecat memecat saya rasa rang undang-undang ini harus diteliti selari dengan Rancangan Penstruktur Khazanah *12-point Restructure Plan* yang dikatakan pertama daripada suntikan sama ada *bailout* ataupun *investment* RM6 bilion itu kita harus meneliti pecahannya. Ini kerana kos untuk dikeluarkan daripada senarai Bursa bagi MAS akan menelan belanja RM1.4 bilion dan terdapat juga kos *retrenchment*, pecat memecat itu. Pemberhentian kerja sebanyak RM1.6 bilion.

Jadi suntikan sebagai modal yang baru itu hanya RM3 bilion. Jadi kalau dalam *Restructure Plan* khazanah yang diumumkan di bulan Ogos telah menetapkan RM1.6 bilion akan digunakan untuk kos *retrenchment*. Maka ia bercanggah dengan klaus 18 dalam rang undang-undang ini yang mengatakan semua perkara yang hendak dibincangkan atau dirundingkan antara Malaysia Airlines dengan pekerja haruslah melalui mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Jadi saya tanya Yang Berhormat Kuala Langat bagaimana boleh kita menerima rang undang-undang ini kalau ia bercanggah dengan realiti menerusi *Restructure Plan* Khazanah *12-point* itu. Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam dan yang belakang...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Last boleh? Last Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Kuala Langat, kena faham taktik kawan-kawan ini. Mereka bukan minta pencerahan. Dia berbahas. *[Ketawa]* Masa Yang Berhormat Kuala Langat sudah habis sebenarnya. Oleh kerana dia ambil dan dibenarkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat. Jadi kena faham taktik kawan-kawan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Kuala Langat boleh tidak? Boleh sambung sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh Yang Berhormat Kuala Langat?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh Yang Berhormat Shah Alam?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Seminit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ha! Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, janganlah sangka buruk. Itu dakwaan yang tidak tepat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Cuba rujuk Peraturan Mesyuarat 37(2). Pencerahan bukannya berbahas. Isu yang dibahaskan oleh pembahas dan kita minta pencerahan. Tidak ada disebut pun apa yang disebut Yang Berhormat Pandan dan juga yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong terhadap ucapan pada ketika itu oleh Yang Berhormat Kuala Langat. Jangan meleret dan menuduh Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Okeylah. Tuan Yang di-Pertua pun harap jangan ada buruk sangkalah sebab saya pun saya hendak minta pencerahan daripada Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pandangan Yang Berhormat Kuala Langat. Adakah apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat yang bermaksud untuk diadakan pertanggungjawaban terhadap mereka yang telah mengagalkan MAS.

Oleh kerana seperti mana yang kita semua tahu sebenarnya syarikat Malaysian Airlines System ini satu syarikat yang cukup baik yang ada *reputation*. Yang *very popular* dan sebagainya. Akan tetapi bila hendak dibuatkan *restructuring* ini seolah-olah hendak cuci tangan. Yang kesalahan-kesalahan penyelewengan, salah guna kuasa, pembaziran dan sebagainya yang telah dilakukan selama ini akan terlepas begitu sahaja. Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pencerahan kan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Yang bertiga itu boleh belajar dengan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ketiga-tiga itu masuklah sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya bersetuju kerana dalam bawah peraturan 26 dan 28 itu juga mencerminkan bahawa hendak buang kerja itu sebenarnya

bukan mudah Yang Berhormat Pandan. Dia kena melalui seksyen 20 dan sebagainya. Saya yakin bahawa ia perlu diperhatikan kerana cadangan yang hendak dibuat di atas perkara 26 ini memberikan, mengetarkan atau mengongkong hak pekerja yang manakala 28 itu ialah mengiktiraf kesatuan. Maka saya minta supaya Khazanah atau kementerian memikirkan kembali peraturan di bawah perkara 26. Perkara 28 itu sudah betullah itu oleh sebab *union* diberikan hak untuk berbincang dan hak kepada pekerja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya teruskan kepada nama-nama ini, yang saya ulangi. Nama-nama yang mereka perlu khazanah pergi sekali untuk mereka ini diberi pertimbangkan untuk disiasat sama ada mereka ini layak atau tidak layak untuk memegang jawatan-jawatan seperti Ahmad Jauhari, Zahrah Zaid, Azhari Dahlan. Seorang ini, yang saya nampak saya takut ini Datuk Najmuddin. Ini termasuk juga dengan Azariah kerana tanpa *interview* mereka masuk kerja. Orang yang ada hendak dibuang.

Seterusnya, saya tengok polisi yang minimum alat ganti kapal terbang penyebab kelewatan masa, baik pulih pesawat dari 35 hari ke 50 hari seperti 9M-MRD di *check*. Peningkatan MRD-2 dari 200 tahun 2011 ke 350 tahun 2014 kerana kejadian alat ganti kapal terbang. Ini penyebab-penyebab yang menyebabkan pendapatan daripada *engineering* ini tidak boleh diperoleh.

Oleh sebab itu saya minta di samping kita hendak merubah seperti Yang Berhormat Kinabatangan kata lembaga pengarah dan sebagainya. Pengurusan ini yang kita hendak tengok daripada orang yang betul-betul berkualiti. Seminit lagi boleh? Seminit lagi. Rumusannya ialah kita tidak akan boleh merubah keseluruhannya kalau kita tidak merubah nadinya, nadinya yang saya lihat adalah pengurusan yang wajib diberikan pembaharuan termasuklah pegawai-pegawai...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...*Director* nya dan juga vendor-vendor yang terlibat dalam urusan untuk urus niaga melibatkan MAS itu sendiri termasuk Ibrahim Catering, yang saya mohon...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya tidak ada kuasa melepas pukul 1 ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Supaya kementerian juga memikirkan dengan serius Ibrahim Catering ini. Akhir kata, Allah tidak akan merubah nasib kita, kitalah kena merubah nasib kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri kena jawab pada jam 3 petang. Dalam nota di sini, yang sekarang bangun untuk bahas ialah Yang Berhormat Titiwangsa. Sila Yang Berhormat Titiwangsa, masa Yang Berhormat.

### 2.32 ptg.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk berbahas mengenai Akta MAS ini.

Seperti mana yang kita tahu bahawa industri penerbangan ini adalah merupakan satu industri yang begitu strategik bagi setiap negara. Industri yang lazimnya apabila kita membayar RM1 untuk industri ini, ia memberi kita 12 kali *multiplier effect*. Oleh itu, mana-mana negara terutamanya negara-negara yang sedang membangun, industri penerbangan merupakan salah satu daripada industri strategik yang perlu kita jaga dan kita pastikan supaya ia tidak terjadi apa yang berlaku dengan MAS sekarang ini.

Seperti mana yang kita tahu bahawa industri penerbangan ini ia memberi banyak faedah kepada negara. Salah satunya ialah ia memberi kebolehan sesuatu negara itu mengembangkan ekonomi dengan adanya industri penerbangan yang begitu efisien dalam sesebuah negara. Kedua, ia juga menggalakkan *international investment* dalam sesebuah negara tersebut dan tidak lupa juga kita kepada industri pelancongan di mana industri penerbangan ini merupakan satu *key component* dalam menggalakkan industri pelancongan.

Akan tetapi malangnya, kalau kita lihat 10 tahun kebelakangan ini, kalau kita tengok *global airlines industry*, *global airlines industry* ini telah berkembang begitu pesat sekali, *on average 7% last 10 years*. Manakala segmen *schedule airlines* seperti mana yang MAS terlibat ini, ia telah berjaya direkodkan *last year* hampir 1.5 bilion passengers yang direkodkan di seluruh dunia. Akan tetapi apa yang menyediakan kita ini ialah *despite of airlines industry ini grow* begitu tinggi, 7%, mempunyai bilangan *world passenger 1.5 billion passenger throughout the world* dalam industri ini, tetapi MAS masih lagi dalam keadaan yang saya nampak, "*Hidup segan, mati tak mahu*". Perkara ini bukan pertama kali, sepermulaan pembahas-pembahas kita yang sebelum ini, bahawa ini adalah yang ketiga kita lihat bahawa kerajaan melalui Khazanah terpaksa melihat semula kedudukan MAS ini bagi menjaga maruah negara.

Sepertimana yang kita tahu bahawa cabaran dalam industri ini begitu sengit. Di antaranya ialah salah satu daripada industri yang begitu kompetitif yang melibatkan banyak negara, *capital requirement* yang begitu tinggi, kos operasi sesuatu *airlines* ini sentiasa meningkat. Kadang-kadang ia melibatkan *oversupply of capacity*.

Oleh sebab itu, faktor pertama dalam kita melihat *restructuring* MAS ini, bagi saya, ialah bagaimana pengurusan MAS dan juga Khazanah dapat memastikan selepas kita buat *restructuring* ini, kita mempunyai pengurusan yang cekap. Ini kerana kita tidak mahu pengurusan-

pengurusan yang hanya boleh memberi alasan. Kalau rugi, dia tuduh oleh sebab *union* ataupun staf ramai sedangkan mereka lupa bahawa staf ini apabila hendak diambil bekerja adalah juga keputusan daripada pengurusan. Oleh sebab itu saya hendak tekankan, pengurusan ini sangat penting dalam *management of airlines*.

Kedua, kita juga hendakkan pengurusan yang bagus ini bukan sahaja apabila rugi, kita tutup destinasi penerbangan antarabangsa. Bila kita rasa rugi, sesuatu destinasi...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Maaf, *I finish it*. Bila kita rasa sesuatu destinasi ini merugikan kita, kita tutup. Akhirnya, kita hendak *concentrate* kepada destinasi yang untung dan lama-kelamaan kita menguncupkan kita punya *economic of scale of doing business*. Kadang-kadang sesuatu industri itu dia mungkin rugi sekarang tetapi dalam masa tiga tahun akan datang dia kemungkinan untung. Akan tetapi apabila kita rugi, kita tengok kita hendak *bottomline immediate effect*, maka kita tutup strategik-strategik *city* yang...

Sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat Titiwangsa ke atas cadangan daripada beberapa pihak yang katakan kerajaan patut mengambil perkhidmatan *international head hunters* untuk mencari orang yang paling sesuai untuk menguruskan MAS Airlines?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Segambut, terima kasih Yang Berhormat Segambut.

Dari soal pengurusan ini, kita kena lihat bahawa dia tidak semestinya *international*. Tidak semestinya orang itu datangnya dari luar negara. Kalau mereka ini datangnya dari luar negara tetapi dia kena berhadapan dengan 20,000 kakitangan yang mempunyai budaya yang berbeza dalam industri ini, saya takut orang itu juga tidak boleh buat. Jadi apa yang perlu kita lihat ini ialah kita kena lihat berbagai-bagai aspek. Cuba kita lihat, banyak jalan mudah yang diambil sebahagian daripada pengurus-pengurus kanan kita dalam organisasi seperti MAS ini. Apabila rugi, jual aset. Bila rugi, *privatize catering division*. Bila rugi, hendak *privatize engineering division*.

Saya sebenarnya hendak lihat bahawa dalam *airlines industries* itu terutamanya dalam Malaysia, kita sebenarnya portfolio yang ada dalam MAS ini cukup cantik. Ia mempunyai *track record* yang bagus, kakitangan yang mempunyai pengalaman yang bagus. *Engineering division*, MRO, *catering division* sebelum diprivatizekan. Kemudian kita ada mereka yang telah begitu lama dalam industri *airlines* ini. Akan tetapi apabila ada *management*, pengurusan-pengurusan baru masuk, mereka bawa pengurusan-pengurusan kanan dan meninggalkan mereka yang mempunyai pengalaman yang tahu selok-belok dalam MAS, akhirnya lama-kelamaan, ini yang berlaku.

Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya bersetuju benar dan saya rasa Dewan yang mulia semua setuju

bahawa pihak pengurusan dan juga Lembaga kenalah disusun, bukan sahaja disusun tetapi Lembaga yang cekap. Kerana apa? Akta ini beri lima tahun sahaja.

**■1440**

Adakah Yang Berhormat setuju ia mesti ada pilih lembaga dan pengurusan yang baik kerana apa, kalau 50 tahun nanti akan datang ke Dewan yang mulia pula dengan cerita yang sama, ada alasan. Saya setuju Yang Berhormat, kadang-kadang pengurusan ini dia kata untung tetapi untung bukan operasi tapi menjualkan aset. Adakah sepatutnya Khazanah beri tumpuan bila dikatakan untung bukan melalui penjualan aset, untung operasi itu penting.

Pengurusan juga penting sebagai contoh Yang Berhormat. Macam kata *flight* atau destinasi. Ini kerana kadang-kadang rugi kerana komitmen pengurusan lembaga yang sudah membeli kapal terbang yang tidak efisien. Oleh sebab kapal terbang yang dibeli tidak efisien – baru-baru ini saya dengar cerita dalam A370 yang baru ini. *[Disampuk] 'A'*, berapa?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Oh, ingat A370 itu. Saya tidak pernah naik A380, saya tahu A370. Dibandingkan penggunaan A380, *airlines-airlines* yang lain, MAS yang *seat high yields* ini, di *first class* dan di *business class* amat rendah berbanding dengan *airlines* yang lain seperti *Emirates*. Dia punya *high yield seat business* dengan *first* amat tinggi. Perancangan yang salah dan silap dari awal mengekang kepada pengurusan yang baru. Saya minta pandangan– itu amat penting apa Yang Berhormat katakan tadi. Minta pandangan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Ya.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Saya bersetuju juga dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin. Ini kerana apabila kita meneliti penyata kewangan daripada MAS, kita melihat bahawa OPEX atau *operating expenditure* berada pada paras yang tinggi daripada kebiasaan.

Ini disebabkan dan disumbangkan oleh beberapa keadaan tertentu. Kadang-kadang kita lihat benda yang salah, *we are looking at the wrong subject*. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi mengatakan tentang *food and beverage* oleh Brahim's. Sedangkan *food and beverage* menyumbang hanya 1.5% daripada keseluruhan OPEX. Apa yang menjadi masalah dahulu ialah kerana MAS cuba meniru *business model* seakan-akan macam LCC sedangkan MAS itu ialah *premium jetliner*.

Oleh sebab itu berlaku apa yang disebut sebagai *price dumping*. You tengok penerbangan MAS mempunyai semua kapasiti yang penuh tetapi malangnya yang *absent* di situ adalah *yield*. Itulah yang menyebabkan kadang-kadang pendapatan atau *income line* tidak dapat menanggung kos operasi. Pandangan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin, terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Kalau kita *summarize* kan kedua-dua pendapat ini,

sebenarnya ia berbalik semula kepada pengurusan. Kerana pengurusan ini apabila membuat sesuatu keputusan, ia tidak boleh melihat keputusan itu hanya untuk setahun atau dua tahun. Pengurusan kena melihat keputusan itu memberi manfaat kepada kita sehingga berpuluhan-puluhan tahun, keputusan itu perlu dibuat dan perlu dijaga. Kita tidak boleh buat hari ini keputusan, kemudian selepas kita keluar daripada MAS, orang lain hendak kena jawab.

Oleh sebab itu kerajaan apabila kita mengambil alih sepenuhnya MAS ini, saya hendak minta supaya pihak Khazanah di bawah pengurusan-pengurusan kanan Khazanah dan juga lembaga pengarah untuk memastikan bahawa kita bukan menggunakan Dewan ini, apabila kita masalah kita datang dalam Dewan. Apabila pengurusan tidak terbuka – jadi pengurusan yang terbuka dan profesional ini, kalaupun datang sesuatu *proposal* daripada mana-mana orang politik, kalau benda itu tidak boleh *justify* jangan *justify*. Kalau kita *justify*, selepas itu kita cakap kita profesional makna kita tidak konsisten dengan apa yang kita hendak capai.

Saya juga ingin berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kita tengok MAS, ini, kita yang perlu ini – apabila saya sebut pengurusan, pengurusan ini kenalah bersesuaian dengan pengalaman mereka. Kalau orang yang mempunyai pengalaman yang hebat dan daripada segi *marketing*, *airlines* dan sebagainya, kita bagilah dia sebagai *adviser*. Duduk, tengok bagaimana kita tengok *marketing strategy* MAS. Kemudian apabila kita ada *cargo division*, jangan bagi orang yang langsung tidak tahu pasal selok-belok pasal kargo.

Kemudian kita ada *engineering division* – oleh sebab dia ini kawan kita, kita bawa masuk dalam *division* tersebut sedangkan banyak staf yang ada pengalaman hari ini yang dalam itu merasa kecewa apabila melihat orang yang berkebolehan tidak diberi peluang. Akhirnya lama-lama kita di *moralize staff*. Apabila staf sudah mula dimoralize, *you* sudah tidak boleh kontrol. Kalau ada 20,000 orang, *it's not easy to control 20,000*. Kita kena ada spirit untuk menjaga mereka ini kerana kita tidak boleh – cuba hari ini saya dapat *feedback* daripada banyak kakitangan MAS yang lama sudah bekerja dalam MAS.

Kalau ada masalah dalam MAS, yang paling senang cakap *union*. Sedangkan *union* ini sudah berpuluhan-puluhan tahun, dahulu pun sudah ada. Dahulu pun kita untung sebab *business model* kita dibuat oleh orang yang tidak pakar buat *business model* ini. Oleh sebab itu, saya hendak beritahu kepada pihak pengurusan MAS dan pihak kerajaan. Ini tidak usah dengar lagi lalih ada *privatisme* ada syarikat-syarikat hendak masuk dengan macam-macam idea. Duit pun tidak ada, tidak boleh tunjuk mana sumber kewangan tiba-tiba hendak bagi ajar budak-budak dekat dalam ini buat *business*.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Titiwangsa, boleh selit sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan selain daripada pengurusan yang cekap dan lebih terbuka, apakah pendapat Yang Berhormat Titiwangsa tentang membuka peluang-peluang ataupun ekuiti lebih terbuka kepada contohnya kepada negeri-negeri pegangan saham khususnya apabila disenaraikan nanti kalau dalam perancangan mereka kepada unit-unit

pelaburan bumiputera, dewan-dewan perniagaan Cina, India dan lain-lain supaya ia menjadi *truly Malaysian* daripada segi ekuiti dan pemegang saham kepada MAS entiti baru ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: [Bangun]**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya selain daripada Khazanah muh melihat kembali tentang struktur pengurusan MAS dan melihat balik *union* ataupun *supply* dan sebagainya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa salah satu komponen yang penting dalam permasalahan MAS ini ialah trafik. Saya difahamkan 50% daripada *air traffic* yang berlaku di Southeast Asia sekarang ini semuanya *travel discount airlines*.

Saya juga dimaklumkan bahawa MAS telah jatuh trafiknya iaitu hanya 37.4% sedangkan AirAsia 47.7%. Satu lagi adalah untuk mereka kembali balik kepada keadaan sekarang, *sustain commercial viability*, [...] four to five years. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Titiwangsa, adakah kita harus *relook* balik '*corporation strategic, corporation* kita dengan AirAsia ini?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Titiwangsa saya kasi dua minit lagi, gulung.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih kepada rakan-rakan saya yang memberi pandangan ini. Akan tetapi apa yang saya hendak beritahu, sebenarnya kita lihat banyak sebelum ini *airlines-airlines* yang kita tidak pernah langsung terfikir hendak naik. Emirates Airlines, Etihad Airways, Qatar Airways, Saudi Arabian Airlines, dahulu *is the last choice*. Akan tetapi hari ini, mereka boleh pergi semua negara *Europe*. Apabila kita hendak pergi ke sana, MAS cakap, "Oh ini line rugi".

*This is where*, saya rasa kita kena ada strategi. Kalau kita tidak ada *business strategy*, kita ambil jalan mudah. Akhirnya lama-lama MAS ini orang sudah tidak kenal. Oleh sebab itu saya cakap portfolio sama ada sesuatu destinasi untung atau rugi, ia kena lihat sebagai satu portfolio. Ia tidak boleh kita hendak pergi *travel* untuk destinasi untung sahaja. Kadang-kadang destinasi yang untung hari ini, tiga tahun akan datang ia mungkin rugi. Destinasi yang rugi hari ini, kemungkinan besar tiga tahun akan datang ia akan untung.

Oleh sebab itu kita kena lihat. Jadi jangan main ikut sedap, main potong destinasi, selepas itu bagi dekat AirAsia sedangkan kita pun boleh buat. Kalau betul-betul MAS hendak kena ada dua jenis *full service carrier* ataupun *low carrier*, dia boleh buat. Kita boleh *capture market* ini. Kenapa kita hendak bagi orang yang tidak ada modal pun boleh jadi besar dia punya perniagaan, kita yang ada modal, setiap tahun minta *right issue*, so far kita sudah *spend RM17 bilion*, selepas itu kita cerita pasal – balik-balik kita fikir sebagai *business model*.

Kita kena lihat benda ini secara holistik. Kita kena tengok *full service carrier*, macam strateginya. *Low carrier, low cost carrier* bagaimana servis tadi. *Cargo division* macam mana *business strategy*. Bagaimana kita tengok *engineering*. MRO bagaimana strateginya. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Titiwangsa, sedikit boleh? Bagan Serai.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Silakan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya apa pendapat Yang Berhormat Titiwangsa tentang amalan-amalan dalam kapal terbang. Dahulu saya naik kapal terbang saya pergi ke *long-haul*. Pergi ke Jerman, berasap kapal terbang. Sebab apa? Penumpang hisap rokok, pramugara hisap rokok, pramugari pun hisap rokok. Selepas itu, akhir-akhir ini kita tengok sudah lama juga amalan rokok ini sudah diberhentikan. Mungkin dia takut kapal terbang terbakar. Akan tetapi kapal terbang terbakar juga.

#### ■1450

Sekarang ini saya hendak tanya adakah amalan menghidangkan arak ini patut diteruskan di dalam kapal terbang. Benda ini bagi orang Islam adalah haram. Saya pernah tengok dalam penerbangan satu kali, orang Islam pun minum arak. Jadi ini mungkin tidak bagus, subahat dan juga tidak berkat dan penting lagi ia mendatangkan dosa kepada ramai orang. Apa pendapat Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Bagan Serai suruh Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Bagan Serai. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung ini. Cuma saya hendak minta pihak kerajaan, kalau kita sudah bersetuju untuk meluluskan akta ini, sebenarnya diletak di hadapan kita macam Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cakap *we are in a position of no choice*. Tidak selamatkan *airline* ini bahaya. Ini adalah *flagship* negara ia menyebabkan industri pelancongan akan terjejas, *international investment* akan terjejas, *global trade* akan terjejas. *We have no choice*.

Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini pihak kerajaan, Khazanah, MAS kena lihat *the first priority thing is to get a good management, good management*. Kalau tidak ada pengurusan yang cekap, percayalah cakap saya. Dibawa Bank Negara tuang duit dalam ini pun habis. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Di dalam *list* saya yang ada PAS belum ada lagi kesempatan untuk berhujah, saya panggil Yang Berhormat Kuala Terengganu. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

#### 2.51 ptg.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Malaysia Airlines System 2014 adalah untuk memberi perlindungan khas kepada MAS untuk sekurang-kurangnya lima tahun dan dalam usaha itu penjenamaan ataupun mulaan semula MAS mestilah dimulakan dengan perancangan ataupun *business plan* yang mantap yang jelas. Adakah *based on regional airlines*, dengan izin atau *global airlines* seperti SIA atau *regional airlines*, Philippines Airlines.

Destinasi-destinasi yang ditetapkan ialah berdasarkan *purely on commercial terms*, dengan izin dan bukan ditentukan oleh selera politik seperti dahulu. MAS pernah terbang ke Kazakhstan, negara-negara Afrika yang tidak maju dan menimbulkan banyak kerugian dan juga Tuan Yang di-Pertua, kualiti MAS hendaklah ditingkatkan walaupun bilangan pekerja yang sekarang ini 20,000 dikurangkan kepada 16,000 tetapi mestilah kita pelajari daripada SIA dan sebagainya di mana mereka dapat manfaatkan *long haul* punya services.

Di sini saya ingin menyentuh tentang satu cawangan MAS yang agak kritikal atau penting iaitu MAS Engineering. Soal utamanya di bawah penstruktur MAS, adakah nasib MAS Engineering ditentukan mereka beroperasi di Subang dan mendapat *income*, dengan izin yang lumayan. Sebagai contohnya pada tahun 2011 pendapatannya RM450 juta, tahun 2012 – RM430 juta, tahun 2013 – RM475 juta. Ini jelas menunjukkan MAS Engineering adalah *cash cow* iaitu MAS Engineering mampu menampung sebahagian besar keseluruhan tanggungan perbelanjaan MAS.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sejak Khazanah umum kerjasama MAS dan AirAsia pada tahun 2012, pihak pengurusan MAS Engineering telah digantikan dengan pengurusan yang lebih memilih atau memihak kepada AirAsia atau AirAsia Friendly. Walaupun ‘*share swap*’ telah dibatalkan oleh kerajaan, mereka yang berkenaan masih dikekalkan dalam AirAsia. Ini bukanlah satu praktis yang sihat malah menimbulkan *conflict of interest* bertentangan kepentingan di manakah letaknya *loyalty* mereka atau kepentingan tertentu mereka. Mereka tidak berpengalaman termasuk Ketua Kejuruteraan dan penolongnya sehingga prestasi mereka diragui oleh DCA, pihak antarabangsa seperti EASA dan juga FAA sehingga terpaksa menjalankan beberapa kursus segera memenuhi syarat-syarat tertentu.

Situasi ini tidak patut diteruskan di dalam MAS Berhad kerana kemasukan pekerja yang kurang pengalaman akan membantu perkembangan MAS Engineering dan juga MAS secara sebuah *airlines*. Syarikat penerbangan antarabangsa asing yang selalunya mengambil servis MAS Engineering atau *third party work* telah menjauhi diri daripada MAS Engineering sejak pengurusan baru mengambil alih.

Kenapa ini berlaku? Kalau mereka yang menguruskan MAS Engineering tidak berkemampuan, mengapa kita membebankan mereka dengan kerugian yang tidak membantu langsung perjalanan MAS. Dari Mas Engineering, ada pasaran kualiti global atau merupakan a *global brand* ia menjadi mundur dan kenapa dan jelasnya pihak-pihak yang tertentu tidak menggalakkan kemajuan MAS Engineering dan juga MAS keseluruhannya. Bagaimanakah MAS boleh untung kalau perkara ini berterusan?

Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara seperti ini berlaku samalah atau lebih kurang samalah dengan seorang yang sakit buah pinggang tetapi apa yang dikeluarkan adalah paru-parunya. Bagaimana MAS muh terus bernafas dengan *income* diturunkan dengan kerugian MAS Engineering merupakan satu daripada kedudukan yang paling kuat dari segi kewangan. Di sini kita melihat dalam laporan MAS juga tidak disebut apakah nasib MAS Engineering.

Subsidiari lain seperti “**Abacus**” dan sebagainya disebut tetapi tidak jelas apakah akan terjadi kepada MAS Engineering, adakah ia akan diambil alih oleh orang lain atau sebaliknya.

Pelantikan CEO MAS yang baru hendaklah berasaskan merit, berasaskan keputusan perniagaan *business consideration* tanpa campur tangan pihak-pihak lain sebaliknya untuk memungkinkan kesungguhan untuk mengubah daripada cara lama, campur tangan daripada pihak luar daripada segi politik dan sebagainya haruslah diketepikan dan CEO ini hendaklah betul-betul *independent*.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang lepas seperti penarikan balik tindakan mahkamah daripada bekas Pengurus MAS lebih kurang RM500 juta tidak patut berulang lagi. Sama juga dengan *catering* yang telah diberi dengan jangka masa panjang yang amat sangat iaitu 25 tahun dengan kos yang lumayan patut tidak dibenarkan tetapi kita pada hari ini dikejutkan dengan satu rang undang-undang yang diletakkan di atas meja bawah fasal 14 di mana ia menyatakan apa-apa kontrak atau subkontrak yang bersabitkan dengan MAS lama akan diteruskan walhal kita diberitahu kontrak-kontrak yang tidak menguntungkan MAS akan dibatalkan atau di *renegotiate*.

Jadi kita hendak tahu apakah sebenarnya, adakah ia akan dirunding semula atau diteruskan walaupun kita tahu ia amatlah tinggi, tidak adil atau berat sebelah. Inilah di antara perkara-perkara yang kita perlu fikirkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini selain daripada MAS mempunyai lima tahun kekebalan atau imuniti, ini mungkin akan menjadikan MAS risiko kepada *abuse* atau salah guna kuasa dan ini perlulah dipantau.

Saya di sini ingin cadangkan pihak PAC atau *Public Account Commission* memantau dan menyelidik prestasi MAS mulai 5 tahun pertama ini, takut-takut perlindungan khas ini disalahgunakan oleh pengurusan seperti yang telah berlaku pada waktu yang lepas. Inilah di antara perkara-perkara yang membimbangkan kita sama juga seperti DEB atau Dasar Ekonomi Baru yang tujuannya baik tetapi disalahgunakan tidak sampai matlamatnya.

MAS adalah imej Malaysia dan Malaysia adalah MAS. Kita tidak boleh membenarkan MAS gagal sekali lagi. Kita telah lihat KLIA2 melambung harganya daripada RM2 bilion menjadi RM4 bilion. KLIA daripada bangunan KLIA2 bangunan dua tingkat menjadi lima tingkat. KLIA2 yang patut dibina di bahagian utara di mana tanahnya baik tetapi dibina di tanah yang tidak stabil. Ini menimbulkan banyak kecurigaan tentang *our aviation industry*.

Selepas tragedi MH370 dan MH17 berlalu, Malaysia telah dilanda banyak masalah dalam *aviation industry* dan kita perlulah membaikinya semula. Inilah peluang terakhir menebus maruah kita dalam bidang *aviation industry* untuk penerbangan antarabangsa khususnya MAS. Dengan izin, *there is no option for failure*. Tiada pilihan lagi untuk gagal dan jika kita gagal tersisihlah Malaysia sebagai negara contoh yang berjaya. Di sini Tuan Yang di-Pertua saya ingin menggesa pihak kerajaan mengambil satu kesempatan yang boleh dikatakan keemasan untuk membaiki daripada dasar, akar umbi secara pengurusan MAS supaya masalah-masalah lepas tidak berulang dan menghantui kita berapa lama lagi.

*Insya-Allah*, itulah yang diharapkan dan saya di sini memohon untuk meminta kerajaan menimbang segala permohonan dan cadangan yang telah disebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sila gulung.

### **3.00 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyatakan sokongan terhadap Rang Undang-undang Malaysia Airlines System Berhad (Pentadbiran) 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini kali pertama saya membentangkan rang undang-undang, jadi kalau ada yang tidak sempurna itu saya mohon maaf terlebih dahulu. Banyak perkara yang telah dibangkitkan dan saya cuba menjawabnya. Pertama sekali Yang Berhormat Rompin telah menyatakan atau bertanya tentang latihan sekular dan juga kewujudan pekerjaan dan pendapatan semula.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Khazanah Nasional Berhad komited untuk membantu setiap kakitangan yang tidak akan berhijrah ke Malaysia Airlines Berhad ataupun syarikat yang baru bagi meminimumkan kesan negatif kepada punca pendapatan dan kualiti hidup mereka. Khazanah Nasional Berhad akan menu buhkan satu Pusat Latihan Semula atau *Corporate Rescaling Centre* khusus untuk melatih semula kakitangan MAS yang memilih untuk tidak berhijrah ke syarikat baru. Pusat latihan ini akan meliputi pelbagai bidang termasuk perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling serta keusahawanan ataupun *entrepreneurship*, dengan izin.

Pusat Penempatan atau *Out Placement Center* juga akan ditubuhkan yang mana akan membantu menempatkan kakitangan yang tidak berhijrah untuk meraih peluang pekerjaan yang baru dan ini termasuklah peluang-peluang pekerjaan di syarikat-syarikat dalam kumpulan Khazanah Nasional Berhad dan syarikat-syarikat GLC yang lain. Secara keseluruhannya, pendekatan yang kita ambil bagi usaha pemberkualahan termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan pekerja...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** ...Dan juga hal berkaitan dengan pembekal Yang Berhormat Rompin sebutkan tadi akan berpaksikan prinsip keadilan, ketelusan dan juga belas ihsan ataupun *compassion*.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat, boleh? Penjelasan sedikit.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya, sila.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan sebahagian besar kakitangan MAS ke syarikat yang baru yang membawa budaya lama yang merugikan MAS selama ini. Apakah pihak Khazanah Nasional Berhad atau MAS atau pihak Yang Berhormat sendiri ada program tertentu untuk kakitangan yang akan berhijrah ke syarikat baru ini

untuk meningkatkan kredibiliti dan keupayaan mereka untuk tidak lagi menyebabkan MAS yang baru mengalami kerugian?

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Sambung, sambung sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya tidak sangsi keupayaan Khazanah Nasional Berhad, cuma saya hendak tanya lebih *detail* dalam pembangunan sumber manusia ini, MAS sudah banyak kali - pengurusan yang lama sudah banyak kali mengambil pekerja tanpa *needs* yang betul. Umpamanya dalam *Accounting Department* ya, sampai 800 orang saya dapat tahu. Apa benda hendak kira ini? Tiap-tiap tahun rugi sahaja. Jadi kira kerugianlah. Jadi macam mana hendak pastikan apa Yang Berhormat Pendang cakap tadi, perkara ini tidak berulang dan supaya syarikat yang baru ini, dia *lean* dan pada waktu yang sama dia betul-betul *right 'staging'*? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentang pemilihan kakitangan yang bakal menyertai syarikat baru ini Malaysia Airlines Berhad ini, mereka akan melalui satu proses pemilihan dan ini termasuklah bukan sahaja dari segi *skill* ataupun kemahiran mereka dan kebolehan mereka untuk mengurus tetapi juga dari segi budaya kerja mereka akan diperbaiki. Jadi dalam proses ini...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** ...Dari hari ini seramai 20,000 pekerja yang ada sekarang ini dan dijangkakan dalam syarikat yang baru ini akan mempunyai 14,000 orang kakitangan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat ya, sebab Yang Berhormat hendak beri jaminan kepada Parlimen bahawa pekerja-pekerja baru Malaysia Airlines Berhad ini akan lebih efektif. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kita akan menggunakan ukuran yang sama dengan Lembaga Pengarah? Ini kerana sekarang ini kalau saya tengok daripada akta, Lembaga Pengarah ini macam yang biasa ini akan kononnya dikekalkan. Jadi kenapa pekerja yang jadi mangsa kalau keputusan banyak dibuat oleh Lembaga Pengarah sebagai pemimpin? Jadi bagi saya, kalau Yang Berhormat Menteri, kalau kerajaan hendak minta Parlimen ini membantu dari segi akta, mesti ada komitmen hari ini bahawa daripada atas sampai bawah perubahan akan dibuat secara adil. Daripada atas sampai bawah. Jangan *Chairman* yang sama, *board member* yang sama, tidak ada makna.

Kenapa mesti pekerja jadi mangsa walhal bos-bos semua masih kekal dengan gaji, masih kekal dengan segala-galanya? Jadi saya rasa kita kena bukan sahaja berlaku adil tetapi nampak kita berlaku adil. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Ini juga berkaitan dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kuala Langat dan juga Yang Berhormat Kuala Terengganu sebentar tadi iaitu berkenaan dengan perlunya memperkuuhkan barisan kepimpinan MAS yang baru termasuklah ahli-ahli Lembaga Pengarahnnya. Jadi kita sekarang ini sedang berusaha untuk menjadikan satu

tempoh peralihan dari syarikat lama ke syarikat baru sepanjang beberapa bulan yang akan datang dan kalau boleh pada penghujungnya iaitu pada 1 Julai 2015, satu perubahan besar kepada barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara teratur dan Khazanah Nasional Berhad akan mengukuhkan Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan juga pengurusan pertengahan syarikat baru terutamanya ini melibatkan pengurusan 500 orang kakitangan yang teratas.

Ini akan memastikan syarikat baru ini, Malaysia Airlines Berhad mempunyai barisan kepimpinan yang mampu membawa syarikat penerbangan nasional ini ke arah keberuntungan yang mampan. Tadi ada banyak menyebut tentang ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan. Memang kita sedar bahawa antara kriteria utama ialah memilih pemimpin yang mahir dalam bidang penerbangan dan berpengalaman dalam bidang tersebut, memerlukan pengurusan yang cekap dan terbuka dan memerlukan pengurusan yang mengambil pendekatan yang *engaging*, dengan izin dan juga *hands on*, dengan izin. Ini merupakan ciri-ciri pemimpin yang bakal dipilih nanti.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sedikit kalau boleh Yang Berhormat Menteri beri sedikit maklumat tambahan kepada Dewan yang mulia ini. Daripada 20,000 orang itu, dijangka berapa peratus yang kita *retain and migrate*, dengan izin kepada syarikat baru dan lama? Kedua yang terpaksa kita tarik diri, selain daripada kita buat *retraining*, adakah kita- kita sekarang ini hendak dia beri peluang-peluang yang ada minat dalam perniagaan yang saya bangkitkan ini, bukan dalam bidang-bidang perniagaan, **CMBB**, hendak membesarkan kawasan dia, aktiviti. Mungkin mereka ini dia pergi juga pertimbanganlah untuk mula perniagaan mereka dalam bidang-bidang penerbangan ini. Minta sedikit dari segi peluang mereka untuk menceburi bidang perniagaan ini untuk bekas-bekas pekerja MAS ini.

**Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit mencelah. Sedikit.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya nanti terlupa apa yang hendak dijawab. Izinkan saya meneruskan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali tentang jumlah kakitangan. Sebenarnya menurut kajian awal Khazanah Nasional Berhad yang telah pun dibentangkan pada bulan Ogos yang lalu, mereka menjangkakan berdasarkan kepada jaringan dan operasi Malaysia Airlines yang ada sekarang ini, mereka menjangkakan boleh beroperasi pada jumlah kakitangan optimum seramai 14,000 orang. Sebahagian besarnya akan merupakan mereka yang diambil dari syarikat Malaysia Airlines Berhad, MAS yang sedia ada sekarang ini. Dari segi peluang perniagaan, antara program peralihan yang telah dikenal pasti termasuklah program untuk memberikan peluang untuk mereka bergiat dalam bidang perniagaan.

#### ■1510

Ini boleh dibantu oleh agensi-agensi kerajaan yang lain termasuklah TERAJU, TEKUN dan sebagainya dalam konteks pembiayaan untuk mereka kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan. Yang Berhormat Kinabatangan ada menyebut tentang penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Sandakan yang ditambah dan juga telah menyentuh sama ada, ada satu pakatan atau *coalition* antara Malaysia Airlines dan AirAsia yang menyebabkan pengurangan penerbangan ini.

Menurut Malaysia Airlines, mereka sebenarnya mengurangkan penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Sandakan kepada hanya satu kali sehari adalah berdasarkan kepada *load factor*, dengan izin, atau jumlah penumpang yang berkurangan. Tidak ada sebarang *coalition* dengan AirAsia malah apa juga *coalition* seperti yang kita semua tahu, sekarang ini terdapat Akta Anti Competition atau *Competition Law*, dengan izin, yang tidak membolehkan mana-mana syarikat membuat suatu *coalition*, dengan izin, dengan syarikat-syarikat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada menyebut tentang fasil 26 yang berkaitan dengan Malaysia Airlines Berhad sebagai majikan pengganti. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara ciri-ciri utama rang undang-undang yang kita bentangkan ini adalah untuk membolehkan satu *strategic reset*, dengan izin, dilaksanakan untuk membolehkan Malaysia Airlines Berhad beroperasi pada struktur kos yang munasabah dan kompetitif. Ini termasuklah dari segi pembekalan barang-barangan dan perkhidmatan dan juga dari segi kakitangan. Bukan sahaja dari segi jumlah kakitangan yang diperlukan tetapi juga kaedah-kaedah kerja, jangka masa dan lain-lain terma-terma yang perlu untuk kakitangan yang baru ini.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ini untuk membolehkan syarikat baru ini beroperasi pada kadar kuantiti yang tinggi

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Hendak minta mencelah. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Celah, ya.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Mengenai *strategic reset*. Barangkali penyusunan semula bagi MAS kali ini ialah peluang terakhir bagi kita membentulkan apa yang telah jadi salah pada tahun-tahun yang lampau. Dari segi *strategic reset*, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan di mana pelantik dan juga pentadbir akan diberikan kuasa untuk menentukan semula kos daripada semua vendor. Jadi, saya rasa apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri itu bercanggah dengan klausa atau seksyen 14, di bawah tajuk Perkhidmatan Peralihan. Dalam perenggan ini dikatakan Malaysia Airlines Berhad atau NewCo dan syarikat subsidiarinya hendaklah membayar bagi barang atau perkhidmatan itu atau kedua-duanya pada kadar yang sama yang sepatutnya dibayar oleh syarikat yang ditadbir, iaitu MAS yang ada sekarang. Bukan itu satu percanggahan yang serius?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya ingin menjawab pencerahan yang diperlukan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi. Sebenarnya, tidak ada percanggahan. Untuk kita membolehkan beralih kepada syarikat yang baru, di dalam satu struktur operasi yang baru, ia memerlukan pentadbir berunding semula dengan pembekal sedia ada dan ini penting. Akan tetapi sekiranya pembekal-pembekal tersebut tidak bersetuju dengan terma-terma baru yang dicadangkan untuk dialihkan kepada syarikat yang baru ini, maka perlu satu peralihan yang perlu dibuat untuk membolehkan syarikat baru ini mendapatkan pembekal-pembekal baru yang lain. Sebagai contohnya, sekiranya kontrak katering itu tidak dipersetujui sebagai contohnya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Pencelahan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Dia tidak boleh secara *overnight* mengambil pembekal yang baru.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ini perlukan satu masa yang agak lama. Dengan wujudnya *provision* ini, bermakna syarikat pembekal sekarang ini tidak boleh *hold* Malaysia Airlines *ransom*, dengan izin, dan perlu membekalkan tetapi pada kadar yang sama buat masa sementara. Sementara syarikat baru ini memilih pembekal-pembekal yang baru. *This meant to be protection*, dengan izin.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Isu yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri, saya ucapan terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya tentang isu yang disebutkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita lihat, disebabkan ini adalah satu proses transit. Adakah ini bermakna bahawa disebabkan ini suatu proses transit bererti kontrak-kontrak, *supply contracts*, sebagai contoh, *goods and supply contract* itu tidak boleh ditamatkan sehingga wujudnya satu syarikat yang baru? Adakah itu sebenarnya yang dimaknakan dengan sistem transit? Contohnya, macam Amerika Syarikat, Chapter 11 dalam proses *bankruptcy*. Di mana syarikat itu masih boleh bergerak, sebab syarikat kena dihidupkan. Akan tetapi isu-isu kredit itu boleh dilihat dan diperbincangkan oleh pentadbir, sebagai contoh. Adakah ini yang akan berlaku? Adakah bererti pentadbir diberi kuasa untuk melihat semula, mengkaji semula, sebelum memasuki syarikat baru ataupun adakah bermakna kontrak-kontrak lama ini kena diteruskan dan ditamatkan hanya selepas syarikat baru itu diwujudkan? Boleh Yang Berhormat Menteri beri penjelasan? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung sedikit kalau dibenarkan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Boleh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, soalan yang senang sahaja. Yang Berhormat Menteri sudah baca tak *amendment in Committee*, Kertas Putih ini, untuk seksyen 14? Seksyen 14, klausa 14 yang baru itu. Kita bincang tentang isu sama ada, ada kuasa untuk pentadbir? *Whether the administrator has discretion power to extend* ataupun untuk menyambung kontrak lama pada harga kontrak yang lama? Akan tetapi *amendment* pagi ini, yang dimasukkan pagi ini, menunjukkan dengan jelas, dia tidak ada kuasa *discretion*. Dia mesti mengambil pembekal yang sama, yang sedia ada pada harga yang sama. Katakan pembekal sekarang, kita bayar terlalu banyak, MAS, sebab itu adalah satu-satunya MAS mengalami isu tentang kewangan. Sebab

pembekal terlalu mahal. Akan tetapi *amendment* ini, Kertas Putih ini mengatakan dengan jelas, / *read the English version*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat bangkitkan soalan itu waktu peringkat Jawatankuasa nanti?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh, boleh. Akan tetapi sebab Yang Berhormat Pengerang menimbulkan itu, saya rasa hendak menyambung lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kalau perkara-perkara lain yang difikirkan bahawa perlu dibangkitkan dalam Jawatankuasa, bangkitkan dalam Jawatankuasa.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pembentang, memanglah saya sudah baca, Yang Berhormat. Ini akan dibangkitkan semasa Jawatankuasa nanti. Cuma saya hendak jelaskan di sini, seperti soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengerang. Kita membolehkan pentadbir berunding semula dengan pembekal yang sedia ada. Sekiranya pembekal sedia ada ini tidak bersetuju, dengan terma baru yang dicadangkan, sebagai contohnya apabila harga itu dikurangkan sebanyak 20% tetapi mereka tidak setuju dan ini akan membolehkan syarikat baru ini untuk mencari pembekal yang baru.

Memandangkan untuk mencari pembekal yang baru ini akan mengambil masa, kalau macam katering sebagai contohnya, yang mengambil masa lebih daripada 12 bulan, kita perlu pastikan bahawa pembekal sedia ada tidak memberhentikan pembekalan tersebut. Ini kerana ia akan menjelaskan penerangan sedia ada yang berlepas setiap hari. Ini satu yang penting.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri,

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, disebab ini melibatkan- Sepang ini banyak pekerja-pekerja MAS, jadi saya ingin tanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua persoalan. Pertamanya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya sudah baca semua rang undang-undang ini, maknanya, prinsipnya saya ingin bertanya, adakah nasib pekerja-pekerja MAS ini yang sedia ada ini, selamat atau tidak? Itu yang pertama.

## ■1520

Kedua Menteri, di peringkat dasar saya ingin tanyakan, kita tahu bahawa...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Diamlah, diamlah relakslah. Keduanya saya ingin katakan kalau kita lihat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Sepuluh kali sudah tanya soalan itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling you tidak faham, you duduk balik dekat kedai kopi sana. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan fasal Baling tau, ini tidak ada kena-mengena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Lagi Yang Berhormat lain ganggu lebih lagi kita menghabiskan masa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, nanti Menteri akan jawab juga dia kata, "Soalan itu sudah saya jawab tadi itulah Yang Berhormat tidak hadir." Biar Menteri yang jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Keduanya, saya ingin tanyakan Menteri, keduanya berkaitan dengan saya lihat kita menggunakan undang-undang ini untuk menyelamatkan MAS. Sedangkan kita tahu bahawa segala masalah ini tidak langsung disumbangkan oleh pekerja. Pekerja tidak terlibat dalam *decision making process*, dalam apa-apa pelaburan dan sebagainya. Jadi sekarang ini pihak-pihak...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Pengerang sudah cakap, baca *Hansard*. Baca *Hansard* Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekarang ini pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menyebabkan berlakunya masalah kepada MAS ini, adakah tidak akan diambil tindakan?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Pengerang sudah cakap tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita bagi contoh, bagi contoh bila Tajudin Ramli diselamatkan, pekerja tidak diselamatkan. *[Dewan riuh]* Jadi saya ingin tanyakan adakah kita tidak langsung mengambil tindakan ke atas pihak-pihak menyumbang ke arah...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Ini Pak Pandir sungguh ini. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Kemunduran ataupun masalah MAS ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! Yang Berhormat Baling kau boleh balik tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, Menteri ada hak untuk tidak melayan pencelahan itu, boleh. Tidak payah layan kalau Menteri fikir tidak perlu layan kerana mesti respons dahulu pada apa yang ditimbulkan oleh pembahas-pembahas tadi. Tidak apa saya ada duduk di sini Menteri, jangan risau.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena gelak fasal apa? Sila.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang pemilihan kakitangan tadi, seperti yang saya sebutkan mereka akan diberikan satu peluang yang adil, yang saksama dan juga yang mempunyai ihsan ataupun *compassion*. Ini untuk memberikan mereka diberi peluang yang sebaik-baik mungkin untuk menyertai syarikat yang baru ini. Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Apakah perancangan bagi MAS sendiri...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat penjelasan?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Di bawah pelan penstruktur semula MAS.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan boleh? *Short one. [Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Tidak payahlah.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Pelan perniagaan bagi MAS baru masih sedang dibentuk dan buat masa ini tidak ada sebarang perancangan untuk menjual MAS Engineering. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Terengganu juga membangkitkan isu sama ada semua kontrak-kontrak akan dilindungi semula. Untuk itu pihak Khazanah akan melihat kontrak-kontrak yang relevan dan bukan semua kontrak yang akan dirunding semula. Hanya kontrak-kontrak yang bersifat *off market* dengan izin ataupun yang *lopsided* sahaja yang akan dilindungi semula untuk membawa kesamarataan ataupun *balance* dengan izin antara kedua-dua pihak.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Menteri boleh dapat penjelasan? Penjelasan sahaja, tidak ada perkara baru.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Menteri, boleh dapat penjelasan sahaja.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Minta maaf. Memandangkan banyak lagi rang undang-undang yang bakal dibentangkan kemudian, saya rasa saya perlu teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada membangkitkan tentang isu yang sebelum ini berkaitan dengan UEM Renong yang dikaitkan sama seperti isu MAS yang ada sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah terlibat dalam penstruktur semula Kumpulan UEM Renong. Kalau kita lihat dari segi masalah yang wujud di UEM Renong dahulu adalah semasa ia berada di tangan swasta. Ketika itu Khazanah melalui syarikat dana saham telah mengambil alih Kumpulan UEM Renong dengan pelaburan sebanyak RM5 bilion.

Setelah Khazanah mengambil alih syarikat tersebut penstruktur semula telah pun dilaksanakan dan ini termasuklah proses menstrukturkan semula hutang-hutang yang berada di dalam PLUS Expressways yang membolehkan Kumpulan PLUS Expressways ini disenaraikan di Bursa Saham Malaysia. Selepas itu jumlah hutang dapat dikurangkan daripada RM30 bilion

kepada RM16 bilion dan Kumpulan UEM setelah itu telah pun mendapat keuntungan dan beroperasi dengan baik. Untuk itu Khazanah telah mendapat pulangan yang tinggi daripada pelaburan yang dibuat dan nilai Syarikat Kumpulan UEM selepas tiga tahun diambil alih oleh Khazanah telah bernilai lebih kurang RM10 bilion iaitu hampir dua kali ganda berbanding RM5 bilion yang telah dilaburkan.

Jadi, berkaitan dengan itu untuk RM6 bilion yang bakal dilabur oleh Khazanah dalam Malaysian Airlines System Berhad ini. Sebanyak RM1.4 bilion dibelanjakan untuk mengambil alih ataupun *privatised* Syarikat MAS dan dinyahsenaraikan daripada Bursa Malaysia. Sebanyak RM1.6 bilion lagi akan digunakan untuk menyelesaikan isu-isu di dalam syarikat sedia ada, Malaysian Airline System Berhad dan selebihnya RM3 bilion akan dilaburkan dalam syarikat baru Malaysia Airlines Berhad untuk kos-kos operasi dan juga *capital expenditure*, dengan izin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya sedikit Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya percaya bahawa dengan kebolehan pengurusan yang baru, yang bakal dibawa masuk dengan strategi-strategi yang telah disiarkan dalam *12-point* strategi itu. Saya rasa *insya-Allah* dalam masa lima tahun Syarikat Malaysian Airlines Berhad ini dapat disenaraikan semula.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini sebagai menggulung Menteri, mungkin sedikit. Kita bagi akta ini untuk lima tahun. Yang Berhormat ada pengalaman sebagai CEO bank, lepas itu Yang Berhormat bagi contoh UEM. UEM itu industri yang lain tidak apalah kita bahas. Akan tetapi *in the nutshell*, pada hati pengalaman Menteri *in five years from now* dengan izin, adakah kita kembali bercerita sejarah yang lama, *five years old now* sebab Dewan ini kita kata tadi *in five years*, kita *put the scheme* bagi kuasa macam di US ini, macam...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Adakah sejarah yang berlalu ini berapa kali sudah? Dua ke tiga ini? Apa pandangan Yang Berhormat kepada Dewan ini sebab esok kita boleh panggil balik ini sebagai Menteri kah, sebagai apa. *What is your gut feeling?* Kita boleh berjaya kah lima tahun yang akan datang sebab lepas kita lulus Dewan ini, semua hendak tanya ini dengan *your own view*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Menteri boleh sambung sedikit Menteri? Sedikit sahaja pendek.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi sudah panjang lebar cakap, sudah lebih daripada 20 minit tadi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak tanya penjelasan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Takkan bekas Menteri Kewangan Kedua masa MAS itu boleh tanya tetapi saya tidak boleh tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: [Bangun]**

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Bolehkah dua Yang Berhormat yang sedang berdiri silakan duduk. Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Rompin juga duduk.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini 36(6) ini niat jahat. Yang berhormat Petaling Jaya Utara ini niat jahat, dahulu dia Singapura, dia pun bankrap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dia Singapura pun dia bankrap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Hendak sebut di luar tidak?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tidak, ini saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin, Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri itu tolong duduk Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Boleh sebut di luar tidak?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Peraturan Mesyuarat 36(6)...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebut di luar tidak?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Menuduh... Kamu dulu pun bankrap...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebut di luar? Sebut di luar?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ya! Kamu tuduh saya, aku tuduh engkau di Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin, duduk Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Jangan jadi juaralah!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Eh! Kamu... Kamu jangan cakap besar. Jangan tuduh orang sebarang. Engkau apa dia? Ah! Cakap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini berbagai-bagai personaliti. Ada personaliti lemah lembut, tidak mahu sama sekali menyaringkan suara. Ada personaliti yang agresif, ada personaliti yang tebal muka, ada personaliti yang *very insistent*. Menteri yang berkenaan tergolong kepada golongan personaliti yang lemah lembut. *[Ketawa]* Tidak boleh diasak dengan soalan-soalan kerana latar belakang beliau itu adalah bukan seperti Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan sedemikian.

#### ■1530

Jadi, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua terpaksa *protect* kepada semua sama ada *minority interest* kah, personaliti yang lain kah hendak kena tanya. *[Dewan riuh]* Kalau ada lagi *outburst* seperti begitu Yang Berhormat Rompin dan Yang Berhormat PJ Utara saya tidak akan

teragak-agak untuk rehatkan kamu berdua dan minum teh tarik di luar. [Ketawa] Sila Yang Berhormat Menteri, sila.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini yang lemah lembut Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Hendak yang lemah lembut Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedang menjawab kasi laluan, boleh. Kalau tidak, jangan paksa.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang ini yang lemah lembut.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kasi laluan kepada Dewan ini tujuh kali.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Petaling Utara yang lemah lembut hendak tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang keras pun dok, lembut pun dok ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila teruskan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri pun hendak yang lemah lembut tadi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Rompin...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Pendang yang lemah lembut Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk dahulu pasal peraturan mesyuarat. Sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya secara lemah lembut hendak membangkitkan isu bahawa saya hanya sebut Yang Berhormat Rompin pernah menjadi Menteri

Kewangan II tetapi dia sebut saya *bankrupt*. Saya minta supaya Yang Berhormat Rompin tarik balik kenyataan bahawa saya *bankrupt* sebab saya tidak pernah *bankrupt* dalam mana-mana syarikat pun, mana-mana negara pun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya kata *bankrupt* idea. *[Ketawa]* *Bankrupt* idea. Dia sensitif, dia sensitif. *[Ketawa]* Dia sensitif, dia sensitif. Dia tuduh tidak betul.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bukan sokong Tuan Yang di-Pertua, bukan sokong.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kita adakan Dewan kita macam raja lawak macam Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia *bankrupt* semua Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah, sudah. Terima kasih, terima kasih. Secara serius kita ada empat lagi akta yang perlu kita bincang. Hari ini adalah hari yang penghabisan. Jadi saya mahu kita semua berpisah sebelum berjumpa lagi tiga, empat bulan yang lalu dalam keadaan perasaan yang baik-baik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Rompin ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujung tahun ini Ahli Yang Berhormat, cuti sekolah, dampingi keluarga. Sila Yang Berhormat Menteri, sambung perbahasan. Jangan ganggu.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentang...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini yang lemah lembut bukan hendak soal.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Kita sudah 3.30 dah, sudah lambat dah.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Tentang RM6 bilion.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya hendak menjawab Tuan Yang di-Pertua isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, teruskan, teruskan. Ahli Yang Berhormat yang lain jangan ganggu.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya bertuah kerana telah diberi peluang untuk menerajui tiga buah syarikat sebelum ini iaitu Kumpulan UEM, Kumpulan Telekom Malaysia dan Kumpulan Maybank. Walaupun saya telah menerajui tiga syarikat tersebut saya sebenarnya selalu berjenaka dengan rakan-rakan. Antara syarikat berkaitan kerajaan atau GLC yang paling mencabar untuk diterajui adalah Malaysia Airlines kerana ia memerlukan satu syarikat bukan sahaja di mana industrinya adalah sangat kompetitif tetapi ia adalah satu industri di mana ramai orang mempunyai pendapat yang berbeza tentang bagaimana sebuah syarikat penerbangan perlu dilaksanakan.

Dalam konteks satu syarikat yang kompetitif, industri yang kompetitif, kita lihat sekarang ini memang banyak *airlines*, *airlines* baru yang telah diwujudkan, yang telah menambah kapasiti tempat duduk mereka dengan pembelian kapal terbang-kapal terbang yang lebih besar dan ini termasuklah penerbangan daripada Timur Tengah seperti Emirates, Etihad, Qatar dan sebagainya. Apabila kita campur itu dengan isu di mana sebahagian besar daripada kos operasi merupakan kos minyak. Jadi, ini menjadikan satu perancangan yang agak sukar untuk mananya juga pengurusan yang bakal menerajui syarikat ini.

Walau bagaimanapun saya percaya dengan pencerahan yang telah diberikan oleh Khazanah tentang *12-point plan* dengan izin, yang telah mereka rencanakan pada bulan Ogos yang lalu dengan pemilihan pengurusan terutamanya CEO yang berpengalaman yang berkemahiran dan mereka yang *engaging* dengan izin, dan mereka yang *hands-on* dan boleh turun ke bawah. Saya percaya dengan pelaksanaan strategi-strategi tersebut pendekatan yang *hands-on* dengan izin, dan dengan sokongan daripada Lembaga Pengarah dan juga daripada masyarakat dan rakyat Malaysia sendiri saya rasa *insya-Allah* dalam jangka masa lima tahun Malaysia Airlines Berhad ini akan boleh dipulihkan dan dapat dikembalikan semula ke Bursa Malaysia sebagai sebuah syarikat yang beroperasi dan berkeuntungan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh sebelum saya berhenti izinkan saya menekankan sekali lagi bahawa rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang perlu untuk menstrukturkan semula Malaysia Airlines Berhad dan ini merupakan satu rang undang-undang yang spesifik atau pun khusus untuk MAS dan ia merupakan satu rang undang-undang yang sementara. Maknanya ia ada jangka masa hanya lima tahun. Dengan adanya rang undang-undang ini dan apabila diluluskan, ia akan memulihkan Malaysia Airlines Berhad beroperasi dan kita semua tahu bahawa MAS sebagai syarikat penerbangan negara adalah sebuah syarikat yang penting dan berperanan dalam menyediakan sambungan antarabangsa dan domestik negara dan dengan itu menyumbang ke arah pembangunan negara dan sosioekonomi.

Seperti Yang Berhormat Titiwangsa sebutkan tadi nilai tambah ekonomi dalam syarikat penerbangan ini adalah amat tinggi sehingga 12 kali ganda. Untuk itu adalah penting untuk kita menyelamatkan MAS dan saya memohon sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk meluluskan Rang Undang-undang MAS ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

### Fasal 3 – Pindaan:

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan bahawa fasal 3 rang undang-undang dipinda dengan memotong takrif “pemberi perkhidmatan peralihan”. Pindaan ini selaras dengan pindaan kepada fasal 14 dan pemotongan fasal 15.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

### Fasal-fasal 4 hingga 13:

**Tuan Pengerusi:** Ada? Sila Yang Berhormat Sepang.

■1540

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan berkaitan dengan fasal 5 khususnya 5(3) di mana dinyatakan bahawa jika pentadbir dilepaskan daripada pelantikannya, dia hendaklah berkuat kuasa daripada pelepasan itu dibebaskan daripada segala kewajipan dan tanggungan yang berkenaan dengan pentadbirannya atau berhubung dengan kelakuanya sebagai pentadbir.

Saya, Tuan Pengerusi, merasakan ini satu provision yang tidak sepatutnya ada kerana dia akan menyebabkan tidak ada satu accountability dari pihak pentadbir sebab apabila dia dilepaskan, mungkin dia dilepaskan kerana efficiencynya, kerana ada masalah. Jadi bagaimanakah dalam keadaan dia dilepaskan, tiba-tiba dia betul-betul complete ability ini, dia tidak boleh langsung diambil tindakan dan sebagainya? Jadi saya ingin mencadangkan ataupun saya ingin menyatakan supaya pihak Menteri menjelaskan kenapakah klausula 5(3) ini perlu dikekalkan?

Seterusnya, saya juga ingin menyatakan berkaitan dengan Perkara 11 iaitu kesan pelantikan pentadbir. Dinyatakan bahawa dalam 11(1), apabila pentadbir dilantik, satu moratorium hendaklah dikuatkuasakan dalam tempoh itu (d)(ii) untuk menguatkuasakan satu penghakiman atas benda-benda yang ditadbir. Saya melihat Menteri, seksyen ataupun Klausula 11 ini sehingga - ia akan ada satu konflik dengan beberapa undang-undang lain. Sebagai contoh, Klausula 11 menyatakan bahawa dalam tempoh moratorium ini tidak boleh - tiada petisyen bagi penggulungan syarikat yang ditadbir boleh difaillkan oleh mana-mana orang dalam mana-mana mahkamah, 11(1)(a), sedangkan kita tahu dalam undang-undang ini khususnya Akta Syarikat, ada provision yang membenarkan suatu syarikat itu diambil tindakan untuk digulungkan.

Jadi bagaimanakah dengan keadaan seksyen 11 ini dengan yang konflik ataupun bertentangan dengan antara contoh seksyen 218, Akta Syarikat 1965 yang membenarkan beberapa keadaan di mana *company* syarikat boleh digulungkan? Jadi apabila kita ada klausanya ini, saya berpendapat ia adalah bertentangan dengan peruntukan dalam *Companies Act, unless* kita juga membuat dalam masa yang sama *necessary amendment to the Companies Act* yang menyatakan secara spesifik seksyen 218 itu tidak terpakai dalam kes yang melibatkan MAS ataupun dalam tempoh peralihan ini.

Seterusnya, kalau kita lihat kepada seksyen 10, kuasa pentadbir itu. Antara yang dinyatakan dalam antara kuasa mentadbir itu ialah saya bacakan di bawah seksyen 10, ia membenarkan untuk melindungi dan memfailkan petisyen penggulungan kepada syarikat yang ditadbir itu. *In one hand we have power*, dengan izin, kuasa mentadbir diberikan untuk dia sendiri memfailkan petisyen penggulungan ke atas syarikat yang ditadbir itu ataupun untuk mempertahankan.

Akan tetapi dalam seksyen 11 pula, dia tidak benarkan orang lain pula untuk memfailkan petisyen penggulungan. Jadi saya nampak ada satu percanggahan. Jadi saya ingin tanya kepada Menteri, bagaimanakah pihak kementerian ingin *resolve* kepentingan ini? Mungkin kalau dibawa ke mahkamah nanti - sebab saya percaya mungkin akan berlakunya kes-kes di mana petisyen penggulungan akan dibuat dalam tempoh moratorium ini. Jadi kalau mahkamah berpendapat, *this section is against section 218 for the Companies Act* sebab section 218 adalah seksyen yang spesifik kepada *company*. Jadi macam mana kita hendak jawab ini? Terima kasih.

### 3.44 ptg.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal 9 dan 10, Fungsi Pentadbir, sedikit. Tuan Pengerusi, pengalaman. Biasanya MAS yang dahulu sebab kuasa pegawai pentadbir ini melakukan kesemuanya. Kita dapati bahawa sebahagian besar penumpang dalam kelas pertama dan kelas *business*, MAS biasanya yang jauh ke London dipenuhi oleh pengurus-pengurus MAS yang hanya bayar 10% daripada harga tambang. Ini suatu kenyataan. Ada pengurus MAS yang menempatkan isteri, anak dan *servantnya* dalam *first class*. Itu yang menyebabkan harga yang sepatutnya RM38,000, dia bayar hanya RM3,800. Ini harus diambil kira supaya *managers* yang akan *migrate* ke syarikat baru itu mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki yang tidak betul.

Kedua, supaya - satu lagi sikap sompong. Saya hendak beri dua contoh sikap sompong pengurus-pengurus MAS. Saya pernah menegur sebuah penerbangan Kuala Lumpur - Alor Setar yang mendarat di Alor Setar waktu tengah hari, sembahyang Jumaat. Saya kata, "*Bolehkah diubah sedikit timenya itu, masanya itu bagi membolehkan staf lelaki sembahyang Jumaat?*" Seminggu kemudian, saya dapat jawapan. Jawapan dari Kuala Lumpur mengatakan kalau sekiranya awak semua tidak mahu kerja di Alor Setar, kami tukar balik semua ke Kuala Lumpur. Sombong!

Ketiga yang melibatkan diri saya. Semasa saya jadi Pengerusi MARA, kita hantar beratus-ratus *student* ke luar negeri, kita minta MAS beri diskaun. Kita bandingkan dengan SQ *Singapore* yang lebih murah. Tuan Pengerusi, apa jawapannya? "Tidak apa, kami masih ada penumpang yang lain". Ini budaya yang ada dalam MAS dahulu, sebab itulah dia rugi berjuta-juta. Itulah sebabnya saya kata tadi, soalan saya pada Menteri tadi, harus ada orientasi supaya mereka itu sayang hendak bekerja dengan MAS, syarikat penerbangan yang kita sayangi sekiranya dapat buat untung, bukan dengan hanya menghabiskan wang RM6 bilion, RM6 bilion itu yang saya hendak tanya Menteri yang RM3 bilion itu yang akan dibelanjakan untuk membayar tanggungan RM3 bilion itu. Apa sebahagian daripadanya? Apakah kita hendak *terminate* yang 25 tahun itu, sebahagian daripadanya, Tuan Pengerusi? Terima kasih.

### **3.47 ptg.**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sedikit sahaja Menteri, hendak penjelasan tentang kesan pelantikan pentadbir yang akan memberi perlindungan kepada pentadbir dari segi moratorium undang-undang. Saya hendak tanya, adakah kementerian telah membuat pertimbangan apabila ada *law suit* antarabangsa dan saya telah membaca bahawa sebuah *law firm* dari *United States* telah membangkitkan satu *lawsuit* yang jumlahnya RM5 bilion. Jadi adakah ini akan memberikan *protection* yang mencukupi kepada MAS? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pengerang. Selepas Yang Berhormat Pengerang, Menteri menjawab.

### **3.48 ptg.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak merujuk kepada seksyen 7 - Kelayakan Pentadbir, seksyen 7(1), 7(2) dan 7(3). Tidak ada langsung disebut bahawa pentadbir itu perlu seorang warganegara Malaysia. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ini bererti bahawa pentadbir ini mungkin orang luar daripada rakyat Malaysia? Jika boleh dan mungkin, kenapa? Terima kasih.

### **3.49 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang soalan dari Yang Berhormat Sepang tadi, tentang Fasal 5(3) iaitu pentadbir akan dilepaskan. Pentadbir ini sebenarnya dilepaskan sedemikian supaya memperuntukkan bahawa pentadbiran itu tidak lagi berhubung kait dengan syarikat yang ditadbir dan pelepasan daripada tanggungan dan kewajipan ini bermula dari tarikh ia dibebaskan. Jadi ini tidak bermakna apa yang telah dilakukan olehnya sebelum dia dibebaskan tidak akan dipertanggungkan kepadanya. **So that is ..., dengan izin.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, tidak berapa faham, minta maaf. Apa yang saya faham Menteri, minta maaf ya, Menteri. Dia kata semasa dilantik sebagai

pentadbir, bila masa dia jadi pentadbir, tiba-tiba lepas itu dia pun tidak lagi dilantik sebagai pentadbir, *within that period* kalau *he made any decision*, dia adalah kebal.

■1550

Yang Berhormat Menteri jawab tadi nampaknya lain. Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri salah baca itu. Cuba Yang Berhormat Menteri baca betul-betul. Yang Berhormat Menteri, tengok ya. Jika pentadbir dilepaskan daripada pelantikannya, dia hendaklah berkuat kuasa daripada pelepasan itu. *That means once he dia relinquish his post* mungkin dia telah dilepaskan kerana dia tidak cekap, kerana dia buat masalah. Tiba-tiba kita kata dia adalah *protected*, tidak langsung diambil tindakan. Saya rasa ini bertentangan. Kita hendak selamatkan sebuah syarikat, tiba-tiba pentadbir katakan dia buat masalah semakin syarikat cuba diselamatkan akan semakin teruk lagi. Tiba-tiba dia pula terlepas. Saya rasa ini bertentangan dengan konsep kita untuk kepentingan awam untuk selamatkan ini. Jadi Yang Berhormat Menteri hendak jawab macam mana ini?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab itu berdasarkan nasihat daripada Peguam Negara.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nasihat apa itu? Nasihat buat salah itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We are not bound by wrong advice.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, perkara yang dibincang ini adalah perkara perbahasan walaupun peringkat Jawatankuasa. Jadi itu pendapat Yang Berhormat sebagai peguam, yang menasihati itu juga adalah peguam. Jadi, apabila sudah mesej itu telah dikemukakan tidak apalah. Lain kali apabila ada masalah begitu biarlah nanti Yang Berhormat sebelah kah, membela ataupun apa, yang mereka pun membela lah sebelah. Tolong, *don't be too specific about matters like this.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi tengok jawapan tadi pun Tuan Pengerusi..

**Tuan Pengerusi:** *I know, I know...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Then you know, I know...*

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *...He doesn't know.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I know you know he doesn't know.*  
[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Ini masalah kepada peguam-peguam. Ini Dewan Rakyat bukan mahkamah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi *law makers!*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat! [Dewan riuh] Ahli Yang Berhormat kalau saya tolerate Ahli-ahli Yang Berhormat, tolerate saya. Itu jawapan. Sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak, pada akhirnya saya juga akan panggil siapa setuju siapa tidak. Kita mengundi. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih, tentang...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, boleh saya hujah sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dia Yang Berhormat. Yang Berhormat *practicing lawyer*, Yang Berhormat Sepang *practicing lawyer, you understand the peraturan mesyuarat, so help me.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya mohon kalau Yang Berhormat Menteri boleh bagi saya satu peluang untuk satu pandangan sahaja.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tidak? *One little opinion.*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, menurut peraturan mesyuarat kalaupun ada soalan sebegini kalau Yang Berhormat tidak mahu bagi laluan, boleh. Kalau Yang Berhormat kasi laluan boleh. Akan tetapi kepada Ahli Yang Berhormat yang minta laluan itu jangan berbuat seperti dialog begitu. Kalau Yang Berhormat Sepang berpendapat begitu, bermakna saya tidak akan berdasarkan peraturan mesyuarat kerana dalam peraturan mesyuarat mengatakan bahawa sehingga Tuan Yang di-Pertua panggil seseorang Ahli Yang Berhormat untuk berhujah, baru boleh buka mulut. Faham itu?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak mendapatkan kebenaran.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sekarang ini pula menurut kita punya peraturan mesyuarat kalau ada pencelahan seperti ini, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk kasi laluan atau tidak, bukan saya. Yang Berhormat Menteri, mahu kasi laluan kah kepada Yang Berhormat Beruas atau tidak?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengerusi, memandangkan kita banyak lagi rang undang-undang...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, sila.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Future liability not during that period.*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengerusi, tentang soalan daripada Yang Berhormat Serdang, adakah *lawsuit* dengan izin antarabangsa berkuat kuasa dengan syarikat ini. Saya difahamkan bahawa apa juga *lawsuit*, ia tidak boleh didaftarkan di Malaysia. Maknanya *it cannot be filed in Malaysia*. Tetapi kalau dia difailkan di luar negara, dia tidak boleh dienforcekan dengan izin di Malaysia. Itu mengikut apa yang dinasihatkan kepada saya sebelum ini.

Tentang Yang Berhormat Pengerang yang bertanyakan adakah warganegara Malaysia menjadi satu kriteria.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** ...la sebenarnya tidak menjadi satu kriteria tetapi kita expect..

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, boleh dapat penjelasan?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** ...Memandangkan kita perlu pentadbir ini daripada mereka yang boleh menjadi juruaudit, jadi mereka merupakan, mereka perlu mengadakan *practice* dengan izin di dalam Malaysia.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, boleh dapat penjelasan?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Satu perkara tadi mengenai *enforcement or judgment*.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila. Tidak apa, sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan lanjut kerana kalau ada penghakiman yang didapati di negara lain, kita ada satu undang-undang yang dikatakan *Reciprocal Enforcement Act*. Jadi kalau negara itu sudah menandatangani perjanjian di antara negara Malaysia dengan negara yang mereka dapatkan penghakiman, ia boleh di enforce dengan izin, dilaksanakan di Malaysia. Jadi, kalau boleh dapat jawapan lebih lanjut. Kalau negara penghakiman yang didapati di negara tersebut sudah pun menandatangani dengan Malaysia dan Malaysia pun sudah setuju penghakiman itu boleh dilaksanakan di Malaysia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya hendak tolong sedikit untuk bagi cadangan. Hendak bagi cadangan untuk selamatkan Dewan Negara nanti. Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bagi satu cadangan supaya kalau ada masalah nanti, mungkin di peringkat Dewan Negara boleh buat pindaan dan sebagainya. Yang Berhormat Menteri, berkaitan isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi, saya hendak kata Yang Berhormat Menteri sepatutnya dalam membuat seksyen 11 itu kalau boleh kalau kita betul-betul hendak *protect* pentadbir ini dalam moratorium tidak boleh kita – syarikat MAS yang ditadbir *subject to 'anyone application'*, saya rasa perlu juga dalam seksyen 11 ini memperuntukkan bahawa akta pendaftaran *Reciprocal Enforcement Act* itu boleh masukkan satu peruntukan...

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** [Menyampuk] Yang Berhormat faham tidak maksud itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, kau tidak tahu dia milah Yang Berhormat Baling! Ini bukan pasal isu Yang Berhormat Baling ini. Ini terlalu tinggi untuk Yang Berhormat Baling faham. Minta maaf.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila. Teruskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya hendak selamatkan. Dalam waktu ini kalau hendak buat peruntukan masukkan satu juga peruntukan bahawa dalam waktu ini

juga kalau ada penghakiman-penghakiman di luar itu tidak memberi kesan ke atas *provision* ini supaya seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Serdang tadi, kalau ada *judgment* di luar hendak *enforce* di sini, ada seksyen 11 ini yang memperuntukkan bahawa itu juga tidak terpakai jadi dia boleh selamat *for the time being*. Itu yang saya hendak cadangkan supaya Yang Berhormat Menteri ambil kira. Terima kasih. Yang Berhormat Baling mana tahu benda ini. [Ketawa]

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengikut nasihat yang telah diberikan kepada saya, semasa *moratorium period* tersebut apa juga yang dibangkitkan di luar negara tidak boleh di*enforce* di Malaysia. Itu menurut apa yang dinasihatkan kepada saya. *Basically during the moratorium period, those overseas' decisions cannot be enforced in Malaysia dengan izin.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *But that is not stated there that's why you have to put explicitly* dalam 11(a) untuk lebih selamat, untuk lebih terjamin.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Beginilah Ahli Yang Berhormat. Duduk dahulu. Dalam perbahasan seperti begini, kalau Yang Berhormat Sepang tidak berpuas hati kepada klausa-klausa yang telah pun diberi notis untuk Ahli Yang Berhormat, aturan Ahli Yang Berhormat kasi Notis juga saya sebagai Tuan Yang di-Pertua atau timbalan-timbalan saya untuk buat lagi satu *provision* yang dalam fikiran Yang Berhormat itu yang perlu dikasi masuk. Selepas itu kita bahas pula Yang Berhormat punya pendapat itu. Baru kita akan dapat suara, ia atau tidak. Satu.

Kedua, sekarang ini belum saya tengok lagi *provision* secara spesifik. Menurut kita punyai peraturan mesyuarat, kalau sekiranya ada interpretasi itu andaian-andaian kepada Ahli Yang Berhormat yang perkara belum lagi berlaku tidak boleh juga kita tekankan kerana itu pendapat Yang Berhormat sebagai peguam. Yang buat segala draf ini ialah peguam-peguam yang telah buat *drafting* bertahun-tahun. Bermakna interpretasi mereka adalah itulah, tetapi itu interpretasi Yang Berhormat. Akan tetapi jangan *hold on the meeting for whatever you thing. If I want to ask you question, what make you think that your interpretation is the right interpretation.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu pengalaman saya dalam Parlimen ini Tuan Pengerusi banyak kali. *We pointed out* benda ini salah, benda ini tidak betul tapi tidak mahu betulkan dan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat itu sebab Yang Berhormat saya katakan, *what make you think that your interpretation is right.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Because we have involved in this matter* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah Yang Berhormat, sudah, sudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, *we have been dealing with ...petition* semua ini sudah berapa puluh tahun Tuan Pengerusi. *We know about the law. We have been in court. The language is very clear.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kalaupun pendapat Yang Berhormat itu Yang Berhormat anggap melalui pengalaman bahawa semuanya betul tidak patut perbahasan begini *you drag on.*

■1600

Tidak patut. *You have already highlighted how many times, how many times?* Kalau Yang Berhormat tidak boleh bertabiat seperti begitu *then please*, kerana selepas ini saya akan buat juga untuk undi. Teriaklah tidak sebesar-besar. Kalau mahu panggil belah bahagian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kami akan teriak kejap lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya rasa saya dah selesai menjawab Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis jawab? *I don't know sometimes why I tolerate* sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlampau *insistent* melanggar peraturan mesyuarat lagi saya layan. Satu hari nanti siapa sahaja yang seperti Yang Berhormat Pokok Sena begitu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Cakap lagi satu kali Yang Berhormat Pokok Sena. *[Ketawa] Tolong. Make my day. [Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah kita ialah yang duduk di sini cuma seorang dua sahaja. Yang duduk di sana, kamu orang berpuluhan. Kadang-kadang ada Ahli Yang Berhormat yang tidak hadir pun selepas itu timbul satu soalan yang telah pun dijawab. Macam mana? Semua Ahli Yang Berhormat mahu bercakap pada satu ketika. Tugas saya ialah mengawal supaya masa yang ditetapkan terpaksa kita habis berbahas pada waktu itu. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perasan begitu. Orang lain mahu balik, orang lain tidak. Orang lain macam Yang Berhormat Pokok Sena mahu main-main, orang lain tidak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tak main-main Tuan Pengerusi. Sebab itu saya kasihankan Tuan Pengerusi. Akta Saran Ahli Parlimen itu kena naik untuk Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ini lagi satu main-main juga ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Untuk Tuan Pengerusi itu terlalu kecil.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena, tolonglah duduk Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kenaikan Tuan Pengerusi itu terlalu kecil dengan tugas yang begitu besar. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat Pokok Sena oleh kerana main-main begitu tolong keluar sekejap. Sila. Sehingga saya panggil, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya memang nak balik, Tuan Pengerusi.. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Jumpa lagi pada bulan tiga. Yang Berhormat Rompin...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena, sila.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi? Ada lagi yang mahu balik awal?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada, Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin dengan Yang Berhormat Baling itu.

*[Yang Berhormat Pokok Sena keluar Dewan]*

**Tuan Pengerusi:** Backbencher belakang sana, ada yang mahu balik awal?

*[Fasal-fasal 4 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

#### Fasal 14 dan 15 – Pindaan:

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.03 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 14 dan 15 rang undang-undang dipindah dengan menggantikan fasal yang baru. Fasal 14 memperuntukkan bahawa seseorang yang terikat di bawah suatu kontrak atau mempunyai obligasi untuk membekalkan barang atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada syarikat yang ditadbir mempunyai obligasi di bawah undang-undang untuk membekalkan barang atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya jika dikehendaki oleh pentadbir.

Kegagalan orang itu membekalkan barang atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya akan membolehkan Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya mendapatkan daripada orang itu apa-apa kos yang dilakukan atau ganti rugi bagi apa-apa kerugian yang ditanggung. Fasal ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan yang berterusan kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ada? Sila.

#### 4.05 ptg.

**Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil peluang untuk secara ringkasnya menyebut tentang fasal 14 khususnya yang subseksyen 1 berkaitan dengan membekalkan barang kepada syarikat MAS ini. Mohon penjelasan daripada pihak Menteri, adakah bekalan ini termasuk juga membekalkan minuman keras yang akan dihidangkan di atas kapal terbang antarabangsa MAS.

Kalau merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum daripada ini berkaitan dengan caj yang dikenakan kepada penumpang antarabangsa termasuk juga untuk membekalkan hidangan arak secara percuma kepada pelanggan MAS di atas *flight* antarabangsa dan ini menimbulkan keresahan seluruh masyarakat Islam dalam negara kita dan saya mohon penjelasan pihak Menteri dan kalau jawapan menteri mengatakan ya, termasuk juga bekalan tersebut, maka saya mohon kepada Ahli-ahli Dewan ini yang ada pada hari ini yang

faham tentang Islam supaya sama-sama kita memboikot rang undang-undang yang dibentangkan oleh menteri ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

#### 4.06 ptg.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya merujuk kepada fasal 14. Tujuan akta ini adalah untuk melantik pentadbir dan akta ini dia menyatakan tanggungjawab-tanggungjawab dan juga kuasa-kuasa pentadbir dalam akta keseluruhan ini untuk mentadbir urus hal ehwal MAS. Dalam seksyen 14 yang asal, ada beberapa jaminan apabila nak melantik satu syarikat, dalam seksyen 14 subseksyen 2 yang asal, budi bicara (*discretion*) diberikan kepada pentadbir untuk memutuskan sama ada hendak teruskan dengan services yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut tetapi dalam pindaan yang baru, nampaknya budi bicara ini, *the discretion* telah pun diambil keluar.

Jadi, apa yang telah pun berlaku di sini adalah seolah-olahnya syarikat-syarikat yang sebelum ini yang membekalkan perkhidmatan diberikan satu *guarantee* untuk melanjutkan servis-servis mereka. *Is totally taking away the powers* dengan izin, of the pentadbir. Saya ingin bertanya, kenapa ini boleh berlaku sebab kalau kita tengok yang original punya rang undang-undang, seksyen 14(2) sini dinyatakan juga *discretion* ataupun budi bicara pentadbir adalah untuk hanya satu tujuan iaitu untuk melanjutkan perkhidmatan syarikat-syarikat services MAS supaya tidak, *not disrupted*. *I read the Malay version*, tidak terganggu dan dalam subseksyen 3 pula, ada juga jaminan di sana yang memberi kuasa kepada menteri untuk bertindak demi kepentingan awam sekiranya syarikat-syarikat ini tidak melaksanakan tugas mereka, pentadbir diberi kuasa untuk memilih syarikat-syarikat lain.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh saya mencelah Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya nak tanya Yang Berhormat Alor Setar, tidak aneh kah yang biru baru keluar dua hari lalu, yang putih sampai pagi ini. Maknanya *amendment* kepada perkara ini di *committee stage* baru sahaja dilakukan semalam. Saya nak tahu kenapa penukaran dasar yang terlalu penting ini dilakukan, apakah sebab. Kalau menteri boleh jawab, adakah Kabinet mengadakan satu *meeting* sebab kita tahu di antara banyak-banyak *supplier* kepada services ini termasuk satu syarikat Brahim's. Syarikat Brahim's semua tahu adalah *related to Badawi*, mantan Perdana Menteri dan juga melalui situ ada *relation* kepada Khairy Jamaluddin iaitu *Minister of Sports*.

Jadi sama ada Kabinet buat *meeting*, sama ada Khairy Jamaluddin ada atau tidak dalam Kabinet itu atau dia *opt out for the voting?* Terima kasih.

■1610

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab soalan itu sebab memang dalam rang undang-undang asal seksyen 14(1) kalau diizinkan untuk membaca, "Tertakluk kepada subseksyen (2) jika mana-mana orang terikat di bawah suatu

*kontrak atau mempunyai obligasi untuk membekalkan barang atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada syarikat yang ditadbir, Pentadbir boleh mengarahkan orang ini untuk membekalkan barang”.*

Akan tetapi dalam pindaan baru ini, perkataan “boleh” telah pun dipindah kepada “hendaklah terus”. Ini adalah amat luar bisa. Ini kerana pada biasanya, satu akta itu akan mengenakan tanggungjawab kepada pentadbir, bukan kepada pihak ketiga yang membekalkan perkhidmatan kepada MAS. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab soalan ini sebab kalau tidak, nampaknya seolah-olah seksyen ini dimasukkan untuk melindungi syarikat-syarikat kroni sahaja.

Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sedikit, Yang Berhormat Alor Star. Tuan Pengerusi boleh?

**Tuan Pengerusi:** Duduk dahulu. Peraturan Mesyuarat 23(1)(h). Kepada peguam-pegawai, bantu saya. Jangan berdiri, selepas itu bercakap, kerana menjadi tanggungjawab peguam kalau di mahkamah *helping the judge*. Tidak boleh sama sekali *you impede justice by also mengelirukan*. “*Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja.*”

*To me, what it means is that, kalaupun ada setiap peguam dalam mesyuarat ini mempunyai interpretasi yang berbeza, maka peraturan mesyuarat ini melarang, kerana kalau umpamanya kita insist dan insist, saya bukan hakim untuk menentukan mana satu. Yang menentukan adalah wakil-wakil rakyat sendiri. Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat peguam-pegawai, pengamal undang-undang yang tahu benar dengan undang-undang itu, tolong peraturan mesyuarat ini digest. Kalau kamu tidak digest, kamu sendiri bawa kamu orang punya sifat sebagai Members of Parliament. Mungkin Ada ahli-ahli Yang Berhormat yang suka main-main kerana political mileage. Saya tidak. I take my job seriously.*

**Beberapa Ahli:** So do we.

**Tuan Pengerusi:** Okay. If you take your job seriously, then all of us, let's take it seriously. Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas nasihat. Saya hanya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya tidak mengatakan kepada Yang Berhormat, tidak. Saya mengatakan kepada Yang Berhormat Sepang tadi di mana timbulnya pertanyaan seperti begitu. Jadi, ambil ingatan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa saya jadi sasaran?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, ambil ingatan kepada ini. Selepas itu ambil ingatan kepada peraturan mesyuarat kalau Speaker memanggil, baru boleh berhujah. Kerana kalau semua berhujah, beginilah. Satu kali berdiri sampai 20 orang bercakap.

Yang Berhormat sudah selesai kah tidak mengenai perbahasan ini? Tadi Yang Berhormat Bukit Katil berdiri, adakah Yang Berhormat Bukit Katil mencelah atau berbahas?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Sebelum itu Yang Berhormat Bukit Katil hendak mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Cuma saya tertarik dengan penjelasan mengenai dua perbezaan ayat di fasal 14, “*Hendaklah terus*” dan juga “*boleh mengarahkan*”. Bolehkah kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah ada syarikat-syarikat yang *in the pipeline now* di mana masih ingin terus memberikan perkhidmatan kepada Malaysian Airline System Berhad ini sekiranya diluluskan?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan lebih kurang sama. Apakah syarikat-syarikat yang akan dapat *continue* dengan kontrak? Minta Menteri senaraikan syarikat-syarikat tersebut. Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Seperti yang saya hujah tadi, dalam rang undang-undang yang asal, ia memang ada jaminan. Jaminan yang pertama adalah untuk melantik syarikat-syarikat supaya *not to disrupt the services of MAS. That is the only purpose*. Itu pun sudah diambil keluar daripada *the original draft*. Yang kedua adalah untuk menjamin kepentingan awam di mana Menteri mempunyai kausa untuk menentukan sama ada kepentingan awam itu dilindungi. Itu pun sudah diambil keluar. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan kenapa ini boleh berlaku? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, ada lagi yang berminat mengenai pindaan fasal 14 dan 15? Kalau tidak ada, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.15 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tentang fasal yang asal, fasal 14 ini, adalah ia membolehkan mana-mana syarikat sekiranya Pentadbir itu sudah berunding dengan syarikat tersebut, dan syarikat tersebut tidak bersetuju untuk meneruskan perkhidmatan mereka pada harga yang baru sebagai contohnya, dan sementara syarikat baru ini mencari pembekal yang baru, kita muh syarikat yang lama ini terus memberi bekalan kepada MAS. Akan tetapi, sekiranya mereka tidak muh – yang kita mula-mula cadangkan ialah supaya ada *step in right*. Bermakna Pentadbir boleh masuk ke syarikat pembekal tersebut dan mengambil kuasa, mengambil alih operasi untuk meneruskan pembekalan tersebut.

Jadi setelah kita berbincang dengan Peguam Negara, kita merasakan bahawa mungkin provision ini adalah agak keras, sebab kita mungkin merasakan tidak boleh kita masuk ke dalam satu syarikat terutamanya apabila syarikat itu bukan sebuah syarikat yang tersenarai dan akan mendatangkan implikasi-implikasi yang lain. Oleh sebab itulah kita minta agak fasal ini dipinda

untuk membolehkan sekiranya tidak ada persetujuan untuk meneruskan pembekalan pada kadar yang baru, sementara syarikat baru ini mencari pembekal yang baru, kita perlu pastikan bahawa syarikat lama ini terus membekalkan pembekalan tersebut dalam jangka masa pendek. *Just a temporary situation to enable the new co to get the alternative supplier*, dengan izin.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri, dengan segala hormatnya, apa yang Yang Berhormat Menteri berhujah adalah berbeza daripada apa yang terkandung dalam sini, dalam rang undang-undang. Soalannya adalah, kenapa kuasa untuk Pentadbir memilih sama ada hendak meneruskan dengan perkhidmatan satu syarikat itu, diambil keluar daripada rang undang-undang? Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah tentang rundingan di antara syarikat dengan Pentadbir. Akan tetapi dalam pindaan yang baru ini, jelas kuasa untuk melantik telah pun diambil keluar. Syarikat yang lama yang membekalkan perkhidmatan akan terus dipertanggungjawabkan untuk membekalkan perkhidmatan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengurus, sebenarnya mengikut apa yang telah dinasihatkan kepada saya, pada asalnya disebutkan sebegini rupa kerana ia untuk memberi laluan kepada fasal 14(3). Jadi apabila kita mengeluarkan fasal ataupun kebolehan untuk Pentadbir *step in*, kita tidak perlu drafkan fasal tersebut begitu rupa. Jadi cukup dengan apa yang dicadangkan melalui fasal 14(1) bermula dengan perkataan, "*Jika mana-mana orang terikat di bawah suatu kontrak atau mempunyai obligasi untuk membekalkan barang atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada syarikat yang ditadbir, orang itu hendaklah terus membekalkan barang atau perkhidmatan itu atau kedua-duanya kepada Malaysian Airline dan syarikat subsidiarinya dan bukan kepada syarikat yang ditadbir jika dikehendaki oleh Pentadbir*". Maknanya pilihan itu masih terletak di tangan Pentadbir. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh Yang Berhormat Menteri, saya hendak celah sedikit.

#### ■1620

Terima kasih Tuan Pengurus. Isunya, pembacaannya senang sekali. *It is not very complicated*, dengan izin. Kalau saya baca yang bahasa Inggeris, yang *original* 14(1) kata, *line 3* itu, "*The administrator may direct such person to provide the goods or services*". Kuasa *discretion* kepada *administrator to may direct*, ditukar kepada *such person shall continue to provide goods and services*. *That is a very simple question. You are not giving us a direct answer on this matter*.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengurus, saya sudah jawab, "*Jika dikehendaki oleh pentadbir*".

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** *If required by the administrator*. Baca penuh.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Tuan Pengurus, sekiranya saya boleh membantu Dewan ini. Ada perbezaan perkataan dalam versi English dan versi Bahasa Malaysia. Dalam versi Bahasa Malaysia, *the last* perenggan yang keempat, *the last fourth*, "...*Jika dikehendaki...*"

Di dalam English nya, ia dinyatakan di sini, "...*Shall pay...*". Bukan perkataan 'jika'. Perkataannya ialah '*shall pay*', bukannya 'jika'.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Maaf Tuan Pengerusi. Mereka tidak baca dengan betul. Terdapat ada perkataan '*...Where required by the administrator...*'. [*Tepukj That is the keywords*. Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya, ya. *That is what I am referring too. "...Where required by the administrator, the Malays and the Malaysian Airline Berhad and its subsidiary companies shall pay for such goods and services", not 'if'*.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya- No.[*Dewan riuh*]

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Bahagian yang bahasa Malaysiana adalah berlainan. '*...Jika dikehendaki oleh pentadbir...*'. Dua versi yang berlainan. [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** *That is exactly*. Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris adalah selaras. *It is such in line, similar.*

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Mereka salah baca Tuan Pengerusi.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Sedikit, pencelahan.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Sudah pukul 4.22 petang Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, teruskan.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *One word*, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tentang soalan daripada Yang Berhormat Bukit Katil, tentang apakah syarikat-syarikat yang akan diteruskan perkhidmatan mereka. Ini akan terpulang kepada pihak pengurusan dan pentadbir yang bakal dilantik untuk berunding semula terma-terma pembekal-pembekal. Ini akan ditentukan kemudian oleh mereka berdasarkan kepada prinsip komersial Tuan Pengerusi.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok. Sebenarnya, dalam konteks *full service airlines*, dengan izin, biasanya harga tiket yang dibeli itu adalah termasuk dengan perkhidmatan penyediaan *food and beverages*, makanan dan minuman. Itu terpulang kepada pelanggan untuk memilih sama ada mereka mahu dihidangkan minuman yang beralkohol ataupun yang tanpa alkohol.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Apa juga itu tidak ada kena-mengena dengan penerusan perkhidmatan seperti yang dirancang ini. Ini akan tertakluk kepada perundingan antara pentadbir dengan pembekal-pembekal tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Yang Berhormat Menteri, tidak boleh tanya sedikit?

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sudah habis? Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal-fasal 14 dan 15 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 14 dan 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

#### Fasal 16 hingga 27 [Pindaan]-

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Sepang.

#### 4.24 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ada– pertamanya, saya ingin bercakap tentang fasal 25, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat kepada fasal 25 ini, Malaysian Airline Berhad boleh menurut budi bicara mutlaknya, menawarkan pekerjaan kepada mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh itu berada dalam penggajian atau perkhidmatan syarikat yang ditadbir atau...

Yang Berhormat Menteri, pertamanya daripada segi *wording*. Saya melihat apabila kita menggunakan ayat ‘budi bicara mutlak’ ini, ia seperti mana yang dikatakan oleh Almarhum Yang Mulia Raja Sultan Azlan Shah, mengatakan *absolute discretion* ini is a contradiction in terms. When you said about discretion, it should not be absolute. Ia jadi contradiction sebab discretion ini, bermakna dia kata adanya elemen budi bicara, mesti ada pilihan. Anyway, itulah ayat yang digunakan. Satunya.

Keduanya, saya melihat seksyen 25 ini adalah yang paling ditakuti oleh para pekerja yang ada sekarang ini. Sebab tadi Yang Berhormat Menteri kata, kita mungkin akan ambil balik pekerja-pekerja yang mungkin kita akan buat proses itu dengan adil. Akan tetapi bagi para pekerja, daripada perspektif pekerja, bila ada seksyen 25 ini, bermakna syarikat yang ambil alih ini ataupun pengambilalihan ini, tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja yang ada sekarang ini terjamin kerja mereka.

Inilah yang saya rasa para pekerja akan risau kerana mereka telah ada satu pekerjaan yang tetap dan mereka merasakan bahawa segala masalah yang berlaku pada MAS ini tidak sepatutnya diletakkan beban kepada mereka. Seperti mana saya kata tadi, mereka bukanlah *decision maker*. Mereka tidak terlibat dalam apa-apa keputusan dalam pelaburan atau apa sahaja. Mereka ini hanyalah pekerja-pekerja yang bertanggungjawab untuk membangunkan MAS dalam keadaan MAS dari bawah sampai atas. Jadi, bagaimanakah dalam keadaan MAS rugi,

MAS ada masalah, tiba-tiba mereka pula yang menghadapi masalah, tidak terjamin pekerjaan mereka.

Seksyen 25 ini menunjukkan secara jelas bahawa Malaysia Airlines Berhad ini, yang syarikat baru ini, tidak perlu ada satu tanggungjawab untuk pasti mengambil mereka. Ayat ini menunjukkan, "...menurut budi bicara menawarkan...", "...menurut budi bicara...". Kalau dia kata Malaysian Airline Berhad, '...hendaklah menawarkan pekerjaan'. *That is different.* Maknanya, ada satu *mandatory requirement*, syarikat baru ini tidak kacau pekerjaan-pekerjaan pekerja ini. Saya mengharapkan seksyen 25 ini dihapuskan ataupun sekurang-kurangnya hendaklah ditukar kepada '...hendaklah menawarkan pekerjaan'. Kalau di situ ada satu jaminan pekerja-pekerja ini akan selamat. Saya bagi pihak pekerja, saya rasa ini tidak seharusnya diadakan seksyen ini. Oleh sebab ini akan menyebabkan pekerja mengalami nasib malang dalam keadaan mereka tidak ada kerja, kos sara hidup semakin tinggi. Itu yang pertama.

Keduanya, seksyen 18. Seksyen 18 juga– saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi kita bercakap tentang klaus 14, pentadbir- tadi Menteri kata, pentadbir ada kuasa *if he requires*. Akan tetapi seksyen 18 ini, saya melihat seolah-olah macam ada *contradiction*. Saya ingin minta Menteri perjelaskan, sebab dia kata pentadbir boleh mengambil satu-satu atau kedua-dua peringkat yang berikutnya. Antaranya berunding semula terma dan syarat mana-mana kontrak. Tadi fasal 14 tadi nampak macam ia ada satu *mandatory requirement*, ia kena ikut kalau sudah ada. Sekarang ini ia boleh pula berunding semula. *So, which is which?* Saya minta Menteri boleh perjelaskan. Yang lain saya rasa tidak ada. Terima kasih.

#### **4.28 ptg.**

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerasi. Saya hendak masuk fasal 18 ini. Salah satu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang tetapi saya hendak tanya penjelasan daripada Menteri. Di bawah fasal 18 ini memberi kuasa kepada pentadbir untuk merunding semula. Akan tetapi saya rasa, ia tidak begitu jelas. Selepas runding, apakah *consequencenya*, dengan izin? Adakah pentadbir diberi kuasa untuk menamatkan kontrak dengan rakan niaga sekiranya rundingan gagal atau tidak?

Saya rasa ia perlu ada satu terma yang lebih jelas memberi kuasa kepada pentadbir untuk menamatkan sebarang kontrak yang *lopsided*. Ini adalah amat penting kerana dalam fasal 18 saya tidak nampak kuasa tersebut. Jika saya boleh rujuk kepada kekebalan di bawah fasal 34, *company* ini tidak diberi satu imuniti. Maknanya, ia akan didakwa- syarikat ini akan didakwa, bukan pentadbir. Syarikat boleh didakwa sekiranya terdapat apa-apa kemungkinan kontrak dengan mana-mana rakan niaga. Jadi, saya harap Menteri boleh beri satu penjelasan, adakah satu *protection*, perlindungan diberikan kepada *company* dalam usaha untuk memulihkan semula syarikat ini, langkah ini adalah perlu. Terima kasih.

#### **4.29 ptg.**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada seksyen 23 – pemindahan harta atau tanggungan. Saya hendak minta penjelasan daripada Menteri sama ada beberapa liabiliti yang sedang ditanggung oleh MAS yang juga adalah kontinen liabiliti kepada Kerajaan Malaysia iaitu Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) iaitu sebanyak RM5.8 bilion, Terus Pesawat Sdn. Bhd. sebanyak RM5.3 bilion dan juga Assets Global Networks sebanyak RM961 juta.

#### **■1630**

Adakah liabiliti ini akan juga diambil keluar daripada akaun NewCo kerana saya ini adalah perkara yang penting di mana jika liabiliti ini diambil daripada buku atau akaun NewCo ini, saya rasa beban NewCo akan dikurangkan dari segi pembayaran *interest*, faedah dan sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama ini juga akan *transfer* liabiliti ini kepada kerajaan Malaysia dan akan meningkatkan lagi hutang kerajaan Malaysia. Jadi, minta penjelasan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Bukit Katil

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *[Bangun]*

#### **4.30 ptg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ramai teman-teman sebelum ini telah membawa atau telah menunjukkan fasal 18. Cuma saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, fasal 18(1) ini menyatakan bahawa pentadbir boleh dalam mentadbir syarikat yang ditadbir menurut budi bicara mutlak. Di mana seolah-olah pentadbir mempunyai kuasa yang mutlak “*Mengambil salah satu atau kedua-dua tindakan berikut seperti yang telah diperincikan...*” Cuma ia terikat dengan subseksyen 4 di mana “*Pentadbir hendaklah selepas cadangan yang di bawah subseksyen 1 disiapkan, mengemukakan cadangan kepada penasihat bebas dan juga pelantik.*” Jadi maknanya, adakah pentadbir mempunyai budi bicara mutlak ataupun sebenarnya bukan mutlak?.

Pentadbir tertakluk kepada cadangan yang selepas mendapat *approval* dengan izin ataupun persetujuan daripada penasihat bebas dan juga pelantik barulah cadangan itu boleh dilaksanakan sebab saya fikir ini ada *clear contradiction* dengan izin. Sebab mula-mulanya mutlak tetapi kemudian tertakluk kepada cadangan kepada penasihat bebas. Apa alasan untuk kita adakan penasihat bebas ini sekiranya kita meletakkan kepercayaan kepada pentadbir kerana saya lihat di sini wujud kemudian nanti birokrasi dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Bachok. Selepas Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Menteri.

#### **4.32 ptg.**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya sekali lagi merujuk kepada fasal 18 tadi iaitu pentadbir boleh merunding semula kontrak atau

menyediakan cadangan atau kedua-duanya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam perbahasan peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia pada 17 November yang lalu, apabila Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional telah mencadangkan supaya MAS ini menghapuskan hidangan arak dalam penerbangan antarabangsa dan komitmen daripada Yang Berhormat Menteri pada waktu itu memberi jaminan akan membawa perkara ini kepada Kabinet. Saya rasa dalam satu majalah *Departures International Magazine Online* mencatatkan *top five airlines for wine lovers* di antaranya ialah MAS.

Kalaolah hidangan arak yang disediakan dalam penerbangan itu arak yang jenis murah, maka ia bukan menjadi *top five*. Kalau arak yang mahal maka ini satu liabiliti kepada MAS. Maka tidak mustahillah MAS ini boleh mengalami kerugian saban tahun hasil daripada perbelanjaan yang boros, yang tidak sepatutnya ada dalam penerbangan tersebut. Jadi, minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Adakah boleh melalui pindaan ini, melalui fasil 18 ini pihak MAS menyemak semula kontrak yang melibatkan pembekalan arak ini supaya dibatalkan dalam keadaan tidak merugikan MAS kerana ini merupakan desakan daripada umat Islam.

Yang Berhormat Menteri jawab tadi bahawa ini terpulang kepada *passenger*, dia hendak minum atau tidak hendak minum. Sedangkan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri mengiakan untuk kali kedua selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, maknanya caj tadi termasuk juga orang yang membayar tiket penerbangan antarabangsa, mereka juga menyumbang saham kepada orang yang minum arak. Tadi Yang Berhormat daripada Padang Serai dan pernah disebut oleh Yang Berhormat Lipis, ada orang yang dahinya hitam, sembahyangnya kuat tetapi terpaksa menghidangkan minuman keras dalam kapal terbang. Ini satu perkara yang sangat tidak patut berlaku.

Yang Berhormat Arau mungkin boleh sebut dan faham dengan lebih jelas tentang perkara ini. Kita sama-sama sunnah ini. Ini bukan satu perkara yang tidak diketahui oleh orang-orang Islam bahkan ia perkara yang [*Berucap dalam bahasa Arab*]. Saya mengharapkan kepada perubahan dan *rebranding* MAS ini menitip beratkan soal holistik seperti ini supaya kita mendapat keberkatan daripada usaha kita. Saya berterima kasih apabila naik kapal terbang MAS sehari dua ini, saya pergi ke Kota Kinabalu, kapal terbang yang baru itu ada dimulakan dengan doa dan ini saya ingat saya cadang, pernah mula cadangan, jangan dendangkan dengan muzik apabila hendak terbang kerana waktu itu waktu yang sangat kritikal. Begitu juga bila hendak *landing* mulakan dengan bacaan doa. Nampak ada perubahan, ada bacaan doa.

Jadi kalaolah kita dalam bab iaitu kita boleh buat perubahan maka kenapa tidak dalam bab yang lebih besar implikasi hukumnya kepada orang Islam ini, pihak pengurusan MAS boleh buat perubahan. Jangan kita – apa yang disebut dalam al-Quran [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Jangan kita buat sesetengah perkara dan kita tinggalkan sesetengah perkara yang juga merupakan perintah agama. Kalau kita buat begitu kita akan mendapat kerugian, kehinaan di dunia dan di akhirat kelak kita akan dihumbangkan oleh Allah SWT ke dalam azab yang sangat pedih. Ini peringatan mengapa MAS rugi, kalau kita hendak membicarakan tentang holistik

sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut dua kali di dalam ucapan pembentangan di awal dasar tadi maka inilah cara holistik yang sepatutnya dilaksanakan oleh pengurusan MAS untuk melihat MAS akan mendapat keuntungan dan juga bebas daripada segala belenggu dan masalah yang bertimpa-timpa berlaku kepada MAS. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri. Ada lagi? Tidak mengapa penghabisan daripada Yang Berhormat Ketereh.

#### **4.36 ptg.**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang ada kaitan dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bachok dan kita pun bersetuju supaya MAS ini tidak hidang arak kepada orang Islam dan barangkali MAS juga boleh memastikan kakitangan dan pesawat Islam jangan hidang kepada orang bukan Islam. Kita ikut ideologi kerajaan Kelantan. Kerajaan Kelantan, dia benarkan orang bukan Islam jual arak, hidang arak kepada bukan Islam. Jadi mungkinkah MAS boleh menggunakan kaedah yang sama bahwasanya kakitangan bukan Islam dalam MAS hidang kepada yang bukan Islam. Oleh sebab kita tidak boleh hendak paksa orang yang bukan Islam, dia hendak minum. Macam juga kerajaan Kelantan, prinsip yang serupa saja. Kerajaan Kelantan masih jual juga arak, orang bukan Islam Kelantan boleh jual arak kepada bukan Islam yang lain. Mungkin MAS boleh tiru cara Kelantan.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.37 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, fasal 25 tentang isu tawaran pekerjaan, kalau kita lihat untuk enam bulan pertama tahun ini MAS telah mengalami kerugian selepas cukai sebanyak RM748 juta. Ini adalah berdasarkan kepada struktur operasi mereka sekarang ini dan termasuklah yang mempunyai sejumlah 20,000 orang pekerja terma-termanya yang ada sekarang ini. Sekarang ini MAS kerugian lebih kurang RM5 juta sehari.

Untuk membolehkan MAS yang baru berdaya maju adalah penting supaya syarikat baru ini Malaysian Airlines Berhad diberi peluang untuk memilih pekerja-pekerja yang perlu masuk ke syarikat yang baru ini pada terma-terma yang membolehkan produktivitinya yang lebih tinggi. Kalau tidak, kalau buat perkara yang sama maka MAS yang baru ini atau Malaysian Airlines Berhad tidak akan berjaya. Oleh sebab itulah kita memperuntukkan fasal 25 ini sedemikian rupa.

Tentang isu fasal 18(1) yang dikatakan ada percanggahan di mana kita katakan pentadbir boleh merunding semula kontrak atau menyediakan cadangan atau kedua-duanya. Sebenarnya tidak ada percanggahan kerana kita ingin membolehkan satu proses di mana pentadbir dapat merunding dengan pembekal sedia ada dan sekiranya mereka bersetuju dengan terma yang baru, mereka dapat meneruskannya kepada syarikat yang baru. Akan tetapi sekiranya mereka tidak bersetuju, kontrak itu boleh ditamatkan. Jadi, mereka tidak lagi terlibat dalam operasi atau membekalkan perkhidmatan kepada syarikat yang baru tersebut. Tentang isu

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang iaitu status liabiliti Terus Pesawat kepada syarikat baru.

**■1640**

Syarikat baru ini akan diwujudkan dengan satu struktur kapital ataupun *capital structure* yang baru. Oleh itu, status syarikat-syarikat pembiayaan tersebut akan dinilai oleh pentadbir dan pengurusan Malaysia Airlines yang baru.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Penjelasan yang selanjutnya. Sedikit sahaja.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Kalau boleh bagi saya teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Seksyen 25 itu. 25.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tentang Yang Berhormat Bukit Katil, adakah pentadbir mempunyai budi bicara mutlak. Pada masa ini dia membuat cadangan dan pentadbir memang ada budi bicara mutlak. Selepas cadangan siap disediakan oleh pentadbir dan dirujuk kepada penasihat bebas, budi bicara mutlak itu tiada lagi kerana pentadbir pada masa itu sudah selesai menyediakan cadangan tersebut. Tujuan diadakan penasihat bebas ialah supaya *check and balance* yang boleh mengimbangkan cadangan pentadbir dengan hak-hak untuk kita jaminkan satu proses yang kita panggil panel ataupun yang adil.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri soalan saya...

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Yang Berhormat Bachok...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Fasal 25 tadi.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tentang – Fasal 25 saya sudah jawab tadi Tuan Pengerusi, tentang pekerjaan.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok dan juga Yang Berhormat Ketereh. Kita mengambil maklum tentang saranan yang telah dikemukakan dan ini boleh dipertimbangkan oleh pengurusan Malaysia Airlines Berhad ini untuk mereka pertimbangkan dalam konteks satu keputusan komersial.

Ada satu daripada Yang Berhormat Ipoh Timur tentang *what happens after negotiate* ini berkenaan Fasal 18 juga. Selepas rundingan semula, akan terbuka kepada *normal course of business* bagi kedua-dua pihak yang berunding. Jadi kita tidak boleh memaksa mana-mana pihak Tuan Pengerusi, untuk bersetuju meneruskan pembekalan sekiranya mereka tidak bersetuju dengan terma-terma yang baru tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Dia sudah duduk Yang Berhormat. Dia sudah duduk. Okey, terima kasih.

**[Fasal-fasal 16 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 28 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 28 rang undang-undang dipinda dengan memperuntukkan bahawa notis 14 hari hendaklah diberi kepada kesatuan sekerja dan persatuan untuk memanggil mesyuarat.

Tujuan pindaan ini ialah untuk memperuntukkan tempoh masa yang munasabah bagi tujuan notis makluman berkenaan mesyuarat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan tadi itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ada? Semua puas hati dengan 14 hari? Terima kasih.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 28 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 29 hingga 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2014

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Kawalan Bekalan 1961 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan untuk mengawal bekalan barang-barang yang telah diisyiharkan sebagai barang kawalan bagi memastikan bekalan yang mencukupi.

Akta ini juga memperuntukkan kuasa bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan menyekat aktiviti-aktiviti haram seperti perbuatan menyorok atau enggan menjual barang kawalan. Selaras dengan pelaksanaan pengurusan, subsidi bahan petroleum kenderaan pindaan perlu dibuat kepada akta ini bagi memasukkan peruntukan yang membolehkan Yang Berhormat Menteri membuat peraturan yang berkaitan dengan pengurusan subsidi dan pengenaan fi berhubung dengannya. Skop cadangan pindaan kepada akta ini memberi perhatian untuk menjelaskan bagi kuasa Yang Berhormat Menteri dalam membuat peraturan-peraturan dan memasukkan seksyen baru untuk memberi kuasa kepada pengawal bagi beberapa perkara yang berkaitan dengan akta ini.

Tuan Pengurus dan Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan ini adalah mengambil kira peningkatan kes melibatkan barang kawalan dan subsidi, keperluan hukuman yang *deterrent* kepada pesalah dan keperluan menyusun semula subsidi negara.

#### ■1650

Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 21 November 2014 antara lain juga telah bersetuju agar Akta Kawalan Bekalan 1961 dipinda berdasarkan keperluan kepada persediaan rasionalisasi subsidi, membanteras penyelewengan barang kawalan dan juga meningkatkan kadar penalti denda.

Antara ciri-ciri utama kepada cadangan pindaan ini adalah seperti berikut:-

- (i) Untuk memberi punca kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berhubung rasionalisasi subsidi;
- (ii) memberi kuasa tambahan kepada Pengawal untuk melupuskan apa-apa kenderaan, *vessel* atau barang lain yang dirampas bagi kesalahan di bawah seksyen 20 Akta 122 sekiranya apa-apa kenderaan, *vessel* atau barang lain tersebut tidak dituntut dalam tempoh 30 hari;
- (iii) memperjelaskan kuasa mahkamah untuk melucutkan apa-apa kenderaan, *vessel* atau barang lain yang digunakan untuk tujuan melakukan kesalahan; dan
- (iv) meningkatkan penalti denda.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan adalah seperti berikut.

Pertama, subseksyen 6(2)(k) untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengehadkan kuantiti apa-apa barang kawalan yang boleh diperoleh atau dipegang oleh mana-mana orang atau golongan orang termasuk memperuntukkan pendaftaran orang atau golongan orang itu, pengeluaran kad pengguna oleh Pengawal atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengawal dan pengenaan syarat fi atau caj berkenaan dengan pengeluaran kad pengguna itu.

Kedua, subseksyen 20(4) dipinda untuk menjelaskan bahawa apa-apa barang kawalan yang dijumpai dalam perjalanan sesuatu pemeriksaan di bawah subseksyen 20(2) boleh dipindahkan oleh Pengawal, pegawai bekalan atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor.

Ketiga, memasukkan subseksyen baru 20(5) yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengawal untuk melupuskan apa-apa kenderaan, vessel atau barang lain yang dirampas bagi kesalahan di bawah seksyen 20 Akta 122 sekiranya tidak dituntut dalam tempoh 30 hari. Subseksyen 22(1) dan 22(2) bertujuan untuk menaikkan penalti denda bagi suatu kesalahan yang dilakukan oleh individu dan badan korporat.

Keempat, menggubal semula subseksyen 26 untuk menjelaskan bahawa jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan, mahkamah boleh membuat perintah perampasan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kenderaan, vessel, harta tertuduh atau barang lain yang dengannya suatu kesalahan telah dilakukan dan membuat perintah menyerahkan harta tertuduh yang dirampas kepada Pengawal atau mana-mana orang yang dinamakan oleh Pengawal, dan Pengawal hendaklah memberi arahan berkenaan dengan pelupusan harta tertuduh itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada yang minat? Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

#### 4.55 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menegur sedikitlah. Apabila kerajaan membuat pindaan ini, kalau kita lihat kepada pindaan ini, akta yang versi bahasa Melayu dan juga versi bahasa Inggeris sepatutnya apabila kita masukkan kedua-dua versi ini, sepatutnya bila kita masukkan juga dalam cadangan pindaan itu, dalam versi bahasa Melayu mestilah ayat undang-undang itu pun dalam bahasa Melayu, supaya jelas.

Ini kita lihat ya sebagai contoh, pindaan seksyen 20, akta yang dipinda dalam seksyen dengan menggantikan perkataan, “*Or other person authorized*”. Jadi, kita masukkan bahasa Inggeris juga. Selepas itu dia bahasa Inggeris, kita letak bahasa Inggeris juga. Jadi ini satu perkara yang saya rasa peliklah. Sebab apabila dua-dua sudah dalam bahasa Inggeris, jadi macam mana kita hendak tahu versi bahasa Melayunya macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perkara ini pernah kami bangkitkan masa pindaan ke atas *Drug Act* dulu ya, saya dengan Yang Berhormat Puchong, tetapi

nampaknya tidak diambil perhatian. Kita mengatakan kita menjaga bahasa kebangsaan. Jadi dalam undang-undang ini saya rasa kita perlu masukkan dua-dua bahasa. Ini kerana, tujuan kita rujuk bahasa Inggeris untuk pastikan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris itu selaras. Akan tetapi kalau dua-dua versi ini kita letak bahasa Inggeris, jadi kita tidak tahu apakah versi bahasa Melayu. Adakah tidak ada versi bahasa versi bahasa Melayu?

Jadi saya harap dengan – kalau dalam mahkamah ini, dengan bantahan awal ini, patutnya undang-undang ini sudah ditarik balik dah. *It should be withdraw, preliminary objection. Should be dismiss in limine* orang kata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, ya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Betul tidak, Tuan Yang di-Pertua? Senang bercakap sebab dia faham undang-undang. Tak macam Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling dia tidak faham.

Keduanya saya ingin nyatakan di sini berkaitan dengan pindaan ini, berkaitan dengan seksyen 20 yang dimasukkan, *"By inserting after subsection (4) the following subsection.*

*(5) Any vehicle, vessel or other article, by means of which an offence has been committed under this section or which is intended to be used for the commission of the offence, may be removed by the Controller, the supplies officer or the police officer not below the rank of Inspector and, if not claimed within one month of the removal, may be sold or disposed of by the Controller as he thinks fit, and the proceeds of such sale, if any, shall be paid into the Consolidated Fund."*

Saya hendak bercakap soal keadilanlah. Walaupun saya faham daripada segi subseksyen ini lebih kepada memberikan kuasa *Controller* itu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya kalau sesuatu kenderaan, *vessel* dan sebagainya tidak di *claim*, tetapi di sini kalau saya lihat dalam subseksyen ini, tidak dimasukkan satu keperluan untuk memberikan notis kepada pihak yang dipanggil *aggrieved party*, pihak yang terkilan dalam hal inilah.

Saya bercakap ini sebab baru-baru ini timbul satu isu di Mahkamah Rayuan. Kebetulan saya ada di mahkamah ketika itu. Walaupun melibatkan Akta Kastam tetapi isu ini ialah isu yang agak sama juga dibangkitkan dalam perbicaraan itu di mana persoalannya adakah dia boleh ambil tanpa notis? Boleh tidak dia lopuskan barang itu tanpa beri notis kepada pihak yang menjadi mangsa ataupun pihak *aggrieved party* itu? Jadi saya merasakan bahawa dalam hal ini, oleh sebab kita hendak *dispose of the vehicle* atau *vessel* itu, seharusnya kita memberikan keadilan kepada pihak satu lagi.

Seharusnya ada satu lagi peruntukan yang mengatakan sebelum kita *dispose* itu, kita mesti bagi satu notis kepada pihak yang berkenaan bahawa kita hendak *dispose* kan. Kalau mereka tidak beri notis, maka kita dalam beberapa hari kita anggap, kita *presume* lah bahawa mereka tidak berminat dan kita boleh *dispose* kan. Jadi, adalah di situ keadilan. Mungkin contohnya *vehicles* yang digunakan itu, itulah *the only vehicles* yang mereka ada. Jadi kita tidak

boleh – sebab *law* ini *of general application*. Kita tidak boleh katakan, kita tidak boleh buat *presumption* orang yang diambil *vehicle* ini mereka mempunyai *vehicle* lain. Jadi kita mesti melihat juga suasana di mana mungkin ada mereka-mereka yang diambil *vehicle* ini, mereka yang betul-betul ada satu sahaja, ada satu sahaja kenderaan itu.

**■1700**

Jadi saya harapkan pihak kementerian boleh menimbulangkan supaya ada satu *provision* untuk demi keadilan, Notis harus diberikan kepada pihak yang dikatakan *agree party* itu. Saya harap juga supaya kalau boleh berikan jugalah versi bahasa Melayu dalam pindaan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sepang? Kapar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey sila.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang notis ya, sekarang pengawal ini diberi kuasa untuk menjual dan melupuskan kenderaan. So, dia pun ada kuasa untuk menjual. So, saya rasa ini untuk mengelakkan daripada pengawal itu mengambil kesempatan sebab menjual itu boleh memberi sesuatu yang positif kepadanya. So, saya rasa notis ini perlu mandatori. Ulasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kapar. Saya nak katakan betul. Memang seharusnya ada notis yang mandatori. Kalau boleh bukan sahaja notis mandatori, tetapi *return notice*. Sebab notis ini kalau kita tulis notis sahaja, ia boleh juga menjadi notis lisan. Akan tetapi, kalau lisan ini *problem* juga. Jadi saya harap ada satu notis itu.

Contohnya apabila kita boleh jual. Apabila kita jual *vehicle* itu, *vehicle* itu akan dipinda milikan ke atas nama orang lain, yang baru juga. Jadi kita risau kalau kita jual begitu sahaja tanpa ada notis kepada pemilik yang asal, sekiranya pembeli yang baru ini sebagai contoh mereka beli harta itu dalam keadaan mereka mungkin ada kesan-kesan lain digunakan oleh *vehicle* itu sebagai contoh. Jadi, ia akan menyebabkan pembeli yang baru ini akan terdedah kepada risiko-risiko. Jadi, ini satu perkara yang saya harap Menteri ambil kira lah. Saya mencadangkan supaya perkara ini harus diambil kira. Yang lain saya rasa, saya tidak ada masalah lah dengan pindaan itu. Saya rasa itu sahaja lah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 5.04 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Mengenai dengan versi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, kita akan ambil perhatian. Dalam

subseksyen 20 ini Yang Berhormat, yang dipinda menjelaskan bahawa apa-apa barang kawalan yang dijumpai atau perjalanan suatu pemeriksaan di bawah subseksyen 20(2) boleh dipinda, dipindahkan oleh pengawal dan juga pegawai bekalan atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor.

Untuk maklumat tambahan kepada versi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Bahasa untuk Akta Kawalan Bekalan 1961 haruslah sahih adalah dalam bahasa Inggeris. Keperluan untuk memberi notis di bawah 20(5), keperluan notis bertulis telah pun diperuntukkan dalam SOP pelupusan kenderaan dan juga jualan tertakluk kepada tatacara perolehan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja. Celahan sedikit.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, Yang Berhormat Menteri kata naskhah sahih dalam bahasa Inggeris. Memang ada dalam akta-akta lain pun. Akan tetapi, persoalannya di sini ialah apabila kita hendak buat satu pindaan, hendak buat pindaan ke atas akta dipanggil *Enabling Act* itu, saya percaya semua akta yang ada sekarang ini semuanya ada dua bahasa.

Jadi, kalau kita nak buat pindaan di sini, di mana bahasa digunakan di dalam Parlimen ini adalah bahasa Malaysia, bahasa rasmi. Sebab itu kalau nak guna bahasa Inggeris kita guna dengan izin. Jadi saya harap perlu ada juga jangan agak *apologetic* dalam hal ini ya. Cakap tersilap saja, minta maaf. Lain kali tak buat lagi. Itu sahaja. *[Ketawa]* Yang pertama.

Keduanya, saya hendak kata beginilah. Fasal dalam SOP notis itu, saya rasa ia akan bermasalah. Sebab apa, kita dalam undang-undang ada *presumption ignorance of law is not acceptable*. Maknanya kalau kita *ignorant of law*, kita tak boleh katakan kita boleh dilepaskan. Akan tetapi, SOP bukan *law*. So, *ignorant of SOP is not excuse*. Jadi saya harap kerajaan mesti masukkan dalam akta itu.

Kalau kita masuk dalam SOP, tiba-tiba orang tidak tahu tentang kewujudan itu, notis itu maka tiba-tiba *vehicle* ini sudah jual. Ini tidak adillah. Tidak salah Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk dalam seksyen 20 ini supaya lebih jelas. SOP ini, itu antara dalaman dan ia tidak melibatkan – sedangkan kita hendak ambil harta orang, hendak jual pula – ini benda yang besar Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Memang seperti jawapan seperti yang saya sebut tadi dalam bahasa ini untuk Akta Kawalan Bekalan 1961 haruslah sahih adalah dalam bahasa Inggeris. Jadi itu yang kita tekankan dan itu keputusan yang kita buat. Keperluan untuk ini SOP itu – keperluan notis bertulis telah pun diperuntukkan. Itu yang saya sebut dalam SOP dan pelupusan kenderaan.

Jadi jualan tertakluk kepada tatacara perolehan. Ini pun dah ada SOP itu, jadi itu yang kita tekankan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cakap bahasa Iban kah? Benda ini tidak faham kah?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Bukan tak faham, itulah penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maksud saya tadi SOP tidak cukup.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh lah macam ini Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab masalah, saya rasa saya cakap bahasa Melayu pun tak faham.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang kena juga menghormati Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak bolehlah berkata macam itu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri faham bahasa Melayu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya, kita sudah jelas Yang Berhormat. Keperluan notis bertulis telah pun diperuntukkan dalam SOP. Itu yang kita jelaskan dan pelupusan kenderaan ada dalam SOP. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tak puas hati, sudah pun kita perjelaskan ada dalam SOP, itulah. Itu bergantung kepada Yang Berhormat lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya minta daripada SOP itu masukkan ke dalam akta supaya jelas. SOP ini tak semua orang tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu yang saya maksudkan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu bagi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang BN ini tak tahu apa-apa. Dia diam lah.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu bagi pandangan Yang Berhormat saja, ada mungkin orang lain yang lebih tahu.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Menteri. Habis?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Satu sahaja, selesailah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang tiga dan diluluskan]

■1710

### RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2014

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138] dibacakan bagi kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini adalah bertujuan untuk meliberalisasikan profesion kejuruteraan di Malaysia demi melaksanakan dasar perdagangan bebas dan mengamalkan prinsip persaingan perdagangan. Ini adalah berasaskan keputusan kerajaan supaya sektor perkhidmatan dibuka untuk penyertaan dan pemegang ekuiti asing sebanyak 100% menjelang tahun 2012. Dalam konteks ini, keputusan tersebut bermaksud subsektor perkhidmatan profesional iaitu kejuruteraan hendaklah dibuka untuk penyertaan dan pemegangan ekuiti oleh pihak asing bermula tahun 2012.

Namun, terdapat sedikit kelewatian kerana pindaan-pindaan yang disyorkan perlu dirunding dan dijelaskan kepada semua pihak yang terlibat. Buat masa ini, Lembaga Jurutera Malaysia selepas berunding dengan pihak-pihak berkaitan bercadang agar pembukaan untuk penyertaan dan pemegang ekuiti perkhidmatan kejuruteraan akan dibuat secara berperingkat sehingga mencapai 100% jika perlu. Selaras dengan itu, akta yang mengawal perkhidmatan kejuruteraan yakni Akta Pendaftaran Jurutera 1967 kini dipinda dengan mengambil kira perkara-perkara utama seperti yang berikut:

- (i) keperluan untuk memperketat kawalan perundangan terhadap amalan kejuruteraan ataupun dengan izin, *engineering practice* oleh jurutera profesional, jurutera siswazah, *technologist* kejuruteraan dan pemeriksa

- tapak dengan izin, *inspector or works* bagi memastikan kesihatan, keselamatan, kepentingan rakyat dan negara sentiasa terpelihara;
- (ii) keperluan untuk mengadakan peraturan berkaitan amalan kejuruteraan supaya kenaikan-kenaikan berkaitan jurutera profesional, jurutera siswazah, *technologist* kejuruteraan dan pemeriksa tapak menepati *benchmark* antarabangsa dan adalah berlandaskan standard perlakuan profesional yang tinggi; dan
  - (iii) menyediakan *pass way* teratur dengan izin, yang bersesuaian dengan graduan dan pekerja bidang kerja kejuruteraan terlibat bagi meningkatkan kecekapan serta *upward mobility*, dengan izin.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 sebelum ini telah dipinda sebanyak enam kali. Antara pindaan penting yang dilakukan sebelum ini adalah untuk memperluas skop kerja syarikat kejuruteraan sebagai disiplin atau multidisiplin, mengakreditasikan penyemak bertauliah dengan izin, *independent checker* serta mengenakan denda maksimum terhadap salah laku profesional terlibat.

Kini selain keperluan perdagangan bebas, pindaan terbaru mendaftar dua bidang kerja kejuruteraan iaitu *technologist* kejuruteraan dan pemeriksa tapak ataupun *inspector of works* dengan izin, yang berada dalam rantai pembinaan supaya ia diletakkan di bawah skop kawalan Lembaga Jurutera Malaysia untuk bidang kerja berkaitan dan kualiti kerja berkaitan diselia dengan rapi.

Secara keseluruhannya, pindaan ini akan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan subsektor berkaitan supaya ia setanding dengan standard subsektor berkaitan luar negara dan mampu menjadi tarikan pelaburan dan perdagangan, menggalakkan persaingan sihat dan di samping itu, memperbanyakkan peluang bagi kepakaran negara mencebur pasaran baru di luar negara. Apa yang lebih penting, pindaan tersebut juga akan menjaga keselamatan dan kepentingan orang awam dengan menghalang kemasukan *engineering import* yang tidak bermutu daripada sumber luaran yang diragui standardnya.

Tuan Yang di-Pertua, bersama pindaan juga telah disediakan kawalan ataupun *safeguard measures* dengan izin, untuk memastikan kualiti perkhidmatan kejuruteraan tempatan ditingkatkan dan kepentingan keselamatan dan kesihatan rakyat serta negara dipertahankan. Antara syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga Jurutera Malaysia adalah hanya jurutera profesional dengan perakuan amalan sahaja dibenarkan mengemukakan pelan, kaji selidik kejuruteraan, lukisan, skim, cadangan, laporan, reka bentuk atau kajian kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia. Bagi mendapat perakuan amalan tersebut, seseorang jurutera profesional baik tempatan, mahupun asing perlu menduduki dan lulus ujian kompetensi profesional.

Tujuannya adalah untuk memastikan profesional memahami semua perkara atau peruntukan yang menyeluruh perundangan tempatan seperti Undang-undang kecil Bangunan Seragam, keperluan badan berkuasa seperti TNB, bekalan air Indah Water dan sebagainya.

Prosedur yang sama telah diamalkan oleh badan profesional di negara maju. Untuk makluman, hanya jurutera profesional dengan perakuan amalan sahaja boleh mengemukakan pelan, lukisan dan sebagainya kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia bagi memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti bagi memastikan kepentingan dan keselamatan orang awam terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan utama ialah:

Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 138 bagi membolehkan Menteri melantik anggota Lembaga daripada kalangan Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan Berdaftar dan meneruskan pelantikan anggota lembaga tertentu sekiranya Majlis Institusi Jurutera (Malaysia) tidak mencalonkan perwakilannya dari kalangan Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan sebagai anggota Lembaga dalam masa tiga puluh hari sebelum habis tempoh jawatan sebagai anggota lembaga.

Fasal 5 yang bertujuan untuk meminda seksyen 4 [Akta 138] bagi membolehkan Lembaga melantik suatu jawatankuasa untuk menjalankan peperiksaan penilaian profesional bagi penerimaan masuk sebagai Jurutera Profesional dan untuk menjalankan peperiksaan kecekapan profesional bagi pengeluaran Perakuan Amalan kepada Jurutera Profesional.

Fasal 7 yang bertujuan untuk meminda seksyen 5 [Akta 138] bagi memasukkan butir-butir jurutera profesional dengan perakuan amalan, teknologis kejuruteraan dan pemeriksa tapak ataupun *inspector of works* dengan izin, ke dalam daftar.

Fasal 8 yang bertujuan untuk meminda seksyen 6 [Akta 138] bagi memberitahu pendaftar menyiarkan dalam mana-mana media lain termasuk media elektronik selain Warta dan akhbar nasional butir-butir Orang yang berdaftar yang pendaftarannya telah digantung, dibatalkan, dipotong dan dimasukkan semula di bawah Akta 138.

Fasal 9 yang bertujuan untuk meminda seksyen 7 [Akta 138] bagi memastikan hanya mereka yang berdaftar dan nama yang dimasukkan dalam Daftar LGM sama ada sebagai Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan, Jurutera Berijazah, Teknologi Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak sahaja boleh menggunakan apa-apa nama, gelaran atau jawatan untuk memperihalkan atau mengemukakan dirinya sebagai Orang berdaftar di bawah Akta 138 supaya orang ramai tidak terkeliru dengan pemakaian gelaran tersebut.

Fasal 10 dan 11 bertujuan meminda seksyen 7A dan 7B [Akta 138] masing-masing untuk menetapkan bahawa syarikat perundingan kejuruteraan sama ada pemilik tunggal (*sole proprietor*) dengan izin, atau perkongsian atau *partnership* dengan izin, akan dimiliki 100% oleh jurutera profesional dengan perakuan amalan dan juga syarikat korporat. Buat masa ini akan dimasukkan ke dalam peraturan-peraturan ataupun *regulations* sebanyak 70% ekuiti syarikat kejuruteraan akan dimiliki oleh jurutera profesional dengan perakuan amalan dan syarikat itu boleh menawarkan bakinya 30% kepada sesiapa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, langkah membenarkan 30% saham terbuka kepada sesiapa dalam syarikat kejuruteraan merupakan langkah berani yang akan membantu terutamanya syarikat kejuruteraan perunding yang tidak dapat berkembang disebabkan kekurangan modal dan

kemahiran keusahawanan. Selama ini, kebanyakan syarikat berkenaan tidak mempunyai keupayaan untuk meneroka pasaran luar negara. Akan tetapi melalui pindaan akta ini, peluang ini diwujudkan sekarang yang membolehkan syarikat kejuruteraan meneroka syarikat luar dan mewujudkan peluang pekerjaan baru di negara ini.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah kawalan, aspek pemilikan ekuiti dan keanggotaan pengarah syarikat akan dikaji dari semasa ke semasa. Penetapan itu akan dibuat melalui peraturan-peraturan ataupun *regulations* dan garis panduan dengan menggunakan kuasa Menteri mengikut komitmen kerajaan kepada Perjanjian Perdagangan Bebas dan keperluan liberalisasi bersifat progresif.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam *[Akta 138]* bagi membolehkan Jurutera Profesional mengemukakan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia, pelan atau lukisan berhubung dengan kelengkapan, loji atau keluaran khusus yang direka cipta atau dijual olehnya atau majikannya.

#### ■1720

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 10 *[Akta 138]* bagi membolehkan pendaftaran jurutera asing yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga.

Fasal 16 bertujuan memotong seksyen 10A dari *[Akta 138]* berhubung dengan pendaftaran jurutera asing sebagai jurutera sementara memandangkan ianya tidak lagi relevan susulan daripada pindaan kepada seksyen 10.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 10B *[Akta 138]* untuk membenarkan jurutera profesional dengan perakuan amalan untuk didaftarkan sebagai penyemak bertauliah ataupun *independent checker* dengan izin.

Fasal 18 adalah untuk memasukkan seksyen baru 10C, 10D dan 10E ke dalam *[Akta 138]* bagi mendaftar *technologist* kejuruteraan, jurutera profesional dengan perakuan amalan dan pemeriksa tapak.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 13 *[Akta 138]* bagi mengadakan peruntukan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada pemeriksa tapak oleh Pendaftar.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 14A *[Akta 138]* bagi membolehkan Lembaga melantik anggota Jawatankuasa Tatatertib.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 138 untuk membolehkan Lembaga mengenakan syarat tertentu bagi kemasukan semula seseorang yang mana namanya telah dipotong daripada daftar.

Fasal 21 dan fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 14A dan 24B masing-masing bagi memperuntukkan kuasa kepada Lembaga untuk melantik anggota Jawatankuasa Tatatertib dan anggota Jawatankuasa Penyiasat berkaitan salah laku profesional.

Tuan Yang di-Pertua, segala cadangan pindaan akta ini mendukung tunjang Program Transformasi Ekonomi Negara di mana sektor kejuruteraan akan menyumbang terhadap GDP negara. Sektor kejuruteraan juga adalah satu sektor penting yang menyokong sektor-sektor

ekonomi lain seperti perkilangan, minyak dan gas dan juga pertanian. Ia juga berpotensi menarik pelaburan dan seterusnya membantu dalam pertumbuhan dan pemantapan sektor kejuruteraan.

Untuk makluman, mengikut *International Federation of Consulting Engineers* ataupun FIDIC, *professional engineering services* dengan izin, pada tahun 2013 ialah sebanyak USD330 bilion. Dalam sektor pengangkutan, bangunan dan kemudahan pembangunan tanah, perparitan, kejuruteraan air dan kumbahan dan mengambil kira program pembangunan di beberapa negara *emerging economies*, angka tersebut dijangka akan meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Sementara itu, perdagangan China-Malaysia ekoran *five year program for economic and trade cooperation* dengan izin tahun 2013 ke tahun 2017 menjanjikan USD160 bilion menjelang tahun 2017. Ini merupakan peluang terbaik bagi kepakaran tempatan dalam pembinaan kejuruteraan dan perkhidmatan reka bentuk untuk bersaing dan meraih keuntungan.

Kecemerlangan kejuruteraan adalah amat penting bagi menarik pelaburan asing dan menggalakkan perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan dan inovasi bagi menunjukkan khidmat kejuruteraan yang memerlukan kemahiran tinggi pada masa hadapan seperti kejuruteraan angkasa lepas, automobil, teknologi hijau dan juga teknologi yang berkaitan dengan alam sekitar serta lain-lain di mana syarikat-syarikat kejuruteraan tempatan memerlukan pelaburan dari syarikat-syarikat korporat gergasi dari dalam dan juga luar negara.

Industri yang tidak kompetitif tidak akan meyakinkan pengguna dan orang awam kerana industri berkenaan sentiasa akan mengharapkan subsidi dan sokongan kerajaan. Kini telah tiba masanya untuk berubah dan kementerian melihat pembukaan industri perunding kejuruteraan sebagai peluang terbaik untuk membolehkan firma-firma perunding kejuruteraan tempatan memperluaskan perdagangan di peringkat global. Kemunculan Malaysia sebagai *regional hub* perkhidmatan kejuruteraan profesional dalam tempoh terdekat perlu menjadi misi semua yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2009, *Washington Accord* telah ditandatangani yang memberi penarafan dan pengiktirafan kepada pendidikan kejuruteraan. Menerusi perjanjian ini, pendidikan kejuruteraan tempatan disamatarafkan dengan 15 *signatory* yang lain yakni Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Kanada, Ireland, Japan, Korea, Russia, New Zealand, Chinese Taipei, Hong Kong, Singapura, Turki dan juga institusi-institusi tahap satu di India dan Sri Lanka.

Ini membolehkan mobiliti graduan dan peluang mendapat pekerjaan oleh jurutera di kalangan negara-negara terlibat. Dalam kata lain, pendidikan kejuruteraan tempatan telah dinaik taraf, *level up* dengan izin, dan dimartabatkan.

Lembaga Jurutera Malaysia akan mempertingkatkan usaha untuk menyelia dan mengeluarkan garis panduan kepada institut pengajian tinggi awam dan juga institut pengajian tinggi swasta tempatan supaya mereka sentiasa menepati standard yang ditetapkan. Kesan sampingannya ialah Malaysia akan menjadi hab pendidikan kejuruteraan yang menarik di Asia Pasifik.

Amalan lama dan perniagaan biasa dalam mengawal perniagaan jurutera perunding telah ketinggalan zaman dan telah membantutkan perkembangan industri. Kementerian ini berpendapat bahawa melalui pindaan-pindaan yang disyorkan, industri perunding kejuruteraan akan menjadi *robust* dan *vibrant* dengan izin, demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014 ini seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kinabatangan.

#### 5.26 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin membahas Akta Pendaftaran Jurutera. Mungkin pihak kementerian harus sedar bahawa di negara kita ini masih ramai jurutera yang tidak profesional dan tidak bertauliah. Oleh sebab itu, apabila ada di mana-mana universiti mengeluarkan mahasiswa dalam bidang jurutera, mereka masih menganggur, tidak ada kerja. Sedangkan, kita dalam akta untuk meliberalisasikan akta kita iaitu untuk memberi peluang kepada jurutera-jurutera dari luar negara untuk turut serta terlibat.

Jadi, keimbangan yang ingin saya lontarkan iaitu apakah persediaan yang telah disediakan oleh pihak kementerian berhubung dengan masa depan jurutera-jurutera yang ada dalam negara kita? Sedangkan, tanpa persaingan terbuka ini pun kita sudah berhadapan dengan masalah apatah lagi mungkin dengan membenarkan mereka datang melalui akta yang kita ubah ini, sudah tentu merupakan satu impak yang paling besar ke arah untuk menentukan masa depan jurutera-jurutera di negara kita yang sedia ada. Jadi itu salah satu keimbangan yang perlu dilihat oleh pihak kementerian sebagai satu fokus untuk menjamin bahawa mereka juga yang jurutera-jurutera kita yang sedia ada ini sama ada profesional ataupun tidak, terjamin masa depan mereka.

Lagi, bagaimana pihak kementerian memutuskan, iaitu tadi saya dengar ucapan Menteri iaitu ada peperiksaan untuk menentukan mereka profesional ataupun tidak. Siapa yang layak menduduki peperiksaan ini? Jurutera di bidang mana yang layak menduduki peperiksaan ini sehingga mereka menjadi profesional?

Saya dapat makluman di beberapa buah negara di China di mana mereka menggunakan *Blue Ocean Strategy*, Tuan Yang di-Pertua, iaitu satu agensi dikhurasukan di situlah diletakkan

semua agensi yang terlibat untuk, contoh pembangunan satu bangunan di negara kita ini, kita kena pergi ke Jabatan Kerja Raya, kena pergi bomba, kena pergi DBKL, kena pergi mana-mana. Macam-macam agensi. Akan tetapi di China, dibentuk di mana dia pergi satu bangunan, di situ lah pegawai bombanya, di situ lah pegawai *engineer*nya, QS nya, semua ada. Tujuan dia untuk mempermudah urusan pembinaan bangunan tersebut. Kita tengok bagaimana sebuah negara komunis tetapi *when come to business*, dia buat cara serius. Birokrasinya tidak begitu banyak. Masa yang dibuang tidak begitu banyak.

Jadi apakah mungkin kita cuba meniru gaya sebegini? Mungkin Kementerian Kerja Raya mengesyorkan satu bangunan khas di mana kita hendak jumpa bomba ada di *level* satu.

#### ■1730

Kita hendak jumpa pegawai bomba, ada di *level* 1, kita hendak jumpa pegawai JKR, ada di *level* 2. Mahu jumpa pegawai DBKL, mungkin di *level* 3, hendak jumpa dengan Tenaga Nasional mungkin di *level* 5, semua ada. Tidak perlu lagi kita bergerak ke satu bangunan ke bangunan yang lain. Jadi, ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang positif dan mungkin boleh membantu pembangunan negara kita secara seimbang, mengurangkan birokrasi, mengurangkan kos belanja masa yang dibuang. Di negara kita ini masih lagi mengamalkan membina satu rumah, kita kena *submit* lebih kurang 40 pelan pembangunan. Wow! Hebat. 40 pelan!

Saya pun hairan kenapa perlu 40? Pegawai sana mahu tengok, ini mahu tengok, sana mahu tengok. Jadi satu pelan, konsultan fi dia caj kita pun bukan alang-alang juga. Jadi, cubalah macam mana kalau boleh kasi *reduce* itu kos. Tidak perlulah 40, mungkin boleh satu benda yang kita buat, biarlah pegawai-pegawai yang profesional ini lihat secara bijaksana dan mungkin boleh diselesaikan secara cepat dan mempermudah dan mengurangkan birokrasi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

#### 5.31 ptg.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk membahaskan rang undang-undang akta pendaftaran jurutera. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada kesan-kesan yang serius kalau kita membuka jurutera perunding untuk seluruh dunia. Liberalisasi ini bukan sesuatu yang boleh digesa-gesakan. Ia tidak boleh, *we cannot rush for it*. Kita kena ambil persediaan yang secukupnya. Saya nampak bahawa kalau kita *liberalise the entire sector*, dengan kadar yang sebegini segera, kita ada tiga implikasi yang serius:

- (i) Kemasukan jurutera yang beramai-ramai daripada luar negara;
- (ii) Kemasukan syarikat-syarikat yang besar dari luar negara;
- (iii) Mengekang semangat *entrepreneurship* di kalangan jurutera-jurutera di Malaysia.

Saya hendak masuk nombor satu. Kalau kita tengok sekarang, kita Malaysia mempunyai lebih kurang 11,344 orang *graduate engineer*. Okay? Sorry, profesional *engineer* iaitu IR PE dan kita ada 78,076 orang *graduate engineer*. Maka, jurutera berdaftar di Malaysia adalah seramai 89,420 orang. Akan tetapi kalau ada ramai lagi yang tidak berdaftar sebagai *graduate engineer*, dia bekerja di *engineering firm*, ya tetapi dia tidak berdaftar sebagai *graduate engineer* kerana dia tidak- mungkin dia belum hendak jadi PE lagi.

Jadi, ini bermaksud lebih daripada, mungkin lebih daripada 100,000 *engineer* dalam sektor perumahan, *constructions industry*. Ada ramai lagi *engineer-engineer* seperti yang bekerja di sektor *oil & gas*, sektor-sektor lain lagi yang mereka tidak payah, tidak perlu daftar sebagai *graduate engineer* atau *engineering* atau tak payah dapat PE, maka sektor ini luas. *Engineer* di Malaysia, puluh, mungkin ratus ribu orang. Jadi, ini kalau kita buka ini adalah periuk nasi *engineer-engineer* kita.

Kalau kita buka sektor ini, liberalisasi. Saya hendak bagi contoh, negara-negara yang ramainya *engineer*, negara India ramai, Filipina ramai, Indonesia ramai, China ramai. Mereka di sana tidak dapat kerja. Bangladesh pun ramai. Jadi, mereka akan masuk ke mana? Dia akan cari pekerjaan di Malaysia. Apabila mereka masuk, dia punya gaji permintaan, permulaan mereka RM900.

Malaysia yang baru *graduate*, *fresh graduate*, dia punya RM2,500. Bagaimana kita boleh bersaing dengan *graduate engineer* daripada- *fresh graduate* daripada Bangladesh ke yang masuk. Indonesia atau Filipina yang masuk. Jadi, apabila mereka masuk, kita punya *engineer lose out in this sense*. Dia tidak akan dapat kerja. Okey, itu adalah dari segi yang *the bottom strata of the food chain*.

Isu yang kedua adalah kemasukan syarikat-syarikat besar. Jadi, apabila syarikat-syarikat besar masuk, dia boleh inject 30% *in equity*. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri kata, mungkin *eventually* kita akan buka semuanya sehingga 100%. Katakan satu syarikat yang besar daripada Amerika Syarikat, Beptel Engineering, dia masuk. Dia akan masuk Malaysia, dia *gigantic*. Dia bukan macam kita punya *main consult*, dia bukan macam kita punya perunding yang *localize*, Aruf lah okey? Dia besar.

Jadi, apa yang akan berlaku adalah kerana dia *everything*- dia ada semuanya. Dia boleh *design hospital*, boleh *design airport*, boleh *design super market*, boleh *design* apa-apa macam, *tall, high rise building, bridges, highway, whatever*. Jadi, dia memang ada dia punya kepakaran begitu. Dia menjadi pilihan kepada bukan sahaja kerajaan juga dan juga *private sector*, yes.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bayan Baru. Saya mahu tanya daripada aspek ekonomi negara. Bila kita membenarkan syarikat-syarikat kejuruteraan dari luar negeri datang ke Malaysia ambil kontrak semua, bila kita tak benarkan itu, hanya syarikat-syarikat di Malaysia yang buat *business*

di sini, mereka dapat untung. Itu akan mengalir balik ke ekonomi negara. Bila kita membenarkan dari luar negara datang, untung mereka, separuh besar daripada untung mereka akan dihantar ke luar negara. So, ini akan menyekat pasaran dalaman, *domestic demand* dalam negara kita. Ini akan bawa akibat yang negatif atas semua, penjaja kita, peniaga lain kita, semua. So, kita pun kena tengok dari sini, apa pandangan Yang Berhormat Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Siput dan saya minta Yang Berhormat Menteri juga kalau boleh responslah kepada Yang Berhormat Sungai Siput. Saya terus kepada kemasukan syarikat-syarikat besar dari luar negara. Apabila syarikat-syarikat luar negara dia masuk, dia bawa sekali. Kalau katakan *engineering*, China Harbour Engineering masuk ke Malaysia. Dia akan datang dengan dia punya *management*, *top management*. Dia buka syarikat. Di mana dia akan dapatkan dia punya *engineer*? Dia tidak akan ambil *engineer* daripada Malaysia.

Dia akan dapatkan *engineer* daripada China kerana nombor satu, mereka mempunyai bahasa yang sama, kedua, standard yang sama, pakai *may be Chinese standard* atau *American standard*. Dia tetap datang dan paling *best* adalah dia punya jurutera itu semuanya gaji rendah. Jadi, dia masuk *top management*, *big equity firm* datang, *then* bawa sekali *engineer* dan *inspector of work* bersama dengan juru ukur bahan dan sebagainya.

Jadi, ini menyebabkan bahawa apabila kontrak-kontrak Malaysia kita bayar, *Chinese company*, saya ambil contohlah. *Chinese company* dapat keuntungan besar. Keuntungan itu hantar balik China. *Engineer* dapat gaji dari Malaysia, dia ambil gaji, dia terus hantar *back to China*. Jadi, ini adalah seperti apa yang berlaku kepada liberalisasi *our market*lah seperti yang berlaku terhadap kedai runcit. Apa yang berlaku adalah kita membenarkan TESCO, Carrefour kita benarkan, AEON semuanya datang ke Malaysia. Apabila mereka buka di sana, di sini, yang *mom and pop shop* seperti kedai-kedai runcit, seperti kedai-kedai jual baju, seperti kedai-kedai jual *toys* dan sebagainya telah hilang, tutup kerana mereka tidak berupaya bersaing. Akibatnya, dia terpaksa bekerja dengan TESCO. Orang-orang Malaysia terpaksa bekerja di TESCO. TESCO syarikat dari England. Apabila dapat keuntungan, dia hantar England, dia *report di stock market*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bayan Baru, boleh sikit ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyalah. Pertamanya, adakah pindaan ini, adakah jurutera di Malaysia ini benar-benar telah bersedia untuk menerima, dengan izin, *influx of* jurutera-jurutera asing ini? Itu yang pertama. Yang keduanya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Adakah kita telah bersedia untuk bersaing dengan kemasukan jurutera asing?

■1740

Ketiganya saya hendak tanya, adakah pihak kerajaan, apakah sikap mungkin Lembaga Jurutera Malaysia ini terhadap undang-undang. Adakah mereka telah dirunding sebelum pindaan ini dibuat sebab kita risau jika tidak dirunding mungkin ia akan memberi kesan kepada nasib para juruterbang yang sedia ada di Malaysia sekarang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya boleh gulung.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Berkennaan bahawa adakah kita sudah bersedia untuk menerima liberalisasi. Saya telah tanya beberapa orang kawan daripada BEM dan IEM.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Mereka kata pada awalnya akta ini patut diadakan tahun 2012...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit Yang Berhormat Bayan Baru, Bagan Serai.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru hendak *respond* tiga perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sepang. Tidak sempat Yang Berhormat Bayan Baru hendak *respond*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Nanti *you* boleh cakap, *no problem*. Jadi, mereka kata tahun 2012 tetapi oleh sebab bantahan daripada ahli-ahli IEM dan juga BEM dan mereka telah *postpone*. Mereka telah jalankan banyak *road show* dan sebagainya. Sebenarnya kalau *you* tanya mereka, mereka terpaksa tidak terima, ia bukan suka tidak suka, mereka terpaksa terima. Ini bukan kata mereka sokong sangat akta ini tetapi kerana *no choice*. Mereka boleh buat apa? Oleh sebab akta telah *sign* AFTA. Nanti kita *sign* pula TPPA. *What can they do? They just...* Mereka adalah *engineer* kecil-kecil sahaja.

Saya ada dua, tiga *point* lagi jadi saya kena cepat. Jadi, masalah dengan Malaysia adalah *proprietors*. Sebenarnya Malaysia, syarikat-syarikat perunding kita kebanyakannya *sole proprietors engineering firm*. Ia lebih daripada 1,000 buah dan juga adalah *body corporate* yang lebih daripada 1,000 buah juga. Semuanya kecil-kecil, *sole proprietors* seorang sahaja. *Then*, kalau *body cooperate* itu dia pun hanya dua hingga tiga orang *engineering*, *they combine*, dia ambil projek-projek kecil daripada *small developer firm* dan sebagainya. Sebenarnya mereka sudah *survival stage*. Mereka sudah tidak berupaya. You kalau hendak bawa mereka ke luar negeri pun tidak boleh. Mereka *stay in Malaysia*, mereka sudah *struggling*. Kalau *engineering firm* masuk, mereka akan tenggelam. Jadi mereka akan terpaksa tutup kedai. *So, we affect their families, there is more than 1,000 of engineers, all these surviving*. Jadi kalau macam ini, mereka tutup sahajalah seperti kedai runcit kita dahulu, sekarang.

*Third point* iaitu semangat *entrepreneurship*. Kalau banyak sangat *company* besar masuk, *the puff of engineers* adalah dia *graduate*, dia pergi kerja ambil *experience* dan lima tahun kemudian dia jadi PE. Selepas itu dia *start-ups a small company* seorang. *Then* dia ambil sedikit *job*. Oleh sebab saya *engineer* juga. *So, I feel the pain of the engineers*. Dia akan ambil dua, tiga *small project*, dia *design*, ambil sedikit komisen dan sebagainya. Apabila dia sudah ada sedikit dana, dia buka *firm, sole proprietors*. Apabila dua tiga tahun kemudian, dia ada *experience* dan dapat projek yang lebih besar, dia akan *combine* dengan dua tiga orang kawan untuk *set up a*

*small medium* terdiri dari dua, tiga dan empat orang *engineer* punya *firm*. Selepas itu dia akan cuba dapatkan kerja yang lebih besar.

Jadi apabila mereka lebih besar, lebih kurang 20 tahun *engineering experience*, baru mereka akan buka *joint* dengan *bigger firm to form bigger company*. Apabila kalau kita dapat *big boss into the market okay, all this engineers* kata “*Mana boleh saya bersaing dengan orang yang besar-besar ini? Jadi lebih baik saya makan gaji sahajalah.*” Kalau boleh makan gaji dan kalau mereka lebih *qualified* punya *engineer*, dia akan cari kerja di Australia, *migrate* keluar dan kita kehilangan mereka.

Jadi, *it is style for entrepreneurship* kalau kita *liberalize to fast, to big*. Saya harap ini adalah faktor-faktor yang cukup besar yang saya yakin Menteri pun pernah *consider* dan saya minta respons daripada Menteri. Dua tiga soalan sahaja. Pertama, adakah terdapat perubahan kepada profesional *engineering exam* sekarang? Sekarang ia ada dua *route*. Satu, adalah *BEM route or IEM route*. Adakah *any* perubahan? Soalan kedua ialah *practicing certificate*. Saya minta Menteri jawab dengan lebih teliti. *How does it works* kerana sekarang hanya adalah PE sahaja, IR profesi *engineers*? Adakah semua profesi *engineer* automatik dapat *practicing certificate* sekarang atau mereka perlu *sit another exam to get practicing certificate*?

Saya hendak tanya ini sebab ramai kawan saya yang apabila saya tanya, mereka kata “*Saya sudah tua.*” Ada senior *engineer* kata “*Saya sudah 45 tahun, 50 tahun umur. You expect me to take another engineering exam?*” You know, mereka sudah lama dalam industri. *They don't go to the nitty-gritty engineering anymore.* Okey, jadi dia akan tanya “*Eh! Kenapa saya perlu sit another exam untuk dapatkan practicing certificate? It's a pain.*” Mungkin *fail* kerana ini adalah ada kod yang baru dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan yang terakhir adakah PE sekarang, PE yang baru apabila mereka dapatkan PE? Bolehkah mereka terus dapat *practicing certificate* atau dia punya cara macam mana? Saya minta penjelasan daripada Menteri. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai lagi. Kita banyak lagi rang undang-undang. Ada rang undang-undang penting. Nanti tidak sempat pula rang undang-undang. Faham-faham sahajalah ya. *[Disampuk]* Ada empat lagi rang undang-undang ini.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sekejap boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bagi lima minit sahaja. Okey, Yang Berhormat Limbang.

#### 5.46 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pindaan rang undang-undang ini agak komprehensif dan rapi tetapi saya hanya ada

beberapa perkara yang saya minta Menteri Kerja Raya untuk memberi penjelasan mengenai beberapa perkara. Pertama ialah saya melihat rang undang-undang ini berkaitan pendaftaran yang meletakkan teknologi sebagai profesion tidak setaraf berbanding dengan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 yang baru dibaca untuk bacaan pertama pada pagi tadi.

Saya faham ia baru dibaca tetapi perkara ini mesti dilihat juga sebelum ia diluluskan. Di dalam ketiga-tiga rang undang-undang pindaan tersebut graduan teknologi perlu berdaftar sebagai *technologist* kejuruteraan, *technologist* arkitek dan *technologist* juruukur bahan. Mereka perlu mengambil beberapa subjek lagi sebelum dapat berdaftar sebagai jurutera graduan, arkitek graduan dan juga juruukur bahan graduan.

Saya dapati dan saya lihat, mendengar apa yang dibaca pada pagi ini. Perkara ini agak berbeza dengan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik di mana graduan boleh terus berdaftar sebagai *technologist* graduan sebaik menamatkan pengajian di peringkat ijazah dan seterusnya menjadi *technologist* profesional sebaik menjalani latihan-latihan profesional yang diperlukan selaras dengan Sydney Accord. Jadi soalan saya juga ialah apakah negara kita nanti juga akan menandatangani *The Sydney Accord* dengan izin selepas pindaan rang undang-undang ini diluluskan?

Satu lagi perkara yang saya ingin hendak minta penjelasan, apakah ketiga-tiga rang undang-undang pindaan kementerian ini boleh mendukung dan menyokong pemartabatan pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan? Satu perkara lagi, saya juga turut melihat keperluan pengagihan tugas antara jurutera dan *technologist*. Sebagai contoh di Australia, jurutera memainkan peranan *main designer* dengan izin, manakala *technologist* bertanggungjawab dalam tugas berkaitan *inspection* dengan izin dan pemantauan projek. Maka tidaklah berlaku pertindihan kepentingan dalam meluluskan sesuatu projek.

Sebagai contoh, jika berlaku keruntuhan struktur bangunan yang mana jurutera mereka bentuk, jurutera meluluskan reka bentuk dan jurutera juga yang menjalankan *inspection* dengan izin dan pemantauan projek. Maka tidak ada *check and balance* dengan izin, yang mengakibatkan masalah seperti yang disebutkan sebentar tadi. Maka saya berharap kerajaan akan mengambil perhatian perkara-perkara ini apatah lagi apabila penubuhan MBOT nanti akan diwujudkan pada tahun hadapan.

Menyentuh tentang liberalisasi ini, saya rasa kepentingan dan pasaran jurutera-jurutera tempatan kita haruslah diambil kira dan meningkatkan kualiti jurutera-jurutera kita. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya selepas Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Bagan Serai. Selepas Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Subang. Selepas itu Menteri menjawab.

■1750

### 5.50 ptg.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara penting juga. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh bagi saya banyak masa ya. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Empat perkara sahaja. Jangan kita buang masa ya. Saya ingin mulakan dengan mengucapkan tahniah kepada BEM dan IEM Yang Berhormat Menteri atas usaha mereka untuk mempertingkatkan profesion ini. Jadi hanya empat perkara sahaja yang saya ingin bangkitkan dan bercadanglah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terdapat banyak universiti yang melahirkan banyak graduan, *graduate engineer*, dengan izin. Akan tetapi banyak di antara mereka, mereka tidak tahu betapa pentingnya bagi mereka untuk berdaftar sebagai seorang *graduate engineer*. Saya selaku sebagai seorang *industry adviser*, banyak saya jumpa kita punya *student* mereka tidak faham dan tidak tahu betapa pentingnya untuk berdaftar selepas mereka *graduate* daripada universiti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya cadangkan mungkin kita letakkan kepentingan untuk berdaftar di IEM ataupun BEM as part of their syllabus in their university study, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kalau sebagai seorang doktor selepas mereka mendapat mereka punya ijazah mereka ada *housemanship*. Selepas *housemanship* baru mereka menjadi satu certified doktor. Bagi seorang *lawyer* apabila mereka mendapat mereka punya *degree*, mereka ada *chambering*. Selepas *chambering* baru mereka dapat menjadi seorang *professional lawyer*.

Akan tetapi sebagai seorang *graduate engineer*, perjalanan mereka belum habis lagi. Mereka perlu berdaftar, menerusi ujian lagi daripada BEM dan IEM, barulah mereka menjadi seorang *professional engineer* tetapi sayang banyak *graduate* kita mereka tidak faham perjalanan mereka belum siap walaupun mereka sudah *graduate* daripada universiti. Jadi saya bercadang supaya mungkin terdapat *syllabus* di dalam universiti untuk memberitahu mereka kepentingan hal-hal ini kerana kalau mereka gagal berdaftar sebagai seorang *graduate engineer* dan sambungkan perjalanan mereka untuk mendapatkan *professional engineering*, mereka akan hilang *competitiveness* mereka dalam dunia yang begitu saing sekali.

Jadi saya ingin masuk ke perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua iaitu selepas saya *graduate*, dengan izin iaitu sebagai seorang *graduate engineer* pada tahun 2001, itu lebih kurang 12 tahun dahulu. Masa itu gaji sebagai seorang *graduate engineer* RM2,200 sehingga RM2,500. Itu yang di *offer* kepada saya tetapi sekarang selepas 12 tahun gaji masih sama lagi sebagai seorang *graduate engineer*. Jadi saya bercadang kepada kementerian mungkin kita adakah satu *guideline* kepada industri, *guideline* di mana *student* kita dia *graduate* kelas yang kedua, mereka perlukan satu tahap gaji yang lebih tinggi for example mungkin RM3,000 starting.

Kenapakah saya cadangkan perkara ini, kerana contohnya terutamanya bagi *engineer-engineer in the field of mechanical engineering* bukan *civil and quantity surveyor* lah. Yang itu mungkin mereka tahu pentingnya sebagai seorang profesional tetapi *engineer* yang lain seperti

*electrical engineering, mechanical engineering* dengan *engineer* yang lain mereka tidak faham kepentingan untuk berdaftar sebagai seorang *professional engineer*.

Jadi dengan adanya *guideline* ini saya rasa industri tidak akan menyalahgunakan para *graduate* kita. Contohnya kalau sebuah *company* mereka perlukan seorang yang pandai membuat PLC iaitu *Programmable Logic Circuit* kita panggil PLC lah. Mereka perlu seseorang profesional yang pandai membuat PLC. Akan tetapi apa yang *company* buat dia *hire* kita punya *graduate engineer*, akan tetapi kebanyakannya diploma *graduate* kita ataupun *technician-technician* kita, mereka juga ada belajar PLC. Jadi apa yang terjadi?

Apa yang terjadi kepada *graduate engineer* kita adalah mereka menjadi *highly paid technician*. So they are not paid as an engineer, dengan izin. So, I think in that sense, industri mungkin mengambil kesempatan kepada para-para *graduate* kita. Saya juga faham saya dengar banyak ada *complaint*, dengan izin bahawa kita punya *graduate* tidak berkompeten. Kadang-kadang I think it come both way saya rasa pada pendapat saya. Why both way? Senang kerana universiti prepared our student. They gave our students a tools, dengan izin.

Mereka tidak pernah – tujuan universiti bukanlah untuk specifically to teach our engineers to do something specific, dengan izin tetapi bagi mereka satu *tools* supaya mereka boleh pick up perkara-perkara spesifik iaitu adalah tanggungjawab industri untuk bagi training kepada *graduate engineer* kita apabila mereka di *hired*, adalah tanggungjawab industri supaya mengambil sekurang-kurangnya tiga bulan untuk memberi training kepada *engineer* kita. Jadi ini adalah perkara yang kedua mungkin kita adakan satu *guideline* bagi kita punya industri.

Ketiga iaitu saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang jelas kepada mungkin pensyarah kita di universiti yang juga aktif dalam menentukan reka bentuk kejuruteraan. Sebenarnya dalam industri antarabangsa, mereka bergantung banyak kepada pensyarah-pensyarah ini ataupun para penyelidik kita yang in the field of engineering untuk mengadakan breakthrough kepada engineering design mereka.

Akan tetapi kebanyakannya pensyarah ini mereka tidak tahu langkah-langkah yang jelas supaya mereka juga, walaupun mereka di universiti mereka juga boleh mengambil bahagian dalam you know, dalam mendapatkan profesional engineering mereka. Walaupun mereka adalah sebagai seorang pensyarah. Jadi ini adalah satu yang saya alami apabila saya bekerja di luar sebelum sebagai seorang Ahli Yang Berhormat.

Jadi yang keempat yang saya ingin bangkitkan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru iaitu terdapat juga banyak *graduate-graduate engineer* kita yang begitu berpengalaman serta profesional. Akan tetapi mereka tidak terangsang untuk berdaftar sebagai seorang *engineer* kerana mereka sudah tua. Oleh kerana mereka sudah tua, kalau mereka register sebagai seorang *engineer* berdaftar, mereka perlu bermula satu kali lagi. The clock start ticking only when they register.

Jadi projek-projek mereka yang telah pun mereka buat telah pun mereka contribute dengan izin, kalau tidak salah sayalah, tidak boleh pertimbangkan. Jadi ini mungkin salah satu

yang kementerian pertimbangkan supaya *graduate engineer* yang sudah berpuluhan-puluhan tahun dekat luar situ, kita boleh pertimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin yang keempat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang ini sudah yang keempat. Jadi *the last one* iaitu kerana saya perhatikan bahawa lebih senang mendapatkan *professional engineer* status iaitu PE status daripada *Europe country* daripada mendapatkan Ir. di Malaysia. Jadi kebanyakan *engineer* kita mereka walaupun mereka *graduate* dari UK, mereka mendapatkan PE status.

Jadi saya memang mengalu-alukan kementerian *to look into the issue*. Memang harapan saya supaya Yang Berhormat Menteri dapat tengok lebih banyak Ir. wujud di negara kita supaya tidak perlu kita bergantung kepada negara antarabangsa kerana banyak *graduate* kita sebenarnya bertaraf ataupun lebih baik daripada *professional engineer* daripada luar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Doktor pun minat *engineer*. Limit minit ya doktor.

### 5.59 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan *engineer*, saya seorang doktor jadi bercakap mungkin lebih ringkas. Tidak sampai empat *point* lah. Saya melihat pindaan akta ini ataupun liberalisasi ini dari aspek ekonomi. Jadi kita lihat dengan adanya liberalisasi ini, jangka panjangnya akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi kerana ini membolehkan profesional tempatan bersaing dengan profesional luar negara. Tidak kiralah kalau tua atau muda. Hendak menuntut ilmu ini tua ke muda, okeylah.

Kita dalam profesional, contohnya dalam perubatan kita ada CME (*Continuing Medical Education*). Saya tidak tahu lah *engineering* ini ada tidak CEE (*Continuing Engineering Education*). Ada? Saya tanya sahaja, saya tidak tahu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** IEM ada.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi tidak timbul tua kah muda. Kalau sudah tua tidak mahu belajar lagi, tidak payahlah kerjalah. Kita ganti yang muda yang hendak bekerja. Jadi dengan adanya liberalisasi ini akan meningkatkan kualiti dan integriti dan menggalakkan inovasi dan kemapanan. Sudah pasti ini akan meningkatkan kapasiti profesional supaya kita setanding dengan piawaian dunia dan kerajaan bukan hendak lepas terus macam itu sahaja dan biarkan *engineer-engineer* kita tidak ada kerja.

### ■1800

*Engineer-engineer* di Malaysia ini sepatutnya positif. Mengambil ini sebagai satu cabaran sebab kita hendak pergi dunia maju. Kita daftarlah Ir. Kenapa tidak daftar pula, kan? Belajarlah. Kan kita pandai, belajarlah. Kita orang Malaysia pandai-pandai, belajarlah.

Kita lihat dalam liberalisasi ini pun dia bukan bagi 100%, dia bagi 30%. Ada sekatan-sekatan dia dan ada kompetensi *examination*. Jadi kompetensi *examination* ini akan menyekat

dia. Saya pasti kerajaan akan meletakkan beberapa persoalan-persoalan yang mereka mesti belajar betul-betul. Orang luar, *engineer* luar kena belajar betul-betul baru boleh dapat. Jangan jadi macam perubatan. Perubatan masa saya kerja dulu, 30 tahun dulu, kita lihat ada doktor-doktor pakar dari Burma, bila bercakap dengan kita macam cakap ayam dengan itik. Dia tidak reti apa saya cakap, saya tidak reti apa dia cakap. Dia ada *brain* tapi tidak boleh hendak *communicate*. Jadi ini yang saya lihat.

Lagipun Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah kita ini sedang menuju negara maju. Tahun depan kita akan melaksanakan AEC pada hujung tahun dan ini akan menyebabkan aliran keluar masuk pakar-pakar, kepakaran dari segi kedoktoran, *lawyer* terutamanya *engineer*. Ini akan berlaku aliran ini. Jadi liberalisasi ini dengan memberikan 30% dan mengadakan kompetensi *exam*, kita ada satu sekatan juga untuk menjaga jurutera-jurutera tempatan.

Persoalannya sekarang ini saya hendak tanya, adakah kerajaan bersedia untuk universiti mengadakan pembelajaran yang lebih baiklah, sebab saya dengar banyak yang tidak *pass*. Ada setengah-setengah hendak daftar Ir ini lari, tidak mahu ambil periksa. Ini apa hal ini? Jadi universiti kena bersedia dan *engineer-engineer* ini kena berubah sikap. *Engineer* kena positif sebab kita hendak melalui masa depan, dengan AFTA lagi, kena bersedia diri kita hari ini.

Saya menyokong pindaan akta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

## 6.02 ptg.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan tentang rang undang-undang meminda Akta Pendaftaran Jurutera.

Saya ingin mula dengan juga meluahkan kebimbangan saya seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi tentang implikasi pindaan ini di mana apabila kita mansuhkan seksyen 10 ataupun buat pindaan besar pada seksyen 10 Akta Ibu, kita macam buka pintulah dengan secara sepenuhnya kepada kemasukan jurutera-jurutera dari banyak negara lagi untuk masuk di sini.

Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan. Saya faham kita ada desakan di bawah Perjanjian AFTA untuk membuka, saya faham. Akan tetapi pada masa yang sama, kita kena imbangkan dengan implikasi dan impak kepada komuniti jurutera-jurutera di Malaysia yang didaftarkan, jurutera yang berwarganegara Malaysia. Apakah impak kepada cari makan mereka, hidup mereka, keluarga mereka.

Saya ingin tanya sama ada kita dari segi keperluan jurutera, bagi saya bukankah pendekatan yang lebih baik adalah untuk menaikkan jumlah bilangan di sini dan bukan saja membuka pintu kepada semua untuk masuk? Itu satu. Kedua ialah adakah kementerian menimbang pendekatan yang digunakan berkaitan dengan peguam-peguam?

Di dalam bidang guaman juga kita ada desakan yang sama dari luar negara untuk masuk dan buat amalan guaman di sini dengan hak yang sama seperti peguam-peguam warganegara Malaysia, tetapi ini ditolak oleh Majlis Peguam dan dipertahankan oleh kerajaan juga. Walaupun kita buka ruang sedikit, bukan kita tutup pintu seratus peratus, kita buka ruang sedikit dengan bersyarat dan peguam-peguam dari luar negara boleh masuk beri perkhidmatan mereka dan kemahiran mereka menyumbang kepada negara ini tapi dalam bidang-bidang tertentu di mana peguam tempatan tidak ada kemahiran.

So kalau kita ambil pendekatan macam itu, ini adalah dengan izin, *win-win situation*. Kita belajar daripada kemahiran mereka dan kita tidak ganggu perlu nasi peguam-peguam tempatan. Jadi mereka ada syarat. Sebagai contoh, mereka hanya boleh mengambil bahagian dalam timbang tara atau dengan izin *arbitration* di mana peguam tempatan kadang-kadang tidak ada kemahiran itu dan mereka disekat daripada berurusan undang-undang yang berkaitan dengan pertikaian tempatan dan sebagainya.

Adakah ini dipertimbangkan oleh kementerian sebelum membuat pindaan yang begitu besar dari segi implikasinya? Saya setuju kita perlu buka pintu, setuju *in principal*, secara dasar, tetapi kita perlu buat ini berhati-hati dan mungkin berperingkat-peringkat. Bukan kita buka pintu serta-merta dan seratus peratus macam itu. Saya hendak tahu adakah ini diambil kira, difikir lebih mendalam oleh kementerian dan kenapa kementerian tidak memilih untuk mengambil pendekatan itu padahal kita sudah ada satu contoh dalam bidang peguam-peguam di negara kita?

Tadi saya pun dengar Yang Berhormat Bagan Serai berhujah bahawa memang kita perlu bersaing. Kalau itulah pendekatan Yang Berhormat Bagan Serai, implikasi itu pun ada serius. Yang Berhormat Bagan Serai kena faham, kalau kita ambil pendekatan itu seratus peratus, sikap kita buka semua, kita bersaing dan kita manfaat daripada itu dan dasar macam yang dilaungkan oleh UMNO, Dasar Ekonomi Baru, semua kena tutuplah. Semua kena tutup. Kena buka semua. Tidak boleh kita bagi perlindungan kepada kaum bumiputera, kepada industri tempatan, tidak boleh lagi. So Yang Berhormat Bagan Serai kena faham, itulah implikasi dia. So jangan kita kata, oh, semua persaingan itu adalah baik, bagus, bukan.

Yang Berhormat Bagan Serai pun kata tadi ini baik tapi kalau kita banding dengan bidang doktor, Yang Berhormat Bagan Serai adalah seorang doktor, adakah kita buka pintu seratus peratus dan kita jemput semua doktor dari negara lain datang buat amalan perubatan di sini? Tidak. Kita tidak bagi ruang itu dan kita kena faham mengapa. Jadi, kenapa Yang Berhormat Bagan Serai boleh sokong untuk jurutera tapi pada masa yang sama sokong kedudukan yang sedia ada untuk bidang perubatan, untuk doktor, sekatan ada. Sekatan ada untuk doktor, sekatan ada untuk peguam untuk alasan yang baik. So, jadi kita tidak boleh ada *double standard* dan kita kena ambil pendekatan yang menjaga kepentingan negara, warganegara kita, *our own citizen* dulu.

Pada masa yang sama, kita faham memang ini satu dunia yang sekarang menjadi...

**Seorang Ahli:** *Borderless*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Borderless.* Terima kasih. *Borderless*, betul, kita kena berubah peringkat demi peringkat, kita faham. Akan tetapi apabila kita buat secara ini, bila kita membuka pintu *immediately* dengan serta-merta, semua boleh datang dan walaupun kita faham – saya difahamkan dalam industri sekarang ramai daripada jurutera asing sudah masuk negara, mereka ada di sini. Bila projek besar diberi di sini, mereka datang ramai-ramai kerja di sini.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi pada yang sama, mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bangun.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** / habis ayat ini dulu. Akan tetapi pada masa yang sama, semasa mereka boleh kerja di sini, mereka tidak ada hak yang sama dengan jurutera tempatan. Hak untuk menandatangani dokumen dan sebagainya. Itu sangat penting dan hak ini sekarang kita rosaklah, kita rosakkan hak yang lebih tinggi yang diberi kepada jurutera asing.

Silakan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Subang, setujukah kalau kita membuka ruang ini kepada jurutera luar negara, jurutera tempatan terutama bumiputera akan terjejas teruk kerana sebelum itu kita selalu mengatakan bilangan jurutera bumiputera tidak cukup, tidak meningkat. Adakah mereka boleh bersaing dengan jurutera luar ini? Setuju tidak Yang Berhormat Subang tentang perkara ini?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, itulah antara kebimbangan saya. Seperti pun Yang Berhormat Bagan Seri kata, adalah baiknya ada persaingan, betul. Kita boleh belajar daripada kemahiran yang ada di luar negara, betul. Pada masa yang sama, bagi sayalah dan ini dibuat oleh kerajaan di bidang-bidang lain, kita perlu beri tumpuan kepada orang kita dulu. Kalau jumlah jurutera di negara kita tidak cukup, marilah kita tubuhkan universiti yang lebih baik, pertingkatkan jumlah jurutera yang kita latih dan keluarkan daripada universiti.

## ■1810

Itulah pendekatan yang sepautnya kita buat. Negara India buat, negara China buat, dan negara-negara lain pun buat tetapi kenapakah kita tidak ikut macam itu? Kalau kita tidak cukuplah. Kita patut beri peluang yang utama kepada orang-orang kita dahulu. Akan tetapi sekarang disebabkan desakan dari luar negara, desakan melalui perjanjian yang kita sudah tandatangan, kita sekarang sudah buka semua pintu, hampir macam – biar semua datang, dan mendapat hak yang sama dan secara langsung kita menjaskan kedudukan ekonomi. Ramai jurutera di sini, bukan sahaja jurutera tetapi profesion lain juga terjejas termasuk periuk nasi keluarga-keluarga mereka. So, ini yang saya hendak tanyakan sama ada kerajaan sudah memikirkan ini dengan lebih mendalam dan apakah kajian yang dibuat yang akhirnya menunjukkan pindaan ini membawa manfaat yang lebih banyak kebaikan daripada keburukan.

Soalan terakhir saya seperti yang mula-mula tadi. Kenapa kerajaan tidak memikirkan pembukaan sektor ini kepada jurutera asing secara berperingkat, dan bukan dengan langkah

iaitu kita buka untuk semua yang datang dari negara lain dan memberikan mereka hak untuk berdaftar dan beramal sebagai jurutera di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 6.11ptg.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan pindaan rang undang-undang ini. Berkaitan dengan, mungkin Yang Berhormat Subang lambat masuk tadi, dalam kata pendahuluan saya sendiri sudah mengatakan bahawa pendekatan – walaupun kerajaan memutuskan untuk membuka atau meliberalkan tiga profesi ini sebelum tahun 2012 lagi tetapi apabila dibentangkan kepada semua lembaga termasuk Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia dan juga *Board of Quantity Surveyors*, mereka mengatakan bahawa kita perlu membuat *engagement*, dengan izin dengan semua ahli.

Sebab itu pada tahun 2012, ia tidak dilaksanakan. Sebaliknya, mereka dalam 3 tahun ini mengadakan banyak interaksi, dengan mengadakan seminar, bengkel dan sebagainya dengan melibatkan semua *engineers* dari tahun 2012, sehingga lah masih *ongoing*, masih berjalan untuk mendapat *feedback* dan sebagainya. Sudah melangkaui sehingga 7,000 orang yang terlibat dalam interaksi ini. Tiada seorang pun mengatakan bahawa mereka membantah. Hanya ada, seperti mana yang diucapkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, iaitu *concern* mereka, dengan izin dan apakah langkah untuk memastikan bahawa *the local people* dengan izin akan dibela, dan dipastikan untuk mereka jaminan kepada hak atau pun keupayaan mereka untuk bersaing itu dapat dibantu oleh kerajaan.

Oleh sebab itu, dari keseluruhan kita mengatakan bahawa mereka menyokong pindaan ini. Kita perlu melihat bagaimana kita mengawal selia. Daripada segi pengawalseliaan, kalau kita melihat daripada segi amalan dunia, dengan kita memasuki perjanjian di persada dunia maka saya katakan tadi, siapa-siapa yang belajar mengambil ijazah yang telah ditaniahkan di Malaysia dalam bidang kejuruteraan maka mereka akan diterima di mana-mana negara yang telah kita tandatangani perjanjian, termasuk United States. Walaupun dia belajar di sini, dia akan diterima sama. Cuma kalau hendak menjadi profesional, so *they have to go* ataupun mereka terpaksa melalui satu lagi proses. Bekerja tidak ada masalah. Sijil mereka diterima. *What do you call*, ijazah mereka akan diiktiraf oleh semua negara yang telah memasuki perjanjian dengan kita. Itu melalui Washington Accord, Dublin Accord dan sebagainya. Itu yang telah diterima di peringkat persada dunia.

Sekarang ini bagaimana kita – apabila kita terbuka, apa yang telah dipersetujui oleh *board of engineers* dan *practitioners* di negara kita ialah membuka secara berperingkat. Sebab itu dimulakan dengan 30%, sama ada nanti sampai ke 100% bergantung pada para *engineers* ini

dengan interaksi mereka, sama ada hendak buka penuh ataupun tidak. Itu yang dilakukan sekarang. 30% di mana mereka boleh membuat amalan kejuruteraan di Malaysia.

Akan tetapi dengan syarat untuk beramal di Malaysia, untuk mempunyai *practicing certificate*, mereka kena melalui satu proses lagi, iaitu mereka kena lulus untuk menjadi orang yang kompeten, beramal dengan kejuruteraan di Malaysia. Untuk menjadi orang yang kompeten, mereka terpaksa bekerja di Malaysia dahulu, setahun untuk *familiarize*, kemudian mereka akan di *interview*, kemudian *they have to sit for the exam*. *Exam* supaya mereka akan lulus. Adakah ini kita akan gunakan kaedah untuk mengawal, supaya siapa-siapa yang datang ke sini mereka akan layak seperti mana juga yang dilalui oleh *the local people*, dengan izin supaya bila mereka beramal, kita kena jaga dua perkara.

Lembaga Kejuruteraan Malaysia menjaga dua perkara. Satu, untuk menjaga keahlian dan kedua yang lebih utama, ialah memastikan amalan ini adalah untuk *protect* ataupun menjaga kepentingan negara kita dan keselamatan orang awam, bila mereka *sign*, *they sign as professional*, yang *qualified*, itu yang perlu kita pelihara. Amalan sekarang, seperti mana juga dikatakan Yang Berhormat Subang tadi, sudah ada *engineers practice* di sini, tapi bila dia datang, dia *practice* di sini, *local* yang akan *sign*. Bila *local sign*, maknanya *responsibilities and liabilities* tertanggung kepada *that person* yang *sign*, which mean *the local people*. Kita tidak dapat mengambil tindakan ke atas pihak luar. Sebab itu yang kita hendak melihat bahawa *might as well*, kita buat buka supaya kita boleh ambil tindakan kepada mereka yang sebenarnya *design*, tetapi tidak mahu *sign*.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** Ini kita kena jaga sebab tugas dan tanggungjawab kerajaan ialah menjaga kepentingan awam. Apabila mereka *sign*, kita hendak pastikan yang *sign* ini adalah *qualified people*. Kalau orang bersembunyi di belakang, ada nama dan sebagainya tidak semestinya dia *qualified*, mengetahui keadaan setempat. *Europe*, keadaan latar belakangnya berbeza. Mungkin kalau dia *design building* dalam tanah jenis paya gambut, dia tidak memahami konteks *the local context*. Jadi, ini kita kena lihat secara lebih luas dan memastikan bahawa jaminan adalah untuk menjaga keselamatan negara kita dari segi semua aspek, khususnya rakyat kita. Ya, sila.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya. Oleh sebab kita bertujuan untuk memberi peluang atau membuka pasaran ini kepada *professional engineer* atau *engineer-engineer* di luar sana, adakah kerajaan bercadang untuk melihat negara-negara mana yang dibenarkan untuk datang ke sini? Sebab saya percaya, tujuan kita buka ini ialah untuk kita dapat *the best practices*.

Jadi bila hendak mendapatkan *the best practices*, kita tidak boleh buka semua tempat. Kalau kita bagi orang yang negara mereka penarafan mereka ini lebih rendah daripada kita, saya takut suatu hari nanti mereka menggunakan kedudukan ini semata-mata kerana hendak *penetrate market* kita, and then kita except on that score. Saya minta.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof :** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita melihat tadi, *the engineering practices* ini di govern oleh Washington Accord, Dublin Accord dan *for the technologies* akan dikawal selia melalui Sydney Accord. Kalau kita merupakan *signatories* kepada *all the accords*, maknanya kita kena iktiraf apa-apa sahaja ijazah yang dikeluarkan dan diiktiraf oleh *all this three accords*, itu pertama. Kalau kita buka, apabila dia mengiktiraf ijazah kita, *our professionals*, mereka boleh bebas pergi ke mana-mana negara yang menjadi ahli tadi, maka kita kena buat yang sama, *it has to be in reciprocal arrangement*.

Apabila *reciprocal arrangement* seperti yang saya katakan tadi, bagaimana kita hendak memastikan bahawa sesiapa yang masuk ke negara kita mempunyai kelayakan secukupnya. Sebab itu dia kena melalui proses yang kita sediakan tadi. Kalau dia hendak jadi *signatories* ataupun dia jadi *individual engineers* yang *practice* di Malaysia, sebelum dia dapat *practicing certificate*, dia mesti ada pengalaman sekurang-kurangnya kerja setahun di Malaysia *to understand the local condition*.

#### ■1820

Kedua dia akan diinterview untuk memastikan bukan sahaja dikhuatirkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai bahawa dia memahami bahasa kita, budaya kita, negara kita. Ketiga, dia kena sit for exam untuk memastikan *they achieve the qualification* dan *requirement* yang kita tetapkan. Tidak kira dari mana negara dia, *as long as dia meet all these requirement* kriteria, kita kena accept. Otherwise kalau rakyat kita yang hendak pergi praktis di luar nanti mereka akan menghadapi masalah kalau kita menyekat mereka.

Oleh sebab itu kita standard itu adalah mesti sama, selari. Itu yang dikatakan *reciprocal arrangement*. Kedua kita melihat Yang Berhormat Bayan Baru dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kalau kita buka maka kita akan dimakan oleh negara-negara besar, gergasi.

Oleh sebab itu kalau kita katakan tadi pertama kita kawal dengan 30%. Siapa yang hendak praktis dia kena melalui *certain requirement* baru dia boleh pass. Ketiga, dari segi *emplacement* betul *Board of Engineers* mengatakan boleh kita buka 30% ini *not necessarily* kepada *engineer* yang ada PE. Dia boleh orang biasa pun boleh, *company* pun boleh pegang *share*. Akan tetapi kalau dia pegang *share* pun dia tidak boleh *submit document* dia perlukan *the qualify people* yang ada *practicing certificate* untuk *submit document*. So then kita *protect* dari segi perkara tersebut *protect*. Mengapa kita bukakan 30% untuk *shareholding*. Sekarang ini kita melihat sebagaimana dikatakan tadi ada *sold property ship*. Ada lebih kurang 1,000 kata Yang Berhormat Bayan Baru. Mereka ini mungkin dalam keadaan yang dia punya *capital* tidak cukup.

Kalau dia hendak bawa siapa-siapa untuk *invest* dalam syarikat dia maka dia boleh *invest* tetapi maksimum 30%. Sebanyak 30% ini untuk bantu dia supaya dia boleh buat perkara-perkara untuk membawa *engineering profiteer* itu pergi kepada satu tahap yang lebih dibantu oleh *not only overseas* tetapi *local people* pun boleh bantu. Mungkin ini yang kita hendak bantu sebenarnya *the local people, the small practitioners* yang mungkin tidak cukup *capital* tetapi dia boleh ambil *investors* sama ada dalam ataupun luar negara untuk *inject* dalam *business* dia. To

us untuk itu saya merasakan bahawa sebenarnya kita membantu untuk memberi peluang kepada engineers ini mendapat *capital*.

Kita kena melihat juga bila kita buka kita kena melihat bahawa bila kita buka sektor ini ada *opportunities* untuk mereka datang ke Malaysia melabur di Malaysia. Dengan itu FDI negara kita akan bertambah bukan sahaja FDI, bila mereka membuka syarikat-syarikat besar yang ternama buka datang Malaysia, mereka akan datang hanya bila ada projek yang mereka bawa pelaburan luar. Akan tetapi untuk mereka bersaing *they have to employ*, mereka kena mengambil pekerja-pekerja tempatan *in order to be competitive*. Kalau dia tidak ambil pekerja tempatan dia terpaksa bawa dari luar negara dan sebagainya *they'll be* dari segi gaji, dari segi kos penginapan dan sebagainya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pencelahan.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** So, ini semua sebenarnya telah diambil maklum ataupun diperincikan bila kita mengadakan siri dialog yang dikendalikan oleh *Board of Engineers* juga termasuk *the consultant engineers*. Mereka sendiri yang minta kita bukakan sektor ini bukannya kerajaan sebab ada permintaan daripada *the industry players* yang minta kita bukakan. Itu yang kita...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh pencelahan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi belakang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya tertarik tadi kalau kita buka *reciprocity as- you as a broker* amat baik kalau kita buat kita punya PE yang akan standard yang tinggi dan akhirnya orang datang ke sini. Timbal balik kita pun boleh hantar *engineer* kita *to work at administration level*. Saya difahamkan sebenarnya rakyat Malaysia di Malaysia ini *is artisan, where they've high quality and must be demanded actually worldwide*. Jadi kalau ada PE ini bagus cuma saya tidak bimbang sangat kalau kita buka dan akhirnya *provision* kita *can compete the level. I'm sure on that*. Cuma saya kata kita kena banyakkan lagi ramai yang *qualify to PE*.

Kalau boleh saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang kita boleh buat untuk *facilitate* pemudah cara, supaya lebih ramai PE kita dan akhirnya kita boleh eksport kita punya *resources* ini ke luar negeri *as same time* timbal balik. Kita juga akan menjadi *source of pull factor* orang asing pun datang hendak melabur dekat kita. Kita *increasekan service* punya industri *not only domestic also at international level*. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Menteri, terima kasih penerangan yang baik. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita pun tahu bahawa liberalisasi akan sampai pada satu hari cuma kita kena ambil peringkat-peringkat *make sure that the protection safety net* itu ada. Saya ambil contoh apa yang berlaku kepada *accounting industry* apabila kita buka *accounting firm Big Four* dia

masuk dan akhirnya *accounting-accounting firm* yang *so profiteers* semuanya tutup. Dia banyak yang tutup dan sekarang apa yang berlaku adalah yang *accountant* dia buat apa, dia kerja dengan *Big Four* lepas itu dia hantar ke Australia untuk kerja di Australia dan sebagainya. *We are proud to be Malaysian, Malaysian* memang hebat dia boleh kerja di mana-mana.

Walau bagaimanapun *mum and ... shop* yang dahulu *so profiteer* dia boleh *handle the entire family or four, five*, dia boleh sara hidupnya bergantung kepada *so profiteer* tersebut. Daripada sekarang *so profiteer* itu tidak ada lagi lah. Jadi semua *engineer* itu dia akan terpaksa kerja di tempat-tempat lain. Walaupun ya betul kita memang *world class* tetapi dia bukan *his own company*, dia *company Big Four*. *Company Big Four* itu dapat keuntungan daripada Malaysia, keuntungan tersebut hantar balik kepada UK dan Amerika Syarikat.

Ini yang masalah kita negara kekayaan negara sekarang diambil dan yang dapat keuntungan dalam negara-negara yang besar. Kita *continue to work the accountant will say work like slave forever for the Big Four*. Ini yang saya khuatir untuk Malaysia. Inilah yang kita harus – jadi saya minta Menteri kena adalah *some safety net* untuk *engineer-engineer* kita.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** Okey terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan dengan *safety net*. Seperti mana saya katakan tadi beberapa inisiatif dan sudah pasti kita akan mengambil semua pandangan ini. Lebih penting saya kira kita sudah pun mengadakan kaedah bagaimana kita hendak mengawal. Kalau mereka datang pun kalau mereka mendapat *business* di sini masih ada kaedah cukai dan sebagainya untuk kita melihat. Pada masa yang sama memberi peluang kepada rakyat kita untuk mendapat lebih banyak pekerjaan. Sebagaimana dikatakan tadi termasuk rakan-rakan yang lain dalam bidang *engineering architecture* dan juga QS rakyat Malaysia diiktiraf. Oleh sebab itu ramai yang bekerja di luar.

*To me, we should be proud*, kita sepatut bangga sebab kita diiktiraf di persada dunia. Cuma sekarang ini bagaimana yang semua Yang Berhormat katakan tadi termasuk Yang Berhormat Kota Tinggi. Apakah inisiatif kita sekarang ini untuk memberi kesedaran kepada rakyat kita yang mengambil jurusan *engineering* supaya berdaftar sebagai *graduate engineer*, supaya mengambil kursus sebagai profesional *engineers*. Ini yang patut kita katakan inisiatif dan kementerian kami akan mengambil maklum dan mencari kaedah bagaimana kita hendak buat program. Untuk memberi kesedaran penting yang mereka bukan sahaja mendapat ijazah tetapi menjadi *graduate engineers* dan seterusnya menjadi profesional *engineers*. Itu akan kita lakukan malahan kita bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran dan juga MOSTI untuk melihat bagaimana kita dapat bergerak bersama dalam kaedah ini.

Seterusnya ialah berkaitan dengan beberapa isu yang saya kira disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ini yang saya kira saya sudah jawab secara umum isu-isu penting. Ini sebab demi menjimatkan masa kalau saya diberi izin untuk menjawab secara bertulis, mananya yang saya tidak jawab secara khusus tetapi yang asas. Umum saya kira pada perkara ini yang perkara pokok sudah pun saya jawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey Yang Berhormat Menteri saya ada soalan khusus yang seperti apakah PE exam ada perubahankah?

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** Itu saya boleh jawab, sebenarnya ada jawapan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** Jawapannya *those* yang sudah ada PE dia tidak perlu *sit for test* lagi untuk mendapat *practicing certificate*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak payah?

### ■1830

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ini hanya untuk mereka yang baru hendak jadi *professional engineers*, so dia kena duduk peperiksaan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Extra exam.*

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang baru lulus.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Baru lulus?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Dia samalah BEM dengan IEM sama statusnya. *Those* yang sudah ada PE, dia tidak perlu lagi *sit for exam*. Cuma untuk orang baru yang belum ada PE. *Then, they have to sit for that particular test* termasuklah orang luar yang hendak masuk tadi hendak berlatih dengan kita *on top of* yang setahun sudah kerja sini *then they have to sit for the particular exam*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Practicing certificated*, bagaimana boleh dapat *practicing certificate*?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** *Yearly.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dia kena *sit for examkah* atau dia hanya *apply sahaja*?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** *They will apply.* *Then, those* yang sudah ada automatik akan dapat tetapi *they still have to apply yearly to make sure that they meet all the requirements* sahajalah. Macam *lawyers* jugalah, *lawyers you have to do that*. Maknanya *you renew yearly to make sure that you renew ada certain sahaja condition that you must submit* untuk *make sure that you fulfill all that conditions*. Misal kata *lawyers you have to submit your account, you have to submit all that lah, to make sure that* kita *protect* yang betul-betul *practitioner* ini memang berdaftar dan ada *qualification* dan mematuhi semua prasyarat yang telah ditetapkan di bawah *Board of Engineers. Thank you.*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih, minta pengesahan sahaja.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk yang *practicing certificate* itu, bila *graduate engineer* dia *apply*, berdaftar IEMBM, mereka terus dapat *certificate engineer? That is my question, one.*

*Second question*, bagi yang ada PE, adakah mereka akan *automatically granted* Ir. Status? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Bagi yang sudah ada *PE of course*, tetapi yang belum graduate engineers, *they have to sit for that testlah. Sit for the test, kalau dia pass, need all the criteria, only then they will be given the practicing certificate. Alright.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi, untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang mana saya tidak dapat jawab secara spesifik saya akan buat secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN) 2014

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 6.35 ptg

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 *[Akta 117]* dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, profesion arkitek adalah antara penyumbang utama dalam rantaian nilai industri pembinaan negara. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan bidang profesion ini memenuhi kehendak rakyat dan negara, beberapa pindaan perlu dibuat pada Akta Arkitek 1967 sedia ada.

Antara usaha memartabatkan profesion ini ialah untuk melaksanakan arahan, liberalisasi kerajaan supaya sektor seni bina dibuka untuk penyertaan dan penyediaan perkhidmatan oleh

perunding arkitek asing tanpa mengira kewarganegaraan. Maksudnya, arkitek-arkitek asing boleh menubuhkan syarikat-syarikat perunding arkitek, memiliki 100% ekuiti dan menduduki Lembaga Pengarah Syarikat tanpa sebarang sekatan kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pendaftaran tanpa mengira kewarganegaraan diperkenalkan, Lembaga Arkitek Malaysia sedar akan cabaran yang bakal dihadapi oleh para ahli profesion dan industri pembinaan. Untuk itu, Lembaga Arkitek Malaysia telah menetapkan bahawa hanya mereka yang memiliki kelulusan yang diiktiraf oleh Lembaga Arkitek Malaysia sahaja yang layak untuk berdaftar sebagai arkitek dan menjalankan perkhidmatan perundingan.

Kawalan seterusnya ialah bahawa pihak-pihak kesenibinaan asing yang ingin menjalankan perniagaan di Malaysia hendaklah mematuhi segala undang-undang tempatan yang berkaitan. Selain daripada komponen liberalisasi, pindaan juga disyorkan dalam RUU ini bagi mendaftar bidang baru berkaitan kesenibinaan iaitu graduan pereka dalaman, teknologi seni bina dan pemeriksaan tapak atau *inspector of works*.

Pewujudan pendaftaran bidang baru ini iaitu teknologi seni bina dan pemeriksa tapak sebagai komponen penting perkhidmatan sub sektor adalah untuk membantu para arkitek dalam pelaksanaan sesuatu projek pembinaan dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan. Skop kerja teknologi seni bina melibatkan penyelesaian dan teknologi bangunan dan pembinaan. Sementara pemeriksaan tapak, *inspector of works* adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kualiti kerja diselia dengan rapi dan bahan binaan yang digunakan adalah selaras dengan spesifikasi dan lukisan pembinaan.

Pengawalseliaan dan pendaftaran kedua-dua bidang ini adalah wajar bagi mengawal tindakan dan perlakuan mereka demi untuk melindungi keselamatan dan kepentingan orang awam. Pindaan-pindaan lain kepada Akta Arkitek 1967 melalui Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014 mempunyai tujuan seperti berikut:

- (i) menggantikan segala istilah profesional arkitek dengan istilah arkitek;
- (ii) meningkatkan fungsi-fungsi lembaga;
- (iii) mengenakan sekatan terhadap arkitek yang tidak berdaftar;
- (iv) mewujudkan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan *practice* perunding arkitek dan perkhidmatan perundingan seni bina;
- (v) membenarkan pendaftaran arkitek asing selaku perunding kepada projek yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan asing atau dilaksanakan di bawah apa-apa bentuk kerjasama dengan Kerajaan Malaysia; dan
- (vi) tidak meneruskan pendaftaran baru pelukis pelan bangunan mulai 1 Jun 2015.

Namun demikian, mana-mana pelukis pelan bangunan yang telah berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia atau telah dikeluarkan perakuan pendaftaran di bawah seksyen 22 pada atau sebelum 1 Jun 2015 atau telah membuat permohonan dengan Lembaga Arkitek Malaysia atau memperoleh perakuan pendaftaran di bawah sub seksyen

23(3)(4) pada atau sebelum 31 Disember 2015 bolehlah meneruskan praktis sebagai pelukis pelan bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Arkitek Malaysia bercadang untuk tidak meneruskan pendaftaran pelukis pelan bangunan mulai 1 Jun 2015 kerana teknologi bangunan pada masa kini adalah lebih kompleks dan memerlukan kapasiti serta kepakaran profesional yang lebih tinggi. Untuk makluman, komitmen serta liabiliti yang dipertanggungjawabkan terhadap orang utama yang mengemukakan pelan ataupun *principal submitting person*, adalah tinggi di bawah Sistem Perakuan Siap dan Pematuhan atau CCC.

#### ■1840

Ini memerlukan penglibatan seorang profesional yang telah berkelayakan dan kompeten demi melindungi keselamatan dan kepentingan orang awam.

- (vii) pindaan seterusnya ialah peningkatan penalti yang boleh dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib terhadap salah laku ahli-ahli yang berdaftar.
- (viii) memasukkan Bahagian VB dan VC baru melalui pindaan akta ini masing-masing teknologi seni bina dan pemeriksa tapak.
- (ix) pendaftaran graduan pereka dalaman supaya para graduan yang memiliki kelayakan reka bentuk dalaman diiktiraf sebagai graduan peringkat pertama yang menuju ke arah pendaftaran sebagai pereka dalaman yang bertaraf profesional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sejumlah 1,879 orang arkitek dan 1,949 orang arkitek graduan yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia. Selain itu, terdapat sebanyak 1,116 firma perseorangan, 244 firma pertubuhan perbadanan, 105 perkongsian serta 40 buah firma pertubuhan perbadanan pelbagai disiplin yang turut berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

Profesional Arkitek Malaysia telah berkembang pesat dan diberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Arkitek dari Malaysia telah dilantik menjadi Presiden *Union of International Architect* untuk sesi 2014 hingga 2017, mewakili lebih 130 perwakilan negara yang meliputi 1.3 juta bilangan arkitek berdaftar di seluruh dunia. Di peringkat Asia, sekali lagi profesion arkitek tempatan menunjukkan pencapaian yang cemerlang apabila seorang arkitek Malaysia dilantik sebagai *President Architect Regional Council of Asia* ataupun ACASIA, sebuah pertubuhan yang mewakili arkitek-arkitek dari 19 buah negara di rantau Asia. Peningkatan pengiktirafan negara luar terhadap arkitek Malaysia menunjukkan bahawa perkhidmatan arkitek Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha dirancang dan telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan daya saing ekonomi di peringkat global di samping menjaga kepentingan rakyat tempatan. Menyentuh liberalisasi persaingan sememangnya akan wujud, namun dalam

situasi masa kini para profesional sewajarnya bersedia menghadapi cabaran di mana jua berikutan pembukaan pasaran yang secara langsung memberi peluang saksama untuk persaingan sihat supaya produktiviti dipertingkatkan. Peminat teknologi hasil liberalisasi, saya yakin dapat meningkatkan penguasaan terhadap pengetahuan terkini di samping memperbanyakkan peluang pekerjaan dan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Kuala Kangsar, selepas itu menteri jawab.

#### 6.43 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya hujah ataupun perbahasan kali ini ada kesamaan dengan perbahasan yang terdahulu iaitu tentang *professional engineers*.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya perkhidmatan profesional asing hanya dibenarkan sekiranya kepakaran atau *expertise* tiada di sini seperti mana profesi guaman tetapi yang lebih khusus. Akan tetapi kita tahu bahawa profesi ataupun bidang pembinaan ini lebih luas dan juga lebih kompleks. Maka, dengan dunia yang lebih terbuka, dengan dasar AFTA di mana pada tahun depan akan terbukanya perkhidmatan di antara negara-negara ASEAN. Kita juga jangan lupa bahawa perkhidmatan untuk kita mengeksport perkhidmatan kita, kita boleh menumpang gergasi-gergasi tempatan. Sama ada daripada agensi dan juga pemaju-pemaju swasta yang mana para profesional boleh menjadi memberi perkhidmatan di luar daripada negara kita.

Cuma saya ingin menyentuh tentang dua perkara yang disebutkan iaitu seksyen yang menyentuh tentang *architectural technologies*. Maknanya, istilah *architectural technologies* ini. Apakah kelayakan dan juga pengalaman latar belakang mereka yang boleh meletakkan mereka sebagai *architectural technologies*. Oleh kerana nama itu pun *architectural technologies*, mungkin disalahgunakan ataupun diexploit oleh *architectural technologies* yang akan memberi perkhidmatan arkitek. Itu perkara yang ingin saya sentuh. Tidak bolehkah kita meletakkan *architectural technologies* itu sebagai *building technologies* (*architect/architecture* atau seni bina). Tidak ada kekeliruan sekiranya terdapat kumpulan ini cuma untuk memberi perkhidmatan arkitek kerana istilah yang lebih kurang sama.

Yang keduanya, tentang *inspector of works*, kalau dulunya disebut *clerk of works* yang mana kita tahu kebelakangan ini banyak di tapak-tapak pembinaan, kualiti pembinaan yang tidak

elok, isu-isu keselamatan. Saya harap *inspector of works* ini akan diberikan pendaftaran secara rasmi yang baru, perlu mengambil tanggungjawab ataupun mengambil liabiliti bersama supaya...

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Sila.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar, dari segi apa yang disebut tadi, *technologies* adalah satu aspek dari segi penyertaan. Akan tetapi apa yang kita faham, sebahagian daripada syarikat ini dibenarkan kepada bukan arkitek atau boleh dikatakan 30%. Siapakah yang akan dibenarkan menjadi pemegang saham kalau dibukakan kepada *non-architect* atau *non-profesional*. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar tentang liabiliti mereka sebagai *non-profesional* jika dibenarkan *non-profesional*. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi tentang *technologies*. Tentang pemegang ekuiti di dalam *architectural firm*, saya percaya oleh kerana profesion arkitek ini mengambil liabiliti tidak terhad. Maka, saya tidak bersetuju tentang kalau sekiranya ada pemegang ekuiti yang bukan daripada kalangan profesion itu sendiri. Itu pandangan peribadi saya, mungkin menteri boleh memberi pendekatan ataupun memberi peratusan sebanyak mana pemegang saham ataupun ekuiti di dalam firma-firma arkitek.

Sebelum tadi saya sentuh tentang *clerk of works*. Saya percaya sekiranya *clerk of works* ini ataupun *inspector of works* ini kalau diberi liabiliti atau mengambil tanggungjawab, saya percaya banyak kes di tapak dan kes-kes kemalangan di tapak kita akan lihat kes ini akan berkurangan. Kita akan lihat kualiti pembinaan dan keselamatan di tapak dapat terurus.

Akhir kata, saya hendak menyentuh tentang apa yang telah disebutkan dalam perbahasan tadi bahawa kita risau tentang penyertaan asing. Sebenarnya, mereka dah ada di sini secara terang atau secara gelap. Jadi, kita ingat perlu kita letakkan mereka sebagai *legal entity* supaya mereka mengambil tanggungjawab. Saya yakin dan percaya bahawa *safety net* yang kita adupun akan menjaga kepentingan para arkitek dan juga para jurutera. Ada lagi?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya ingin bertanya, kalau sudah ada satu entiti atau syarikat profesional arkitek asing ditubuhkan di sini dan kalau ada *joint venture*, siapakah yang akan menjadi pemegang liabiliti tentang tanggungjawab bangunan, *signatory to the building submission*? Kalau sekarang ini memang *clear*, hanya *local professional* yang tandatangan tetapi kalau sudah sedemikian rupa, kalau *JV basis*, adakah *on shared basis*? Bagaimana liabiliti boleh di *share* atau salah satu? Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih. Mungkin melalui pindaan arkitek ini, pihak kementerian dapat meletakkan bahawa

tanggungjawab, maknanya sekarang ini pihak profesional luar dapat bukan sahaja memberikan perkhidmatan tetapi juga mengambil tanggungjawab apabila mereka juga dibenarkan menjadi *submitting person* atau menjadi *submitting person* yang bertanggungjawab kepada projek itu. Jadi, saya ingat yang lain tentang perkongsian ataupun JV itu bergantung pada sesiapa yang akan mengesahkan ataupun mengemukakan pelan dan mengambil tanggungjawab itu. Namun, saya harap pindaan ini akan memberi keterbukaan dan juga *regulatory* yang lebih kemas tentang kualiti perkhidmatan arkitek dan juga profesion-profesional lain.

**■1850**

Saya juga harap bahawa dengan adanya ini kita dapat menyelaraskan supaya perunding-perunding asing tidak mengeksplot perunding-perunding tempatan di mana mereka datang secara besar dan...

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rompin bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak tanya sedikit. Ini Tuan Yang di-Pertua, isunya penting dan juga Yang Berhormat Kuala Terengganu. Arkitek mereka berdua ini. Adakah Persatuan Arkitek sudah beri pandangan ini apa yang dicadangkan. Yang saya risau, saya sebagai jurutera juga, adakah kita hendak benarkan *foreign* arkitek ini untuk *submit plan*? Kalau kita benarkan mereka *submit plan* bertaraf dengan kita, saya tidak tahu kebijaksanaan itu. Kalau kita hendak bagi dia pun tetapi dia *must submit through us*. Mengapa kita bagi orang luar sama taraf dengan kita? Saya tidak tahu apakah Persatuan Arkitek Malaysia ini? Dia sudah beri pandangan tentang perkara ini?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tentang *submitting person* itu saya pun kurang pasti. Mungkin pihak kementerian telah merujuk kepada pihak Lembaga Arkitek Malaysia yang mana kita harapkan supaya Yang Berhormat Menteri memberi jawapan yang jelas supaya perkara ini dapat kita mengawal tentang peranan mereka di sini. Jadi, akhir kata saya dengan ini menyokong...

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bertanya sebab saya nampak di negara-negara lain, dia tidak benarkan arkitek luar ini. Macam di Amerika, di Australia, yang di luar dia tidak bagi satu pertimbangan yang sama dengan kita yang tempatan ini. Jadi saya risau Yang Berhormat Menteri, sama ada ada perbincangan yang dibuat ini, timbul nanti esok *two fees* pula. Yang tempatan *different fee* kerana apa, dia ini 'mat saleh' lah, gajinya tinggilah, *local* gaji rendah. Lama esok timbul *two different levels of fee* pula dan mengapa perlu kita buka ini? Adakah perlu kita buka luas-luas domestik? Di pasaran mereka, dia tidak benar kepada kita, yang kita ini tidak ada satu sebab mengapa kita buka. Saya ingat Yang Berhormat Menteri kena tegas sedikit. Jangan mereka tekan kita, kita mesti buka. Sebab apa domestik ini

*based market* kita. Itu saya minta pandangan adakah Yang Berhormat Kuala Kangsar setuju atau Yang Berhormat...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya setuju sangat khususnya tentang sikap pemilik ataupun pemaju kita yang kadangkala menggunakan ataupun mengagungkan perunding luar dan memberi *fee* yang lebih tinggi. Apabila mereka bekerjasama dengan kita, kita telah dieksplot dari segi skop kerja dan juga nilai *fee* yang dikenakan. Jadi saya harap pihak kementerian...

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** ...Saya yakin pihak kementerian telah berunding dengan pihak Lembaga Arkitek dan saya mohon supaya perkara ini dapat diberi pertimbangan yang serius. Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih. Saya ingin tanya juga sama dengan Yang Berhormat Rompin kerana saya rasa sekarang ini dari segi *form of control* memang betullah sepatutnya kita *should be in control* dengan izin kerana kita walau bagaimanapun akan menjadi *the liable person* walaupun sebenar atau dari segi *perception*. Maksudnya kalau ada apa-apa *accident* atau keruntuhan, orang akan memandang *local consultant* dahulu dan apa yang kita bimbang di sini kalau *foreign consultant* boleh masuk bagaimana kerajaan akan *regain* kerugian dari segi liabiliti kerana mereka *free to move in and out*. Seperti Yang Berhormat Rompin katakan tadi di negara lain kita mungkin akan menghadapi banyak masalah untuk praktis di sana kerana mereka tidak memberi satu taraf yang sama. Jadi kalau mereka hendak kita buka lapangan kita kepada mereka *must be level playing field both ways*. Saya rasa itulah sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penerangan yang sejelas-jelasnya dan akhir sekali tentang kaitan yang telah disentuh tadi tentang *unlimited liabilities* saya mohon pihak kementerian dan juga Lembaga Arkitek Malaysia mengkaji semula untuk mengurangkan liabiliti, *unlimited liability* kerana sekarang bahawa *submitting person is liable unlimited* dari segi *unlimited in perpetuity* yang kita bertanggungjawab tentang apa yang kita kemukakan. Jadi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 6.55 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemungkinan kebetulan untuk perbahasan ini ada dua Kuala dan dua-dua arkitek yang terlibat dalam perbahasan disokong oleh Yang Berhormat Rompin. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tuan Pengerusi pun Kuala juga. Sila.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ya lah dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kuala Krau. Betullah itu.

Jadi, terima kasih. Sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semua, sepertimana yang saya katakan tadi untuk pembukaan ataupun untuk kita *liberal* kan *the professional services* ini dengan izin adalah secara berperingkat. Mula diperkenalkan 2012 keputusan kabinet lebih awal daripada itu bukan disebabkan tekanan tapi lebih kepada melihat kepada suasana global.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]*

Untuk memberi peluang juga kepada *practitioners* kita yang sebenarnya banyak pergi keluar negara dan membuat *practice* dan sebab itu *the practice* yang peringkat *international* sekalipun arkitek kita sudah diiktiraf. Sepertimana saya katakan dalam pembukaan tadi ada yang sudah menjadi presiden di peringkat dunia dan peringkat Asia pun *we are the lead* dalam peringkat Asia. Berkaitan dengan ekuiti syarikat asing hanya dibenarkan 30% dan untuk arkitek berlainan dengan *engineers* dia tidak buka kepada semua orang. Hanya mereka yang mempunyai kelayakan di *home country* boleh mohon untuk menjadi rakan kongsi dan *practitioners* di Malaysia. Itu pun mereka kena menduduki satu kaedah seperti mana *engineers* tadi *they have to seat for the qualification*, lulus dan mengetahui semua baru mereka boleh menjadi *a practitioners* di Malaysia. Maknanya *quite stringent* dari segi proses dan prosedur.

Yang menjadi kekangan termasuklah arkitek kita bila hendak keluar negara ialah bila kita *sit* untuk *exam* di peringkat luar negara, kita tidak *familiar* dengan *the local laws*, *the local practices* dan sebagainya. Itu menyebabkan kadang-kadang tidak ramai yang hendak pergi *practice* di luar. Akan tetapi sebaliknya sama jugalah apatah lagi di Malaysia untuk arkitek sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar *for architect* di Malaysia *it is unlimited liabilities*. Kalau kita *sign*, kita sepanjang hidup termasuklah sehingga kita meninggal pun waris-waris kita masih bertanggungan kepada apa yang kita *sign*, *design* kita tersebut. Oleh sebab itu tidak ramai yang mahu datang ke Malaysia menjadi *signatories*. Itu yang saya nampak. Kalau dari segi *context competitiveness* sebab di Singapura dan di Australia pun sudah ada had dari segi *liabilities signatories* ataupun arkitek yang *sign*, liabiliti dia mungkin terhad kepada 15 tahun dan sebagainya. Itu yang diminta oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar sama ada di Malaysia kita boleh ikut standard antarabangsa *to limit liabilities* yang ditanggung oleh arkitek.

Akan tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, di bawah perundangan ini kita melihat dua. Satu, untuk menjamin bahawa kebajikan *the professional* akan terpelihara. Yang kedua ialah untuk memastikan bahawa *the public interest*, keselamatan publik dari segi *design* adalah terpelihara juga. Ini yang kita hendak imbangi dan dalam perimbangan itu sudah pasti Lembaga Arkitek Malaysia sudah pun mengambil secara dalam semua input yang telah diberikan.

Untuk rang undang-undang ini untuk makluman Yang Berhormat Rompin daripada 2012 sehingga 2014 kita telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan semua *the practitioners* termasuk juga yang dianjurkan sendiri oleh Pertubuhan Arkitek. Daripada 18 Januari 2014 dan 2013 dahulu banyak mereka sudah buat dan mereka sendiri menyokong. Oleh sebab itu dia tidak buka penuh. Dia bukakan hanya *certain percentage*. Kalau tidak pun masalah yang kita hadapi sekarang ini banyak bangunan terutamanya di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar besar di Malaysia, dia menggunakan jenama *design* daripada luar negara tetapi yang *submitting person* ialah *the local*. Ini yang kita akan timbul konflik tadi. Bila timbul *liability design* yang tidak *comply to the standard*, siapa yang hendak di saman? Dalam undang-undang kita *the submitting person* inilah yang bertanggungjawab dan *liable* kepada apa yang di *submit*.

#### ■1900

Walhal yang buat *design* sebenarnya dia *collaborate* dengan *international bodies* tapi kita tak boleh ambil tindakan ke atas mereka. Dengan kita buka ini dan membenarkan mereka *sign*, *at least* kita boleh pergi kepada syarikat luar sekali pun kalau dia menggunakan nama dia untuk *sign* dan *submit*. Kita ada lebih banyak *avenue* untuk pelanggan-pelanggan ataupun *the stakeholders*, pembeli-pembeli untuk mengambil tindakan ke atas *negligence the professional bodies* ini. Itu yang kita lihat.

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Menteri, saya tak tahuhah mungkin arkitek berdua, saya rasa *professional men* jugalah, betul elok kita minta dia, masalah dia *by pass* tempatan, *why don't you do joint* sebab kalau dia boleh, sekarang ini dia orang kata *design* luar negara, dia boleh datang ke mari mencari kita, bermakna *submit* dengan kita. Akan tetapi kalau dia boleh *submit* sendiri, *there's no need for local professionals*. So saya nampak bahawa ada orang kata berbahayanya kalau kita biar. Mengapa tidak buat *joint submission*?

**Datuk Fadillah bin Yusof:** Mungkin untuk makluman Yang Berhormat Rompin, kalau daripada luar pun dia tak boleh buka sendiri. *They have to only by 30% equity* dengan *local*. So *that is other protection* yang kita buat. Okey? So saya kira saya dah *cover* keseluruhan apa yang dibangkitkan. Mungkin ada perkara-perkara termasuklah yang mungkin saya tak dapat jawab secara lisan, saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Kuala Terengganu pun kalau ada, saya akan berikan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG JRUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2014

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 7.04 mlm.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Juruukur Bahan 1967 (Akta 487) dibacakan bagi kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Fadillah bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak pengubalan dan penguatkuasaannya pada tahun 1972, Akta Juruukur Bahan 1967 telah dipinda sebanyak lapan kali bagi mengambil perubahan kursus yang berlaku dalam bidang kerja dan keperluan semasa persekitaran. Pindaan pada kali ini adalah bagi menyahut seruan kerajaan untuk membuka sub sektor perkhidmatan selaras dengan proses liberalisasi perkhidmatan di samping memperkuuhkan profesi juruukur bahan tempatan agar boleh bersaing dengan juruukur bahan asing.

Selain daripada itu, pindaan pada akta ini juga dapat mempertingkatkan kualiti profesional serta memaparkan standard profesionalisme sejajar dengan kemajuan negara dan keperluan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, skop cadangan pindaan kepada akta ini secara khusus menyentuh:

- (i) pengiktirafan kelayakan, pengalaman dan juga pendaftaran seorang juruukur bahan tanpa mengambil kira kewarganegaraan;
- (ii) kelayakan pendaftaran syarikat juruukur bahan tanpa sekatan daripada segi kewarganegaraan bagi aspek pemilikan ekuiti dan dalam keanggotaan pengarah syarikat; dan
- (iii) penambahbaikan prosedur bagi pendaftaran juruukur bahan.

Tuan Yang di-Pertua, profesi ukur bahan menyediakan perkhidmatan yang amat penting dalam industri pembinaan terutamanya daripada segi pengurusan kos projek. Di Malaysia, khidmat juruukur bahan terpakai dalam banyak bidang. Ini termasuk dalam bidang perbankan negara di mana hampir kesemua bank menggunakan khidmat juruukur bahan bagi meneliti *viability project* daripada segi sudut ekonomi dan nilai kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keperluan liberalisasi, subseksyen 10(3) Akta Juruukur Bahan yang sebelum ini menetapkan bahawa hanya rakyat Malaysia atau pemastautin tetap dengan izin, *permanent resident* adalah layak untuk didaftarkan sebagai graduan juruukur. Dipinda melalui pindaan ini yang mana seorang individu yang punya pengalaman praktikal seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan bermastautin ataupun *resident* dengan izin, serta lulus semua peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia layak untuk berdaftar sebagai juruukur bahan. Ini bermaksud bahawa isu kerakyatan tidak lagi dipersoalkan dalam pendaftaran juruukur bahan.

Seterusnya pindaan pertama yang mendapat perhatian ialah berhubung isu *Test of Professional Competent* ataupun singkatannya TPC. Pada amalan sekarang, tidak ada perbezaan antara juruukur bahan yang hanya ingin meneruskan kerjaya dan mereka yang ingin menubuahkan syarikat. Kedua-dua pihak perlu menjalani *Test of Professional Competent* yang dikendalikan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai asas untuk pendaftaran. Ini sebenarnya membebankan mereka yang tidak berhasrat untuk menubuahkan syarikat tetapi melalui pindaan yang disyorkan, bahawa hanya mereka yang ingin menubuahkan syarikat selaku perunding juruukur bahan sahaja dikehendaki menduduki dan lulus tahap seterusnya dalam peperiksaan TPC. Keistimewaan ialah komponen peperiksaan TPC turut melibatkan komponen temu duga profesional yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Ukur Bahan.

Untuk makluman, sukanan peperiksaan tersebut melibatkan amalan-amalan profesional tempatan dan undang-undang perniagaan di Malaysia. Pindaan selanjutnya ialah seksyen 7 yang membenarkan seseorang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bagi menggunakan *prefix 'Sr'* bermaksud *surveyor* untuk juruukur bahan dan *postfix 'CQS'* untuk perunding juruukur bahan dan '*PQS*' untuk juruukur bahan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memartabatkan profesion juruukur bahan, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sentiasa meneliti kandungan kursus yang dikendalikan oleh universiti-universiti tempatan dan luar negara yang melibatkan profesion ini. Bagi mengakreditasikan kursus berkaitan, peruntukan diadakan di bawah seksyen 10A untuk mendaftar graduan berkaitan sebagai *technologist* juruukur bahan. Dari segi bidang tugas, graduan dalam program ini membantu kerja-kerja ukur bahan. Peruntukan pindaan ini juga akan memberikan laluan yang bersesuaian kepada graduan terlibat untuk menaiktarafkan pendaftaran profesional mereka ke peringkat seterusnya dengan LJBM.

Bagi tujuan meningkatkan kredibiliti profesion ukur bahan, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia melalui pindaan akta ini memasukkan peruntukan baru bahagian 111A yang bertujuan untuk memperuntukkan kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan Malaysia untuk melantik jawatankuasa tatatertib dan panel penyelesaian pertikaian. Selama ini, urusan tatatertib dikendalikan oleh Lembaga sendiri dengan kuorum tidak kurang daripada 11 ahli. Akan tetapi melalui cadangan pindaan akta, Lembaga boleh melantik sebuah jawatankuasa disiplin tatatertib yang terdiri daripada tiga ahli yang mempunyai peranan khusus untuk membicarakan perlakuan profesional dan etika.

Seterusnya, cadangan pindaan akta juga membolehkan Lembaga menubuhkan panel penyelesaian pertikaian bagi mendengar pertikaian-pertikaian di luar bidang kuasa jawatankuasa tatatertib.

#### ■1910

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan juruukur bahan berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan keluaran dalam negara kasar per kapita berikutan perkembangan industri pembinaan. Oleh itu, kawalan mutu profesion ini perlu dijalankan dengan rapi dan teratur supaya keupayaan bersaing juruukur bahan tempatan tidak dikompromi sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada ketika ini terdapat 304 firma juru ukur bahan perunding dan 15 firma perunding multi disiplin yang aktif berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Perincian mengikut pendaftaran individu pula menunjukkan 1,026 berstatus aktif sebagai juruukur bahan berdaftar, manakala 1,446 lagi aktif sebagai juruukur bahan siswazah berdaftar. Kini mereka berada dalam proses melengkapkan prosedur untuk dinaiktarafkan sebagai juruukur bahan berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa, juru ukur bahan Malaysia terlibat dengan projek-projek terkemuka yang merupakan mercu tanda di negara terlibat. Antaranya ialah:

- (i) *Alfaisal University Campus Development Project Phase 1 and 2* di Riyadh;
- (ii) *IKEA Distribution Centre of Fengxian and Songjiang, Shanghai, China*;
- (iii) *Haramain High Speed Rail Segment C Jeddah-Madinah Phase 1* iaitu berkaitan dengan *civil works*;
- (iv) *Tralee Town Centre Development, Ireland*;
- (v) pembinaan bangunan kanseleri dan kediaman rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Moscow;
- (vi) Micasa Yangon, *Myanmar*; dan
- (vii) *Residential Development of Maputo, Mozambique, Africa*.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat juga juru ukur bahan tempatan yang dilantik ke badan-badan tertinggi *fraternity* juruukur bahan bagi memegang jawatan tertinggi seperti dalam *The Pacific Association of Quantity Surveyors* (PAQS) serta dalam *The Royal Institution of Chartered Surveyors* (RICS) yang berpangkalan di United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, profesion juruukur bahan memainkan peranan utama dan memikul beban tanggungjawab tinggi dalam industri pembinaan dan pindaan kepada akta ini adalah wajar memandangkan perubahan yang berlaku dalam persekitaran pembinaan di dalam dan luar negara.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2014 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Juruukur Bahan 1967 dibacakan untuk kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang tiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2014

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**7.15 m.m.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua yang saya kasih, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah akta mengenai saraan Ahli Parlimen (Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, anggota pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara berkaitan dengannya).

Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 3 dan 4 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi menyemak semula saraan Ahli-ahli Parlimen (Ahli Dewan Negara dan Ahli

Dewan Rakyat, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat) berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1(1) dan (2) rang undang-undang adalah mengenai nama rang undang-undang yang dipinda iaitu Akta Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2014 dan tarikh berkuat kuasanya iaitu pada 1 Januari 2015.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 3 Akta Ibu. Fasal 2(a) mencadangkan gaji bulanan bagi Ahli Dewan Negara disemak daripada RM4,112.79 kepada RM7,000 sebulan. Fasal 2(b) mencadangkan elaun Ahli Dewan Rakyat disemak daripada RM6,508.59 kepada RM11,000 sebulan.

Fasal 3 rang undang-undang bertujuan meminda seksyen 4 Akta Ibu iaitu mengenai gaji Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Fasal 3(a) mencadangkan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM14,907.20 kepada RM20,000 sebulan. Manakala fasal 3(b) pula mencadangkan gaji Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM10,847.65 kepada RM16,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji dan elaun bulanan itu kena dibayar iaitu dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015. Semakan semula elaun dan gaji bulanan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kerajaan sebanyak RM14,751,981.36 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

## 7.20 mIm

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Apabila rang undang-undang ini dikemukakan semalam. Selepas saya membaca, bukan kali pertama, beberapa tahun dahulu apabila membuat pindaan. Saya ingin merujuk kepada satu *schedule* yang mana tidak seimbang dengan akta *pension*. Saya teringin untuk memberi satu notis meminda, tetapi saya berpendapat bahawa lebih baik saya berhujah di sini sedikit untuk memberi perhatian kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri supaya tindakan diambil dalam hal ini. Saya merujuk kepada *schedule paragraph 8(4)* dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya baca.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Notwithstanding subparagraph (1), if a widow or widower was married to a person after that person has ceased to be a Member and only if the marriage was contracted within twelve and a half years of his last ceasing to be a Member, the widow or the widower, as the case may be, shall be entitled to only a derivative pension under the provisions of paragraph 6 for the remaining portion of the twelve and a half year period mentioned therein and shall not be entitled to a derivative pension thereafter.*

Nombor satu Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bahasa lama. *The whole paragraph takes a long time to understand.* Nombor dua, dibuat pada tahun 1959. *Many things have already all taken, Pension Acts, konvensyen-konvensyen dunia dan akta-akta sesama di dunia yang lain. How it affect kita?* Kalau macam saya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sudah bersara 12 tahun setengah. Saya berkahwin pada 12 tahun selepas saya bersara *and if I die the next day, saya punya wife only entitle six months of the pension. There is nowhere, anywhere unfair other than this one.* Saya sebenarnya hendak bawa perkara ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri secara – saya cari Yang Berhormat Menteri tidak ada di sana *just now.* So I hope, mungkin saya tidak dapat satu jawapan tetapi tidak kisah. Saya harap tindakan susulan diambil dan saya akan menulis kepada Yang Berhormat Menteri untuk ambil tindakan.

Saya telah terima satu e-mel Tuan Yang di-Pertua hari ini daripada seorang Ahli Parlimen sebelum ini. Ini yang dia kata kepada saya, dengan izin *"The section means that should a member contract a marriage within 12 and a half years of his last ceasing to be a member and upon his demise the spouse should be entitled to derivative pension of the remaining portion of the 12 and a half years period mentioned therein and shall not be entitled to derive any pension thereafter. In the modern age and time when family unit is so important, it is imperative that provisions were made for the widow widower and children to provide for. Imagine the outcry from women NGOs and the like. Furthermore, MPs political life is for one election to another unlike civil servants who's standing out is lifelong. They have sacrificed to enter uncertain things of active political life and interest and the loved ones should be protected and seriously guarded. This will also invite further Members of Parliament to enter the realm of politics should they find enough safeguards, whatever".*

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini dia bersara dan selepas *12 and a half years* baru dia kahwin. Dia tidak kahwin semasa dia menjadi Ahli Parlimen. So, *it is a great lost and he got very young children.* So I think bila, saya tidak *question about quantum, I am not interested in quantum* tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil iktibar, *take notice* kepada apa yang saya kata supaya *to be fair* kepada semua dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja, *thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

#### 7.24 mlm.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk membahaskan tentang – dia kena *slow* sedikit, saya

serius. Biasanya laju - Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014. Saya mengucapkan tahniah dan bersyukur kerana ada ruang untuk mengkaji semakan ini. Namun yang jelas ialah semakan ini juga harus dimengertikan tentang kerangka itu sendiri. Ahli Parlimen ini tidak tertakluk kepada Jabatan Perkhidmatan awam (JPA) dan tidak boleh dibandingkan dengan penjawat awam sebab Ahli Parlimen ini diletakkan dalam kuasa Eksekutif. [Tepuk]

Saya agak terkeliru apabila kita hendak dibandingkan dengan JUSA dan sebagainya. Nisbahnya begini. JUSA ada peningkatan setiap tahun, manakala Ahli Parlimen atas pindaan yang berdiri di atas Akta Parlimen dan ia tidak boleh dicedok ataupun dibandingkan. Apabila melihat kepada persaraan itu dilaksanakan semenjak ia diperkenalkan dalam Dewan ini, ia berdiri atas sendiri. Ia tidak boleh dikatakan kenaikan. Ia dikategorikan sebagai semakan.

Maka dengan demikian, saya ingin merujuk kepada dasar *strengthen*, kekuatan Ahli Parlimen itu sendiri. Apabila saya melihat cadangan yang hendak dibawa dalam Kertas 1164 tahun 2014 ini, memberi satu ruang untuk saya berfikir. Di luar sana saya bercakap tentang hak pekerja. Dalam Dewan ini, saya menyepi dan tidak adil bagi saya untuk menyepi disebabkan oleh Ahli Parlimen juga adalah pekerja kepada rakyat. [Tepuk] Mereka bekerja Tuan Yang di-Pertua, mereka bekerja 24 jam. Majikan mereka ialah rakyat. Tatkala banjir pada waktu 2 pagi, mereka terpaksa bergelut untuk pergi ke tempat banjir. [Tepuk] Bilamana berlaku kematian, mereka dengan tidak berlengah waktu untuk memastikan mereka berada di sana. Rakyat, siang malam pagi petang menunggu di rumah sehingga ke pukul 3 pagi. Ini satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah sekejap.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah definisi Yang Berhormat itu, tugas Speaker terkeluar sebagai Ahli Parlimen? [Ketawa]

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya melihat daripada kesabaran, deskripsi *valuation* daripada kerja yang telah dilakukan oleh Speaker lagi bertambah berat.[Ketawa] Dengan kesabaran dan ketabahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini merangkumi semua sebab kita membuat dasar. Kita bukan mengamalkan dasar, kita membuat dasar. Jadi, bilamana saya melihat daripada *job evaluation*, dengan izin penilaian kerja daripada spesifikasi kerja itu sendiri, adakah kita ini layak digelar sama dengan JUSA? Sebab itu saya menentang keras apabila di luar sana mengatakan bahawa *percentage* kenaikan itu perlu diberikan perhatian. Sebenarnya kita bukan dalam *percentage*, Tuan Yang di-Pertua. Kita adalah semakan.

Maka yang sedemikian, apabila saya meneliti lagi daripada kertas interpretasi daripada detil atas Kertas 1164 ini, memberikan saya ruang untuk berhujah lebih daripada sifat daripada kategori-kategori yang termaktub dalam kertas ini. Sebagai pemandu, sebagai contoh, dengan semakan RM1,500, pemandu kita bekerja 24 jam Tuan Yang di-Pertua. Apakah ini tidak boleh kita katakan bahawa mereka juga menjadi pekerja kepada rakyat? Sebab kita bekerja, majikan kita ialah rakyat. Begitu juga dengan apabila saya membuat lawatan di Thailand, Indonesia,

Singapura, mereka ada *researcher*, mereka ada PA, mereka ada pemandu yang dibayar gaji sesuai dengan tugas-tugas mereka.

Apabila kita mengatakan berlaku adil kepada semua, Ahli Parlimen juga perlu berlaku adil dan kita tidak boleh dipinggirkan. Apakah kita pembuat dasar ini boleh dipinggirkan? Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Maka yang demikian, saya memohon supaya kementerian, Menteri Parlimen, Menteri Kewangan untuk mengkaji semula semakan ini dan berlaku adil kepada kami. [Tepuk] Mana mungkin Tuan Yang di-Pertua, kita bermain bola di dalam liga, liga perdana dan penggajian kita dibayar liga divisyen dua. [Dewan riuh] Sedangkan... [Disampuk] tiga.

Tuan Yang di-Pertua, ini kena berlaku adil. Apabila negeri itu tidak cukup tabungan mereka, persekutuan dengan segera memberikan suntikan. Tatkala Persekutuan mengharapkan keadilan, negeri telah pun menaikkan penggajian mereka ataupun semakan mereka itu dibuat. Tatkala kita bergelut dengan keadaan sara hidup yang begitu kritikal, negeri telah pun membuat semakan dengan melonjak sebegini jauh dan kita sebagai Ahli Parlimen diletakan para dua, kategori dua.

#### ■1930

Maka saya melihat di sini tidak berlaku keseimbangan di antara negeri dan juga Persekutuan. Maka saya mengambil pendekatan untuk berlaku adil kepada Ahli-ahli Parlimen yang mulia ini, saya mohon mencadangkan melebihi daripada yang diterima oleh negeri sebagaimana negeri Sarawak sebagai contoh. [Tepuk] Sebanyak RM15,000 allowance sebulan mereka, mana mungkin kita mendapat RM11,000 ke bawah, sebanyak RM4,000 perbezaannya. Itu pandangan saya. Ini mewakili semua Ahli Parlimen yang bersetuju, terpulang. [Tepuk] Akan tetapi saya mencadangkan semakan semula ini perlu dibuat atas keadilan kepada kami.

Saya percaya dan yakin Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memahami di atas sikap kedudukan kami Ahli-ahli Parlimen ini yang tidak boleh terima hakikat bahawa negeri itu dilonjakkan tarafnya lebih tinggi daripada Parlimen. Maka oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan semakan itu dibuat semula melebihi negeri yang berada dalam seluruh negara walaupun dalam memperbandingkan di negara Thailand, Indonesia dan juga *Singapore* begitu jauh ke belakang tetapi kita boleh terima lagi kalau *division* kita ini tidak kita kurangkan tarafnya sekurang-kurangnya ada maruah kepimpinan Parlimen itu sendiri. [Tepuk]

Jadi saya mengambil pendekatan supaya ini harus dan wajib. Ya, Yang Berhormat Baling ada apa-apa? [Ketawa]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak ada apa-apa.  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat jangan ganggu. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling ini, Yang Berhormat Baling ini.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Jadi saya sebagai pembuat dasar, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua sendiri, mana mungkin Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang saya baca ini memberikan satu anjakan fikiran ke depan, apakah taraf Tuan Yang di-Pertua sebegini? Saya minta maaf Yang Berhormat Timbalan Speaker sebegini.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Ketawa]* Boleh? Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat yang lain diam kerana kalau tidak diam, saya suruh Yang Berhormat Kuala Langat berhujah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Apa dia? Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus satu dua jam pun tidak mengapa, saya suka dengar.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Pendang minta laluan boleh Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Pendang minta laluan, boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh silakan.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sikit, saya hendak tanya saja. Apakah Yang Berhormat bercadang kita hendak suruh minta tangguh dulu bil ini? Itu saja soalan saya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua peraturan sebelum ini saya tidak dapat selami tetapi apa yang saya cadangkan ialah bil ini dipersetujui dengan pindaan semakan. *[Dewan riuh]* Bill ini kita setuju tetapi perlu diambil tindakan kaji semakan termasuk pemandu-pemandu, termasuk researcher dan juga pejabat-pejabat ataupun yang sewaktu dengannya. *[Dewan riuh]* Ini kalau boleh dilaksanakan, sebab apa Tuan Yang di-Pertua, saya pulang kembali pada tahun 2008, apabila saya mengetahui ada bekas-bekas Ahli Parlimen dalam negara ini selepas bersara, bawa teksi Tuan Yang di-Pertua. Malah apa yang mendukacitakan saya adanya jual pisang goreng di Johor, Oh! Dahsyat!. *[Ketawa]*

Apakah kita ini bila mana kita sudah bersara, kita dianggap sebagai orang yang berhak untuk mendapat BR1M? Apakah itu yang kita kategorikan sebagai pembuat dasar?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Cuti tiga bulan bawa teksi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Setuju, itu sebab Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil pendekatan bersetuju dengan bill ini tetapi memohon semakan kajian semula dari segi *job evaluation* dengan izin penilaian kerja yang membolehkan ia dibuat pindaan atas semakan ini. Oleh sebab itu saya yakin konsep kita, kalau kita pemain liga perdana, kita kena ambil taraf liga perdana. Jangan letak kita *division* dua atau tiga sebab ini tidak adil bagi kita untuk mendapatkan hasil tenaga yang telah kita sumbangkan bermaksud ini adalah masa depan kami semua. Saya melihat kalau semakan itu dibuat, sebab saya tidak pernah menggunakan kenaikan, sebab kita tidak layak dikatakan kenaikan, kita adalah semakan atas Akta Parlimen itu sendiri.

Maka demikian, saya memohon supaya pemberian atas semakan ini wajib melebihi negeri-negeri dan ia mesti rasional dan relevan dengan keadaan ekonomi sekarang dalam

keadaan sara kos hidup sekarang, dengan rakyat yang menunggu kita di belakang memohon supaya mereka juga dibantu atas hasil semakan ini. Maka oleh yang demikian atas sikap bil ini dibuat atas tajuk akta ini dinamakan Akta Ahli Parliment (Saraan) (Pindaan) 2014, saya memohon supaya dipertimbangkan atas saraan ini untuk dikaji semula atas semakan dan tolonglah beri kami *return* atau pun pemberian faedah yang adil dan diterima atas deskripsi kerja kami sebagai Ahli Parliment, Tuan Yang di-Pertua yang mulia terima kasih banyak-banyak. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kalau dipersetujui oleh semua, saya akan benarkan seorang Yang Berhormat Kinabatangan berhujah. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Saya berdiri di sini untuk menyokong hujah rakan saya Yang Berhormat Kuala Langat. [Tepuk] Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, balik kawasan kita berjumpa dengan rakyat. Dalam Dewan bekerja sampai jauh malam termasuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mencadangkan juga gaji, elauan Tuan Yang di-Pertua harus direward dengan seadil-adilnya.

**Seorang Ahli:** Wajib.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Wajib. Tuan Yang di-Pertua walaupun dia marah-marah, dia bertugas dengan baik, dengan adil. [Tepuk] Saya duduk di Dewan ini sudah empat penggal Tuan Yang di-Pertua, inilah pertama kali disemak elauan kita. Akan tetapi semakan kita seolah-olah memperkecilkan kita, memperlekehkan Ahli-ahli Parliment. Kalau kita berjumpa dengan wakil rakyat di negara-negara lain, kami macam daun Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu macam mana hendak cakap. Dia cerita ada macam-macam, kita pura-pura cakap kita pun ada. Padahal tidak ada. [Ketawa] Gaji Ahli Parliment Maldives ini, dia punya *population* lebih kurang 4 juta. Sebanyak USD18,000 kita dicadangkan RM11,000, ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua.

Kalau boleh, bukan kalau boleh, saya mewakili kawan-kawan yang di belakang ini serupa dengan kawan-kawan sana, semak semula kenaikan ini sekurang-kurangnya lebih dari negeri-negeri lain. Betul negeri-negeri lain betul mereka main liga *division* dua. ADUN ini *division* dua. Kita main liga perdana. Kita di peringkat antarabangsa. Liga super tetapi kita punya pendapatan di tahap yang bawah. Jadi ini tidak boleh. Saya mencadangkan supaya dikaji dan ditukar kepada yang sepatut-patutnya, yang seadil-adilnya. Kita bekerja untuk rakyat dan kalau hendak memperkasakan wakil-wakil rakyat untuk rakyat, maka perkasanlah kita.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlupa tadi isu bila mana Yang Berhormat Kinabatangan, bersetujukah dengan saya negeri-negeri telah pun menyemak semula *allowance* mereka pada tahun 2013. Jadi saya mohon kalau boleh, begitu juga dengan Ahli Parliment apabila mereka dipersetujui atas semakan ini, perlu juga difikir seperti negeri-negeri lain, negeri-negeri di bawah negeri-negeri untuk disemak

atas *backdated* yang seharusnya, sewajibnya dapat. jadi saya mohon semakan itu dipersetujui oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ucapan Yang Berhormat Kuala Langat masuk dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Di semak semula mengikut tarikh yang ditentukan oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sudah faham, saya harap akta ini kita setuju tetapi dengan pindaan untuk semakan semula, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 7.39 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kuala Langat dan juga Yang Berhormat Kinabatangan. Mereka bercakap bagi pihak semua Ahli-ahli Parlimen termasuk Tuan Yang di-Pertua yang saya rasa bekerja keras dan sekarang terpaksa balik kawasan selepas itu kena pergi ke luar negara. Sebenarnya kita sedia maklum bahawa semakan ini yang terakhir kita buat ialah pada tahun 2004.

#### ■1940

Percubaan telah dibuat pada tahun 2010 untuk dikaji semula. Akan tetapi kita tidak dapat berbuat demikian dan sekarang ini kita telah buat cadangan yang kedua. Tahun 2012 juga tidak dapat diteruskan dan sekarang ini kita buat cadangan yang berikutnya pada tahun 2014. *Insya-Allah*, akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Ipoh Barat, saya ingin maklumkan bahawa pindaan kepada kelayakan balu atau duda yang dikahwini selepas persaraan untuk mendapat pencen terbitan dari 12 tahun setengah kepada 20 tahun telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan dalam proses perkenan Diraja dan pewartaan. Kuat kuasa ini adalah dikebelakangkan pada 1 Januari 2009. Saya ingat Yang Berhormat boleh maklumkan kepada kawan-kawan Yang Berhormat dan juga kepada semua pihak.

Kemudian berhubung dengan Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya juga wakil rakyat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Kita ini, "*Umpama lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain*". Akan tetapi kita kena ingat, itulah pilihan kita yang kita kehendaki sebab setengah orang membuat pilihan untuk mendapat dunia dan akhirat. Sudah pasti dalam proses tersebut, kita menghadapi pelbagai masalah.

Kita sedar bahawa Ahli Parlimen... *[Disampuk]* Ahli Parlimen dahulu mungkin lain sedikit tetapi sekarang Ahli Parlimen juga ialah pegawai kebajikan masyarakat. Malah lebih teruk daripada pegawai-pegawai kebajikan masyarakat kerana mereka terpaksa mengeluarkan wang sendiri. Sebagai contohnya kalau saya melawat kawasan-kawasan banjir, tidak mungkin saya boleh mengeluarkan duit kerajaan serta-merta untuk sampaikan token awal kepada mangsa-mangsa banjir. Sudah pasti kita kena gunakan sumber sendiri. Sekarang ini Perhimpunan Agung UMNO saya pasti sudah orang yang memakai baju macam saya pakai hari ini, terpaksa membelanjakan lebih banyak lagi untuk kawasan masing-masing.

Jadi pandangan tersebut amat dihargai. Saya sebagai Menteri bersama dengan rakan saya Timbalan *Whip* yang kedua ini, kita telah bersama dengan rakan-rakan Menteri yang lain, kita sudah berusaha yang terbaik. Kita amat bersimpati kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada diri kami sendiri juga sebagai Ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu yang ini kita perkenalkan untuk dipersetujukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita amat menghargai semua cadangan Ahli Yang Berhormat dan *insya-Allah* segala pandangan dan cadangan ini akan direkodkan dan akan dikemukakan kepada kerajaan nanti. Akan tetapi pada hari ini kita kena luluskan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lulus, lulus dengan semakan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita kena luluskan... *[Disampuk]* Semakan itu biarlah ia merupakan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini kerana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa apa-apa pun pandangan Ahli Yang Berhormat tidak mungkin kita boleh membuat apa-apa pindaan dengan serta-merta. Ia kena melalui proses dan juga notis. Jadi pada hari ini kita bersetuju dahulu apa yang telah dicadangkan oleh kerajaan dan kita mengambil pandangan dan juga...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, kita telah melihat bahawa boleh diluluskan dengan semakan. Bermakna ia lulus - kalau Kabinet tidak setuju, tidak apa. Akan tetapi yang penting semak dahulu. Oleh sebab kita telah suarkan fakt-fakta kenapa kita perlu disemak dan sebagainya. Jadi saya rasa Parlimen ini sudah memutus sebulat suara. Nanti Tuan Pengerusi tanya semua bersetuju atau tidak, susah juga kita.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak pernah menghadapi ujian yang besar dalam hidup saya *[Ketawa]* Saya menjadi Ahli Parlimen dua penggal, Menteri Besar tiga penggal tetapi hari inilah ujian yang paling besar dalam hidup saya. Saya simpati dan kalau saya ada kuasa tertentu dalam diri saya, sudah pasti saya akan berbuat demikian. Akan tetapi kita terikat dengan peraturan-peraturan Parlimen yang kita kena persetujukan. Kalau kita hendak buat apa pun sebenarnya, kita harus membuat notis lebih awal. Kita tahu bahawa perkara ini boleh dipertimbangkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. *Insya-Allah...*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya juga sedar Yang Berhormat, bahawa elauan pemandu RM1,500 itu adalah cukup rendah kerana elauan pemandu bagi wakil rakyat di bandar ini sudah pasti lebih tinggi dari luar bandar. Kita ini dari segi perbandingan ini memang kita bersetuju tentang apa yang berlaku di sana. Akan tetapi buat masa sekarang ini, inilah cadangan kerajaan yang dapat disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat dan yang...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Mohon pencelahan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Keduanya, kita tahu pada masa yang lepas tidak pernah berlaku negeri-negeri membuat pindaan sebelum Parlimen. Parlimen buat pindaan, selepas itu negeri-negeri akan mengikutnya. Akan tetapi pada masa sekarang, tiba-tiba sahaja berlaku - mungkin juga ada perbezaan yang besar dari Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang berada di sini. Ini ialah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, kedudukan kita mungkin tidak cukup dua per tiga ataupun sebagainya. Maka terjadilah apa yang terjadi sekarang. Di mana tiba-tiba negeri membuat pindaan dahulu dari Parlimen. Selepas itu membuat tarikh dikebelakangkan bagi semua negeri yang memperkenalkan elauan baru ini, mereka buat untuk tahun semasa iaitu pada tahun 2014.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi semua benda ini akan diberi perhatian dan pertimbangan oleh pihak kerajaan. Akan tetapi pada hari ini demikianlah keadaannya kita kena bersetuju dengan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau begitu...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Apa yang telah dicadangkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya cadangkan semakan ini kita tangguhlah dahulu sampai tahun hadapan sebab alang-alang – tidak mungkin naik dua kali satu tahun? *[Disampuk]* Ya, kita tangguhlah sampai tahun akan datang, tengok macam mana sebab tidak ada makna juga. Macam tidak ada apa-apa kenaikannya. *[Disampuk]* Ya, jadi kalau perlu ditangguh, tangguh dahulu untuk akan datang. Semak dahulu betul-betul. Jangan beri kita wakil rakyat macam alang-alang, kita bekerja untuk rakyat dan negara. Jadi tangguhkan dahululah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit, membantu apa yang cadangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya rasa daripada perbahasan yang kita sudah dengar, secara dasar kita setuju mesti ada kenaikan. Hanya ada permintaan untuk semakan jumlah dan sebagainya. Mungkin ada jalan keluar melalui Peraturan Mesyuarat 54, di mana kita lulus secara dasar dan selepas itu kita boleh bawa usul tanpa notis untuk rujuk kepada Jawatankuasa Pilihan yang boleh bawa balik dengan semakan yang diminta dengan apa-apa jumlah yang mungkin akan dipersetujui nanti. Itu yang kita boleh buat. *[Disampuk]* So, jadi itu yang boleh menemui hasrat Yang Berhormat Menteri juga dan hasrat Dewan yang hendak butiran dipinda. Peraturan Mesyuarat 54 di mana saya baca... *[Disampuk]* Peraturan Mesyuarat 54(2), betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya baca dengan izin, Peraturan Mesyuarat 54(2) Tuan Yang di-Pertua dalam bahasa Inggeris, “*Where a Bill has been read a second time...*” - Apa yang kita buat sekarang. “*It shall stand committed to a Committee of the whole House unless the House on motion commits it to a Select Committee.*” Biasa kita *commit* selepas ini kepada Jawatankuasa, apa yang di sini juga boleh buat ialah kita hantar kepada Jawatankuasa Pilihan.

*“Such motion shall not require notice...”* - Jadi boleh diusulkan oleh mana-mana Ahli Parlimen. *“Must be made immediately after the Bill is read a second time, and may be proposed by any member; the question there on shall be put forthwith and shall be decided without amendments or debate.”*

■1950

Jadi, itu cadangan saya kepada— jalan keluarlah pada semua yang sudah bangun dan bagi pendapat dan inilah saya harap Menteri boleh mempertimbangkan. Kalau dipersetujui oleh Menteri bagi pihak kerajaan, inilah jalan keluar bagi kita dan inilah dengan tepatnya apa yang dihasratkan oleh cadangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Seorang Ahli:** Saya sokong.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Inilah juga pertama kali saya menghadapi cabaran. *[Ketawa]* Sebab Ahli-ahli Yang Berhormat adalah begini. Saya terima cadangan daripada Yang Berhormat Subang tadi bahawa boleh kita gunakan peraturan mesyuarat itu. Akan tetapi memandangkan ini adalah suatu usul yang dibawa oleh kerajaan, kalau saya benarkan itu ia mempunyai implikasi yang tidak baik iaitu usul dari kerajaan kalah dan itu adalah tidak baik. *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yang buat keputusan. Kerajaan sekarang ini mempunyai pilihan sama ada menarik balik usul di bawah Peraturan Mesyuarat 62. Saya tidak boleh benarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 54 kerana apabila saya benarkan itu ia membawa risiko yang lain iaitu usul kerajaan kalah. Kalau usul kerajaan kalah, bermakna lain risikonya. Jadi, untuk memberi kepada kerajaan masa untuk memikirkan ini, saya bercadang untuk tangguhkan Mesyuarat ini selama 15 minit untuk kita bersidang balik. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

**[Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 8.10 malam]**

### USUL

#### **MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

##### **8.13 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014 (DR.23/2014) seperti yang tertera di No.6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang. Berikutan dengan itu, semua Kertas Statut yang berkaitan rang undang-undang tersebut dengan nombor ST.164 tahun 2014, ST.165 tahun 2014 dan ST.166 tahun 2014 yang dibentangkan dalam mesyuarat ini adalah ditarik balik.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Sila.

### **USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**

#### **AKTA TATACARA KEWANGAN 1957**

**Menukarkan Status Pinjaman Kerajaan Malaysia kepada  
Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) Berjumlah RM400 Juta Kepada Ekuiti**

#### **8.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, “Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan), membuat pelaburan dengan menukar pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM400 juta kepada Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti bersamaan dengan Empat Ratus Juta (400,000,000) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham”.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], wang dalam kedudukan kredit Persekutuan dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh Persekutuan boleh dilaburkan oleh Menteri dengan resolusi Dewan Rakyat. Sehubungan ini, persetujuan Dewan yang mulia ini adalah dipohon bagi membolehkan Kerajaan Malaysia membuat pelaburan dalam MDV dengan menukar status pinjaman Kerajaan Malaysia berjumlah RM400 juta kepada ekuiti.

Tujuan pinjaman ini ditukarkan kepada ekuiti adalah bagi membolehkan MDV memperbaiki dan memperkuatkannya kedudukan kewangannya. MDV iaitu syarikat modal teroka yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) telah diberi mandat untuk merangsang pertumbuhan dan pembangunan sektor berisiko tinggi termasuk ICT, bioteknologi dan teknologi hijau melalui pemberian pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat kecil dan baharu dalam industri berkenaan. Dengan kedudukan kewangan yang kukuh, ia akan membolehkan MDV untuk terus memainkan peranannya dalam membantu syarikat-syarikat kecil dan baharu untuk berkembang. Jumlah pinjaman sebanyak RM400 juta ini yang disalurkan di bawah akaun Kumpulan Wang Pembangunan telah pun dipersetujui oleh kerajaan bagi ditukar kepada ekuiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah sekarang kini dibuka untuk dibahas. Sila.

#### **8.17 mlm.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Bila kita buat nampaknya senang, dia itu satu *loan, debt to equity swap. Debt to equity swap* biasanya di antara bank yang memberi pinjaman dan

peminjam itu kerana dia tidak dapat membayar balik *loan* itu, pinjaman tersebut, dia akan minta *debt equity swap*. Maknanya tukar pinjaman kepada ekuiti, saham.

Isu di depan kita ini pelik sekali sebab kedua-dua syarikat, *that means* syarikat MDV kepunyaan kerajaan sendiri. Maknanya, *his left hand to right hand* Tuan Yang di-Pertua. Jadi apabila dia buat *swap* ekuiti ini, kerajaan nampaknya MDV tidak payah bayar balik pinjaman. Isunya ialah MDV adalah satu syarikat yang bukannya untuk *for profit*, ia syarikat badan kerajaan. Maknanya apabila pinjaman ini menjadi satu ekuiti, satu cara sahaja kerajaan boleh dapat balik RM400 juta itu iaitu melalui dividen yang boleh dibayar oleh MDV. Akan tetapi kalau syarikat MDV ini ialah bukan untuk *profit*, bagaimana dia boleh bayar balik RM400 juta sebagai dividen?

Jadi, itu soalan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri jawapan yang tepat. Kalau tidak, saya rasa ini memang tidak boleh disokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

#### 8.19 mIIm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai hutang MDV ini. Adakah RM400 juta ini sahaja dia hutang ataupun ada hutang-hutang lain? Bagaimanakah prestasi MDV ini sejak ia ditubuhkan? Adakah ia telah membuat sebarang bentuk keuntungan dalam apa juga *investment* yang dibuat?

#### ■2020

Jadi saya hendak mohon penjelasan kerana kalau hutangnya banyak, lebih daripada RM400 juta ini, adakah kemungkinan suatu hari di hadapan nanti akan dimohon lagi supaya hutang-hutang yang lain itu ditukar kepada ekuiti semua? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 8.20 mIIm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dibangkitkan. Sebenarnya, seperti yang telah diumumkan, MDV adalah khusus untuk syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana yang berisiko tinggi terutamanya dalam projek-projek nilai teknologi yang tinggi dari sektor ICT, bioteknologi dan juga teknologi hijau.

Maka, di sini saya mempunyai beberapa maklumat. Nombor satu, dari segi pinjaman yang telah diberi, memang terdapat pinjaman yang ada yang tidak dapat dipungut tetapi daripada maklumat yang saya terima, sebarang hutang yang dapat diterima balik, mereka perlu melalui proses *recovery* di mana akhirnya kalau dari segi perbincangan dan juga penstrukturran wang itu tidak dapat dikutip, mereka akan mengenakan tindakan mahkamah termasuk memastikan dari segi *director* dan juga *company* tersebut diambil tindakan mahkamah dan juga ada yang dimufliskan.

Ini menunjukkan bahawa tujuan kerajaan mewujudkan MDV ini adalah untuk menolong boleh dikatakan syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor-sektor ini di mana kadang-kadang untuk mendapat dari segi pinjaman, mereka tidak boleh mendapat pinjaman secara kompetitif.

Maka dari segi jumlah kewangan, sebenarnya apabila mereka bermula, jumlah pinjaman yang diterima oleh MDV adalah sebanyak RM1.58 bilion dan jumlah faedah yang dikenakan pada MDV adalah sebanyak RM200 juta. MDV telah membayar sehingga sekarang RM1.39 bilion. Mereka sebenarnya dari segi pinjaman ini yang telah dibayar balik, mereka ada lagi aset sebanyak RM300 juta lebih.

Akan tetapi isunya, jikalau mereka hendak membayar balik kepada kerajaan, maka mereka perlu *recall loans* yang telah diberi dan ini akan menjasaskan dari segi prestasi kewangan kepada syarikat-syarikat yang telah menerima pinjaman-pinjaman tersebut.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya menelah sedikit. Boleh tidak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri kata hutang MDV kepada kerajaan cuma tinggal RM300 juta. Betul? Akan tetapi *exercise* ini untuk *cancel* RM400...

**Datuk Chua Tee Yong:** RM400 juta. RM1.7 bilion, dibayar balik RM1.39 bilion.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tadi you kata RM300 juta. Bukan saya yang kata.

**Datuk Chua Tee Yong:** RM400 juta.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, jadi RM400 juta yang *balance* itu sekarang hendak buat *exercise* ini untuk *cancel*. Betul?

**Datuk Chua Tee Yong:** Bukan. Ini untuk menukar ekuiti supaya mereka boleh meminjam balik lagi kerana pada masa sekarang mereka juga telah mendapat daripada sukuk mereka telah *raised* RM1 bilion. Maka sebenarnya dari segi jumlah hutang yang mereka ada, sebenarnya adalah RM1 bilion. Kalau termasuk RM400 juta ini, maka adalah sebanyak RM1.4 bilion.

Akan tetapi daripada segi prestasi syarikat ini, kalau kita melihat dari segi kewangan mereka, mereka telah mencatat, boleh dikatakan *profit* dalam lima tahun dari tahun 2011 sebanyak RM13 juta, tahun 2012 sebanyak RM15 juta, tahun 2013 sebanyak RM23 juta, dan pada tempoh kewangan sembilan bulan berakhir iaitu 31 Disember 2013, mereka telah mencatat keuntungan sebanyak RM10 juta. Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dijangka akan mendapat keuntungan sebanyak RM26 juta.

Akan tetapi seperti yang saya katakan, memang terdapat pelupusan atau boleh dikatakan hutang yang tidak dikutip, maka telah di *write-off*. Ini, yang di *write-off*, mereka juga telah menjalankan kerja-kerja *recovery* dan kerana terdapat *write-off* ini disebabkan dari segi industri yang mereka meminjam ini merupakan industri yang *high risk*. Akan tetapi yang paling penting adalah apabila terdapat pinjaman yang diberi, apa yang penting adalah pinjaman-pinjaman yang diberi yang tidak dapat dikutip, mereka haruslah menjalankan proses *recovery* di mana akhirnya mereka yang tidak dapat dibayar juga dihadap ke mahkamah dan tiada yang

mengatakan pinjaman yang diberi tidak dikutip balik dengan menggunakan kaedah-kaedah proses *recovery*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, kalau saya boleh mencelah. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Okey, *high risk* kebiasaan ada *high return*. Apa Yang Berhormat Menteri beritahu kita tadi, pendapatan untung itu di antara RM10 juta sampai RM15 juta, katakan tahun ini RM26 juta lah, saya bagi RM26 juta itu betul boleh dapat. Kalau kita sudah *invest* RM1.6 bilion, dapat RM26 juta untung, *then it is not a good result*, Yang Berhormat Menteri. *It is not a good result*.

Maknanya MDV ini bukan satu syarikat yang baik. Bukan satu syarikat yang boleh dapat dana yang cukup, keuntungan yang cukup untuk bayar balik kepada kerajaan apa yang telah kerajaan bagi mereka sebagai satu *seed capital*. Jadi bila *you convert*, bila kerajaan *convert that to equity*, *you take the equity of the non-performing company*.

Saya hendak tanya, program ini, macam mana hendak bayar balik RM400 juta dividen? *How much dividend are you going to pay back to the government? How much MDV are going to pay back?* Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Yang Berhormat ini macam tidak faham. Tadi sudah cakap bahawa MDV ini adalah *non profit*. So, kalau kita *convert* kepada ekuiti adalah tidak memberi manfaat kepada kerajaan. Dari segi MDV ini...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Chua Tee Yong:** Duduk dulu. Dengar saya cakap dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Ini bukan dialog, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ini 1MDB telah pun dibahas.

**Seorang Ahli:** Ini bukan 1MDB, Tuan Yang di-Pertua. MDV.

**Datuk Chua Tee Yong:** MDV.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa sahaja. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Malaysia Debt Ventures*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bertengkar. *Let the Minister answer.*

**Datuk Chua Tee Yong:** Maka, apabila MDV ini telah mendapat pinjaman daripada kerajaan, dia tidak membayar dividen kerana dari segi *interest* yang boleh dikenakan kepada syarikat bukanlah *interest* komersial.

Tadi Yang Berhormat sudah pun mengatakan bahawa apabila MDV ini diwujudkan, tujuannya bukan untuk mendapat keuntungan. Saya telah mengatakan tujuannya adalah untuk memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat PKS atau SME yang berisiko tinggi yang mana tiada *collateral*. Maka, terdapatlah *risk* yang akan dihadapi oleh MDV. Yang penting adalah apabila terdapat *risk*, apakah yang dibuat untuk mengurangkan risiko tersebut.

Dari segi pinjaman yang telah diterima iaitu sebanyak, tadi saya kata masuk *interest* adalah sebanyak RM1.7 bilion. MDV telah membayar balik bukan secara dividen. Dia membayar balik hutang kepada kerajaan sebanyak RM1.39 bilion di mana akhirnya mereka mempunyai

pinjaman sebanyak RM400 juta. Mereka pada masa sekarang, RM400 juta ini sebenarnya juga dipinjamkan kepada syarikat pada masa sekarang. Akan tetapi kalau mereka hendak menarik balik semua pinjaman ini, maka mereka perlu mengambil daripada syarikat-syarikat yang dipinjam.

Ini bukan bermakna bahawa MDV ini tidak pernah memberi dividen. Dia juga ada memberi dividen pada tempoh kewangan sembilan bulan berakhir 31 Disember 2013 sebanyak RM1 juta dan juga memberi...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, maaf ya. Yang Berhormat Menteri kata tadi tiada dividen. Sekarang kata ada dividen. Saya cadang Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, itu bagi *some explanation in written form or something because saya rasa – isunya senang.*

Bila syarikat melepaskan pinjaman itu menjadi ekuiti, apakah *benefit* yang kerajaan boleh dapat balik daripada RM400 juta yang telah ditukar kepada ekuiti? Kalau Yang Berhormat Menteri boleh jawab yang itu – dividen ada atau tidak, *confirm* sekarang sahaja, senang. Lepas itu kita dengarlah yang lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang dicadang tadi itu?

**Datuk Chua Tee Yong:** Saya boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau misal kata ada perbahasan ekonomi begini, janganlah libatkan kita semua. *[Ketawa]* Yang saya dengar tadi itu, 1MDB. Adakah 1MDB? Sepanjang pengetahuan saya, yang suka bahas perkara begini yang *consequential* adalah Yang Berhormat Kepong. Oleh kerana Yang Berhormat Kepong tidak ada sekarang ini, ada lagi yang ganti di belakang. *[Ketawa]*

## ■2030

**Datuk Chua Tee Yong:** Tuan Yang di-Pertua, memang daripada segi dividen ada diberi tetapi dividen itu tidak besar. Apabila 1MDB ini diwujudkan, bukan bertujuan untuk mendapat pulangan kepada kerajaan. Tujuannya adalah untuk memberi pinjaman kepada industri-industri kecil yang menghadapi masalah kerana mereka dalam industri berisiko tinggi, di mana akhirnya apabila ingin mendapat pinjaman dari bank kadang-kadang mereka juga tidak dapat. Maka, itulah yang ingin saya kemukakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya sudah faham Yang Berhormat kalau begitu. *[Ketawa]* Rupanya pinjaman kerajaan kepada syarikat-syarikat yang perlu pinjaman. Ini bermakna tidak ada tujuan untuk mahu untung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan disahkan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 14 hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957**  
**Menubuh Kumpulan Wang Amanah Tabung**  
**Konservasi Sumber Asli Nasional”**

**8.37 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Pindaan) 1972 membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:

*“Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional”.*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan resolusi meminda, memotong daripada atau menambah kepada jadual kedua tersebut.

Kerajaan bersetuju supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menu buhkan Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional bagi menerima peruntukan kerajaan sumbangan dari mana-mana pihak sama ada perseorangan, pihak swasta, institut-institut atau mana-mana entiti dari dalam dan luar negara bagi membiayai penyelidikan, pembangunan, pengurusan, perlindungan, mitigasi kepada perubahan iklim, kesedaran dan usaha-usaha konservasi di dalam negara.

Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional akan membolehkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyediakan dana untuk membiayai pelan konservasi jangka masa panjang bagi menyokong pengurusan sumber asli termasuk perlindungan biodiversiti dan perkhidmatan ekologi;

- (i) Memulihara kawasan-kawasan merosot di dalam kawasan terlindung sepenuhnya (*totally protected areas*) dengan izin TPA dan hutan simpanan kekal (*permanent reserve forest*) PRF;
- (ii) Menyediakan insentif bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada aktiviti-aktiviti perhutanan;
- (iii) Memperuntukkan sumber kewangan berterusan untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan di dalam bidang konservasi biodiversiti, pendokumentasian dan pemantauan jangka panjang dan menyokong pembangunan kapasiti bagi melaksanakan ketetapan di bawah perjanjian alam sekitar pelbagai hala dan instrumen antarabangsa lain yang relevan di mana Malaysia adalah parti kepadanya.

Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional ini akan dikreditkan daripada sumber-sumber berikut:

- (i) Peruntukan awalan sebanyak RM10 juta yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;

- (ii) Wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa bagi maksud Tabung Amanah ini;
- (iii) Pemindahan daripada Bajet Persekutuan dan negeri daripada hasil yang dijana melalui yuran alam sekitar dan yuran sumber semula jadi, hasil dan royalti tetapi tidak terhad kepada yuran sumber asli, yuran pelancongan atau surcaj lain serta pendapatan yang mungkin dihasilkan daripada *payment for ecosystem services* (PES) dengan izin dan perkongsian faedah daripada penggunaan sumber-sumber biologi;
- (iv) Sumbangan dari mana-mana pihak sama ada perseorangan, pihak swasta, institut-institut atau mana-mana entiti dari dalam dan luar negara;
- (v) Terima yuran yang dikutip daripada penganjuran seminar, kursus, bengkel, persidangan dan kurikulum; dan
- (vi) Faedah daripada simpanan tetap yang ditadbirkan atau dari pelaburan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Tabung amanah konservasi sumber asli nasional ini akan ditadbirkan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan 12 orang ahli yang terdiri daripada wakil kementerian dan jabatan berkaitan. Badan bukan kerajaan tempatan dan individu yang dapat menyumbang kepada bidang konservasi biodiversiti dan pengurusan sumber asli.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan tabung ini akan memberi kesan positif di dalam memastikan hasrat negara untuk mengarusperdanakan biodiversiti dan alam sekitar di dalam pelan-pelan pembangunan negara tercapai melalui program dan inisiatif berkenaan konservasi sumber asli yang bukan sahaja melibatkan pihak kerajaan malah turut menggalakkan penyertaan masyarakat awam dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya jadual kedua akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru iaitu Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

### 8.37 mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa cadangan yang dibawakan ini untuk mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Tabung

Konservasi Sumber Asli Nasional ini patut mendapat sokongan. Cuma saya inginkan beberapa penjelasan.

Pertamanya, daripada segi mendapatkan sumber yang keempat yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu daripada sumbangan sama ada individual ataupun syarikat ataupun mana-mana pihak.

Saya ingin bertanya, apakah insentif yang diperoleh oleh individu ataupun syarikat ini untuk menggalakkan mereka membuat sumbangan-sumbangan ini. dari segi apa? Daripada segi nantinya kalau mereka ini syarikat, didahulukan pertimbangan dalam permohonan sesuatu ataupun ada pelepasan ataupun insentif pelepasan cukai kepada individu ataupun syarikat-syarikat yang memberikan sumbangan kepada tabung ini. itu daripada segi perolehan kepada tabung.

Daripada segi perbelanjaan ataupun membelanjakan wang ini. Saya ingin bertanya dan saya tidak dengar tadi, sama ada kerajaan bercadang untuk menggunakan wang daripada tabung ini untuk memberikan pampasan kecemasan jika berlakunya kecelakaan seperti apa yang berlaku di Cameron Highlands contohnya akibat daripada kerosakan alam sekitar. Ada orang yang menggunakan perkataan yang lebih teruk daripada itu. Maka berlaku kematian, berlaku keruntuhan bangunan. Jadi adakah juga wang daripada tabung ini boleh disalurkan untuk tujuan-tujuan tersebut selain daripada yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan-soalan yang dikemukakan. Daripada segi penyumbang sama ada mereka layak mendapat insentif atau sebarang insentif cukai seperti yang telah ditanya. Buat masa ini, sebenarnya kerajaan masih belum menetapkan pemberian insentif cukai kepada pihak yang menyumbang dana di dalam kumpulan wang amanah ini.

#### ■2040

Walau bagaimanapun dana dari kumpulan wang amanah ini boleh digunakan untuk aktiviti projek yang bertujuan untuk melaksanakan aktiviti mitigasi dan adaptasi dalam usaha untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan bencana alam. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Peraturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 15 hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957**  
**Menubuh Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan**

**8.40 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, “Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Pindaan) 1972, membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan”

Mengikut peruntukan seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan satu resolusi meminda, memotong daripada atau menambah kepada jadual kedua tersebut.

Kerajaan telah bersetuju dengan perkara seperti berikut:

- (i) supaya Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengumpul dana fi jaminan dari pinjaman yang dijamin Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Jaminan Pinjaman Pertubuhan Perbadanan 1965;
- (ii) supaya surat Ikatan Amanah dan skop penggunaan dana Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan;
- (iii) supaya terma dan syarat jaminan pinjaman serta kadar fi jaminan, gerenti fi kepada syarikat kerajaan dan badan berkanun ditetapkan oleh Kementerian Kewangan selaras dengan Akta Jaminan Pinjaman Pertubuhan Perbadanan 1965; dan
- (iv) supaya fi jaminan yang dibayar oleh syarikat kerajaan dan badan berkanun di bawah Akta Jaminan Pinjaman Pertubuhan Perbadanan 1965 dimasukkan dan diakaunkan terus ke dalam Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan dan kerajaan boleh untuk turut menyumbang sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan.

Objektif penubuhan Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan adalah seperti berikut:

- (i) sebagai dana tunggu sedia, *stand by* sekiranya berlaku kemungkinan *default* pinjaman dan bertujuan mengurangkan bebanan kewangan kerajaan sekiranya dapat tuntutan kewangan ke atas jaminan kerajaan;
- (ii) sebagai sumber dana untuk membayai sebarang kos berkaitan pengurusan pentadbiran serta proses *recovery* dalam mengawal selia dan menguatkuasakan jaminan kerajaan dan dana Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan boleh dilaburkan, *secured investment* hasil daripada pelaburan membantu meningkatkan saiz dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru iaitu Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita dalam masalah, malam ini malam Jumaat, mencari sunat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya ambil maklum Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bawah Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 16 hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

#### AKTA TATACARA KEWANGAN 1957

#### Menubuh Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan

##### **8.44 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, "Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut ditambah kepadanya satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan".

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan perenggan 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan membuat satu ketetapan untuk meminda, memotong daripada atau menambah kepada Jadual Kedua akta tersebut.

Menurut seksyen 54 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan Wang ditubuhkan. Tujuan Kumpulan Wang ditubuhkan adalah untuk membuat apa-apa pembayaran balik di bawah seksyen 38 dan Bahagian VII Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Oleh yang demikian, tindakan susulan yang perlu diambil adalah untuk menambah kumpulan wang dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957. Ini adalah bagi maksud apa-apa jumlah wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang mengikut subseksyen 10(1)(a) akta tersebut.

Sehubungan itu, satu usul perlu dibentangkan untuk membuat ketetapan bagi menambah kumpulan wang kepada Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 selaras dengan peruntukan perenggan 10(4)(a) akta tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya ditambah kepada Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 satu kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

#### 8.46 mlm

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan untuk menghalang Yang Berhormat Kinabatangan balik. Balik malam ini pun sudah tidak sempat *flight* sudah tidak ada untuk balik ke Kota Kinabalu. Dia Kuala Lumpur, kita balik sama-sama selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri. Bukankah apabila kita hendak melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan ini satu proses pembayaran balik telah dimasukkan dalam sistem yang ada dikendalikan oleh Kastam dan Eksais Diraja. Jadi proses ini sudah tentu mengambil kira keperluan untuk membayar balik dan kita diyakinkan bahawa kerajaan akan mengambil serius dan tidak membenarkan tunggakan-tunggakan daripada pengutipan cukai.

Jadi pembayaran balik pun sepatutnya sudah dibina ataupun *build in* dalam sistem berkenaan. Jadi kenapa kerajaan mahu menuahkan kumpulan wang ini seolah-olah sudah menjangkakan bahawa di sana akan berlaku kekurangan-kekurangan dalam sistem yang telah dibangunkan untuk melaksanakan kutipan dan juga bayaran balik cukai GST ini. Jadi saya memohon penjelasan kalau perkara ini bagi sesetengah orang benda yang sudah jelas, bagi saya tidak berapa jelas. Jadi saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Menteri.

#### 8.48 mlm.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan. Tabung ini adalah perlu supaya bayaran balik boleh dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan untuk menunjukkan bahawa kerajaan memang komited untuk memastikan dari segi bayaran balik adalah 14 hari bekerja jika ada *input tax credit* yang ingin dikemukakan dengan menggunakan sistem elektronik dan juga 28 hari bekerja jika menggunakan manual. Sekian terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua bagaimana tabung ini kita link dengan sistem yang dikendalikan oleh pihak Kastam? Adakah pihak Kastam akan memohon pada tabung ini untuk membuat bayaran balik atau ia sudah dilinkkan, di *build in*

dan terus menggunakan dana ini atau ini dana kecemasan apabila kutipan tidak cukup untuk membayar balik atau macam mana? Jadi saya tidak nampak kerana ia mesti dikendalikan oleh pihak yang lain daripada pihak pengutip cukai.

**Datuk Chua Tee Yong:** Ini adalah sebenarnya menurut seksyen 54 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan.

#### ■2050

Maka sebenarnya ia akan dikendalikan oleh pihak kastam dan sebenarnya tujuan mereka mewujudkan ini adalah untuk memastikan semasa pelaksanaan GST kadang-kadang mungkin terdapat bulan di mana dari segi pembayaran balik adalah tinggi. Ini adalah untuk memastikan tiada dari segi itu, di mana kerajaan tidak dapat menepati dari segi masa yang telah tadi saya huraikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah di hadapan Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 17 hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

### AKTA TATACARA KEWANGAN 1957

#### Menukar Status Pinjaman Kerajaan Malaysia kepada Prasarana Malaysia Berhad Berjumlah RM474,815,882 Kepada Ekuiti

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, "Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan sub perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], membuat ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM474,815,882 kepada Prasarana Malaysia Berhad, sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan), kepada ekuiti dalam Prasarana Malaysia Berhad bersamaan dengan Empat Ratus Tujuh Puluh Empat Juta Lapan Ratus Lima Belas Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Dua (474,815,882) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah seksyen 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], wang dalam kedudukan kredit persekutuan dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh persekutuan boleh dilaporkan oleh Menteri dengan resolusi Dewan Rakyat. Sehubungan ini, persetujuan Dewan yang mulia ini adalah dipohon bagi membolehkan Kerajaan Malaysia membuat pelaburan dalam Prasarana Malaysia Berhad dengan menukar status pinjaman Kerajaan Malaysia berjumlah RM474,815,882 kepada ekuiti.

Prasarana syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) telah diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan sistem pengangkutan awam iaitu LRT, monorel dan bas RAPID supaya rakyat dapat menikmati kemudahan

pengangkutan awam yang selesa, cekap dan selamat. Untuk itu Prasarana telah diberikan pinjaman mudah oleh kerajaan yang berjumlah RM496.45 juta dan baki pinjaman ini adalah ditukarkan kepada ekuiti bagi membolehkan Prasarana memperbaiki dan memperkuatkukan kedudukan kewangannya supaya operasi perkhidmatan pengangkutan awam di bawahnya dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

#### **8.53 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Saya mendapat amanah dari Yang Berhormat Kepong supaya menyambung tugas-tugas beliau. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usul yang terbaru ini hampir sama dengan usul untuk menukar pinjaman kepada ekuiti Malaysia *Debt Ventures* sebentar tadi. Kita tahu peranan Prasarana Malaysia Berhad ini penting untuk membaik pulih dan meningkatkan keupayaan pengangkutan awam di negara kita.

Cuma persoalannya, kalau tadi MDV tadi diberikan pinjaman RM1.7 bilion dan telah dibayar balik hampir RM1.4 bilion erti ada perolehan oleh syarikat tersebut dengan mengumpul semula pinjaman-pinjaman dari - saya dimaklumkan 250 buah syarikat yang terlibat khususnya dalam industri IT. Saya tidak perasan pula bahawa industri IT ini adalah industri berisiko tinggi tetapi malam ini kelihatannya itu telah disebut.

Bagi Prasarana Malaysia Berhad ini pula, pinjaman yang telah diberikan oleh kerajaan ialah sebanyak RM490 juta lebih kurang ya Menteri dan malam ini kita diminta untuk menukar RM474 juta daripadanya kepada ekuiti. erti, seolah-olah tidak ada hasil langsung Prasarana Malaysia Berhad ini, sedangkan kita melihat Prasarana Malaysia Berhad menguasai beberapa bidang pengangkutan rel dan juga jalan raya dan basnya. Jadi sudah tentu ianya merupakan satu industri yang agak memberi pulangan yang agak lumayan dan dapat kita pertahankan kualitinya.

Akan tetapi kalau perbezaan antara pinjaman dan jumlah yang hendak diconvertkan kepada ekuiti ini berbeza hanya lebih kurang RM20 juta erti Tuan Yang di-Pertua, tiada pulangan langsung kepada kerajaan pinjaman yang telah diberikan ini. Jadi, bagaimana ini boleh berlaku dan bagaimana kita hendak meyakinkan bahawa di sana tidak ada usaha ataupun di sana tidak ada berlaku salah laku yang menyebabkan pinjaman ini tidak dapat dibayar balik oleh Prasarana Malaysia Berhad kepada kerajaan? Maka perlu proses pertukaran kepada ekuiti ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Memang pendek sahaja sebab sudah lewat malam ini. Saya hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang sudah jadi ekuiti, apakah

anggaran dividen yang diterima oleh kerajaan daripada memegang RM474 juta saham bernilai RM1 ini setiap satu? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan. Sebenarnya dari segi prasarana untuk mengoperasi, dari segi LRT, monorel dan bas, mereka sebenarnya menghadapi beberapa cabaran di mana dari segi - kalau kita melihat dari segi kadar tambang mereka telah lama tidak dikaji semula dan tidak disemakkan. Sebagai contoh untuk LRT, sejak Disember 2002 dan juga dari segi kita melihat monorel dari Ogos 2003 dan untuk bas adalah pada tahun 2009.

Maka kita melihat kalau kajian yang telah dikaji terutamanya dari PWC, kebanyakannya boleh dikatakan pengangkutan-pengangkutan awam sebenarnya mendapat anggaran kebanyakannya pun mendapat sumbangan atau sokongan dari kerajaan dan bukanlah seperti yang kita mempunyai anggapan bahawa ia adalah mempunyai operasi yang amat lumayan dan menguntungkan. Ini kerana terdapatlah kalau ada *road-road* yang tidak dapatkan pulangan atau keuntungan yang baik, mereka harus juga menjalankan kerja-kerja mereka dari segi untuk kebaikan sosial.

Akan tetapi dari segi Prasarana Malaysia Berhad saya mendapat tahu mereka telah sekarang melihat dan mengkaji bagaimana untuk meningkatkan dari segi pendapatan mereka supaya selain daripada pendapatan dari yuran yang diterima atau tambang yang diterima, mereka juga melihat dari segi komersial atau dari segi *property development* di mana ada dapat tanah-tanah mereka yang akan dilihat untuk membina supaya boleh meningkatkan dari segi pendapatan mereka.

Maka dari segi dividen dan sebagainya kerana seperti yang saya telah maklum, dari segi kerja ini adalah kerja *social benefit* di mana ialah untuk menolong. Dari segi yuran dan sebagainya memang tidak disemakkan sejak sepuluh atau 15 tahun, maka ia tidak akan memberilah dari segi dividen atau pulang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan disahkan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 18 hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**■2100****AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

- (viii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, Amaun Perbekalan Bercukai 2014 PUA 183 (2014)
- (ix) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, Kadar Cukai 2014 PUA 184/2014 bertarikh 30 Jun 2014
- (x) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan pengenaan cukai bagi pembekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan 2014 PU(A) 157/2014 bertarikh 30 Jun 2014
- (xi) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, pengenaan cukai bagi perbekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan pindaan 2014 PU(A) 160/2014 bertarikh 17 September 2014
- (xii) Perintah Cukai dan Perkhidmatan, Pembekalan Dikecualikan 2014 PU(A) 271/2014 bertarikh 13 Oktober 2014
- (xiii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pembekalan Berkadar Sifar 2014 PU (A) 272/2014 bertarikh 13 Oktober 2014
- (xiv) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pelepasan 2014 PUA 273/2014 bertarikh 13 Oktober 2014

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencadangkan, “Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 20(2), subseksyen 10(3), subseksyen 160(2), subseksyen 56(2), subseksyen 17(5) dan 18(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan supaya Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil.ST.71, ST.72, ST.73, ST.86 , ST.87, ST.88 dan ST.152 tahun 2014 disahkan”.

- (i) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, Amaun Perbekalan Bercukai 2014 PUA 183 (2014) bertarikh 30 Jun 2014, Kertas Status Bilangan ST.71. Perintah ini bertujuan untuk menetapkan tahap *threshold* bagi tujuan pendaftaran. Tahap *threshold* yang ditetapkan adalah sebanyak RM500 ribu setahun.
- (ii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, Kadar Cukai 2014 PUA 184/2014 bertarikh 30 Jun 2014, Kertas Statut Bilangan ST. 72. Perintah ini adalah bertujuan untuk menetapkan kadar GST pada 6%.
- (iii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan pengenaan cukai bagi pembekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan 2014 PU(A) 157/2014 bertarikh 30 Jun 2014, Kertas Statut Bilangan ST. 73. Perintah ini bagi mengenakan GST ke atas beberapa jenis barang dan perkhidmatan di kawasan pulau bebas cukai yang ditetapkan iaitu di Labuan, Langkawi dan Tioman. Dasar yang ditetapkan ini adalah sama dengan dasar di bawah Duti Kastam iaitu bagi membendung kehilangan hasil, melindungi industri tertentu dan melindungi alam sekitar. Pembekalan barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST 6% adalah seperti berikut:

- (a) Pembekalan petrol, diesel dan gas petroleum cecair di dalam dan di antara kawasan yang ditetapkan.
  - (b) Perkhidmatan pengangkutan yang dibekalkan di antara kawasan yang ditetapkan.
  - (c) Perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan ke dalam atau di antara kawasan ditetapkan di pembuatan simen, marmar dan getah ke dalam Langkawi.
  - (d) Pengimportan ke dalam ataupun bekalan kenderaan bermotor atau ke dalam Tioman.
- (iv) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan, pengenaan cukai bagi perbekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan pindaan 2014 PU(A) 160/2014 bertarikh 17 September 2014, Kertas Statut Bilangan ST. 152. Perintah ini diwartakan bagi mengenakan pembekalan petrol, diesel dan gas petroleum cecair ke dalam kawasan yang ditetapkan.
- (v) Perintah Cukai dan Perkhidmatan, Pembekalan Dikecualikan 2014 PU(A) 271/2014 bertarikh 13 Oktober 2014, Kertas Statut Bilangan ST.86. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk menyenaraikan barang dan perkhidmatan yang dikecualikan GST. Layanan ini adalah untuk memastikan kesan GST ke atas rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah atau sederhana yang membelanjakan sebahagian besar pendapatan ke atas perkhidmatan asas. Antara perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST adalah seperti berikut:
- (a) Perkhidmatan pendidikan yang terdiri daripada pendidikan pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tinggi yang disediakan oleh sekolah swasta, sekolah antarabangsa, sekolah agama dan institusi pendidikan tinggi.
  - (b) Perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan di kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1958 termasuk penyediaan makan minum kepada pesakit.
  - (c) Tol lebuh raya di pengangkutan awam, darat dan air.
  - (d) Pengangkutan awam, darat dan air
  - (e) Perkhidmatan pengebumian, perkuburan dan pembakaran mayat termasuk *pre-funeral program*.
- (vi) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pembekalan Berkadar Sifar 2014 PU (A) 272/2014 bertarikh 13 Oktober 2014, Kertas Statut Bilangan ST. 87. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk menyenaraikan barang dan perkhidmatan yang diberikan layanan GST berkadar sifar. Layanan

ini adalah untuk memastikan kesan GST ke atas golongan berpendapatan rendah adalah minima dan juga memastikan daya saing perniagaan eksport barang dan perkhidmatan. Antara barang dan perkhidmatan yang dikenakan kadar sifar adalah seperti berikut:

- (a) Binatang ternakan hidup meliputi lembu, kerbau, selembu, seladang, khinzir, bebiri, kambing, ayam, itik hidup, daging binatang ternakan dan sejuk beku termasuk bahagian dalamnya, *internal* organ, dengan izin, ikan hidup, segar, *chilled* dan sejuk beku
- (b) Sayur-sayuran, buah-buahan segar, beras, tepung, mihun, laksa, mi kuning dan kuew tiow.
- (c) Buku latihan, kamus, buku rujukan, buku kerja, kitab agama, buku kanak-kanak dan surat khabar.
- (d) Ubatan dalam senarai ubat penting nasional.
- (e) Perkhidmatan berkaitan dengan kapal laut di pelabuhan dan pesawat udara di lapangan terbang.
- (vii) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pelepasan 2014 PUA 273/2014 bertarikh 13 Oktober 2014, Kertas Statut Bilangan ST. 88. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk memberi pelepasan kepada seseorang termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, individu, pengimpor atau penyedia perkhidmatan tertentu. Antara yang diberikan status pelaksanaan termasuk penyedia perkhidmatan pendidikan swasta dan penyedia perkhidmatan kesihatan swasta ke atas perolehan peralatan yang digunakan. Antara yang disenaraikan adalah seperti berikut:
  - (a) Jabatan Kerajaan Persekutuan dan negeri, semua jenis barang kecuali petroleum
  - (b) Badan kebajikan swasta. Semua jenis barang kecuali kenderaan bermotor dan petroleum
  - (c) Pengimport barang dihantar bagi tujuan pembaikan/*repair*
  - (d) Malaysian-Thailand Joint Authority - barang bagi kegunaan sepenuhnya dalam *joint develop area* Malaysia dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 19 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST. 71 hingga ST.73, ST.86 , ST.87, ST.88 dan ST.152 tahun 2014 disahkan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas telah berlangsung selama 28 hari mulai daripada 7 Oktober 2014 sehingga 27 November 2014. Saya selaku Tuan Yang di-Pertua dan bagi pihak Timbalan-timbalan Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan walaupun ada kalanya tekanan darah saya naik dari 128 sehingga 160 atas sebab yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia sedar. *Alhamdulillah* tekanan darah saya turun ke tahap sedia kala 128 setelah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Kuala Langat yang disokong oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan setelah mendengar respons daripada Yang Berhormat Arau, selaku Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada suatu *bill* yang kita bincang sebentar tadi.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang. Akhir kata, saya mengucapkan selamat pulang dan selamat ke destinasi masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.09 malam]*